

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 38	Selasa	28 Oktober 2014
----------------	---------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 24)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
Usul Anggaran Pembangunan 2015	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 28 Oktober 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah tindakan, kesudahan, kelangsungan dan usaha Kementerian untuk Projek Penanaman Vanila yang sudah pun menampakkan hasil di Daerah Limbang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Ewon Ebin]: Ya terima kasih Yang Berhormat Limbang. Tuan Yang di-Pertua, Projek Penanaman Vanila di Kampung Merasam, Limbang telah berjaya dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Nuklear Malaysia. Kini projek ini telah berjaya menghasilkan produk akhir iaitu pokok dan juga buah vanila. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat projek ini telah dipinda pada komuniti Kampung Merasam, Limbang sepenuhnya pada bulan September 2012. Beberapa usaha dan tindakan telah dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan projek itu iaitu:

- (i) Nuklear Malaysia telah membantu komuniti bagi menyediakan kemudahan nurseri, penyediaan benih keratan batang vanila, tapak projek dan alatan pasca tuai; dan
- (ii) Nuklear Malaysia juga telah mengadakan Program Latihan Pendebungaan untuk penghasilan buah vanila, latihan pengendalian pasca tuai dan latihan penyimpanan tanaman bagi memastikan produk yang dihasilkan memenuhi standard pasaran.

Antara usaha yang telah dirancang oleh Nuklear Malaysia juga untuk terus membantu kelangsungan projek ini ialah:

- (i) Membantu melaksanakan latihan 'polinasi' ataupun dengan izin *pollination* kepada komuniti dan melatih mereka dalam kerja-kerja pendebungaan bunga untuk penghasilan buah vanila ataupun dengan izin *vanila pods*;
- (ii) Memberikan latihan dan tunjuk ajar kaedah pasca tuai ataupun dengan izin *first harvest*, pengeringan dan penggredan *vanila pods* untuk mendapatkan *vanila pods* yang berkualiti tinggi;

- (iii) Membantu dalam pembangunan nurseri vanila bagi memperluaskan tanaman vanila di Sarawak; dan
- (iv) Membantu komuniti terlibat untuk membentuk jaringan pemasaran kepada pembeli dan pengilang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI juga telah dan akan membantu agensi-agensi di bawahnya iaitu BiotechCorp dari segi menyediakan padanan perniagaan ataupun dengan izin *business matching* di antara komuniti Kampung Merasam, Limbang dengan syarikat yang berstatus bionics berdasarkan permintaan terhadap produk ataupun hasil daripada projek penanaman vanila tersebut. Usaha ini merupakan salah satu inisiatif di bawah *Bioeconomy Community Development Programme* yang akan menyokong pengkomersilan Projek Tanaman Vanila di samping untuk meningkatkan nilai tambah industri asas tani ke arah pembangunan ekonomi yang mampan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, seperti mana yang disebut tadi ada perancangan-perancangan disebut tetapi saya melihat lebih kepada apakah perancangan kerajaan yang sungguh-sungguh secara keseluruhannya akan komuniti vanila ini untuk jangka masa pendek dan panjang. Apakah masa depan industri ini komoditi ini bernilai itu sendiri di dalam negara kita dan khususnya di negeri Sarawak dan di Sabah supaya ia dapat menggalakkan komuniti lain dan pengusaha-pengusaha yang lain mahu menanam dan seterusnya menjadikannya sebagai punca pendapatan kepada komuniti-komuniti.

Dari penjualan bibit yang rendah ini dan seterusnya dapat menjayakan apabila banyak pengusaha-pengusaha mahu menanamnya melihat ia mendatangkan hasil. Maka dapat untuk menjadi diwujudkan aktiviti hiliran bernilai itu sendiri di seluruh negeri Sarawak dan Sabah. Ini sebab kalau hanya Limbang atau Kota Marudu tidak juga cukup Menteri. Saya ingin hendak bertanya apa sudah jadi dengan kelulusan RM400,000 yang telah dijanjikan yang diumumkan oleh mantan Menteri MOSTI dahulu untuk pembesaran dan kelangsungan perancangan asal penanaman vanila. Dengan izin dari *inception stage* hinggalah *marketing* yang dijanjikan kepada komuniti Kampung Merasam di Limbang. Terima kasih.

Datuk Dr. Ewon Ebin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Limbang. Pertamanya saya menyentuh dengan kelulusan yang dinyatakan tadi oleh mantan Menteri MOSTI dulu. Kerajaan telah menerima permohonan bagi membawa usaha projek komuniti Limbang ini ke seterusnya iaitu untuk meningkatkan kemudahan dan teknik pengeluaran dan juga penyelenggaraan yang sedia ada. Maka dengan itu permohonan yang dimaksudkan tadi itu sedang dinilai. Kita berharap ia akan dapat dikeluarkan dalam masa yang terdekat.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, projek yang dilaksanakan di komuniti ini bermula pada tahun 2009 dan telah selesai pada tahun 2012 iaitu sebagai sebahagian daripada fasa pertama pelan jangka pendek untuk pengeluaran bahan mentah bagi tempoh tiga dan lima tahun. Pelan berikutnya ialah untuk meningkatkan kemahiran pembangunan industri hiliran termasuk aspek pembungkusan dan produk-produk berasaskan vanila seperti manisan, minuman,

makanan dan sebagainya. Fasa ini dijangka berlangsung selama lima hingga enam tahun berikutnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, vanila memiliki peluang untuk diketengahkan di kalangan petani dan juga pengusaha perladangan di Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak. Sekiranya projek komuniti di atas berjaya dilaksanakan sehingga peringkat pengeluaran hiliran, hasil sebanyak kira-kira RM1.8 juta setahun boleh diperolehi iaitu dalam kawasan tiga ekar yang ada di Kampung Barasam.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu dan cabaran perlu diatasi terlebih dahulu sebelum ini berlaku. Pertama ialah mengenai dengan kemahiran petani mengenai dengan penanaman vanila ini. Saya difahamkan bahawa ramai juga yang telah mencuba untuk menanam vanila tetapi tidak berjaya oleh kerana tidak ada kemahiran. Jadi oleh yang demikian, maka Nuklear Malaysia akan cuba untuk membantu petani-petani ini dari segi teknik macam mana kita menanam vanila oleh kerana masalah-masalah yang timbul. Jadi, inilah perkara-perkara yang kita akan lakukan.

Kedua ialah mengenai dengan penyakit vanila ini yang dipanggil sebagai ancaman penyakit *fusarium*. *Fusarium* ini penyakit vanila di mana *root* dia *rotten*. Bila sudah *rotten*, maka vanila itu akan mati. Jadi apa yang kita lakukan di sini, Nuklear Malaysia juga membuat percubaan menggunakan *tissue culture* untuk mengeluarkan benih yang bermutu tinggi. Jadi ini kita percaya akan mengurangkan serangan penyakit terhadap vanila.

Ketiga ialah mengenai dengan kos penanaman awal. Pada masa kini, harga satu pokok benih vanila ialah di antara RM30 hingga RM50. Jadi kalau ini berlaku, maka sudah pastilah kebanyakan petani yang berminat untuk menanam vanila ini tidak mampu untuk membeli bibitnya. *It's too expensive*. Jadi oleh yang demikian, kita juga menyarankan kepada Nuklear Malaysia untuk menghasilkan bibit vanila yang bermutu tinggi dan yang murah harganya supaya kebanyakan petani yang berminat khususnya di Sabah dan Sarawak ini akan mampu untuk membeli bibit tersebut.

Jadi, inilah tindakan-tindakan yang kita ambil untuk membantu dalam mengembangkan industri vanila ini. Dari segi hiliran nanti kita juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti WealthyCorp dan juga *company* yang berstatus BioNexus untuk membeli atau memproses hasil vanila ini. *Thank you*.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang berminat kerana bila dengar vanila ini satu produk baru yang mungkin, *insya-Allah*, akan datang boleh dikembangkan ke seluruh Malaysia.

Soalan saya, laporan yang saya baca, Sarawak dalam tahun 2012 mengeluarkan 1,600 metrik tan tetapi nilainya agak tinggi iaitu RM87 juta. Itu yang menarik sangat itu. Adakah harga vanila ini mahal... [Disampuk] 1,600 metrik tan, RM18,000? Oh.

Jadi soalan tambahan saya, apabila Yang Berhormat Menteri menyebut Nuklear Malaysia membantu penyelidikan ini, adakah selain daripada tisu kultur, mereka juga melaksanakan projek *mutation breeding* untuk mencari benih yang terbaik, pertama, dan kedua dari segi yang dikatakan akar yang *rotten* tadi, adakah dengan *sterilization* dan sebagainya maka pokok tadi boleh dihindari dari segi serangan penyakit? Terakhir,

bagaimana pemasaran vanila ini di pasaran tempatan dan adakah di Semenanjung Malaysia ini ada ditanam juga vanila? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Ewon Ebin: Terima kasih soalan tambahan tadi itu. Berhubung dengan harga jualan vanila, ia merupakan satu harga yang menarik. Kalau kita tengok harga pasaran vanila, harga vanila kering bagi tahun 2013 ialah di antara RM250 hingga RM400 satu kilogram bagi vanila kering, *dry pod*. Manakala harga ekstrak pula iaitu *vanilla oil* ialah RM10,000 satu kilogram. Jadi kalau sekiranya saya boleh bagi penerangan di sini, kalau kita ada 100 kilogram *dry pod*, kita boleh ekstrak *about one kilogram of vanilla oil*. Ini bererti bahawa kalau ada 100 kilogram *dry pot*, *then* harga yang kita peroleh ialah lebih kurang RM10,000 setong. Cukup lumayan.

Berhubung dengan persoalan yang kedua daripada Yang Berhormat tadi sama ada Nuklear Malaysia akan menggunakan teknik *mutation breeding* untuk yang pertama ialah untuk mengeluarkan benih yang bermutu tinggi dan juga mengurangkan penyakit ini, sepertinya, inilah yang sedang dilakukan oleh Nuklear Malaysia. Mereka ada satu plot di Agensi Nuklear untuk membuat penyelidikan mengenai dengan perkara ini. Jadi kalau ini berjaya, maka ini kita gunakan untuk tanaman vanila yang seterusnya.

Ketiga mengenai dengan pasaran vanila ini, saya fikir ini tidaklah merupakan sebagai persoalan yang serius oleh kerana sebetulnya *supply* vanila kepada pasaran tempatan terlalu sedikit. *You need to supply only 30% of the demand*. Saya fikir pasaran itu adalah masih luas untuk penanam-penanam vanila. Sekian.

2. Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peruntukan pusat yang telah diberikan kepada negeri Sarawak untuk segala pembangunan negeri Sarawak dalam 5 tahun yang lepas. Berapakah jumlah peruntukan untuk segala pembangunan yang telah disalurkan ke kawasan Parlimen Sarikei dalam 5 tahun yang lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, kita hendak mengalu-alukan anak-anak dari Sekolah Menengah Sungai Besi, kalau saya tidak silap, yang datang ke sini untuk mencari ilmu dan mereka tidak terlibat dengan benda-benda yang boleh merugikan masa depan. Terima kasih, tahniah. *[Tepuk]* Inilah warga Malaysia masa depan yang dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Sarikei, daripada Januari 2010 hingga 28 September 2014, sebanyak RM19.78 bilion peruntukan pembangunan telah diluluskan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri Sarawak dan sebanyak RM312.42 juta peruntukan pembangunan telah disalurkan ke kawasan Parlimen Sarikei dalam tempoh tersebut. Peruntukan yang diberikan adalah bertambah pada setiap tahun.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang ringan. Pada Pilihan Raya Umum Ke-13, semasa Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin melawat Sarikei, beliau mengumumkan untuk memberi peruntukan sebanyak RM45 juta bagi membina jalan raya dari Sarikei ke Tanjung Manis.

Soalan saya ialah sudahkah peruntukan yang beliau janjikan itu ditunaikan? Mengapa sampai sekarang belum nampak projek ini dimulakan? Sila jelaskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh, *no problem*. Ini untuk makluman Yang Berhormat sebab Yang Berhormat mungkin terlampau sibuk berpolitik tetapi terlupa tengok peruntukan yang telah diberi kepada Sarikei. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat untuk Sarikei bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, tahun 2010 kita bagi RM35.1 juta, 2011 RM65.8 juta, 2012 RM37.5 juta, 2013 RM81.6 juta dan 2014 RM92.1 juta.

Saya tidak pasti sama ada ia termasuk atau pun tidak. Dari segi pelaksanaan untuk Sarikei, semua projek yang dalam perancangan cuma satu. Saya tidak pasti sama ada satu ini termasuk sana atau pun tidak. Dalam pelaksanaan ada empat dan siap sepenuhnya 20. Jadi Yang Berhormat, Sarikei adalah di antara kawasan yang memberi perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Kalau dilihat secara keseluruhan, peruntukan yang diberikan di Sarawak termasuk Sarikei adalah di antara yang terbaik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan soalan spesifik. Saya panggil Yang Berhormat Kinabatangan itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, spesifik ini Tuan Yang di-Pertua sebab saya terpanggil dengan bantuan. Soalan tambahan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri mungkin sedar bahawa perbincangan bajet baru-baru ini rata-rata pihak pembangkang menyatakan tidak ada pembangunan untuk kawasan pembangkang tetapi jelas tadi di Sarikei beratus-ratus juta. Jadi saya mahu tahu pula berapa peruntukan di Kinabatangan? Berapa juta untuk tahun 2014 dan program perancangan untuk 2015? Adakah Yang Berhormat Kinabatangan juga ada peruntukan macam Sarikei itu? Sarikei ini pembangkang tetapi kerajaan bagi juta-juta.

Seorang Ahli: Tidak cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak cukup, tidak bersyukur. Jadi, berapa di Kinabatangan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ditakdirkan ada jawapan di sini. Untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, Sabah dan Sarawak saya ada di sini sebab tiap-tiap minggu berada di Sabah dan Sarawak. *I spend more time than* pembangkang. Rancangan Malaysia Kesepuluh kita ada RM17.75 bilion untuk Sabah. Kinabatangan sahaja RM370.4 juta. Untuk 2014, Sabah kita bagi RM3.479 bilion dan Kinabatangan kita bagi RM75.1 juta. Akan tetapi kalau dibandingkan Sarikei, Sarikei dapat lebih banyak dari Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak adil Sarikei RM92 juta, saya RM70 juta lebih. Mana boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini hendak tunjukkan bahawa betapa kerajaan memberi keadilan. Malah kawasan pembangkang. Kinabatangan ini ialah di antara penyokong kerajaan yang setia tetapi dapat kurang dari Sarikei yang menentang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tanya sangatkah ini? Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang beritahu bahawa Kinabatangan dapat sedikit dari Sarikei. *Insyah-Allah* Kinabatangan akan dapat banyak kalau jatuh pada pembangkang. *[Ketawa]* *Insyah-Allah*, saya percaya bahawa kerajaan akan memperuntukkan lebih besar kepada kawasan-kawasan pembangkang.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sejauh mana kerajaan dalam memberikan peruntukan yang begitu banyak kepada Sarawakkah, kepada Sabah berbilion-bilion disebutkan tadi ini untuk memastikan bahawa peruntukan pembangunan itu betul-betul dapat memberikan kesan kepada meningkatkan taraf hidup rakyat dari segi ekonomi, dari segi taraf pendapatan dan sebagainya. Sebab kalau kita lihat Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional pun sering mengkritik, menegur dan meminta daripada pihak kerajaan kerana ketidakcukupan yang berlaku kepada negeri-negeri ini dan juga taraf hidup rakyat yang masih jauh ketinggalan walaupun peruntukan yang begitu banyak diberikan ke Sarawak dan juga Sabah.

Jadi, ini yang harus dilihat. Kalau tidak nanti tidak ada erti. Banyak pembangunan tetapi akhirnya dia tidak memberikan limpahan nikmat itu untuk meningkatkan taraf hidup pendapatan rakyat.

Kedua, akhirnya sekali ialah sejauh mana pula dalam tempoh lima tahun itu berapa hasil pungutan cukai, hasil pungutan cukai pendapatan, pungutan cukai korporat, petroleum dan hasil minyak petroleum dan gas ini yang diperolehi daripada Sarawak itu kepada kerajaan dikutip oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kalau secara kebetulan ditakdirkan tidak ada jawapan depan Yang Berhormat Menteri, tidak payah jawablah kerana soalan itu terlampau jauh melencong daripada soalan asal. Akan tetapi kalau ditakdirkan ada juga depan Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ditakdirkan jawapannya ada. *[Ketawa]* Akan tetapi oleh kerana soalnya agak jauh yang menyentuh kementerian-kementerian yang lain, maka saya minta notis untuk soalan tersebut. Akan tetapi sebelum itu untuk pembedaan *insyah-Allah* untuk Kinabatangan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti berdasarkan permohonan ia akan dapat projek melambung-lambung banyaknya. Lebih banyak daripada yang telah diberikan.

Berhubung dengan apa Yang Berhormat sebut, kawan-kawan di Sabah dan Sarawak ini untuk dibandingkan dengan Semenanjung bahawa sana lebih luas dan lebih besar daripada Semenanjung. Sarawak lebih besar daripada Semenanjung sebagai contoh. Jadi, kalau pembinaan jalan di Semenanjung satu kilometer di sana tentulah mengambil kira berpuluh-puluh kilometer. Itu perbezaannya. Akan tetapi hasil sumbangan kerajaan persekutuan lebih banyak daripada tuntutan yang dibuat oleh sesetengah pihak. Sumbangan kerajaan persekutuan ini, saya sebutkan di sini daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga sepuluh sumbangan kita lebih banyak daripada apa yang kita minta. Kerajaan Persekutuan bagi lebih banyak lagi.

Kalau hendak tengok taraf hidup, Sarawak dahulu yang merupakan yang penghabis. Perlis *second last*. Saya masih ingat lagi Kelantan *third*. Sekarang ini Sarawak sudah

berada di hadapan dengan tiga negeri maju yang utama sebagai contoh. Jadi, ini menunjukkan bahawa bukan sahaja pembangunan yang dibuat tetapi limpahan kepada pembangunan itu datang kepada rakyat Sarawak.

Kalau kita pergi khusus kepada rakyat Sarawak dia berlainan daripada Semenanjung. Di sana sekurang-kurangnya mereka ada pendapatan asas dari ladang sawit dan mereka boleh bekerja di sana. Di sana kita lihat di antara pekerja luar yang paling kurang ialah di Sabah dan Sarawak. Orang tempatan menyertai peluang pekerjaan di sana dibandingkan di sini. Di sini yang paling banyak sekali pendatang yang mengambil alih kerja-kerja orang di sini. Jadi, pada keseluruhannya limpahan pembangunan telah memberi pendapatan yang lebih baik kepada orang Sarawak dan juga orang Sabah.

Apa yang ditimbulkan oleh kawan-kawan di sana benda-benda yang khusus contohnya dia kata jalan ini belum siap, lampu belum siap. Akan tetapi itu bukan menggambarkan negeri itu secara keseluruhan. Banyak tempat dan pelaksanaan projek. Di Sarawak adalah di antara tempat terbaik sebab saya bagi khusus kepada Sarawak. Pelaksanaan projek yang dilaksanakan di Sarawak adalah di antara yang terbaik sebab projek siap lebih banyak daripada projek yang dalam pelaksanaan dan projek yang lewat jadual hanya 23 daripada 1,005 projek yang telah disiapkan. Ini menunjukkan bahawa kalau Yang Berhormat ada peluang pergi ke Sarawak, Yang Berhormat melihat bahawa keadaan hidup di Sarawak adalah berlainan daripada di Semenanjung termasuk Pokok Sena.

3. Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak peruntukan diberi kepada pejabat pelajaran di setiap daerah di negeri Sarawak untuk membaik pulih sekolah-sekolah di luar bandar yang sering kali meminta peruntukan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk membantu mereka sedangkan peruntukan Ahli-ahli Parlimen amatlah sedikit untuk dibahagikan kepada mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memastikan pengagihan peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan untuk memastikan sekolah-sekolah berada dalam keadaan yang kondusif dan pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan sempurna.

Memang tidak dapat dinafikan masih ada terdapat beberapa sekolah di Sarawak masih daif dan uzur termasuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menurunkan peruntukan berjumlah RM5.09 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada bulan Januari 2014 bagi kerja-kerja penyelenggaraan kecil di sekolah-sekolah yang memerlukan. Tambahan peruntukan sebanyak RM10.4 juta lagi telah diturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada bulan Mei 2014 di bawah pakej rancangan khas.

Pengagihan peruntukan ini adalah berdasarkan kemampuan kewangan semasa dan dilaksanakan secara berfasa kepada sekolah-sekolah yang dipilih berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan yang lebih mendesak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiap kali saya dipanggil atau diminta oleh PIBG sekolah-

sekolah untuk membantu mereka mengumpul dana untuk membaiki baik pulih sekolah, dewan, asrama dan rumah guru. Ada guru sampai tinggal berkongsi satu bilik empat orang. Jadi, ada sekolah, ada guru-guru dari Semenanjung yang dihantar ke Sarawak datang mengajar di luar bandar di mana keadaan sekolah yang begitu daif dan mereka kurang bersemangat dan mahu balik ke Semenanjung.

Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian mengguna pakaikan supaya perancangan untuk membaik pulih sekolah yang betul-betul daif dan memperuntukkan peruntukan lebih besar selepas itu kita buat satu sekolah lagi supaya tidak sikit, sikit, sikit *repair*, tidak nampak, sekolah itu tidak nampak dibaik pulih. Jadi saya cadangkan supaya kementerian memeriksa inventori sekolah-sekolah yang betul-betul sudah daif dan perlu diambil tindakan seperti asrama, tempat dewan makan dan kuarters untuk cikgu-cikgu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014 sahaja, peruntukan belanja mengurus bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil OS28000 institusi pendidikan dan kuarters, institusi pendidikan, di Sarawak sahaja, kementerian telah membelanjakan lebih kurang RM5 juta. Ini untuk pembaikan kuarters-kuarters, institusi-institusi pendidikan dan sebagainya.

Selain daripada itu, kementerian juga setakat ini bagi tahun ini, Belanja Mengurus B.41 sebanyak RM208 juta telah kita agihkan untuk dipakai guna kepada 783 sekolah manakala dalam pakej rancangan khas sebanyak RM18.775 juta juga telah pun diperuntukkan untuk 482 sekolah. Jumlah RM226.775 juta telah pun diagihkan untuk 1,265 sekolah di Sarawak daripada jumlah 1,451 sekolah yang ada di Sarawak. Ini memandangkan banyak sekolah telah kita bantu dan kita tidak akan duduk dan kata cukup, tak pernah sama sekali.

Kita masih meneruskan cara-cara bagaimana kita dapat menambah baik bantuan-bantuan ini daripada masa ke masa dan ini merupakan di antara anjakan yang paling penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang mana Anjakan VI mengatakan mengupayakan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan dan secara spesifik memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang tahun 2015 bermula dengan Sabah dan Sarawak. Ini termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 10 perkara penting akan kita teliti sebelum melihat apa keperluan untuk sekolah-sekolah ini:

- (i) struktur fizikal. Ini merupakan cara bagaimana kita memastikan kerja-kerja ini dilakukan. Struktur fizikal, sama ada bumbung, dinding, pendawaian dan cat dan sebagainya;
- (ii) bilik darjah yang memenuhi nisbah 15 hingga 20 kaki persegi, seorang murid;
- (iii) tandas yang memenuhi nisbah satu mangkuk tandas kepada 50 murid;
- (iv) 12 jam elektrik kecuali bagi sekolah berasrama yang memerlukan 24 jam;

- (v) bekalan air terawat yang selamat diminum;
- (vi) satu meja dan kerusi setiap murid;
- (vii) satu ruang kerja setiap guru;
- (viii) satu papan putih atau papan hitam setiap bilik darjah;
- (ix) sekurang-kurangnya 20 murid setiap alat ICT di semua sekolah; dan
- (x) sambungan internet dengan kelajuan sekurang-kurangnya 2 Mbps.

Semua ini dalam fasa pertama, sebelum tahun 2015 tahun depan, kita akan cuba selesaikan sebaik boleh dengan peruntukan yang telah dibekalkan kepada kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, lima hari yang lalu, Ketua Menteri Sarawak, Adenan Satem, dia telah memberi peruntukan kepada 14 buah sekolah Cina di Sarawak, sebanyak RM3juta. Dia kata dia akan buat begitu tiap-tiap tahun. Jadi soalan saya kepada Kementerian Pendidikan, adakah kerajaan akan membuat peruntukan kepada sekolah aliran Cina sebagai polisi tiap-tiap tahun untuk memberi RM3 juta kepada sekolah aliran Cina di Sarawak dan juga di negeri-negeri lain. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang telah mengagihkan peruntukan tersebut kepada sekolah-sekolah Cina di Sarawak. Cadangan diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi akan saya teliti dan kita akan cuba berusaha untuk melaksanakannya. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, lain kali ada suara begitu lagi, kalau dia mahu berbahas atau apa, saya tak panggil. *[Disampuk]*

[Soalan No.4 – Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum sampai ke soalan saya, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab. Tadi saya dengar jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan Sarikei dan juga Kinabatangan mendapat peruntukan yang lebih. Harap-harap Menteri Luar Bandar dapat memberikan lebih lagilah untuk Libaran. Soalan saya no.5.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Menteri menjawab, saya ingatkan kembali, dalam sesi soal jawab, apabila nama dipanggil, berdiri sahaja dan sebut apa soalan dan begitu juga Menteri, jangan lagi ada bunga-bunga. Saya tidak akan benarkan lagi perkara-perkara seperti begitu. Sila Yang Berhormat Menteri.

5. Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan pencapaian prasarana bagi kemajuan luar bandar dan wilayah yang dicapai bagi negeri Sabah terutama bagi Parlimen Libaran dalam Rancangan Malaysia ke-8, Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh pelaksanaan program-program pembangunan prasarana asas luar bandar di bawah

National Key Result Area (NKRA) yang bermula pada tahun 2010 sehingga kini, satu majlis *open day* yang telah dihadiri sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin di peringkat persekutuan dan negeri Sabah telah diadakan pada 21 hingga 22 Januari 2010 di Kota Kinabalu dengan tujuan untuk memaklumkan kepada umum akan perancangan pelaksanaan projek-projek yang sedang dan akan dibuat khusus untuk negeri Sabah dan perkara yang sama dilakukan untuk negeri Sarawak.

■1040

Senarai projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui proses konsultasi bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan agensi-agensinya di peringkat negeri. Sejak Rancangan Malaysia Kelapan sehingga kini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM11.1 bilion untuk pelaksanaan projek-projek prasarana di negeri Sabah.

Peruntukan yang disalurkan ini merupakan yang kedua tertinggi selepas negeri Sarawak. Bagi Parlimen Libaran sahaja, sebanyak 274 buah projek yang melibatkan peruntukan sejumlah RM149.48 juta telah dan sedang dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kelapan sehingga kini. Projek-projek ini melibatkan projek jalan luar bandar, jalan perhubungan desa dan juga projek bekalan air luar bandar. Dalam masa yang sama, kementerian juga ada menyediakan sebuah Maktab Rendah Sains Mara dengan kos peruntukan RM87.3 juta dan Pusat GIATMARA dengan kos RM3.1 juta untuk kegunaan dan kemudahan masyarakat setempat.

Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan prasarana yang lengkap bagi memberikan kehidupan yang sempurna kepada penduduk luar bandar. Pencapaian pelaksanaan prasarana di peringkat negeri Sabah amatlah menggalakkan dan saya yakin saya juga telah menjawab soalan yang dibangkitkan awal oleh Ahli Parlimen kawasan Libaran bahawa peruntukan di kawasan Parlimen Libaran jauh lebih tinggi berbanding dengan Sarikei.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pembangunan di luar bandar ini sememangnya mengubah landskap keadaan di kawasan luar bandar. Ia tidak ketinggalan di kawasan Parlimen Libaran. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rancangan kementerian membantu penduduk luar bandar khususnya di Parlimen sayalah, menaik taraf hidup rakyat di kawasan luar bandar ini terutama sekali program-program yang berteraskan pembangunan modal insan seperti RBC ataupun PLKK? Melalui bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin tahu, apakah Pelan Pembangunan Fizikal yang dirancang oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah terutama sekali seperti **Jalan SPS 3** ke Tanjung Semawang dan juga Jalan Padas ke Tanjung Pisau Selasa. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Parlimen dari Libaran. Soalan tambahan berhubung kait dengan pembangunan di kawasan luar bandar ini bukan hanya berbentuk pembangunan fizikal. Kita juga adunkan pembangunan insan

manusia untuk membolehkan supaya kita dapat tingkatkan keupayaan masyarakat luar bandar. Contohnya dalam bidang pembangunan insan manusia, pada keseluruhannya kita telah memperuntukkan sejumlah untuk peringkat negeri Sabah sahaja, RM14.6 juta yang membabitkan latihan-latihan di bawah kementerian termasuk bukan hanya di ibu pejabat bahkan juga menerusi GIATMARA, menerusi agensi-agensi seperti MARA dan termasuk FELCRA dan RISDA, di mana kita melatih masyarakat luar bandar bukan hanya dalam bentuk menerapkan ilmu keupayaan mereka, *upskilling* mereka supaya mereka ini akan dapat memasarkan hasil daripada ilmu yang mereka peroleh.

Hasilnya kita dapati bahawa ada masyarakat luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli pun setelah mereka mempunyai ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang. Contohnya dalam bidang kren operator yang dahulu anak-anak kita di peringkat luar bandar tidak mempunyai pekerjaan. Setelah mempunyai kemahiran ini, maka mereka mendapat tempahan pekerjaan yang dahulu tidak ada pendapatan sebulan dan pada hari ini telah pun mendapat pendapatan sebulan mencecah sehingga RM4,000 ke RM6,000 oleh kerana sudah ada kemahiran yang kita laksanakan.

Ini termasuk di kawasan Parlimen Libaran di mana belia-belia kita, kita latih dalam usaha untuk pembangunan jalan-jalan seperti yang dipohon. Memang itu merupakan di antara penumpuan yang kita lakukan. Di Libaran ini sahaja, saya hendak sebut, ya dari segi projek jalan-jalan. Contohnya jalan di kawasan luar bandar di Libaran, cukup banyak yang kita ada laksanakan Jalan Gum Gum Kecil sebanyak RM2.5 juta, Jalan Settlement, Jalan Blok 18, Jalan Simetri, Jalan Sinking, Jalan Haji, Jalan Kampung Jawa, Jalan Cina, Kampung Padas, Blok 25, Blok 26, *Connector*, dan Jalan Harapan yang menelan belanja hampir RM62.5 juta dan ini permohonan tambahan, ya. Kalau peruntukan menggalakkan seperti yang kita bentangkan di Parlimen yang sedang kita bahaskan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* itu merupakan di antara usaha dan matlamat kita untuk tidak menidakkan permohonan-permohonan yang dituntut bukan hanya oleh pimpinan bahkan juga rakyat di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan prasarana Sabah khusus untuk Yang Berhormat Libaran. Saya harap soalan Yang Berhormat ada kaitan dengan soalan asal, sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Ini bukan Libaran sahaja Tuan Yang di-Pertua. Soal Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Dalam Bajet 2015 ini, peruntukan sebanyak RM900 juta diperuntukkan untuk naik taraf jalan luar bandar. Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan peruntukan yang RM900 juta sahaja ini? Ini kerana di negeri Sabah untuk menaik taraf jalan luar bandar, kita mempunyai lebih 5,000 kilometer lagi. Di kawasan saya di Parlimen Tuaran pun masih ada lagi 200 kilometer memerlukan lebih kurang lebih RM200 juta lagi. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat meminta lagi tambahan untuk peruntukan ini untuk memastikan supaya kita dapat mempercepatkan lagi naik taraf jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Parlimen Tuaran yang membangkitkan persoalan mungkin bukan fasal puas hati, mungkin sama ada peruntukan cukup ataupun tidak. Kalau kita melihat daripada permohonan yang kita kemukakan memang jauh lebih banyak daripada apa yang diluluskan tetapi menyedari hakikat bahawa pembangunan yang ada di kawasan luar bandar bukan hanya berbentuk pembinaan jalan. Ada juga yang berbentuk untuk pembinaan sekolah, untuk membolehkan anak-anak masuk ke sekolah, dan juga pembinaan hospital kerana kita sedar dan tahu bahawa banyak masyarakat luar bandar yang memerlukan rawatan-rawatan.

Jadi dalam keadaan kita menuntut jumlah yang besar, kita juga harus akur tentang mengimbangi keperluan rakyat di peringkat kawasan luar bandar. Maka dengan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, bila mana mengambil langkah untuk memperkenalkan GST ini, kita berharap akan ada penambahan hasil kerajaan dan kita yakin bila ada penambahan hasil yang akan diperolehi, maka adalah penambahan dari segi peruntukan dapat diagih-agihkan untuk memastikan supaya pembangunan khususnya kemudahan prasarana ini dapat kita tingkatkan.

Saya yakin, sedar, dan tahu Yang Berhormat Tuaran telah banyak mengemukakan beberapa permohonan. Kita akan lihat bagaimana dari segi keupayaan kementerian kerana kita sedar RM940 juta peruntukan itu kalau contoh di Kinabatangan sahaja buat jalan, satu batang jalan itu menelan belanja mungkin dalam lingkungan RM40 juta hingga RM70 juta. Dia pohon lima batang jalan yang di Kinabatangan contohnya dan lima batang itu menelan belanja mungkin dalam lingkungan RM500 juta, cuma satu kawasan Parlimen sahaja. Kita sedar dan tahu pengagihan ini perlu kita selaraskan dan kita yakin bahawa dengan adanya hasil yang bertambah pada masa yang mendatang ini, maka peruntukan akan dapat kita salurkan. Itu yang dimaklumkan kepada saya oleh Yang Amat Berhormat selaku Menteri Kewangan. Terima kasih.

6. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat menyatakan apakah status "*gender responsive budgeting*" yang dicadangkan tahun lepas dalam Belanjawan 2014.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, *gender responsive budgeting* bertujuan memastikan kesaksamaan gender yang berterusan dalam perancangan dan pembangunan negara. *Gender responsive budgeting* mengambil kira impak yang berbeza terhadap kumpulan sasaran yang meliputi perbezaan jantina, kanak-kanak lelaki dan perempuan, kumpulan umur, pendidikan, pendapatan, bandar dan luar bandar. Status program dan inisiatif yang telah dirangka menggunakan pendekatan *gender responsive budgeting* di bawah Bajet 2014 untuk membolehkan wanita mendapat peluang yang saksama.

■1050

Antaranya ialah seperti berikut, bagi membolehkan wanita mengimbangi komitmen antara keluarga dan kerjaya kerajaan menggalakkan majikan melaksanakan *Scheme Flexible Work Arrangements* yang mana perbelanjaan latihan dan *fee consultancy* yang ditanggung

oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberikan potongan cukai tambahan. Buat masa ini, TalentCorp Malaysia merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan permohonan cukai tambahan bagi syarikat yang melaksanakan *Scheme Flexible Work Arrangement* sebelum dipanjangkan ke Kementerian Kewangan. Bagi menggalakkan penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor korporat pula, Program Pengarah Wanita diteruskan untuk menyetujui wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Dari Januari sehingga September 2014, seramai 190 orang calon ahli lembaga pegawai wanita telah dapat dilatih dan 62 orang telah dilantik dalam lembaga pengarah. Bagi membolehkan lebih ramai wanita memasuki dan kekal dalam pasaran pekerjaan pula, bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan diberikan kepada ibu bapa di bawah pendapatan bulanan per kapita tidak melebihi RM900 yang menghantar anak-anak ke taska swasta yang berdaftar dengan JKM. Langkah ini dijangka dapat memanfaatkan seramai 3,334 kanak-kanak di bawah usia empat tahun dengan peruntukan RM15 juta.

Dari Januari hingga Ogos 2014, bantuan yuran taska ini telah dimanfaatkan untuk 2,361 orang kanak-kanak. Di samping itu *gender responsive budgeting* juga diaplikasi kepada Bajet 2014 dalam pemberian perkhidmatan kesihatan. Bagi golongan wanita program-program berikut telah pun dimulakan iaitu pemberian percuma alat bantuan sokongan prostesis luaran payu dara dan coli khas kepada pesakit kanser payu dara dengan peruntukan berjumlah RM9 juta yang dapat memanfaatkan lebih 8,000 orang pesakit kanser payu dara. Daripada Januari hingga Ogos 2014, sebanyak 6,000 permohonan telah dikenal pasti layak untuk diberikan alat bantuan sokongan prostesis luaran payu dara dan juga coli khas.

Pengurusan perkhidmatan suntikan imunisasi *Human Papilloma Virus* (HPV) dan pemeriksaan ujian mamogram yang sedia ada. Dari Januari hingga Ogos 2014 seramai 60,392 orang wanita dalam menerima suntikan imunisasi HPV dengan 159,960 dos vaksin telah digunakan. Daripada segi *gender responsive budgeting* di peringkat kementerian dan agensi pula Pekeliling Perbendaharaan PB1.3/2013 garis panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2015 merupakan garis panduan terkini bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2015. Pekeliling tersebut menekankan kepentingan pendekatan analisis gender. Dalam hal ini kementerian dan agensi telah diminta memastikan analisis keperluan pelanggan mengambil kira impak yang berbeza terhadap kumpulan sasaran masing-masing dalam perancangan sebarang program aktiviti dan peruntukan bajet. Isu gender harus dikaitkan dengan analisis masalah, keperluan pelanggan dan *outcome*.

Garis panduan ini merupakan kesinambungan daripada arahan Kementerian Kewangan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan sejak tahun 2004 yang mewajibkan penyediaan bajet mengurus bagi program-program tertentu menggunakan pendekatan analisis gender. Terdapat empat buah kementerian, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah telah menjadi perintis kepada pelaksanaan *gender responsive budgeting* dan kini

semua kementerian dan agensi perlu melaksanakan *gender responsive budgeting* selaras dengan arahan dan pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan, terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan definisi *gender responsive budgeting* dengan izin mengikut *United Nations Women* dengan izin '*Gender responsive budgeting is government planning programming and budgeting that contributes to the advancement on gender quality and to fulfillment of women's rights.*' Saya harap pihak kementerian dapat menyatakan jumlah peruntukan kerajaan negeri yang mempraktikkan *gender responsive budgeting* dalam belanjawan masing-masing serta kerajaan tempatan yang telah mengagihkan peruntukan bagi *gender responsive budgeting* dan memandangkan negeri Pulau Pinang telah mendahului dengan implementasi *gender responsive budgeting* dalam kerajaan tempatan MPPP dan MPSP.

Tambahan sedikit Tuan Yang di-Pertua sebab kaum wanita merangkumi lebih separuh daripada populasi di negara ini. Pada tahun 2005 Mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Wanita pada masa itu Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil sudah pun membuat kenyataan bahawa Malaysia akan mengimplementasikan *gender responsive budgeting*, tetapi nampaknya inisiatif ini bermula tahun lepas sahaja. Mengapa mengambil begitu masa yang lama untuk mengimplementasikan sesuatu yang benar-benar yang menjadi satu keperluan bagi kaum wanita di Malaysia. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat yang membukakan soalan dan soalan tambahan. Di peringkat negeri-negeri, oleh kerana seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa sekarang ini kita baru memulakan di peringkat Kerajaan Persekutuan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi di peringkat persekutuan. Saya telah sebutkan tadi ada beberapa kementerian yang telah menjadi kementerian rintis kita yang mana telah pun memulakan program ataupun *gender responsive budgeting* ini. Kita telah melihat daripada bajet yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 ini yang mana saya sebut dalam jawapan saya tadi beberapa perkara yang telah dilaksanakan. Seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa antara cara untuk dapat kita melaksanakan *gender responsive budgeting* ini ialah pertama kita perlu ada data, Gender-Disaggregated Data.

Setakat ini kita telah dapat makluman daripada kementerian misalnya daripada Kementerian KKLW bahawa mereka telah memulakan *Gender-Disaggregated Data*. Ini adalah penting kerana selepas kita dapat data tersebut barulah perancangan dapat dibuat mengikut aktiviti yang berdasarkan bukti yang kukuh ataupun *evidence base*. Dengan ini selepas ini nanti apabila kita dapat data-data dan *evidence* yang disediakan, maka kementerian-kementerian boleh melaksanakan aktiviti mereka ataupun mengatur merancang aktiviti mereka mengikut keperluan bukti yang sahih dan mereka *translate* kepada bajet di kementerian masing-masing. Di peringkat negeri itu, mungkin selepas ini kita akan melihat mengenal pasti supaya pastikan negeri-negeri juga mengambil kira *gender responsive budgeting* ini. Saya ingin menyatakan bahawa adalah tidak betul pada tahun lalu sahaja *gender responsive budgeting* ini. Seperti yang saya katakan tadi kita telah pun ada program kementerian yang kita adakan secara rintis ini, ertinya dia sudah berjalan.

Apa-apa pun yang mahu dilaksanakan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri kita perlu ada projek rintis dahulu. Daripada itu kita akan melihat bagaimana pencapaiannya, kejayaannya dan kemudian baru kita boleh *replicate* kepada kementerian-kementerian yang lain. Ingin saya nyatakan di sini bahawa sekarang ini sudah adapun pekeliling yang saya sebutkan tadi meminta kepada semua kementerian dan agensi mereka perlu mengambil kira gender analisis apabila mereka menyediakan bajet mereka. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memberikan bimbingan apabila mereka meminta bantuan daripada kita bagi memastikan bajet yang mereka laksanakan itu mengambil kira gender analisis. Jadi dia sudah memang berjalan Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan, GRB ini gender ini baru dilaksanakan, kalau kita lihat suara wanita untuk membantu kaum wanita cukup hebat di seluruh negara. Soalan saya mudah sahaja, berapakah jumlah yang telah dibantu kepada bapa-bapa tunggal untuk program yang dilaksanakan ini kerana takkanlah wanita sahaja yang dibantu. Bapa tunggal pun ramai yang laih juga. Minta penjelasan daripada pihak kementerian.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat, saya mahukan kepastian. *Gender responsive budgeting* ini *applicable to* wanita *only or to men also*?

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *From what it's defined* Tuan Yang di-Pertua, *it also for men*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sila.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya sebut tadi bahawa *gender responsive budgeting* ini mengambil kira gender analisis bukan sahaja jantina iaitu wanita, lelaki tetapi ia juga mengambil kira umur, kedudukan di luar bandar dan juga status ataupun strata kumpulan masyarakat kita ini.

Jadi saya tidak ada *figure* di sini yang mengatakan berapakah yang kita sediakan untuk bapa tunggal Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita mengucapkan terima kasih. Kita sebenarnya tidak melupakan, kalau di kementerian kita, kita tidak melupakan kumpulan kaum bapa ini kerana kita menjaga masyarakat. Kalau kementerian kita, kita menjaga keseluruhan masyarakat. Jadi masyarakat termasuk jugalah bapa tunggal, jika kalau bapa tunggal ini ada keperluan, mereka boleh datang ke kementerian kita untuk mendapatkan bantuan *in terms of* apa sahaja. Kalau hendak dicarikan ibu tunggal pun, boleh juga tetapi tidak tahulah kalau ibu tunggal setuju atau tidak. Jadi hari ini saya tidak ada *figure* nya *in terms of* amaunnya.

7. **Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar dan strategi kerajaan untuk menyediakan satu insurans kesihatan seperti *Obama Care* terutamanya bagi rakyat yang miskin supaya mereka juga dapat perlindungan insurans yang boleh diterima oleh mana-mana hospital kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan pertanyaan ini bersekali dengan dua soalan yang lain iaitu daripada Yang Berhormat Klang pada hari ini dan pada 17 November, Yang Berhormat Cheras.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dengan perbelanjaan kesihatan pada kadar 4.3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK, Malaysia telah mencapai status kesihatan penduduk yang setanding negara maju dengan mutu perkhidmatan kesihatan yang bertaraf antarabangsa. Terdapat dua sistem kesihatan iaitu awam dan swasta. Rakyat yang mampu atau yang mempunyai perlindungan insurans kesihatan boleh memilih untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti swasta manakala perkhidmatan kesihatan di sektor awam dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dengan caj rawatan yang paling minimum.

Namun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dengan peningkatan bilangan penduduk, bertambahnya bilangan warga emas, penggunaan teknologi baru, peningkatan penyakit kronik dan sebagainya, kelestarian ataupun *sustainability* sistem kesihatan berkualiti menjadi isu yang perlu ditangani. Pada ketika ini, 8.9% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah terdiri daripada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Peratusan ini diunjurkan akan meningkat dan mencapai 10.6% pada tahun 2020 dan 16.3% pada tahun 2040. Kajian dijalankan menunjukkan perbelanjaan kesihatan akan bertambah sebanyak 0.17% daripada KDNK pada tahun 2030 berbanding dengan tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengkaji dan menganalisis model-model pembiayaan kesihatan sedia ada di negara-negara lain bagi membangunkan pelan pembiayaan kesihatan yang saksama dan mampan serta mampu ditampung oleh kerajaan, majikan dan golongan bekerja untuk seluruh rakyat Malaysia. Hanya terdapat tiga model mantap yang dipraktikkan di peringkat antarabangsa iaitu pembiayaan kesihatan melalui skim percukaian umum atau *general taxation* atau skim caruman kesihatan atau kombinasi kedua-dua skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan perancangan yang teliti dan melibatkan penelitian pelbagai bidang dan aspek. Ia juga perlu mengambil kira pendapat dan maklum balas pihak-pihak yang berkepentingan. Pihak KKM sedang dalam perancangan untuk mendapatkan perkhidmatan pakar antarabangsa untuk membantu membuat penelitian yang lebih menyeluruh dan merancang pembangunan sistem kesihatan yang lebih mantap. Perancangan transformasi sistem kesihatan yang sedang dibuat hanya melibatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara. Ini adalah kerana keperluan rakyat Malaysia kepada perkhidmatan kesihatan luar negara sukar dianggarkan. Ia melibatkan kumpulan sasaran yang tidak tetap, sistem kesihatan yang berlainan, kos rawatan yang berbeza dan pertukaran mata wang asing yang berubah-ubah.

Tambahan pula, kebanyakan teknologi dan kepakaran dalam sektor kesihatan di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara maju dan masih boleh menampung keperluan kesihatan am penduduk. Justeru itu rakyat dapat menikmati majoriti perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diperlukan di fasiliti kerajaan mahupun swasta di dalam negara. Selain itu, rakyat juga mempunyai pilihan untuk membeli insurans perjalanan yang memberi perlindungan kesihatan semasa berada di luar negara atau membeli insurans kesihatan swasta yang memberi akses kepada perkhidmatan di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri tadi. Memanglah kita tahu bahawa ramai rakyat kita di Malaysia ini mempunyai pelbagai insurans, insurans hayat, insurans rawatan dan kesihatan tetapi masih banyak lagi mereka yang belum mempunyai insurans dan ini menjadi masalah. Saya beri satu contoh, beberapa bulan yang lalu satu *car accident* yang berlaku di depan hospital swasta. Apabila dibawa ke hospital itu, tidak dapat dirawat oleh kerana beliau tidak mampu untuk membayar kos rawatan *even to pay for the deposit* pun tidak boleh. Jadi ini menjadi masalah.

Jadi soalan saya Yang Berhormat, saya ini lebih mementingkan rakyat di luar bandar yang tidak mampu untuk membeli insurans rawatan dan kesihatan ini. Jadi berapakah jumlah rakyat miskin atau mereka yang sudah masuk dalam senarai eKasih yang mempunyai insurans rawatan dan kesihatan ini. Adakah kerajaan mempunyai program untuk mengadakan satu polisi insurans berkelompok untuk mereka ini? Dengan puratanya jumlah mereka yang mempunyai insurans bagi rakyat kita di Malaysia ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah tuntutan rawatan insurans bagi mereka yang sudah mempunyai insurans rawatan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, maklumat tentang eKasih ini, Kementerian Kesihatan tidak simpan, yang simpan di kementerian lain Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan insurans tadi Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini seperti yang saya sebut tadi, kita ada dua sistem iaitu satu swasta yang mampu, yang boleh beli insurans. Yang kedua, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, yang ini boleh dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Setakat ini memang kita memberi rawatan kepada semua rakyat Malaysia pada kadar RM1 kalau hendak jumpa doktor biasa ataupun kalau hendak jumpa doktor pakar bayar RM5. Mereka mendapat kemudahan keseluruhannya termasuk juga *operation* dan sebagainya. Hendak *operation* apendiks, jantung dan sebagainya, mereka dapat percuma ataupun bayar paling minimum RM500.

Jadi setakat ini memang ada lagi tetapi dari segi insurans skim, kita masih lagi mengkaji tentang bagaimana kita hendak wujudkan insurans skim untuk rakyat yang kurang mampu tetapi di negara lain memang sudah ada program seperti itu. Macam di Thailand contohnya, ada skim untuk *civil servants*, kepada kerajaan, ia ada sistem untuk *private worker* dan ia ada juga skim insurans untuk yang miskin, ia khas untuk orang miskin dan dibayar oleh kerajaan. Akan tetapi kita, kita masih melihat pelbagai *option* termasuk juga daripada EPF contohnya, *contribution* daripada EPF. Kita juga melihat sistem di Ghana contohnya, di Ghana GST nya 9%, 2% dipotong masuk ke insurans skim. Jadi berbagai-bagai bentuk, kita sedang buat kajian Tuan Yang di-Pertua, belum ada kata putus lagi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan, berapakah kes penipuan tuntutan insurans kesihatan yang berjaya dikesan dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap mereka ini jika didapati bersalah. Terima kasih.

■1110

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jumlah kes penipuan yang telah pun dikesan. Akan tetapi, mereka yang tidak puas hati dengan caj yang

dikenakan oleh hospital, mereka boleh membuat laporan kepada Bahagian Perubatan dan kita akan *check* ya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di hospital swasta kita memang ada jadual bayaran yang dikenakan yang telah pun ditetapkan di dalam Akta Perubatan Swasta. Mereka kena ikut. Kalau tidak ikut, pihak pesakit boleh buat aduan. Jadi ini memang telah ada kawalan. Jadi maknanya, mereka yang terlibat dengan kes-kes sebegini mereka boleh buat laporan dan ada tempat untuk membuat laporan, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sedikit lagi mengenai *Malaysia 1Care System*. Saya ingat dalam Parlimen ini pada tahun 2011 dan tahun 2012, banyak soalan yang telah diutarakan tentang status dan sejauh mana sistem Insurans 1Malaysia ini, bila akan diperkenalkan dan sejauh mana.

Saya ingat antara bangkangan yang ada apabila *engagement* dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan pelbagai pihak ialah perancangan kerajaan untuk memasukkan hospital swasta di dalam pakej *Malaysia 1Care Help System* ini. Jadi saya ingat sudah agak lama berlalu, hampir dua tahun. Tahun lepas saya ingat sesi yang lepas, tidak banyak malah tidak ada langsung soalan mengenai *Malaysia 1Care System* ini.

Bolehkah Menteri memberi sedikit panduan setakat mana, tahap mana kajian yang telah dilakukan dan tentu sudah ada prinsip-prinsip dalam sistem ini yang akan diperkenalkan kerana saya ingat agak sudah lama dikaji perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Raja, memanglah saya setuju, saya tahu dan saya faham tentang masalah ini. 1Care memang lama disebut. Sebenarnya sudah 15 buah kajian dibuat semenjak tahun 1985 lagi dalam pelbagai bentuk. Akan tetapi akhirnya perlu ada satu skim insurans seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi tentang skim yang merangkumi hospital swasta dan hospital kerajaan.

Jadi ini memerlukan premium. Siapa yang hendak bayar premium itu? Jadi kita tengok pelbagai opsyenlah sama ada melalui potongan EPF, melalui cukai pendapatan ataupun melalui *contribution* daripada majikan. Akan tetapi, masalahnya bagi sektor *informal sector*, mereka yang bekerja sendiri, siapa yang hendak bayar? Mereka pendapatan rendah. Jadi, itu masalah. Kalau kita hendak *impose*, hendak suruh mereka bayar, memang mereka tidak mampu bayar. Jadi, ini perkara-perkara yang masih lagi dalam peringkat kajianlah.

Sebolehnya, memanglah seperti yang saya sebutkan, kita hendak apabila ada insurans itu kita *cover* kedua-dua sekali, hospital swasta dan hospital kerajaan. Jadi belum ada kata putus tentang siapa hendak bayar kepada mereka yang tidak mampu ini. Ini kerana kita di Malaysia ini kita sudah biasa dengan kos perkhidmatan perubatan yang rendah, bayar RM1 boleh berjumpa doktor, boleh dapat ubat dan sebagainya. Jadi kadang-kadang hendak tambah RM1 lagi pun memang susah hendak kutip.

Oleh sebab itu di Malaysia ini rakyat Malaysia tidak takut sakit tetapi di negara lain, rakyatnya takut sakit kerana hendak bayar kos perubatan tinggi. Di Malaysia masih lagi kita

punya mentaliti semuanya dijaga oleh kerajaan. Jadi ini perkara yang masih lagi dalam keadaan yang belum ada kata putus. Di Malaysia, mereka yang berpendapatan rendah di bawah RM3,000 dibayar SOCSO tapi yang lain-lain belum ada. Jadi yang ini kita masih berfikir tentang bagaimana hendak bantu mereka, Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kadar pungutan yang diperolehi oleh PLUS daripada cukai 3% kepada peniaga mengikut setiap R&R PLUS di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem *point of sales* atau POS di setiap gerai makanan di sepanjang kawasan Rehat dan Rawat atau R&R Lebuhraya Utara Selatan ialah pengenaan caj sebanyak 3% ke atas hasil jualan peniaga gerai makan di R&R berkenaan. Caj tersebut adalah bukan dalam bentuk cukai perkhidmatan kerajaan, sebaliknya ia ditetapkan oleh pihak pengurusan PLUS Berhad sebagai pihak konsesi yang bertanggungjawab menguruskan operasi R&R di lebuhraya berkenaan. Ia bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan prasarana R&R terbabit dan menggantikan kos kenaikan sewaan tetap ruang perniagaan yang dikenakan oleh pihak PLUS sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadar *point of sales* yang dikenakan kepada peniaga adalah bergantung kepada hasil jualan setiap gerai terbabit. Kadar caj 3% ini telah dipersetujui oleh para pengusaha gerai menerusi Perjanjian Pengendalian Gerai yang ditandatangani antara pihak pengusaha gerai dengan pihak PLUS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS Berhad sebagai syarikat konsesi Lebuhraya Utara Selatan bertanggungjawab untuk membina dan menaik taraf kawasan R&R dan lain-lain kemudahan serta *facility* berkaitan. Ini termasuk menanggung kos operasi dan penyelenggaraan setiap R&R bagi membolehkan para pengusaha gerai dapat menjalankan perniagaan dengan baik dan selesa. Kadar sewaan yang dikenakan pihak PLUS kepada pengusaha gerai R&R di Lebuhraya Utara Selatan adalah masih rendah dan berpatutan berbanding kos pembangunan yang perlu ditanggung oleh pihak PLUS.

Sekian, terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau boleh saya minta supaya pihak Menteri cuba pergi siasat betul-betul. Sepanjang pengetahuan saya, yang kena bukan sahaja peniaga kedai makan tetapi termasuklah juga yang meniaga buah-buahan. Kadar 3% ini tinggi Tuan Yang di-Pertua, 3% ini tinggi. Ada di kalangan peniaga-peniaga yang terpaksa membayar setiap bulan tidak kurang antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan. Ini kepada peniaga-peniaga kecil yang berniaga di R&R.

Kalau hendak kata tidak untung, hendak apa lagi PLUS hendak untung? Untung bersih tahun 2011, RM2.5 bilion. Jadi penggunaan laluan 417 juta kenderaan lalu setahun bagi kendalian yang dikendalikan oleh jalan PLUS. Jadi yang ini pun tidak cukup lagi, hendak ambil lagi daripada peniaga-peniaga kecil. Kadar 3% ini tinggi. GST akan dikenakan pada

bulan Mei. Peniaga-peniaga PLUS sudah kena hampir setahun sebenarnya. Benda ini benda yang diselindungi di sebalik PLUS.

Saya mengharapkan supaya 3% ini pihak Menteri mesti menggunakan kuasa yang ada supaya dihapuskan. Cukup sekadar untuk dinaikkan kepada cukai sewa, cukup, sedangkan 3% ini agak tinggi kepada peniaga-peniaga kecil. Kita tidak hendak dan tidak mahu PLUS ini sudah digelar sebagai pantang lalu hulu selalu. Ini pun hendak sapu lagi.

Okey, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Rasanya soalan ini kali kedua Yang Berhormat membangkitkan isu yang sama ya. Saya masih ingat lagi.

Yang Berhormat Bukit Gantang, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang benar kadar sewaan bulanan itu bergantung kepada jenis perniagaan termasuklah untuk gerai buah-buahan di mana caj sewaan minimum dikenakan dan juga sewaan yang maksimum ini selalunya dikenakan di gerai-gerai makan. Itu memang benar seperti yang dinyatakan Yang Berhormat.

Saya dalam isu ini lebih suka mendefinisikan PLUS itu sebagai pusat latihan untuk semua di mana gerai-gerai yang diwujudkan Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebanyak 543 buah gerai diwujudkan dan 509 buah yang beroperasi untuk menjual pelbagai, ada tiga item utama Tuan Yang di-Pertua iaitu buah-buahan, makanan dan juga barang-barang kraf.

Kadar 3% ini dikenakan untuk sebagai ganti kepada kenaikan harga sewa yang dikenakan sebelum ini.

■1120

Ia bermula dikenakan sejak Mei 2011 lagi Yang Berhormat untuk menggantikan kadar kenaikan sewa. Sewa gerai yang dikenakan di pusat-pusat R&R ini adalah di antara RM85 hingga RM1,200 Yang Berhormat. Selalunya kalau menjurus kepada kawasan Yang Berhormat, izinkan saya, di Bukit Gantang, kadar sewa yang paling minimum ialah RM350 dan maksimumnya hanya dua kedai Yang Berhormat, RM1,200.

Menyentuh kepada caj 3% ini Yang Berhormat, jika Yang Berhormat mengatakan bahawa peniaga ini dikenakan RM2,000 hingga RM3,000, itu adalah kerana kadar kos ataupun kadar keuntungan mereka adalah lebih daripada RM60,000 sebulan Yang Berhormat. Oleh daripada itulah, caj sebanyak RM2,000 dikenakan. Ini berdasarkan 3% Yang Berhormat ya, ini *calculationnya* sebulan.

Jadi, kita melihat kepada kadarnya Yang Berhormat. Saya cuma mengemukakan di sini, sekiranya peniaga itu mempunyai keuntungan RM60,000 sebulan, kadar 3% adalah lebih kurang RM2,000. Jadi, kalau perniagaannya membawa keuntungan hanya RM1,000 atau RM2,000, sudah tentu kadarnya jauh lebih rendah iaitu RM30. Kalau keuntungannya RM1,000, Yang Berhormat, kadarnya cuma RM30 sebulan. Caj itu adalah sangat minimum yang dikenakan untuk menampung kos penyelenggaraan yang ditanggung oleh pihak PLUS di R&R ini.

Izinkan saya untuk berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kos pembinaan yang dibelanjakan oleh pihak PLUS:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM juta)
2008	11
2009	25
2010	24
2011	26
2012	44
2013	12
2014	34

Ini untuk kos pembinaan R&R sebanyak 24 buah R&R di seluruh negara di bawah kendalian PLUS. Untuk kos penyelenggaraan pula Yang Berhormat, untuk R&R ini, pihak PLUS terpaksa membelanjakan RM30 juta setahun untuk 24 buah R&R ini di seluruh negara dan ini termasuklah dengan izin, saya ingin menyatakan di sini, kita ada 24 buah R&R dan secara puratanya pihak PLUS membelanjakan RM1.2 juta untuk setiap R&R yang diselenggarakan setiap tahun. Jadi yang pihak PLUS inginkan melalui mewujudkan gerai-gerai ini bukan keuntungan, Yang Berhormat. Keuntungannya sangat minimum tapi keuntungan itu digunakan untuk menyelenggarakan kembali R&R tersebut.

Sebenarnya tujuan PLUS mewujudkan gerai-gerai ini adalah untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga kita. Sebanyak 506 gerai yang diwujudkan itu, syarat-syaratnya ialah ia diwujudkan untuk setahun tetapi ada juga peniaga yang diberi peluang untuk melanjutkan tempoh ini dan sekiranya ada peniaga yang merasakan 3% itu terlalu tinggi, pihak PLUS sebenarnya boleh mengizinkan mereka untuk memberhentikan perniagaan dan bolehlah mencuba di tempat lain. Itu antara perkara-perkara yang boleh dilakukan. Kita tak nak mereka keluar tetapi sebenarnya sekiranya kos itu terlalu tinggi kerana ramai yang memohon lagi Yang Berhormat ya. Ramai lagi yang mungkin merasakan bahawa mereka perlu diberi peluang untuk berniaga maka bolehlah memberikan peluang kepada yang lain itu.

Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, disebabkan oleh caj 3% ini, jumlah sewa yang dikenakan itu tidak dinaikkan dan 90% kadar sewa adalah di bawah RM500, Tuan Yang di-Pertua yang dikenakan ke atas gerai-gerai ini hanya 2% sahaja kadar sewa menjangkau RM1,200 itu pun dikenakan ke atas premis-premis perniagaan yang baru. Saya harap penjelasan saya itu dapat memberikan pencerahan sebenarnya bagaimana 3% itu digunakan Yang Berhormat.

Kita, pihak PLUS memang mengenakan caj 3% tetapi 3% itu dikenakan berdasarkan keuntungan, berdasarkan resit-resit yang diisu. Ini tak termasuk lagi keuntungan yang tidak diresitkan, Yang Berhormat. Itu pihak PLUS tidak tahu. Jadi Yang Berhormat, kita mohon juga kerjasama Yang Berhormat untuk memberikan nasihat kepada peniaga-peniaga, kalau merasakan bahawa itu membebankan. Mereka boleh berbincang kerana pengenaan 3% caj ini telah dipersetujui di dalam perjanjian yang telah dimeterai oleh pihak operator ataupun peniaga dengan pihak PLUS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan pendek berkaitan dengan isu tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja. Saya nak tanya, sebenarnya 3% caj ini tidak menjurus kepada selenggaraan, ianya lebih kepada *joint promotions* untuk *feasibilities*, untuk *merchandize* dan perkara ini agak biasa. Contohnya di *point of sale* di stesen minyak, *convenience store*, kebanyakan dicaj berdasarkan jumlah jualan. Ini tujuannya untuk menambah lagi jualan dan akhirnya memberi pulangan lebih baik kepada penjual-penjual dan memberi promosi yang baik kepada pelawat-pelawat. Adakah ini sebenarnya yang boleh kita tekankan dalam 3% iaitu bukan sebagai *surcharge* tetapi sebenarnya sebagai satu kos untuk *join promotion* dan *merchandizing*. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan mengucapkan selamat datang kepada 65 pelawat-pelawat dari Parlimen Kota Tinggi, terima kasih. [Tepuk]

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Tinggi, Kota Tinggi. Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, saya ingin menyatakan di sini bahawa manfaat yang diperoleh oleh peniaga-peniaga kita melalui menjalankan perniagaan di gerai-gerai yang telah diwujudkan oleh pihak PLUS ini bukan sahaja mereka ini diajar dengan pengendalian perniagaan yang bersih dan berdasarkan kepada apa yang telah saya lihat sendiri bahawasanya caj 3% itu hanya dikenakan kepada keuntungan bersih yang boleh dibuktikan melalui pengeluaran resit premis perniagaan tersebut.

Jadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang itu tidak begitu tepat. Seperti juga yang saya nyatakan sebelum ini, saya akan mengemukakan perkara ini sekali lagi kepada pihak PLUS tetapi inilah secara dasarnya Yang Berhormat, kalau pihak Yang Berhormat Bukit Gantang lebih suka menggunakan 'Pantang Lalu Ulur Selalu' (PLUS), saya rasa PLUS lebih sesuai kita sinonimkan kepada 'Pusat Latihan Untuk Semua' iaitu memberikan ruang dan peluang kepada peniaga-peniaga kita untuk mengendalikan perniagaan. Terima kasih.

9. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah hasil perundingan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia dalam mencari langkah-langkah penyelesaian untuk mengurangkan dan mengatasi masalah jerebu yang sering dihadapi oleh kedua-dua negara ini.

■1130

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Simpang Renggam dengan tamatnya perjanjian persefahaman ataupun *Memorandum of Understanding (MoU)* pada tahun 2013, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia sedang bekerjasama untuk merangka perjanjian persefahaman baru ataupun MoU baru di peringkat hubungan dua hala untuk menangani masalah jerebu. Perjanjian persefahaman dua hala berkenaan membolehkan kedua-dua negara berkongsi pengalaman, kepakaran dan maklumat berhubung usaha menangani masalah jerebu. Di peringkat ASEAN, Kerajaan Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain berunding untuk menggesa agar Kerajaan

Indonesia menyegerakan proses ratifikasi Perjanjian ASEAN Menangani Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.

Hasil daripada gesaan tersebut, Parlimen Indonesia pada 16 September 2014 telah bersetuju untuk meratifikasikan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas sempadan setelah 12 tahun perjanjian tersebut ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN pada tahun 2002 di Kuala Lumpur. Persetujuan Parlimen Indonesia untuk meratifikasikan perjanjian tersebut merupakan tindakan positif yang amat dialu-alukan di mana ia menggambarkan kesungguhan kerajaan Indonesia untuk menangani masalah jerebu merentas sempadan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution akan diadakan di Laos pada 30 Oktober tahun 2014 di mana Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN akan menghadiri diri. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia akan hadir dan menggesa pihak Indonesia untuk segera meratifikasikan perjanjian. Sekian, terima kasih.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua minta izin satu soalan. Okey, terima kasih. Saya lihat proses rundingan antara negara ini agak lambat dan jelas bahawa masalah jerebu ini memang berpunca daripada negara Indonesia. Ramai rakyat lain yang telah mengalami penyakit pernafasan akibat masalah yang berulang-ulang tahun setiap tahun. Jadi saya ingin bertanya apakah nasihat kementerian untuk membantu pesakit-pesakit ini untuk mengambil tindakan Mahkamah Antarabangsa terhadap Kerajaan Indonesia. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam atas soalan itu. Sememangnya jerebu memberi penyakit kepada kita jika kita terdedah kepada jerebu. Pada tahun 1997 dan 1998, saya dan tiga orang pakar dari Kanada telah pun membuat penyelidikan tentang jerebu. Semasa itu di Sarawak. Pada masa itu memang ramai rakyat Sarawak terkena penyakit semacam asma, bronkitis dan sebagainya. Akan tetapi saya sendiri kena NPC, *nasopharyngeal cancer* dalam saluran hidung. Saya terkena sebab masa itu apabila saya keluar untuk membuat kajian, saya tidak pakai topeng muka. Jadi inilah masalahnya kerana jerebu mengandungi 1,400 partikel jerebu, 1,400 bahan-bahan kimia di dalam partikel jerebu dan sepuluh daripada 1,400 ini adalah karsinogenik yang boleh memberi penyakit kanser.

Untuk soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menghubungi kementerian saya supaya kita akan berbincang dengan kementerian lain macam mana kita boleh membantu pesakit-pesakit di kawasan Yang Berhormat. Jika perjanjian ini sudah pun diratifikasikan nanti oleh Kerajaan Indonesia, maka kita boleh bawa perkara ini di mahkamah ASEAN supaya ia akan diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa Yang Berhormat tidak mengizinkan. Ahli-ahli Yang Berhormat pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Rabu 29 Oktober 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion, empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[27 Oktober 2014]**”

11.37 pg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mengikuti perbahasan

Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Kerajaan Malaysia kerana prihatin terhadap rakyat Sabah khususnya kawasan Parlimen saya kerana memperuntukkan RM660 juta untuk tujuan untuk memperkasakan ESSCOM demi keselamatan Pantai Timur Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

Syukur juga saya kerana apa yang telah saya bahaskan bajet pada tahun lepas telah dapat respons yang sangat baik daripada bajet pada tahun ini untuk tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat keikhlasan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan Malaysia akan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kerajaan telah berbelanja berbilion-bilion ringgit untuk memastikan kawasan-kawasan yang berpotensi besar dapat dimajukan untuk mewujudkan sebuah peluang ekonomi yang baik untuk rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai kekayaan semula jadi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan negara Malaysia. Sabah juga tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara yang semakin rancak baik dari aspek pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan. Saya amat berterima kasih dalam bajet yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa selain daripada RM660 juta yang diperuntukkan untuk ESSCOM, kerajaan juga telah memperuntukkan RM50 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Lahad Datu untuk membolehkan pesawat-pesawat berkeupayaan tinggi mendarat.

Walaupun pada dasarnya peruntukan RM50 juta ini adalah untuk kegunaan ketenteraan atau pun Tentera Udara Diraja Malaysia, namun saya mengharapkan agar kerajaan menimbang keperluan untuk membolehkan pesawat-pesawat komersial seperti Boeing737 dan Airbus320 untuk mendarat di lapangan terbang Lahad Datu. Di samping itu membina kemudahan atau peralatan untuk pesawat-pesawat mendarat di waktu malam.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang adalah merupakan keperluan asas di sesetengah kawasan khasnya di negeri Sabah dan Sarawak di mana negeri itu cukup luas dan memerlukan pesawat-pesawat untuk berhubung di antara satu sama lain. Tuan Yang di-Pertua, kajian telah menunjukkan bahawa kawasan-kawasan yang mempunyai potensi untuk maju apabila didirikan sebuah lapangan terbang akan dapat berkembang dengan pesat dan maju dengan secepat mungkin. Inilah harapan kita, Lapangan Terbang Lahad Datu memerlukan satu transformasi baru untuk memastikan infrastruktur yang ada sesuai dengan perkembangan ekonomi semasa.

Kerajaan Negeri Sabah begitu komited untuk menjadikan Lahad Datu sebagai pusat perindustrian kelapa sawit yang terkemuka di dunia. Menurut MPOB, Sabah mempunyai

kawasan yang terluas ditanam dengan kelapa sawit di seluruh Malaysia. Keluasan dari 5.229 juta hektar ladang kelapa sawit, seluas 1.475 juta hektar ditanam di negeri Sabah dan dari 1.475 juta hektar itu, hampir 1 juta hektar ladang kelapa sawit terletak di Daerah Lahad Datu ataupun di Teluk Darvel. Industri kelapa sawit telah menunjukkan bahawa ia mempunyai potensi untuk menyumbang hasil yang besar kepada negara. Tahun lepas sahaja, industri kelapa sawit telah menyumbang RM60 bilion kepada negara. Ini menunjukkan bahawa industri kelapa sawit ini adalah satu industri yang boleh diketengahkan di Malaysia.

Penubuhan industri minyak sawit berkelompok ataupun POIC di Lahad Datu merupakan salah satu strategi Kerajaan Negeri Sabah untuk membangunkan sektor ini. Pelbagai industri hiliran, pelbagai produk hiliran yang telah dikeluarkan daripada *Palm Oil Industry Cluster* (POIC) di Lahad Datu ini. *Palm Oil Industry Cluster* ataupun kawasan perindustrian berkelompok di Lahad Datu mempunyai keluasan tapak 4,450 ekar dan kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana dua tahun yang lalu kerajaan telah memperuntukkan RM415 juta untuk membina satu pelabuhan kontena di POIC Lahad Datu. Di POIC Lahad Datu kita ada tiga jeti iaitu satu, *liquid jetty* dan satu lagi adalah *bulk jetty* yang telah beroperasi sekarang ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Lahad Datu amat diperlukan. Dengan adanya industri kelapa sawit yang begitu pesat berkembang di Lahad Datu, pelabur-pelabur telah melabur di kawasan ini. Maka lapangan terbang amat penting untuk mereka berhubung dari satu kawasan ke kawasan yang lain.

Kita juga amat prihatin dan amat faham bahawa di setiap pembangunan tentu adanya berlaku menjadi mangsa. Begitu jugalah dengan pembinaan ataupun pemanjangan Lapangan Terbang Lahad Datu yang dicadangkan ini akan berlaku perobohan kampung-kampung dan pemindahan kampung-kampung yang berada di hujung landasan Lapangan Terbang Lahad Datu. Jadi saya harap sebagai wakil rakyat, saya merayu kepada kerajaan, apabila projek ini dilaksanakan nanti supaya memberi pampasan dan juga penempatan kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan Lapangan Terbang Lahad Datu apabila dipanjangkan nanti.

Saya yakin dan percaya, penduduk di seluruh Lahad Datu dan juga mereka yang terlibat di dalam pemindahan ini akan merasa gembira apabila nanti projek yang dilaksanakan itu akan mampu mendaratkan pesawat-pesawat yang lebih besar, komersial seperti Boeing-737 dan Airbus-320 sebab pesawat-pesawat ini akan menawarkan tiket-tiket yang murah, tambang-tambang murah seperti yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan AirAsia, Malindo Air dan lain-lain.

Seperkara yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung bekalan elektrik di Sabah. Bekalan elektrik di Sabah ini di tahap yang kritikal, di tahap yang amat membimbangkan. Mengikut kepada Sabah *Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) iaitu anak syarikat kepada TNB di Sabah, Sabah hanya mampu mengeluarkan atau menjanakan 940 megawatt *electricity* sedangkan jumlah permintaan menjangkau hampir 897 megawatt. Bermakna, lebih lebih kurang 43 megawatt ini tidak cukup menampung keperluan apabila berlaku masalah.

Di Sabah, tahun ini sahaja, mengalami tiga kali gangguan elektrik yang mengakibatkan hampir 70% penduduk bergelap selama tiga jam. Perkara ini menyebabkan kerugian besar kepada kilang-kilang dan juga pelabur-pelabur yang melabur di Sabah khususnya di POIC Lahad Datu. Kita tahu bahawa stesen jana kuasa bebas IPP, Kimanis Power Sdn. Bhd. (KPSB) dan juga SPR Energy Sdn. Bhd. yang terletak di Pantai Timur Sabah telah menambah kapasiti penjanaan sebanyak 400 megawatt.

Namun perkara ini masih belum boleh menyelesaikan masalah bekalan elektrik ke seluruh Sabah sebab keadaan muka bumi Sabah yang berbukit-bukit dan bergunung-gunung ini menyukarkan penyaluran-penyaluran bekalan elektrik yang mencukupi ke Pantai Timur Sabah. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik dari Kota Kinabalu ataupun dari Pantai Barat Sabah ke Pantai Timur Sabah, hanyalah satu hala dan apabila berlaku masalah tanah runtuh dan lain-lain, maka akan terputuslah bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira sebab pada tahun 2004 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan projek *degasification terminal* dengan *power electricity electric plant* dibina di POIC Lahad Datu. Sebetulnya projek ini telah berjalan dan saya difahamkan TNB telah membelanjakan hampir RM60 juta untuk menyediakan prasarana-prasarana. Namun, akhir tahun lepas saya dimaklumkan oleh TNB bahawa projek ini telah dibatalkan. Jadi saya ingin tahu daripada kerajaan, apakah sebab projek RGT ini dan juga *power electricity electric plant* yang boleh berkapasiti 300 megawatt ini perlu dibatalkan? Rakyat saya rasa perlu diberi penjelasan kenapa projek ini dibatalkan sedangkan keadaan bekalan elektrik di seluruh Sabah di dalam tahap yang membimbangkan? Namun sekiranya tindakan tidak diambil dengan segera Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya dalam setahun atau dua tahun ini, Sabah akan menghadapi masalah yang besar berhubung dengan bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham, kita tahu, dan menyedari bahawa bekalan elektrik menggunakan arang batu ialah satu alternatif yang amat baik.

■1150

Ia adalah masih yang termurah dirantau ini. Perkara ini bukanlah satu perkara yang baru. Di Semenanjung Malaysia, saya difahamkan ada beberapa jana kuasa elektrik yang dikuasai oleh arang batu. Di Sarawak sahaja ada tiga, di Perak ada satu, di Johor ada satu, di Negeri Sembilan juga ada satu.

Jadi, jana kuasa elektrik yang menggunakan arang batu ini bukan sesuatu yang luar biasa. Akan tetapi apabila ia dicadangkan di Sabah, pada awalnya Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju untuk dibina sebuah jana kuasa elektrik yang menggunakan arang batu di Lahad Datu. Akan tetapi apabila ia dibantah oleh sekumpulan kecil yang membantah berhubung dengan penggunaan ini, akhirnya Kerajaan Negeri Sabah telah menolak dan tidak bersetuju dengan pembinaan bekalan elektrik ini menggunakan arang batu kerana dikatakan ia akan memudaratkan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat langsung di dalam usaha untuk menjelaskan kepada rakyat bahawa projek bekalan elektrik menggunakan arang batu ini tidaklah memudaratkan sebab terbukti di Semenanjung di Malaysia dan juga Sarawak. Jelas terbukti tiada kemudatan yang berlaku akibat daripada penggunaan arang batu sebagai pembakar.

Di Manjung sendiri, di Perak, saya telah melawat ke Manjung dan saya dapati bahawa projek bekalan elektrik menggunakan arang batu ini ialah satu projek yang baik dan ia tidak akan memudaratkan. Tidak ada orang yang menjadi mangsa atau mati disebabkan projek bekalan elektrik ini. *[Disampuk]* Saya tahu ada bantahan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kalabakan bangun. Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam, saya berminat apabila Yang Berhormat Silam mengeluarkan kekurangan elektrik di Sabah dan dicadangkan untuk menggunakan IPP arang batu. Akan tetapi bermasalah kerana bantahan-bantahan daripada NGO-NGO, beberapa NGO sahaja. Kemudian, kerajaan negeri membatalkan dan tidak membenarkan arang batu. Jadi saya berpendapat, mungkin kita sebagai Ahli Parlimen Sabah meminta supaya Kerajaan Persekutuan meneruskan *plant* IPP arang batu di Lahad Datu. Kita minta supaya kerajaan negeri memberi kelulusan dan kita tidak mahu dengar NGO-NGO yang membantah itu. Jika sekiranya Yang Berhormat Silam bersetuju, semua Ahli Parlimen Barisan Nasional di Sabah ataupun mungkin pembangkang pun mahu tandatangan, minta Kerajaan Persekutuan meneruskan IPP arang batu ini. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kalabakan. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Kalabakan dan saya berharap ucapan beliau dapat dimasukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa cadangan ini kita tidak boleh ambil keputusan begitu cepat. Ini kerana sebelum ini saya mahu Ahli Parlimen Silam ingati apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri bila beliau umum akan bina satu *power station* di Lahad Datu dengan LPG dan gas. Ini satu janji, 300 megawatt. Jadi saya mahu tahu mengapa sekarang sudah pakai arang, janji itu *liquid by gas*, kenapa sekarang tukar balik kepada arang lagi? Ini macam tukar di sini, tukar di sana, lama-lama pun tidak jadi, apa mahu kita buat. Jadi saya harap, saya minta persetujuan daripada Yang Berhormat Silam dan juga Yang Berhormat Kalabakan, kita pun orang Sabah, pemimpin Sabah, kita patut pertahankan apa yang sihat, bukan yang tidak sihat punya *electricity generation*, dengan izin.

Jadi, saya tidak boleh beri persetujuan ini. Saya fikir Sabah banyak gas, saya harap persekutuan pasti, saya minta setuju, pasti kita mahu dia tunaikan pakai gas. Boleh setujukah ini Yang Berhormat Silam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Silam, gulung ya?

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih. Ya. Saya rasa Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak dengar ucapan saya tadi awal-awal. Saya sudah ucapkan,

mengatakan tadi bahawa kita minta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan mengapa projek RGT itu dibatalkan. Kalau kita faham masalahnya, apa sebabnya kenapa ia dibatalkan, kita mencadangkan supaya pula arang batu ditimbang semula. Itu cadangan saya. Jadi, terpulanglah kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu bersetuju ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM bernasib tahun ini sebab telah mendapat RM660 juta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memperkasakan kegiatan ESSCOM di Pantai Timur Sabah. Kita tahu ESSCOM ini telah diwujudkan setelah berlakunya rentetan peristiwa berdarah yang bermula pada 1 Mac 2013 dan selepas itu pula berlaku penculikan-penculikan di mana orang-orang asing, pelancong-pelancong telah diculik di Pantai Timur Sabah. Selepas itu kerajaan telah melaksanakan pula, ESSCOM telah melaksanakan perintah berkurung. Akan tetapi saya amat sedih sedikit sebab walaupun ESSCOM telah bekerja keras dan juga perintah berkurung telah dilaksanakan, saya mendapat maklumat daripada penduduk kampung di Pantai Timur Sabah, khususnya di Kampung Lok Buani, Kampung Batu-Batu, di Felda Sahabat bahawa pendaratan pendatang-pendatang asing ini masih berlaku lagi.

Jadi, saya harap kerajaan memberikan perhatian kepada hal ini. Saya juga yakin dan percaya dengan adanya peruntukan RM660 juta ini, saya mengharapkan sangat pendaratan-pendaratan orang asing daripada negara jiran ini akan berakhir. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi perhatian tentang keselamatan di Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan dan gulung.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Ya, saya akan habiskan. Berhubung dengan kes Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Saya ingin baca sedikit *statement* awal yang dikeluarkan oleh Doris John. Dia ini sebenarnya duduk di London, di England. Inilah *statementnya*, *statement* awalnya. Kita boleh baca tahap pemikiran beliau, "*I am from Northern Borneo Sabah Sarawak. My people were forced into a union with Malaya to create Malaysia in 1963 without referendum. We are suffering a slow genocide that includes ethnic cleansing, religious conversion by force, learn grading, human trafficking and freaking of our petroleum.*"

Inilah *statement* yang dikeluarkan oleh Doris John. Jadi, saya rasa kita boleh menilai apa cara pemikiran orang ini sebab dia seolah-olah bercakap macam mendiang Nelson Mandela. Jadi, kita tidaklah harus terpengaruh dengan mereka yang berfikiran sedemikian rupa. Mereka boleh berbohong walaupun mereka tahu apa yang mereka katakan itu adalah tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berhubung dengan satu perkara iaitu Akta Hasutan 1948 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah banyak membantu untuk menjaga keamanan di negara kita. Apabila selama 50 tahun...

■1200

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Silam tak bolehlah panjang-panjang.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansor [Silam]: Sikit lagi, sikit saja. Nak habislah ini. Nak habis dah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah aman, damai dan harmoni selama hampir 50 tahun. Akan tetapi apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dimansuhkan, maka berlakulah huru-hara di negara kita di mana pembunuhan-pembunuhan berlaku secara berani oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Akan tetapi kita bersyukur kerana kecekapan polis, pihak keselamatan kita maka perkara ini telah dapat dibendung secepat mungkin. Saya juga yakin dan percaya sekiranya Akta Hasutan 1948 dimansuhkan, maka timbullah juga huru-hara di negara kita. Oleh sebab ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan menimbulkan isu-isu berhubung dengan kewujudan institusi Raja-raja, hak-hak keistimewaan bumiputera dan anak negeri dan agama rasmi negara. Ini akan berlaku ketegangan di negara kita dan saya percaya akan timbul huru-hara dan akan berakhir dengan mungkin peperangan saudara di negara kita.

Oleh yang demikian, saya menyokong penuh agar Akta Hasutan 1948 tidak dimansuhkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Kota Raja.

12.01 tgh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingat belum terlewat untuk saya mengucapkan selamat menyambut tahun baru Hijriah dan salam Hijratul Rasul. Saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana keadaan negara kita yang *Alhamdulillah* setakat ini kita kira semua kaum dan bangsa boleh hidup bersama walaupun kita masih ada perkara-perkara yang kita ingin perbaiki dan sempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak pembangkang menegur pihak kerajaan dan menyebut perkara-perkara tertentu, tidaklah bermakna kita mengatakan tidak ada satu benda pun yang tidak bagus yang kerajaan lakukan. Biasalah sebagai *check and balance*, ya sebagai menyemak imbang ini, tentulah kita akan menyebut perkara-perkara yang masih perlu diperbaiki dan perlu disempurnakan. Itu harap kena fahamlah, itu peranannya negara demokrasi yang ada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sebelum saya menghurai beberapa perkara. Beberapa perkara yang tidak ada dalam bajet ini yang Perdana Menteri tidak sentuh dan saya rasa perkara-perkara ini penting. Mungkin saya tidak sempat untuk membahaskan kesemuanya tetapi saya ingin ia dicatat kerana perkara ini adalah penting.

Pertama ialah mengenai tidak ada langsung peruntukan untuk tebatan banjir di Sungai Golok. Saban tahun, tiap-tiap kali— dua atau tiga kali kawasan Rantau Panjang dan sekelilingnya akan ditimpa banjir. Sebelah sana, Kerajaan Thailand sudah membina benteng yang tinggi dan air sungai yang melimpah tidak ke belah Thailand tetapi sebelah kita.

Kedua ialah tidak ada langsung Perdana Menteri menyebut tentang pembangunan insentif kepada pembangunan elektrik dan *hybrid*, insentif penjimatan tenaga elektrik melalui tenaga solar, penjimatan air melalui *harvest*, penuaian air hujan. Semua ini adalah terangkum di dalam kita panggil teknologi hijau. Juga isu jurang upah dan gaji antara pengurusan atas

dan bawah dan antara gender dan antara kaum di sektor swasta tidak langsung ditempuh. Bagaimana kerajaan hendak membetulkan keadaan ini?

Penting saya rasa yang saya mungkin sempat sentuh sekejap lagi ialah mengenai keperluan negara kita kepada buruh asing dan bagaimana negara kita akan mentransformasikan ekonomi kita ke arah berpendapatan tinggi. Ini saya rasa penting kerana kita dibanjiri oleh pekerja asing dan rakyat sendiri merasakan bahawa kehadiran pekerja asing ini sangat membawa impak negatif kepada sosioekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tanggapan pertama— *first impression* bajet yang peduli rakyat ini banyak habuan untuk rakyat. Itulah yang sekali lalu kalau kita tengok, inilah tanggapan pertama kita. Akan tetapi, apabila diteliti ia tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat dalam jangka masa panjang. Dalam jangka masa pendek, memanglah mendatangkan kegembiraan *euphoria* ataupun keseronokan sementara. Namun, akhirnya rakyat masih di tahap tokok yang lama.

Kerajaan telah cuba untuk *compensate*, dengan izin ya dengan berbagai-bagai program kesejahteraan rakyat tetapi isunya ialah penyebab kepada perkara-perkara ini tidak disentuh dalam bajet ini. Kos sara hidup yang terus naik, saya kira semua orang terima hakikat ini. Tambahan dengan pelaksanaan GST tahun hadapan, maka juga telah diterima bahawa kos hidup ini akan meningkat yang dalam negara kita, kita tahu kos sara hidup ini kalau dah naik, tidak akan turun. Kalau ia mendatar pun, kira pun tak akan mendatar. Maknanya akan terus naik.

Ada sahabat-sahabat kita daripada Barisan Nasional mengatakan, "*Katakan di mana di dalam dunia ini kos sara hidup tidak meningkat?*" Saya rasa agak terkilan. Saya hendak ceritakan bahawa saya biasa belajar di United Kingdom dan saya biasa pergi ke Ireland beberapa kali. Saya terkejut kerana di sana, setelah 10-15 tahun saya pergi balik, harga barang-barang asasnya tidak meningkat dan mereka tidak ada subsidi. Saya balik dan melihat barang-barang kegemaran yang saya selalu minum dan makan sebagainya masih lagi pada harga yang sama. Di Ireland, ada masanya harga rumah turun. Harga beras tinggal separuh kerana adanya *free market* di sana. *Real free market*, dengan izin.

Jadi jawapan yang lazim kita dapat adalah kerana negara kita permintaan lebih tinggi berbanding dengan bekalan. Kos barangan mentah meningkat, sebagainya. Kita semua tahu dalam menyelesaikan hampir semua masalah kehidupan ini, prinsipnya sepatutnya kita kembali kepada penyebabnya. Apa penyebabnya? Kita betulkan atau dalam kata lain kita cari ubatnya walaupun ia susah, sukar dan pahit.

Kalau sumber makanan kurang, maka kita perlu memperbanyakkan penghasilannya. Kita perlu ada jaminan makanan sendiri. Jika makanan tertentu tidak ekonomik untuk dihasilkan dan lebih murah diimport, maka Malaysia perlu membuka pasaran bebas untuk pengimport bersaing, memberi harga terbaik kepada pengguna dan tidak membenarkan monopoli pengimportannya dan lesen perniagaannya.

Di Malaysia apabila harga barang naik, kita belum lagi mengalami harganya yang akan turun semula. Malah ada penternak ayam sanggup membinasakan anak-anak ayam kerana hendak mengekalkan harga yang tinggi. Kos rumah yang semakin tinggi dikatakan disebabkan harga tanah yang tinggi. Tidak siapa dapat menafikan keadaan ini terutamanya di

kawasan-kawasan bandar. Akan tetapi apa maklum balas yang saya dapat daripada *developer*– daripada pemaju-pemaju perumahan, dia kata yang paling teruk sekarang ialah kos harga-harga barang binaan itu sendiri ya, untuk buat rumah sehingga 30%. Apabila kita tanya kenapa, semua mereka menjawab bahawa kenaikan harga ini tidak dapat dikawal kerana tiada persaingan sihat di antara pembekal dan pengilang kerana adanya monopoli pembekalan bahan seperti simen. Ya, yang ini berlaku.

Jadi unsur persengkokolan di antara syarikat-syarikat yang besar-besar dan setengahnya ada kaitan dengan parti pemerintah, dasar kerajaan yang tidak meliberalisasikan perniagaan bahan binaan dan sebagainya menyebabkan kos-kos ini akan terus naik dan rakyat menanggung beban.

Mengenai BR1M, saya hendak menyebut di sini bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia tidak siapa yang menafikan bahawa rakyat kita, sebahagian daripada rakyat kita memerlukan bantuan daripada kerajaan, sumbangan daripada kerajaan. Tambahan pula dengan penarikan subsidi-subsidi bahan bakar- minyak, maka semuanya akan naik. Cuma saya nak betulkan atau nak tegur cara pengagihan BR1M itu sendiri.

Saya dapati bahawa penerima-penerima bantuan JKM – OKU, tidak semuanya mendapat BR1M. Mereka terpaksa sekali lagi memohon melalui borang-borang *online* dan sebagainya, melalui LHDN untuk mendapat bantuan tersebut. Kenapa tidak, bantuan yang sepatutnya kita beri dan mereka ini memang dah layak dapat kerana mereka memang berpendapatan rendah dan orang yang menerima sumbangan daripada JKM, disalurkan melalui JKM itu sendiri, Kementerian Pembangunan Wanita.

■1210

Makna dia mereka sudah ada statistiknya, berapa orang ibu tunggal, berapa orang warga emas, berapa orang OKU dan sebagainya secara terus diberi kepada mereka melalui akaun-akaun mereka. Mereka ini tidak perlu memohon semula. Kenapa perlu kita menyusahkan rakyat, tambahan mereka ini adalah daripada golongan yang sosioekonomi rendah, komputer pun tidak ada di rumah, hendak cari borang, hendak naik bas, hendak turun bas, semuanya adalah kos kepada mereka. Permudahkan pengagihan ini kepada golongan ini.

Begitu juga dengan penerima-penerima zakat, ini semua saya rangkum sebagai golongan yang memang selama ini mendapat bantuan, memerlukan bantuan kerajaan. Saya merasakan bahawa pengagihan ini perlulah telus. Rakyat perlu faham siapa yang tidak layak dan tidak boleh mengambilnya. Kalau mengikut borang BR1M yang ada dalam *online*, yang layak dapatnya ialah orang-orang yang ketua keluarga berpendapatan sekarang ini RM4,000 dan sebelum ini RM3,000. Juga warga emas sebatang kara yang pendapatannya juga kurang daripada RM4,000 untuk tahun 2015, yang lepas RM3,000 dan juga orang bujang.

Pokoknya bila saya tengok borangnya, maka tidak ada penapisan. Makna kalau saya hendak pergi, hendak tulis bahawa pendapatan saya kurang RM3,000 siapa yang memeriksanya? Kecuali orang yang sudah bayar cukai yang nama mereka ada dengan LHDN. Kebanyakan yang memohonnya sama ada dalam *informal sector* ataupun bekerja sendiri. Mereka tidak perlu untuk memberi kenyataan penyata gaji atau sebagainya bukti pendapatan mereka. Ada isi rumah, suami dapat isteri dapat. Ada warga emas, dia bukan

sebatang kara, anak-anaknya berpendapatan tinggi dan mereka ini juga pernah dibangkitkan oleh kawan-kawan di sebelah sana yang datang mengambil BR1Mnya menaiki kereta mewah. Jadi kita bercakap mengenai rakyat yang layak mendapat subsidi dan bantuan. Itu sebabnya antara sebab kerajaan menarik balik subsidi dari minyak kerana katanya orang-orang kaya yang menikmati.

Sekarang ini di dalam BR1M kita tidak cermat, kita tidak fokus kepada siapa yang kita hendak beri, sesiapa sahaja boleh. Ini kerana tidak ada pihak yang memeriksa latar belakang. Kalau permohonan JKM, dia lain. Pegawai akan turun membuat pemeriksaan, mendapat maklumat yang sebenarnya. Akan tetapi untuk BR1M, sesiapa sahaja boleh. Saya rasa dari segi hukum, saya tidak dengar lagi mana-mana fatwa sekiranya seseorang itu tidak layak menerima, dia menipu dalam mengisi borang BR1M. Apa fatwanya dari segi hukum? Kalau ikut, haram. Dalam pengajian saya, apabila kita mengambil sesuatu yang bukan hak kita, ia adalah haram. Kita akan makan, kita akan jadikan dia darah daging kita. Adakah dia sama seperti mencuri? Menipu? Merasuah? Makan duit rasuah? Ini rakyat kena jelas kerana ia akan menjadi darah daging kita.

Keberkatan kita daripada apa yang kita makan. Kita mengambil sesuatu yang bukan hak kita. Ada orang kata tidak apalah mak dengan ayah boleh ambil, ini hak rakyat. Dia lupa yang anaknya adalah daripada golongan berpendapatan tinggi dan sepatutnya menjadi tanggungjawab anak-anak menjaga ibu bapa itu. Ini saya rasa kena jelas dan kena diuar-uarkan kepada rakyat. Saya kira satu sistem perlu kita wujudkan dan saya tidak tahu bahawa lama mana lagi kerajaan akan meneruskan BR1M. Ini kerana saya rasa selagi Dato' Sri Mohd. Najib menjadi Perdana Menteri, selagi itulah BR1Mnya ada. Jadi tidak dapat dinafikan BR1M ialah instrumen politik yang sangat berkesan untuk terus mendapat undi golongan berpendapatan rendah dan kurang berpendidikan. Golongan ini masih terkapai-kapai untuk memenuhi keperluan asas mereka. Makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan dan lain-lain keperluan asas.

Bila sahaja memperoleh wang, mudah untuk menyelesaikan masalah mereka. Walaupun sementara sangatlah dihargai. Bagi mereka walaupun sedikit tetapi lebih baik daripada tiada langsung. Ini pemikiran yang ada kepada orang kita. Sebanyak RM4.3 bilion sebenarnya ialah satu pelaburan ampuh untuk memastikan Barisan Nasional kekal berkuasa entah berapa lama lagi. Ini ialah cara mengikat hati rakyat. Ia cara yang sah dari segi undang-undang kerana telah diluluskan di Parlimen. Dengan adanya BR1M, Kerajaan Barisan Nasional tidak perlu lagi menyogok ataupun merasuah rakyat bila PRU tiba. Strategi ini semakin canggih kerana tahun 2015, BR1M akan diberi dalam tiga kali, makna dia tiga kali dalam setahun. Rakyat akan terima kasih, terima kasih, terima kasih dia bijak ini. Ini strategi yang sangat bijak. Saya cakap betul ini tetapi dia tidak akan menyelesaikan masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pemimpin yang bijak.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya? Dia tidak akan menyelesaikan masalah jangka masa panjang 40% daripada rakyat kita. Sepatutnya kita memikirkan bagaimana kita hendak mengeluarkan mereka daripada golongan ini, golongan 40% ini. Apakah peluang-peluang pekerjaan yang ada pada mereka? Rakyat tidak sedar. Rakyat

terima kasih sebab RM4.3 bilion ini sedikit berbanding dengan pembaziran yang kawan-kawan saya sebutlah terlalu banyak subsidi-subsidi, kompensasi-kompensasi yang diberi kepada syarikat-syarikat kroni. Jadi ini sedikit sangat bagi saya.

Jadi saya hendak sebut juga mengenai OKU. Dengan bangganya Dato' Sri Mohd. Najib mengatakan kami tambah RM50. Apalah RM300 kata RM350, apalah RM150 kalau lebih RM20. Bagi orang berpendapatan tinggi memang RM50 ini tidak ada apa. Akan tetapi apa yang saya harapkan bagi orang OKU, bukan RM350 tetapi RM500 secara bulanan. Saya tidak nampak macam mana mereka boleh *survive* dengan masalah yang ada. Saya akan bercakap lagi mengenai OKU apabila tiba kepada bawah Kementerian Pembangunan ini. Saya hendak sebut mengenai i-BR1M...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Kota Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang. Ya sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Berkenaan dengan OKU ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja, pelik juga bantuan untuk OKU ini bagi yang tidak bekerja, dia bagi RM150, hak yang bekerja dia bagi RM300. Sepatutnya memang hak yang tidak bekerja hendak pergi kerja macam mana? Jadi sifir yang saya rasakan agak pelik dan kekok. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Kota Raja?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, sebenarnya kalau kita tengok polisi JKM, yang tidak bekerja itu sepatutnya adalah yang terlantar. OKU yang terlantar ataupun mempunyai kecacatan tidak boleh kerja. Jadi memang tidak mencukupi dan malah penjaganya yang tidak boleh bekerja kerana menjaga OKU ini juga perlu diberi bantuan. Jadi sepatutnya bukan RM150 kerana ada satu lagi bantuan yang diberi kepada orang yang menjaga RM300 lebih kalau tidak silap saya. Ya, memang songsanglah itu saya setuju. Bagi yang bekerja dia dapat *top up* dari RM350, yang tidak bekerja RM150 sekarang RM200 tidak mencukupi. Sama-sama sekali tidak mencukupi. Jadi kita minta kerajaan menyemak semula bantuan kepada OKU ini.

Saya hendak menyebut tentang insurans BR1M ataupun Takaful BR1M ini. Tahun lepas 2014 apabila kerajaan memulakan BR1M ini, RM50 diinsuranskan panggil Insurans 1Malaysia dan kita ada tujuh juta penerima. Tujuh juta penerima kali RM50 makna dia RM350 juta digunakan sebagai premium kepada Syarikat Takaful. Apabila ditanya oleh salah seorang Ahli Parlimen kita, jawapan bertulis- yang hanya kelim menuntut pampasan apabila ada kematian, kemalangan hanya 13,000 orang sahaja yang layak lebih kurang, yang dapat dan pampasan yang dikeluarkan hanya RM42 juta. Kita tidak perlu ada sistem Takaful ini. Kerajaan boleh letak RM350 juta ini dalam satu tabung, biar JKM yang mentadbirnya maka semua golongan yang dapat BR1M ini tanpa syarat, mati sahaja bagi sahaja. Akan tetapi sekarang kita tengok Syarikat Takaful, beberapa syarikat yang digabungkan sudah dapat keuntungan RM300 juta. Satu lagi pembaziran ketirisan yang sepatutnya duit itu digunakan untuk rakyat.

Akan tetapi kali ini saya tengok Perdana Menteri sudah memberi dalam ucapannya baru-baru ini bahawa akan melakukan, tidak lagi membuat skim Takaful ini tetapi menggantikannya dengan Takaful berkelompok, Skim Khairat Kematian bantuan RM1,000

yang akan berkuat kuasa selama satu tahun. Untuk makluman Parlimen, Dewan Rakyat ini negeri Selangor dari tahun 2008 telah melaksanakan apa kita panggil Skim Mesra Usia Emas.

■1220

Di mana warga emas 60 ke atas secara automatik, tidak kira kaya, tidak kira miskin tidak kira Cina, tidak kira Melayu, tidak kira India, tidak kira agama apa daftar sahaja sekiranya dia meninggal *innalillahwainailahirojiun*, maka keluarga penamanya akan dapat urusan khairat kematian RM2,500. Kelantan sudah lama melaksanakan skim takaful ini ataupun khairat kematian ini. Jadi terima kasih kerana maknanya kerajaan melihat kewajaran apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh gulung.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh gulung sudah? *Allahu Akbar*. Saya hendak cakap kata saya sokong apa yang dilakukan di Sabah dan Sarawak. Macam-macam hendak buat. Tengoklah sendiri banyak mana hendak beri. Cuma menjadi kekusaran saya kerana projek-projek ini seharusnya menjana pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Kita ada ramai rakyat Sabah yang berhijrah duduk di Kuala Lumpur, di Selangor dan sebagainya dan kehidupan di sini pun tidak mudah, tidak senang. Mereka masih lagi bekerja dengan pekerjaan-pekerjaan yang berpendapatan rendah. Satu rumah kadang-kadang dihuni oleh dua, tiga keluarga.

Akan tetapi pokoknya saya hendak tanya kenapa baru-baru ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia mengatakan bahawa akan bawa masuk 12,000 orang dari Bangladesh. Minta Kerajaan Bangladesh menyediakan 12,000 orang untuk tambah di atas 5,000 pekerja Bangladesh yang sedia ada di Sarawak. Saya tidak faham bagaimana kerajaan kita tidak memikirkan jangka masa panjang kesan kedatangan pendatang-pendatang ataupun pekerja-pekerja asing.

Di Semenanjung sendiri, kalau kita lihat pekerja-pekerja Bangladesh dan Indonesia sudah memasuki *penetrate* ataupun *invade* dengan izin semua sektor pekerjaan. Daripada perniagaan runcit, kedai-kedai runcit yang ada di Selangor kawasan Melayu semuanya dimonopoli oleh orang-orang Acheh. Walaupun boleh dikatakan kebanyakan mereka sudah dapat kerakyatan sini dan sekarang ini semua pusat membasuh kereta dan sebagainya semuanya dikuasai oleh orang Bangladesh. Kenapa kerajaan tidak boleh memikirkan untuk memodalkan rakyat untuk kerja-kerja kecilan begini. Misalnya kerja kontrak, potong rumput. Saya masih hairan kenapa perlu ambil kontraktor dan kemudian bagi pula kepada orang Bangladesh untuk buat kerja. Apa salahnya kalau kita mengupayakan rakyat kita untuk membuat kerja-kerja ini. Beri sedikit gaji tinggi pada biasa kerana *intangible cost* yang kita tidak nampak dalam jangka masa panjang lebih besar daripada kalau kita memberi gaji yang lebih tinggi.

Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua berkenaan gaji minimum. Ada lagi syarikat-syarikat keselamatan tidak membayar gaji minimum kepada pekerja mereka dan banyak lagi majikan yang belum bayar gaji minimum. Jadi sampai bila keadaan ini dasar

yang dibuat oleh kerajaan belum habis kita laksana, kemudian kita buat yang baru, kelemahan kita adalah pelaksanaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Julau.

12.23 tgh.

Dato' Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang sama-sama menyertai perbincangan ke atas Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. sebagai wakil rakyat dari luar bandar saya amat berterima kasih dan bersyukur kerana Bajet 2015 nampak amat prihatin kepada semua golongan tidak kira di mana mereka berada. Kami mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keterangkuman yang dipamerkan melalui Bajet 2015. Namun, kami memohon kerajaan mengemaskinikan pangkalan data negara supaya kumpulan sasar menerima bantuan yang mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bila berucap kita sering mendengar rakan-rakan kita di sebelah sana menggambarkan seolah-olah hanya mereka yang bencikan korupsi dan ingin kejujuran dan ketelusan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kami di sini juga mengharapkan semua rakyat negara ini mengamalkan budaya tanpa korupsi supaya kita lebih cekap dan efisien dalam semua tugas kita. Justeru, saya menyeru agar kerajaan mengubah kaedah perolehan dan tata kelola pemberian kontrak supaya persepsi indeks korupsi di negara ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya ingin menyentuh hanya isu berkenaan dengan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo Highway. Yang Berhormat Kalabakan telah meluahkan perasaan tidak puas hati berkenaan cadangan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Highway di Sabah melalui PFI mungkin setelah mendengar keluhan penduduk negeri di bawah bayu itu.

Selaku Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI) saya juga telah diseru oleh ahli-ahli kami untuk meluahkan perasaan tidak puas hati mereka terhadap cadangan pelaksanaan projek tersebut melalui PFI seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Ujar mereka kaedah ini hanya membolehkan suatu konsesi gergasi mendapat kontrak mega ini dan akan menyukarkan dan menyingkirkan penyertaan kontraktor-kontraktor lain khasnya kaum Dayak yang kebanyakannya sudah lama kesepian kontrak. Mereka ingin bertanya adakah sumber kewangan kerajaan kita begitu terhad sampai tidak mampu menghadiahkan sebatang jalan persekutuan kepada negeri-negeri yang sering dikatakan simpanan tetap kepada Barisan Nasional. Mungkin pertanyaan yang lebih tepat mengapa selepas 51 tahun Persekutuan Malaysia wujud tanah besar Malaysia iaitu Sarawak dan Sabah masih belum ada jalan persekutuan yang boleh kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan supaya projek lebuhraya ini dibahagikan kepada beberapa pakej dan DCCI mohon jasa baik kerajaan untuk mengagihkan sekurang-kurangnya 30% daripada anggaran kos kepada kontraktor-kontraktor

DCCI selaras dengan hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum. Bagi memudahkan pelaksanaan projek ini kami mencadangkan peruntukan untuk projek ini bagi negeri Sarawak disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan pelaksanaannya dikendalikan oleh JKR negeri. Kami percaya dengan kaedah ini kerajaan akan dapat menjimatkan belanja dan rakyat kita di Sarawak tahu bahawa kerajaan benar-benar hendak membangunkan negeri yang terbesar dalam persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun seandainya projek ini hanya dapat dilaksanakan melalui kaedah PFI, saya mohon kerajaan memberi penjelasan yang lebih meyakinkan misalnya adakah penyiapan projek ini akan lebih cepat dan pelaksanaannya akan melibatkan kontraktor-kontraktor dan juru perunding-juru perunding tempatan di mana penglibatan kaum Dayak di semua peringkat tidak kurang dari 30%. Dengan itu sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberikan untuk sama-sama berbahas. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Sibul. Selepas Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Tanjong Manis.

■1230

12.30 tgh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan dalam Bajet 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sentimen pemisahan Sabah dan Sarawak dari Malaysia memang semakin kuat. Saya rasa kerajaan mengambil melalui dengan apa yang mengakibatkan kebanyakan Sarawakian dan Sabahan berfikir demikian kerana semua ini berlaku bukan tidak ada sebabnya. Punca terutamanya ialah Sarawakian dan Sabahan sudah semakin kecewa dengan tindak laku Kerajaan Persekutuan yang tidak menghormati rakan-rakan kongsi seratanya dan mereka berfikir mereka dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Baru-baru ini, kes seperti isu Allah dan kes Ibrahim Ali sudah menyakitkan hati-hati orang Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, empat buah negara iaitu Malaya, Sarawak, Sabah dan Singapura bersama menubuhkan Persekutuan Malaysia. Akan tetapi, 51 tahun kemudian, Sarawak hanya menjadi satu daripada 13 buah negeri di dalam Malaysia. Sumber-sumber yang dibahagikan dengan tidak adil mengakibatkan Sabah dan Sarawak sekarang merupakan 20 tahun ketinggalan dari segi infrastruktur. Akibatnya, satu lebuh raya pun tidak ada di Sarawak walaupun beratus bilion disumbangkan oleh negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Kebanyakan orang Sarawak berasa mereka macam masih di bawah satu penjajahan, dan dalam konteks ini, di bawah penjajahan Barisan Nasional walaupun sudah 51 tahun merdeka tetapi kedaulatan masih tidak dirasai.

Dalam Bajet 2015 ini, apabila Perdana Menteri mengumumkan Rancangan Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dengan peruntukan RM27 bilion. Apabila saya menyemak dalam Buku Butiran Bajet yang tebal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjumpai Butiran Lebuh Raya Pan Borneo tersebut. Adakah ia merupakan satu janji kosong? Saya minta penjelasan. Atau kerajaan bercadang untuk menswastakan Lebuh raya

Pan Borneo supaya ia dibina oleh pihak swasta? Jadi, kerajaan tidak perlu mengeluarkan wang tetapi pihak swasta boleh mengembalikan kos pembinaannya melalui kutipan tol. Saya minta pengesahan ini.

Kalau ini betul, saya amat kecewa dan saya rasa rakyat Sarawak juga berasa amat kecewa. Satu-satunya lebuh raya yang dinantikan oleh rakyat Sabah dan Sarawak selama ini akhirnya pun mesti dibayar oleh poket rakyat sendiri. Mana duit Petroleum kami selama ini pergi? Saya mahu menekan sekali lagi di sini bahawa tuntutan 20% *oil and gas royalty* oleh Kerajaan Sarawak adalah berpatutan supaya kami tidak 20 tahun ketinggalan tetapi boleh membangun setaraf sama Malaya.

Pan Borneo *havoc* sudah lama menjadi mimpi ngeri rakyat Sabah dan Sarawak. Beribu-ribu nyawa telah terkorban di atas jalan ini. Jadi, pembinaan lebuh raya tidak boleh ditangguhkan lagi. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menampung kos pembinaannya, bukan melalui kutipan tol. Selain itu, semua kontrak pembinaan mesti diberikan kepada syarikat-syarikat Sarawak secara *open tender* yang *transparent* supaya ia lebih bermanfaat kepada negeri Sabah dan Sarawak, bukan kroni-kroni semata-mata sahaja.

Seperti yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Labuan, Labuan juga berhasrat, bermimpi supaya ada satu jambatan boleh dibina untuk menyambung Labuan dengan negeri Sabah dan Sarawak. Akan tetapi, sebelum jambatan itu jadi kenyataan, saya rasa Yang Berhormat Labuan pun akan setuju bahawa Lebuh Raya Pan Borneo mesti dibina dahulu, sebabnya supaya ianya serasi. Bukan satu jambatan yang cantik bergabung dengan Jalan Pan Borneo yang berlubang-lubang dan bengkok-bengkok.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang amat penting kepada rakyat Sarawak ialah Sarawak merupakan negara *secular state* pada dahulu sehingga pembentukan Malaysia juga merupakan *secular state*. Sehingga kini juga merupakan *secular state*. Kami menjadi rakan kongsi Malaysia dengan persefahaman bahawa Persekutuan Malaysia merupakan negara sekular. Jadi, jangan sekali-kali hendak mencabar toleransi rakyat Sarawak bahawa Persekutuan Malaysia ialah negara *Islamic* atau negara bukan sekular. Isu ini amat sensitif dan rakyat Sarawak tidak akan merasa senang kalau sekali-kali dibangkitkan isu ini. Saya harap persefahaman ini akan dihormati oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam bajet ini sekali lagi menunjukkan satu bajet defisit tetapi tiap-tiap tahun *Audit Report* melaporkan pembaziran, penyelewengan, dan pembelian yang tidak diperlukan dan banyak lagi *white elephant projects*. Pelaksanaan GST dan memotong subsidi juga menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat sudah semakin kurang berkesan untuk mengutip cukai kerana negara Malaysia terlalu besar dan Kerajaan Persekutuan semakin kekurangan wang untuk membangunkan infrastruktur kerana terlalu banyak penyelewengan dan pembaziran yang tidak dikawal dengan berkesan. Ini semua diakibatkan oleh Putrajaya terlalu jauh. Putrajaya terlalu jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampainya masa kita mengkaji balik sistem pentadbiran persekutuan kita. Memang Putrajaya terlalu jauh. Tidak tahu apakah keperluan dan keadaan sebenar yang berlaku di sebelah Sabah dan Sarawak.

Saya bercadang *decentralization* ialah jalan baru untuk Malaysia. Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah mesti diberi kuasa yang lebih banyak dalam pentadbiran mereka kerana

kerajaan negeri paling dekat dan mereka lebih tahu keperluan dalam pembangunan negeri masing-masing. Autonomi pendidikan harus dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia dan juga hal ehwal kesihatan.

Saya juga ingin bercadang supaya sebahagian autonomi dalam hal sekuriti seperti sebahagian autonomi dalam pasukan polis diberikan kepada kerajaan negeri. Untuk menjayakan cadangan-cadangan seperti yang saya cakapkan ini, kerajaan negeri perlu mempunyai kewangan yang cukup. Oleh yang demikian, 20% *oil and gas royalty* mesti dikembalikan dan juga 50% daripada kesemua cukai-cukai yang dikutip di negeri Sarawak mesti dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, desentralisasi amat penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh tanya sedikit tidak?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sedarkah bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pandang ke Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah bahawa di sana itu ada satu akta yang diluluskan di Dewan ini pada tahun, kalau tidak silap saya dua tahun yang lepas, Akta 750 yang mengatakan bahawa wilayah negeri hanyalah tiga nautika batu sahaja dari pantai. Bermakna, royalti minyak Sarawak itu yang jauh daripada pantai lebih daripada tiga batu nautika bukan hak Sarawak tetapi ia ialah hak Persekutuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

■1240

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya rasa Kerajaan Persekutuan mesti mengkaji balik apa yang dicakap oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pasir Puteh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Pasir Puteh itu. Desentralisasi amat penting kerana ia boleh memastikan Sarawak dan Sabah boleh berkembang dengan setaraf seperti di Malaya. Ia juga boleh mengurangkan konflik perkauman dalam bidang pendidikan supaya anak-anak Sarawak tidak berasa terancam dari segi bahasa, budaya dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang tentang beberapa isu tempatan di Sibu. Baru-baru ini semua syarikat pembinaan kapal di Sibu menerima surat daripada MITI, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam surat tersebut menerangkan bahawa mereka menerima aduan daripada pihak kilang besi tempatan tentang terlalu banyak *iron plate* diimport oleh industri pembinaan kapal Sibu. Jadi mereka menyuruh MITI melaksanakan *safeguard duty* yang sebanyak 40% ke atas semua *iron plate* yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kapal merupakan satu industri yang penting di SibU. Ia merupakan satu daripada industri yang penting dalam ekonomi SibU. Kalau cukai 40% *safeguard duty* dikenakan ke atas semua *iron plate* yang diimport, memang akan meningkatkan kos *manufacturing* akibatnya industri ini akan kehilangan daya persaingan di rantau ini dan ia memang merupakan hukuman mati kepada industri pembinaan kapal di SibU. Ramai orang akan kehilangan kerja, ekonomi SibU akan merosot. Jadi saya harap lebih banyak bantuan dari kerajaan untuk membangunkan industri ini tetapi bukan membunuh industri ini. Saya menyeru kepada MITI supaya sila mengkaji cara yang lain untuk membantu kilang-kilang besi tempatan, jangan melaksanakan 40% *safeguard duty* ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan di SibU semakin teruk. Kawalan senjata api di SibU atau di Sarawak semakin longgar. Kes tembakan dan pembunuhan dengan senjata api semakin berleluasa. Saya rasa Kerajaan Persekutuan ini memang pandai untuk mengawal media tetapi nampaknya kekurangan upaya untuk mengawal senjata api di Sarawak. Saya harap KDN menjelaskan mengapa kes-kes tembakan pistol ini memang melibatkan kongsi-kongsi gelap di SibU. Kebanyakan ini melibatkan perjudian mesin kuda yang masih belum diatasi oleh Kementerian Dalam Negeri walaupun Yang Berhormat Menteri sudah memberi jaminan pada sesi Parlimen yang lalu bahawa beliau akan membanteras mesin kuda ini dengan jaminan yang kuat. Nampaknya semua ini merupakan satu alasan. Yang Berhormat Menteri cakap Akta PCA diluluskan, mesin kuda akan dihapuskan. Akan tetapi sampai sekarang PCA sudah diluluskan tetapi mesin kuda masih ada di sana.

Selain itu saya juga ingin menyeru Kementerian Dalam Negeri untuk menambah jumlah *investigation officer* di SibU. Banyak kes jenayah tidak boleh ditangani dengan lebih berkesan dan pantas kalau tidak ada *investigation officer* yang cukup. Saya sudah nampak banyak kes jenayah tertunggak dan penjenayah-penjenayah masih di luar sana. Tidak tahu siapa akan menjadi mangsa-mangsa yang seterusnya. Jadi, saya minta Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian dalam isu-isu keselamatan di SibU.

SibU memang selalu dilanda oleh banjir. *Flood mitigation project* di SibU sudah lama dijalankan dan sudah lama ditangguhkan. Saya di sini ingin bertanya kepada Kementerian Alam Sekitar bilakah *flood mitigation projects* SibU ini akan disiapkan? Saya difahamkan bahawa peruntukan untuk *flood mitigation project* SibU ini sudah habis digunakan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi untuk Rancangan Malaysia Kesebelas, berapakah peruntukan untuk *flood mitigation* SibU dan adakah dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang ini projek *flood mitigation* SibU ini akan disiapkan?

Begitu juga saya ingin bertanya kepada Kementerian Alam Sekitar, pam air yang dijanjikan oleh kementerian di Sungai Bidut, bilakah ia akan ditunaikan? Sudah lama orang-orang, penduduk-penduduk di Sungai Bidut, SibU menunggu kerajaan untuk memasang pam air itu supaya masalah banjir di Sungai Bidut boleh diselesaikan. Akan tetapi sehingga kini masih tidak tengok apa-apa projek dilaksanakan.

Jadi saya harap kementerian boleh mengambil perhatian dalam isu ini. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Tanjong Manis.

12.46 tgh.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *A'udzubillahi minasy syaithanir rajim. Bismillahi Rahmani Rahim. Athi'u Allaha wa athii'ur rosula wa ulil amri minkum. Hablumminallah wa Hablumminanas.*

Loves Allah but loves mankind first dan ini adalah satu moto yang telah tercatat dalam agama kita. Kasih Allah tetapi kasih manusia dahulu. Perancangan yang telah diusahakan oleh kerajaan adalah baik. Cuma perangai manusia sahaja yang kita tidak dapat hendak kontrol.

Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua telah memberi saya peluang membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan merangkap Menteri Kewangan yang kita hormati dan kasih. Banyak telah dibicarakan dari segi bajet dan saya sukalah hendak membawa beberapa perkara secara khususnya yang telah mendapat perhatian saya. Kita telah banyak mendengar daripada segi masalah-masalah orang kurang upaya. Kawan baik saya, nama dia Nelson, seorang kurang upaya telah membawa kepada perhatian saya dan telah menyatakan supaya dia memohon agar kerajaan dapatlah melihat tambahan bajet untuk orang kurang upaya.

Ada beberapa perkara yang beliau memohon supaya saya membawa ke perhatian Dewan adalah seperti masalah-masalah mereka hadapi sebagai rakyat istimewa. Mereka merayu supaya peruntukan peluang pekerjaan ditambahkan supaya kerajaan dapat memastikan kuota 1% pekerjaan untuk orang OKU dijadikan mandatori di pejabat, di setiap pejabat kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Ini akan menjadi contoh kepada syarikat-syarikat korporat dan persendirian. Mereka amatlah bangga supaya mereka dapat berdiri untuk mencari nafkah mereka sendiri. Jadi saya amatlah berharap janji kerajaan pada tahun 1980 mestilah ditunaikan kepada mereka.

Saya juga memohon agar dinaikkan *tax relief* dari 200% kepada 300% untuk syarikat-syarikat yang telah memberi pekerjaan kepada OKU sebagai insentif kepada syarikat-syarikat korporat dan syarikat-syarikat persendirian kerana kebanyakan syarikat ini tidak mengendahkan rayuan kerajaan untuk mengambil mereka bekerja. Jadi saya amatlah berharap supaya rintihan mereka didengar oleh semua rakyat jelata.

■1250

Saya juga ingin mengatakan supaya satu polisi dibangunkan supaya setiap satu OKU yang diambil kerja dalam setiap 100 rakyat biasa dijadikan polisi mandatori. Saya juga memohon pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya menetapkan gerai-gerai khas untuk orang OKU berniaga di setiap kawasan gerai. Saya juga memohon agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi kelonggaran daripada pinjaman bank untuk orang OKU kerana kebanyakan masa agaklah sukar untuk mereka mendapat pinjaman bank padahal mereka mempunyai pendapatan tetap. Namun kerana mereka bekerja persendirian, mereka tidak mempunyai *payslip* dan bila mereka tidak mempunyai *payslip*, maka bank tetap akan menolak permohonan mereka.

Jadi ini adalah isu-isu yang amat berat untuk mereka sebagai rakyat. Sama juga seperti rakyat biasa yang amat memerlukan perhatian dan juga saya memohon bagi pihak

mereka untuk memansuhkan polisi *one eye blind policy* kerana itu tidaklah mengikut akta WHO *guideline*. Baru-baru ini seluruh keluarga saya masuk dalam hospital kena sakit denggi. Suami saya dan tiga orang anak-anak saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat boleh?

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Boleh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Berkait. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan OKU tadi, memang Yang Berhormat sangat prihatin kepada orang-orang yang kurang upaya. Namun saya ada satu cadangan, bagi mereka yang memegang kad OKU, mereka tidak, bukan semua yang dapat apa-apa bantuan dari segi kewangan. Ada yang dapat bantuan dari segi kewangan tetapi ramai memegang kad OKU itu mereka tidak mendapat apa-apa ganjaran dari segi kewangan. Saya mencadangkan bagaimana kalau kerajaan boleh memperuntukkan satu jumlah tertentu kepada semua pemegang kad OKU ini sebab saya rasa adalah tidak wajar mereka hanya memegang kad OKU tetapi mereka tidak mendapat apa-apa bantuan dari segi kewangan. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan ini, terima kasih.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju kerana sekarang di bawah kad OKU ia ditermakan sebagai Elaun Cacat Pekerja (EPC) dan ia harus ditukar kepada Elaun Orang Kurang Upaya bermaknanya siapa-siapa saja kurang upaya tetap mendapat elaun. Jadi saya amatlah menyokong ya.

Saya hendak beralih kepada masalah denggi. Tahun ini ialah tahun yang paling tinggi masalah denggi di negara Malaysia dan saya amat risau kerana tiada perubatan yang dapat membantu selain terlantar di hospital dan semua hospital penuh dengan kes-kes denggi. Saya amat berharap tindakan kerajaan dan tindakan rakyat untuk menjaga kebersihan dapatlah diutamakan dan kempen itu haruslah berjalan dengan secara terus menerus, kerana apabila keluarga saya sendiri yang terkena, saya sendiri terkejut dan mengata tidak akanlah ini berlaku kepada saya dan suami saya hampir meninggal. Saya berharap agar kerajaan dapat melihat ini dengan secara serius.

Efficiency public transport di bandar Kuala Lumpur haruslah juga dimantapkan. Kita melihat bagaimana masalah-masalah daripada *public transport* kita amatlah tidak mengikut jadual waktu patut mereka berjalan kerana kereta-kereta pun masuk lorong *public*. Jadi tiada pemantauan daripada segi kereta-kereta yang telah masuk ke dalam lorong-lorong *public*. Jadi saya harap bukan sajalah kita membuat bajet untuk membesarkan jalan tapi juga pemantauan daripada segi pesalah kegunaan lorong-lorong jalan itu juga haruslah dimantapkan kerana kerajaan telah memberikan banyak pengurangan kepada harga kereta dan lebih ramai lagi rakyat yang mampu akan membeli kereta.

Jadi penguatkuasaan yang lebih ketat haruslah dipantau terutamanya di lorong-lorong *public transport* supaya waktu perjalanan bas-bas tidaklah terjejas. Saya juga membawa perhatian kerajaan supaya menggalakkan rakyat menggunakan MRT dan harga-

harga tambang MRT diturunkan supaya lebih kurangnya kita mendapat trafik jam di bandar-bandar dan mengurangkan juga kesesakan di dalam bandar.

Isu pendidikan. Pendidikan di Malaysia banyak mengikut sistem British kerana kita telah dijajah oleh British dan *textbook* mereka terlalu *rigid*, tidak memberi *value* atau nilai untuk pelajar-pelajar itu menjadi *work ready*. Jadi saya berharap Kementerian Pelajaran dapat melihat supaya anak-anak kita atau pelajar-pelajar kita apabila habis universiti, mereka dapat terus masuk bekerja dengan baik kerana kebanyakan masa, membuang masa *employers* dan kemudiannya kebanyakan mereka akan dibuang kerja lagi dan *this became a vicious cycle*. Kualiti-kualiti guru-guru mengajar juga harus dimantapkan dan saya pernah dipohon oleh guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak supaya mereka dipindahkan balik ke Semenanjung. Tidak ramai guru-guru dari Semenanjung berminat untuk berkhidmat di kawasan pedalaman dan kalau mereka berkhidmat pun hati mereka tidak sepenuhnya tetap untuk memberi ilmu pengetahuan mereka kepada anak-anak murid.

Ada yang baik, ada yang bagus. Sampai dapat anak dua, tiga dan mereka berpisah daripada keluarga mereka bertahun-tahun sampai anak mereka besar. Ada seorang guru itu sampai sepuluh tahun tidak berpindah. Berpisah daripada keluarga mereka. Jadi saya harap daripada segi ini peri kemanusiaan, kekeluargaan, Kementerian Pelajaran melihatlah apa cara yang baik. Dari segi guru-guru yang telah didisiplinkan dan banyak kes terutamanya dari bandar dipindah ke kawasan pedalaman. *Astagfirullah*, takkan lah anak kawasan pedalaman mendapat guru-guru yang telah dibuang daripada bandar, dihantar ke kawasan pedalaman dan mungkin mereka juga mendapat keputusan yang tidak cemerlang kerana saya merasa masalah ini akan berterusan. Kalau mereka telah mendapat *disciplinary action*, buang sajalah. Tidak payalah jadi cikgu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat hendak sambung.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Ya, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Manis.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah digelar sebagai Datuk Seri dan mendapat hormat kedoktoran, tahniah *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Thank you.*

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Tadi semasa kita mendapat *break* sewaktu makan, saya telah melihat berita di surat khabar *The Star* dan saya hendak mengucapkan tahniah kepada dua orang anak datang dari SJK(T) Kulim, dua orang anak India yang telah dianugerahkan *Young Inventors' Award* di London baru-baru ini. Mereka mendapat *double gold award at the British Invention Show 2014* di London. Kanak-kanak ini bernama R. Praveena dan V. Sushmita, kedua-duanya berumur 11 tahun yang telah disokong oleh temannya, R. Rajesh berumur 13 tahun, telah mengilhamkan sebuah idea untuk membuat sebuah *machine* yang mereka telah melihat dalam satu artikel *online* pada bulan Mac. Mereka telah membawa kepada perhatian guru sekolah mereka supaya mereka dapat bersama-sama menyertai. Mereka telah membuatkan satu *machine* yang menggunakan *fiber* daripada *sugar cane* dan digunakan untuk menahankan panas di dalam kereta dan sebagai *insulator*. Saya amat bangga kerana ini adalah satu kejayaan anak Malaysia walaupun bukan dari Sarawak tetapi sungguh membanggakan negara Malaysia. Tahniah kepada mereka.

Saya hendak sambung sekali lagi tentang apa yang berlaku untuk negeri Sarawak terutamanya dari segi kekurangan perpustakaan di kampung-kampung atau sekolah-sekolah di luar bandar. Saya memohon dengan kerajaan supaya suatu bajet diadakan untuk setiap kampung di luar bandar supaya mengadakan pusat sumber yang mencukupi dan perpustakaan yang mencukupi kerana banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar Sarawak tidak mempunyai jalur lebar Internet. Ini adalah satu cara untuk kita membantu anak-anak di luar bandar supaya mereka juga dapat ilham-ilham atau idea-idea sama seperti kedua-dua anak yang telah saya sebutkan tadi dan untuk memberi mereka peluang supaya mereka dapat merasa atau mendapat ilham yang lebih untuk mengeluarkan idea-idea yang bernas.

Saya ingin memohon kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi fokus juga kepada pembangunan sukan di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sarawak di mana kebanyakan tanah-tanah di luar bandar adalah tanah gambut yang amat serius. Tiada sebarang padang yang sempurna untuk anak-anak bermain sukan. Bagaimanakah anak-anak ini dapat mengikuti sukan-sukan negara apabila mereka tidak mempunyai sebarang peluang? Saya berharap kementerian lebih kreatif dalam pemikiran demi kesihatan dan peluang untuk bersukan untuk anak-anak pedalaman di negeri Sarawak.

Saya juga telah melihat di Thailand di satu kawasan pedalaman dan Singapura sebuah negara yang moden yang telah membina sebuah padang terapung untuk bersukan. Ini telah menjadi satu tempat di mana seluruh komuniti di kawasan itu dan di kawasan-kawasan lain beramai-ramai dan bergesa-gesa untuk menggunakan padang itu. Apabila musim banjir, padang itu akan terapung dan kanak-kanak masih lagi boleh bermain bola. Jadi saya harap Kementerian Belia dan Sukan dapatlah melihat keadaan-keadaan di luar bandar atau kawasan pedalaman di negeri Sarawak.

Kita juga telah melihat cuaca di seluruh dunia telah berubah dengan drastiknya. Ada satu kala tidak salah saya tahun lepas atau tahun dahulu kekurangan buah-buahan. Tanaman pun berkurangan. *Food security* amatlah mustahak. Negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang terbesar di seluruh Malaysia. Tanah kita banyak. Kalau hendak kata, banyak betul. Jadi saya harap dalam perancangan kerajaan walaupun ada saya melihat

dalam Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut untuk tanaman padi bukit. Saya juga berharap tanaman untuk *basic food security* dimantapkan dengan lebih-lbihnya supaya kos barang harian dapatlah menurun terutama seperti cili dan bawang.

Kita melihat seperti di Indonesia, boleh kata cuaca kita di Malaysia lebih baik dari Indonesia, jauh lebih baik. Akan tetapi mereka berusaha dan dapat menanam bawang. Kenapa kita tidak boleh berusaha, padahal kita telah menyediakan bermacam-macam agensi terutamanya *bio-tech*? Biarlah R&D kita dimantapkan supaya anak-anak kita yang dalam bidang *bio-tech* bekerja dalam bidang itu. Jangan mereka pada hujungnya, jadi *salesman* untuk syarikat-syarikat FAMA yang besar. Biarlah ada peluang pekerjaan dari segi *bio-tech* untuk mereka dan kita harus melihat barang-barang asas keperluan. Saya juga berharap syarikat-syarikat pengusaha perumahan.

■1440

Apabila kita membuat satu perumahan, biar ada *basic* keperluan dapur itu *part of the garden, part of the* dalam perancangan mereka di seluruh kawasan perumahan mereka supaya serta-merta perasaan untuk menanam itu dilahirkan kepada setiap penghuni rumah.

Perubahan cuaca telah mengimpakkan produktiviti pertanian dan ekologi sistem perairan dalam laut yang juga mengimpakkan makanan laut. Saya fikir sekarang dunia akan berubah, lebih banyak kita akan melihat akuakultur di darat, lebih akan mengeluarkan pengeluaran pemakanan laut di darat daripada di laut kerana *contamination* di laut agaklah serius. Bukan sahaja di *South East Asia* tetapi di seluruh dunia.

Saya harap Kementerian Pertanian memantapkan lebih lagi pertanian-pertanian dan akuakultur supaya rakyat di luar bandar mendapat peluang pekerjaan dan kita buat lebih banyak lagi *small holders* supaya mereka dapat hidup. Ini kerana kalau kita hendak tunggu projek-projek yang besar, mungkin tidak sampai pun ke kawasan saya. Jadi saya berharap kita melihat satu *planning* yang baik supaya mereka dapat sebusuk-busuknya memberi makan untuk anak mereka setiap hari dan perut tidak kosong, itu yang lebih mustahak.

Malaysia atau Kerajaan Malaysia banyak mengeluarkan pelbagai idea. Perbankan Islam, halal, kita adalah paling tersohor di seluruh dunia. Kenapalah kita tidak menggunakan *title-title* ini dengan lebih mantap? Janganlah kemudian bila kita dah mempromosi, membuat idea yang bernas, kita melihat negara lain bersaing lebih kuat dan kita akan kehilangan *title-title* ini. Seperti saya sudah ulang, saya akan ulang pada Parlimen yang lepas, gelatin saja, gelatin halal sahaja adalah satu produk sekarang mencecah setinggi USD2 trilion.

Baik dari segi farmaseutikal, pemakanan, apa sahaja yang perlu gelatin. Jadi di situlah kekuatan kita yang kita harus melihat supaya kita dapat melahirkan satu generasi yang baru dalam perancangan bioekonomi. Malaysia banyak diversiti terutamanya di Sabah dan Sarawak. Saya berharaplah kerajaan dapat melihat satu perancangan yang lebih luas daripada segi memantapkan biodiversiti kita daripada *upstream* sampailah ke industri hiliran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Ya. Saya cuma hendak *touch* satu perkara sahaja lagi iaitu daripada segi masalah sambungan paip air di Pulau Beruit. Masalah ini telah lama dan rakyat telah lama menderita menunggu dan telah dijanjikan tahun

2012 akan siap tetapi sekarang sudah tahun 2014. Saya harap janji yang ia akan siap pada hujung tahun ini akan dimakbulkan. Saya tahu juga kementerian telah mem*penalize*kan kontraktor kerana lambat tetapi masih juga bukan satu alasan untuk kita supaya bila di *penalize*, tidak apalah biarlah *penalize*, yang menderita adalah rakyat. Jadi dari mula tadi saya telah mengatakan, '*Sayang Allah tetapi sayang manusia dulu*'. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

2.44 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2015. Saya nampak pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan telah mengambil banyak masa untuk sediakan bajet ini dan saya hargai usaha mereka. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu selesa dengan pendekatan yang telah dipakai. Ia ini didasarkan pada satu konsep bahawa apa yang baik untuk kaum korporat besar adalah baik untuk negara. *What is good for business is good for Malaysia* dengan izin.

Oleh itu Bajet 2015 ini meneruskan hala tuju negara kita ke arah ekonomi *neoliberal*. Masalah dengan pendekatan *neoliberal* ialah walaupun ia boleh membangunkan ekonomi, ia boleh besarkan kita punya GDP tetapi ia membawa tekanan kepada 50% rakyat kita yang berpendapatan rendah di negara kita. Sekarang 50% daripada rakyat kita, keluarga kita mendapat pendapatan bulanan di bawah RM4,200 sebulan. Mereka akan menghadapi banyak masalah dengan pendekatan yang diambil oleh bajet kita. Akan tetapi penggubal bajet ini nampaknya tidak sedar bahawa strategi pertama kita dalam bajet iaitu untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi akan bercanggah dengan strategi ketujuh iaitu untuk menyejahterakan rakyat.

Ini yang membimbangkan Tuan Yang di-Pertua kerana minda perancang kita nampaknya tidak ada sebarang keraguan terhadap pendekatan pro korporat. Sedikit pun tidak ada. Nampaknya kita sudah terima hujah-hujah pakar *neoliberal* daripada *World Bank* dan IMF secara menyeluruh, *hook, line and sinker taken*. Inilah yang membimbangkan saya. Bila kita tengok kepada pengalaman Malaysia, pada tahun 1970 GDP Malaysia hanya RM10.7 bilion, itu dalam nilai mata wang pada ketika itu. Tahun ini GDP kita ialah RM1 trilion ataupun RM1,000 bilion iaitu 93 kali lebih besar daripada GDP pada tahun 1970. Jika kita hendak hitung berapakah kenaikan GDP per kapita kita, kita kena ambil kira nilai wang, inflasi. Mengikut statistik *World Bank*, harga barangan telah naik lebih kurang 467% antara 1970 dan tahun ini.

Kita juga kena ambil kira penambahan dalam jumlah rakyat Malaysia. Pada 1970 ialah 9.4 juta berbanding dengan 29 juta sekarang, tiga kali lebih. Jadi kita kena bahagi 93 iaitu kenaikan GDP dalam *currency* itu oleh 4.7 dan juga oleh 3.1. Kita dapati bahawa pendapatan per kapita di Malaysia telah naik enam kali ganda berbanding pendapatan per kapita pada 1970. Akan tetapi bila kita tengok rakyat kita, adakah kita ini enam kali lebih senang, lebih selesa daripada cara kita hidup dalam tahun 1970? Saya ingat tidak. Bila saya tengok di kawasan saya di Sungai Siput, saya tengok ada beratus-ratus petani kecil, pekebun

getah kecil yang bermasalah kerana harga getah sekarang satu kilo hanya RM1.80 sahaja. Untuk mereka yang menoreh bahagi dua, masalah lebih teruk.

Ada beratus-ratus keluarga di bandar Sungai Siput yang masih duduk di rumah-rumah papan di atas tanah orang lain ataupun tanah kerajaan, bukan rumah mereka sendiri. Mereka menghadapi masalah, mungkin mereka akan diusir bila ada pembangunan di kawasan mereka. Ada berpuluh-puluh ribu ibu tunggal di Sungai Siput yang sekarang ini mereka mendapat bantuan kebajikan tetapi berapa banyak? RM400? Jadi mereka ini tidak boleh jaga anak-anak mereka dengan baik. Kitaran kemiskinan akan berterusan daripada generasi ini kepada generasi yang depan. Ini saya percaya tidak hanya berlaku di Sungai Siput sahaja. Bila kita tengok *medium income* yang dikatakan di bajet, RM4,200. Jadi 50% daripada keluarga kita ada pendapatan di bawah RM4,200.

■1450

Saya ingat di Sungai Siput lebih lagi. Sebanyak 50% saya ingat di bawah RM2,500 sebuah keluarga. Jadi, keluarga-keluarga di Malaysia yang pendapatan mereka di bawah RM3,000 sebulan lebih kurang 30% daripada mereka, mereka susah, mereka tidak dapat penuhi keperluan asas untuk keluarga mereka. Di bandar-bandar macam Kuala Lumpur, mereka terpaksa duduk di rumah-rumah yang sempit, di rumah-rumah pangsa, *urban high risk*. Mereka terpaksa bekerja lebih masa. Itu pun kena kerja, bapa pun kena kerja macam *lorry driver*.

So mereka tidak ada masa untuk anak-anak mereka. Ini semua menjadi sebab utama untuk masalah sosial yang anak-anak mereka hadapi. Graduan universiti pun mengalami tekanan *finance*. Mereka ada pinjaman PTPTN RM5,000 sehingga RM100,000. Harga rumah pun sudah naik sangat tinggi. Mereka tidak boleh beli. Jadi, ini keadaan yang dihadapi oleh rakyat kita di Malaysia walaupun GDP kita telah naik 40 kali ganda berbanding dengan 1970. Walaupun per kapita kita naik enam kali ganda tetapi majoriti rakyat kita masih menghadapi tekanan ekonomi.

Kita tengok gaji hanya merupakan 33% daripada pendapatan negara dan hutang isi rumah *house hold debt* ialah 85% daripada GDP apabila kita banding dengan pendapatan isi rumah, hutang isi rumah ialah 215% daripada pendapatan semua keluarga kita.

Jadi, untuk menangani masalah ini, kita harus faham apakah puncanya. Baru kita boleh aturkan langkah-langkah untuk *tackle* semua masalah ini. *I think the main problem*, masalah yang pokok ialah kenaikan barangan keperluan asas. Ini lebih pesat, lebih laju daripada kenaikan dalam pendapatan rakyat kita. Walaupun pendapatan kita sudah naik tetapi *the cost of living*, kos hidup naik lebih teruk.

Oleh sebab utama itu ialah kerana keperluan asas telah diperniagakan untuk dijadikan *business* dalam 30 tahun yang lalu. Ini seperti yang disyorkan oleh pakar daripada *New World Bank* dan IMF. Saya bagi *example* satulah macam perumahan, 40 tahun dahulu apabila ada orang dari estet datang ke bandar atau orang dari kampung-kampung datang ke bandar untuk kerja, mereka tidak dapat beli rumah dekat taman. Apa mereka buat? Mereka bina diri sendiri di tanah lapang, tanah kerajaan, tanah bekas lombong. Mereka beli rumah mereka tanpa ambil pinjaman bank. Dengan kawan-kawan mereka, dia buat rumah.

Semasa itu beribu-ribu orang miskin dari kawasan luar bandar datang ke bandar, mereka dapat bina rumah sendiri. Pada masa ini kaedah ini kita tidak boleh pakai lagi. Sekarang semua tanah kerajaan telah diberi kepada syarikat-syarikat milikan kerajaan seperti kepada *State Secretary Incorporated*, Perbadanan Kemajuan Negeri atau *MB Incorporated*. Tidak ada lagi tanah kosong and *State Secretary Incorporated and MB Incorporated* apa mereka buat? Mereka jual kepada pemaju. Ada spekulasi dalam tanah.

Sebenarnya perkara macam ini, tanah kerajaan telah dipakai untuk membuat rumah dengan harga yang boleh dibayar oleh orang ramai tetapi ia jadi spekulasi, diniagakan. Syarikat kerajaan dapat durian runtuh, pemaju dapat satu untung yang besar. Akan tetapi siapa yang bayar? Marhaen kita yang bayar dengan harga kos rumah yang tinggi.

Jadi, untuk menangani isu ini, apa yang kita harus buat ialah kita kena keluarkan satu keperluan asas iaitu perumahan daripada pasaran. Kita kena henti perniagaan dalam perumahan. Kita harus pakai tanah kerajaan membina rumah, jual kepada rakyat marhaen kita, rumah pertama dengan kos pembinaan sahaja tanpa spekulasi, tanpa untung besar untuk syarikat-syarikat milikan kerajaan. Ini harus dibuat.

Akan tetapi kita tengok pendekatan dalam bajet, kita masih simpan sistem of perniagaan dalam perumahan. Kita hanya bagi *MyHome*, kita bagi RM30,000 kepada pihak swasta untuk kurangkan kos rumah tetapi spekulasi dalam tanah masih berlaku. So kos rumah yang kita cakap sekarang macam PR1MA. Kita katakan PR1MA adalah bantuan kita beri kepada rakyat kita tetapi kosnya RM200,000 sampai RM450,000 itu bukan kos yang orang boleh bayar.

Kita diberitahu oleh Menteri 1.7 juta keluarga di Malaysia tidak ada memiliki rumah dan kebanyakan daripada mereka 50% keluarga yang miskin dengan pendapatan RM4,000 ke bawah. Mereka tidak boleh beli sebuah rumah dengan harga RM200,000, *impossible*. Skim yang kita adakan skim untuk PPR yang kita ada macam contoh Sungai Siput dalam 20 tahun yang lalu ini langsung tidak ada skim. Kita memang ada PPR dalam buku tetapi dalam angka kita tengok berapa buah rumah PPR kita buat di bandar-bandar kita tidak mencukupi. *We are short of 1.7 million houses and* antara mereka ini 90% daripada mereka adalah orang yang miskin.

Setiap tahun ada 200,000 perkahwinan di Malaysia. Sebanyak 200,000 buah keluarga baru yang perlukan rumah dan mereka semua bukan orang yang kaya apabila mereka berkahwin, mereka masih muda. Mereka bukan ada pendapatan yang besar yang boleh beli rumah di PR1MA. *So we are not focusing the problem*. Inilah sebabnya walaupun negara kita sudah kaya, GDP kita enam kali naik daripada 1979 sampai sekarang 40 tahun.

Akan tetapi rakyat kita masih susah dalam negara yang kaya. Itulah masalahnya dan masalah ini tidak ditangani oleh bajet kerana bajet masih *stuck* dalam sistem perniagaan. Itulah caranya. Ambil lagi satu contoh macam dalam masalah perubatan. Sekarang rawatan perubatan untuk orang miskin pun sudah jadi banyak mahal. Ramai orang yang berpendapatan rendah di kawasan Sungai Siput pergi ke hospital swasta. Bukan kerana mereka ada duit tetapi kerana mereka takut pergi ke hospital kerajaan mungkin silap, salah diagnosis.

Masalahnya sekarang di hospital kerajaan ini kita ada hanya 20% daripada pakar di negara kita ada dalam hospital kerajaan. Lain-lain sudah hijrah kepada swasta. So hospital kerajaan ada ramai doktor yang muda tetapi tidak ada cukup *supervision* atau pemantauan oleh doktor pakar yang lebih berpengalaman. So ramai orang pergi ke hospital swasta dan mereka ambil pinjaman daripada kawan-kawan, daripada along pergi ke hospital swasta. Ini satu yang sedang berlaku.

Jadi, dalam bajet langsung tidak ada langkah kita hendak buka beberapa puluh klinik rakyat. Akan tetapi isu *in patient treatment* yang mahal itu tidak ditangani. Cara kita hendak menanganinya senang sahaja. Kita bekukan perkembangan hospital swasta. Kita jangan bagi hospital swasta baru dibina, kita jangan bagi hospital swasta yang ada sekarang untuk membina wad baru untuk menambah perkhidmatannya. Ini akan *slow down*, melambatkan penghijrahan doktor pakar daripada kerajaan ke swasta.

Jika mahu dalam bajet kita boleh bagi satu skim yang baik sedikit untuk doktor-doktor kerajaan supaya kita tahan dia dalam servis. Sekiranya kita buat macam itu, dalam lima tahun kita boleh *build up specialist* kita dalam *government service* dan boleh beri satu rawatan yang lebih berkualiti. *We can do that*.

Akan tetapi dalam bajet ini kita tidak buat. Kita hanya dalam sistem *new liberal*, kita masih dalam sistem pelancongan kesihatan, sudah jadi satu NKRA kita. Kita nampak keperluan asas sebagai satu benda yang boleh diniagakan. Semua boleh diniagakan. Di Amerika *even prison* diniagakan bagi kepada syarikat swasta untuk buat *prisons*. Mungkin kita akan buat servis ini juga. So inilah pendekatan *new liberal*. Dalam pendekatan *new liberal*, semua perkhidmatan, semua barangan boleh diniagakan. Lebih baik diniagakan daripada dibekalkan oleh kerajaan. Kita sudah terima kesilapan itu.

■1500

Ini Tuan Yang di-Pertua, yang mengecewakan. Kita sudah 57 tahun merdeka tetapi minda pemimpin kita masih dijajah. Dijajah oleh *World Bank*, dijajah oleh IMF. Kita terima, *hook, line and sinker* pendekatan *new liberal* daripada mereka.

Kita kena banding tengok 55 tahun dahulu di Bandung, Indonesia, pada Disember 1959 ada satu *conference* di mana pemimpin-pemimpin dari negara-negara ketiga datang dan mereka bincang, berkongsi visi mereka untuk masa depan untuk negara-negara yang baru dapat kemerdekaan. Mahu merdeka yang betul, yang tulen, dia nak pembangunan ekonomi yang untungkan rakyat, dia mahu pengagihan kekayaan negara secara yang adil. Usaha mereka pada masa itu, usaha murni mereka pada masa itu telah gagal.

Ada tiga sebab utama. Satu ialah negara-negara mereka miskin dan tidak ada cukup modal. Selepas dijajah untuk beberapa abad, mereka tak ada cukup modal, tak ada cukup surplus untuk menjalankan semua program mereka. Masalah kedua yang mereka hadapi pada masa itu ialah kelemahan dalam budaya demokrasi. Mereka baru daripada sistem feudal, mereka daripada demokratik tetapi masih belum matang, tak ada cukup *check and balance*, wujudnya rasuah dan ada masalah. Yang ketiga kenapa mereka gagal ialah ada sabotaj dari Amerika Syarikat dan England.

Umpamanya, ambil contoh Mossadegh, Presiden Iran pada tahun 1951. Dia digulingkan oleh CIA selepas dia negara-milikan Anglo-Iranian Petroleum. Beberapa bulan

dia digulingkan. Kita ambil Nasser di Mesir bila dia negara-milikan *Swiss Canal*. Dia di *invaded* oleh Britain-Israel. Sukarno juga digulingkan.

Akan tetapi sekarang selepas 59 tahun selepas Bandung itu, negara dunia ketiga, negara-negara kita semua mempunyai kapasiti fizikal. Kita ada perusahaan, kita ada teknologi, kita ada infrastruktur dan kita ada pengetahuan untuk melaksanakan visi yang diutarakan pada tahun 1955. Akan tetapi masalah yang kita hadapi sekarang ialah visi itu tiada lagi. Pemimpin kita sudah hilang. Sudah merdeka tetapi dalam sini... [*Sambil membuat bahasa badan*] Masih dijajah oleh *World Bank*. *That's the tragedy we are facing. We can actually do* apa yang dibawa oleh Nasser, Nehru dan Sukarno pada masa itu. Mereka tak dapat buat tetapi kita boleh buat. Tak nak buat, tak ingat boleh buat. Ini yang mengecewakan.

So, masalah yang kita hadapi sekarang, kenapa rakyat Malaysia walaupun negara kaya tetapi mereka rasa tertekan oleh ekonomi ialah pengagihan kekayaan negara kita. Daripada Bajet, kita boleh tengok 60% daripada pendapatan negara pergi ke syarikat-syarikat yang besar, 10% lagi pergi ke 20% rakyat yang terkaya. So, 70% pergi kepada orang kaya dengan syarikat-syarikat mereka. Hanya 30% pergi kepada marhaen kita, 80% rakyat kita.

Cara kita ubah suai ini, cara kita membaiki ini, satu, ialah kita boleh naikkan gaji pekerja tapi itu ada batasannya. Malaysia naikkan gaji, daya saing kita di *economy global* akan *affected*. So, *there is a problem*. Kita tak boleh buat sangat banyak.

Akan tetapi, cara kedua kita boleh buat, kita boleh bekalkan kemudahan asas dengan harga yang murah. Kita boleh hentikan perniagaan dalam perumahan. Kita boleh bagi rumah pertama kepada semua keluarga di Malaysia. Kita bagi rumah pertama dengan pakai tanah kerajaan tanpa kos dengan kita caj kos pembinaan sahaja. Jangan bagi spekulasi dalam tanah. *We can do that* tapi kita tak buat.

Kita boleh beri rawatan berkualiti di hospital umum dengan hentikan program pelancongan kesihatan. Kita bina balik kualiti rawatan di hospital-hospital kita. *We can do that*. Kita boleh beri pendidikan percuma ke tahap universiti. Kita boleh beri pencen warga tua untuk semua yang berumur 65 tahun ke atas. So, kita boleh agihkan kekayaan negara kita tanpa jejaskan daya saing kita. *If we raise the wages, yes, I agree*. Kita bagi semua orang minimum *wages* RM2,000 mungkin kita tak boleh bersaing. Akan tetapi jika kita pakai kekayaan negara kita secara *social program* macam saya utarakan tadi, ini tidak akan jejaskan persaingan kita, daya saing kita dan dia juga akan mengembangkan pasaran dalaman negara kita yang kita ada lebih kurang dua juta peniaga kecil yang bergantung pada *market*.

Saya akan gulung. Akan tetapi, kaedah ini ...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Laluan, laluan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang kesihatan tadi, bolehkah kita perkasakan kesihatan atau Kementerian Kesihatan kita dengan hospital-hospital umum ini diperkasakan betul-betul, diberikan gaji yang lebih lumayan kepada doktor-doktor khususnya doktor pakar tanpa kita menyekat kebebasan hospital swasta untuk berkembang dan menarik pelancong-pelancong? Saya rasa boleh dilaksanakan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat Sungai Siput? Terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya rasa ada baik jika kita boleh buat satu *service commission* yang berasingan untuk semua kakitangan kesihatan kita tapi kita tak boleh bersaing dengan pihak swasta dengan pendapatan. So, saya rasa pelancongan kesihatan boleh dilakukan macam di Cuba, mereka buat, tapi mereka ada cukup doktor untuk diri sendiri baru dia buat. Di Malaysia, bila kita buat pelancongan kesihatan, rakyat kita tak dapat rawatan. Saya rasa kedua-dua ini kita kena buat.

Saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu saya sudah habis masa. Saya akan akhiri ucapan saya dengan syor kepada perancang ekonomi kita di EPU dan Kementerian Kewangan, rujuk baliklah kepada ucapan-ucapan tokoh-tokoh kemerdekaan pada dekad 50-an dan 60-an. Tolonglah pergi baca apa yang dihujahkan oleh Sukarno, oleh Nehru dari India, oleh Mossadegh dari Iran pada tahun 1951, oleh Nasser dari *Egypt*, Nkrumah dari Ghana. Apa yang dikatakan mereka, apa visi mereka dan *renew* balik, adakah kita ini sesat daripada tujuan kita berjuang untuk dapat kemerdekaan. Kita dapat kemerdekaan daripada segi politik tetapi untuk kebebasan, untuk membentuk satu negara yang maju dan adil pada kita, *I think we are lost*. So saya haraplah tahun depan bawa satu bajet yang lebih baik daripada ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

3.08 ptg.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan turut serta dalam perbincangan Bajet 2015 ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2015 yang merupakan bajet ke-56 yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Bajet 2015 ini meneruskan agenda membela rakyat. Malah, Bajet 2015 ini ialah bajet yang terbaik pernah dibentangkan kerana menggabungkan pendekatan *capital economy* dan *people economy* dengan izin, menjadikan komprehensif dan konklusif. Bajet 2015 ini juga membuktikan iltizam dan komitmen kerajaan menekankan kepentingan rakyat selari dengan dasar rakyat didahulukan, prestasi diutamakan.

Secara amnya, Bajet 2015 memberikan tumpuan kepada golongan sederhana dan golongan berpendapatan rendah dalam menangani kos sara hidup semasa semakin meningkat dan masalah perumahan bagi golongan muda berpendapatan rendah dan sederhana.

Bagi menjayakan pelaksanaan Bajet 2015 ini, kerajaan telah mengambil tujuh strategi utama iaitu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal, mengupayakan modal insan, keusahawanan, memperkasakan agenda bumiputera, memartabatkan peranan wanita, membangunkan program transformasi belia negara dan menyejahterakan rakyat.

■ 1510

Jelas Bajet 2015 ini memberikan penekanan kepada memperkukuhkan aktiviti ekonomi dan memastikan tadbir urus fiskal yang mantap dalam mengharungi ekonomi global yang mencabar dan kompetitif. Fokus Bajet 2015 ini tertumpu terutamanya keusahawanan wanita dan belia. Kerajaan juga terus komited untuk menyejahterakan kehidupan rakyat dan memperkasakan bumiputera khususnya dari pendidikan sosial dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung strategi pertama Bajet 2015 iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi. Pertama saya ingin menyentuh berhubung tindakan kerajaan memperkukuhkan pasaran kewangan Islam. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan yang telah memperkenalkan Pasaran Kewangan Islam kepada dunia dan beridentiti jenama ikonik baharu iaitu Malaysia Pasaran Kewangan Islam Dunia yang menyampaikan undangan terbuka kepada komuniti global untuk bekerjasama dalam saling mengambil manfaat daripada pasaran kewangan Islam yang menyuruh dengan rangka kerja pengawalan penyediaan syariah dan undang-undang yang komprehensif.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan setakat manakah pusat kewangan Islam Antarabangsa Malaysia atau pun *Malaysia International Islamic Finance Centre* yang dilancarkan pada tahun 2006 yang telah berjaya memangku desa sebagai pasaran antarabangsa kewangan Islam dan sejauh manakah pencapaian dan prestasi Malaysia dalam pasaran kewangan Islam. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sistem perbankan Islam sepenuhnya bagi menggantikan sistem perbankan komersial yang masih wujud di negara ini bagi memastikan sistem perbankan di negara ini halal sepenuhnya.

Keduanya saya ingin menyentuh berhubung merancang pelaburan awam dan swasta khususnya projek pembinaan Lebu Raya Pantai Barat dari Taiping ke Banting sepanjang 276 kilometer dengan kos RM5 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan status terkini projek Lebu Raya Pantai Barat dari Taiping ke Banting ini dan bilakah dijangka projek ini akan dimulakan dan selesai pelaksanaannya. Saya juga ingin mendapat penjelasan berhubung dengan jajaran baru lebu raya ini terutamanya jajaran daripada Tanjong Karang ke Sabak Bernam supaya projek ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Ketiga saya ingin menyentuh berhubung dengan meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membina 1,000 menara pencawang telekomunikasi baru dengan peruntukan RM2.7 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan setakat ini berapa peratuskah kawasan yang telah diliputi oleh *high speed broadband* di seluruh negara. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar terutama di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Keempat saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana. Sebagaimana maklum PKS bukan saja penting kerana menyumbang kepada KDNK sebanyak 33% pada masa kini dan dijangka 41% menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, perkembangan PKS agak perlahan di kawasan pembangunan seperti Sabak Bernam yang banyak bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan

membangunkan lebih banyak PKS di kawasan luar bandar seperti di kawasan Sabak Bernam ini khususnya yang berasaskan pertanian dengan mewujudkan lebih banyak kawasan perindustrian.

Langkah ini bukan sahaja akan menggiatkan kegiatan pertanian dan PKS tempatan tetapi juga akan menyediakan peluang pekerjaan serta melahirkan lebih ramai usahawan PKS kepada penduduk setempat terutamanya golongan muda. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan strategi ketiga iaitu keupayaan modal insan dan keusahawanan khususnya memantapkan profesionalisme perguruan dan prestasi sekolah. Sebagai bekas guru saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkukuhkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 bagi memperkasakan sektor pendidikan dengan peruntukan yang besar sebanyak RM56 bilion.

Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan bagi membangunkan memartabatkan bidang pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berkebolehan untuk mengisi keperluan modal insan negara maju menjelang tahun 2020. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM250 juta untuk menjayakan program pembimbing pakar peningkatan sekolah dan rakan peningkatan sekolah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah pendekatan kedua program ini dan sejauh manakah ia mampu meningkatkan prestasi pendidikan negara keseluruhannya.

Berhubung dengan pendidikan ini, pertama saya ingin membangkitkan tentang pembinaan baru Pejabat Pendidikan daerah Sabak Bernam. Cadangan ini telah lama dan sering dibangkitkan sejak tahun 2009 lagi. Memandangkan keperluan yang amat mendesak, tanggungjawab PPD adalah besar. PPD Sabak Bernam menguruskan 64 buah sekolah kebangsaan menengah iaitu Sekolah Kebangsaan - 35; SJK(C) -10; SJK(C) - dua; SMK - lapan; SM(A) - tujuh; SMK(A) - satu; dan SUBI - satu. Tanah bagi kompleks pendidikan Sabak Bernam ini sudah pun dikenal pasti. Saya memohon kerajaan supaya mempertimbangkan segera pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam.

Kedua Sabak Bernam juga memohon kerajaan untuk meluluskan cadangan untuk membina sekolah baru iaitu SMK Tebuk Pulai untuk menampung sebilangan besar pelajar di kawasan sita bagi menggantikan SMK Tengku Abdul Rahman Putra yang bakal dijadikan pusat tingkatan enam. Manakala SMK Ungku Aziz tidak dapat lagi menampung bilangan pelajar yang terus bertambah. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengurus perdana pendidikan teknikal dan vokasional memandangkan 46% pekerjaan menjelang tahun 2020 nanti adalah dari kalangan yang berkelayakan teknikal dan vokasional.

Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Sehubungan dengan ini saya menggesa kerajaan supaya memastikan kemudahan prasarana dan infrastruktur semua kolej vokasional politeknik dan kolej komuniti termasuk dari segi asrama. Sehubungan dengan ini saya ingin menyentuh berhubung dengan keperluan asrama di Politeknik Sultan Idris Sabak Bernam. Pada masa kini politeknik Sabak Bernam mempunyai seramai 4,379 pelajar dengan menyediakan kemudahan asrama bagi 2,500 pelajar sahaja. Manakala 1,800 pelajar lagi terpaksa menyewa rumah. Keadaan ini agak menyukarkan dan membebankan pelajar kerana kesukaran untuk mendapatkan rumah sewa dan kadar sewa rumah yang tinggi. Malah sewa rumah kos rendah pun mencapai RM1,200 sebulan.

Selain itu terdapat juga rungutan berhubung dengan gejala dan masalah sosial yang timbul kerana pelajar-pelajar tidak dapat diawasi oleh pihak politeknik kerana pelajar-pelajar ini tinggal di luar asrama. Selain daripada itu, politeknik mempunyai 307 pensyarah dan 90 orang kakitangan sokongan. Kedudukan politeknik agak pedalaman dan ketiadaan projek perumahan telah menimbul kesukaran pada pensyarah dan kakitangan sokongan untuk mendapatkan rumah sewa dan sebagainya. Sehubungan dengan itu saya mohon kerajaan agar menimbangkan untuk membina asrama pelajar bagi memenuhi keperluan seramai 1,800 pelajar Politeknik Sabak Bernam. Ini memandangkan kesukaran untuk mendapatkan rumah sewaan.

Saya memohon Kementerian Pendidikan agar menimbangkan untuk membina asrama kepada pelajar-pelajar Politeknik Sabak Bernam. Selain itu saya juga memohon agar kerajaan menimbangkan untuk membina rumah atau kuarters untuk pensyarah dan kakitangan sokongan Politeknik Sabak Bernam. Berhubung dengan Politeknik Sabak Bernam ini juga, saya ingin menyentuh masalah pengangkutan pelajar untuk pergi balik ke politeknik ini. Saya mohon kerajaan menambah kemudahan pengangkutan awam kepada politeknik ini bagi kemudahan pelajar.

Berhubung dengan asrama pelajar, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Kolej Komuniti Sabak Bernam. Pada masa kini yang mempunyai 300 pelajar termasuk pelajar yang mengikuti latihan industri. Saya difahamkan Kolej Komuniti Sabak Bernam ini adalah lima buah kolej komuniti seluruh negara yang tidak mempunyai kemudahan asrama. Keadaan ini telah menyebabkan 300 pelajar ini terpaksa menyewa rumah. Bagi semester pertama sebahagian guru telah mengambil inisiatif membantu mendapatkan rumah dan seterusnya mengawasi pelajar-pelajar ini. Bagaimanapun pelajar-pelajar terpaksa mendapat rumah sewa sendiri bagi semester kedua dan seterusnya.

Keadaan ini telah menyukarkan pelajar. Apa yang lebih membimbangkan pelajar adalah masalah gejala sosial.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kebolehpasaran graduan yang dianggarkan 53,000 graduan masih belum mendapatkan pekerjaan setelah enam bulan tamat pengajian. Walaupun peluang pekerjaan agak terbuka luas masa kini, namun saingan adalah sengit antara graduan IPTA dan IPTS. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bilangan dan peratus graduan IPTA dan IPTS yang gagal mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh berhubung dengan strategi keempat Bajet 2015 iaitu memperkasakan agenda bumiputera khususnya inisiatif untuk membangunkan penyertaan bumiputera dalam PKS. Saya mengalu-alukan cadangan Lembaga Tabung Haji yang akan memperuntukkan RM200 juta bagi penubuhan akaun pelaburan terhad patuh syariah di Bank Islam bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kredit antara RM50,000 hingga RM1 juta.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan pengusaha PKS bumiputera sedia ada dan sejauh manakah peruntukan Lembaga Tabung Haji ini mampu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam PKS khususnya dalam industri makanan halal. Dalam

memperkasakan agenda bumiputera ini, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sejauh manakah kesan perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement* terhadap agenda memperkasakan agenda bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan strategi keenam Bajet 2015 iaitu membangunkan program transformasi belia negara, golongan belia sebagai salah satu golongan yang menjadi tumpuan negara kerana golongan belia adalah harapan negara. Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk melancarkan pelan transformasi belia negara dengan peruntukan RM320 juta.

Saya ingin mencadangkan agar program ini turut melibatkan sepenuhnya penglibatan belia luar bandar dengan merangka program khusus kepada belia luar bandar supaya dapat meningkatkan keupayaan diri daripada segi kepimpinan, pendidikan dan keusahawanan. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan Skim Perumahan Belia ataupun *Youth Housing Scheme* iaitu pelbagai kemudahan pembiayaan pemilikan rumah pertama dan dalam kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh strategi ketujuh Bajet 2015 iaitu menyejahterakan rakyat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang terus prihatin kepada kepentingan rakyat dengan meneruskan bantuan persekolahan sebanyak RM100 dan program Baucar Buku 1Malaysia sebanyak RM250. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan kepada golongan nelayan daripada segi pembangunan dan kebajikan nelayan seperti menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan Zon 'A' kepada RM300 dan Zon 'C' dinaikkan kepada RM250 sebulan. Malah nelayan darat sepenuh masa juga pertama kalinya elaun RM200 sebulan.

Berhubung dengan nelayan ini, saya ingin membangkitkan nelayan Parlimen Sabak Bernam yang kini berjumlah 1,700 orang dan lebih 400 orang ialah nelayan tradisi yang sebahagiannya mempunyai lesen dan tidak mempunyai lesen. Sehubungan ini saya memohon kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menimbangkan permohonan nelayan-nelayan ini. Pertama, bantuan sampan *fiber glass*, enjin, pukot dan peralatan penangkapan ikan sebanyak RM20,000 setiap satu untuk 20 orang nelayan. Kedua, bantuan baik pulih rumah sebanyak RM10,000 untuk 30 orang nelayan dan bina baharu rumah nelayan sebanyak RM40,000 bagi 30 orang nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut berhubung dengan pemilikan rumah melalui pelbagai projek dalam program seperti PR1MA, Program Perumahan Rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Idaman Rakyat Syarikat Perumahan Negara. Selain itu, SPNB juga akan membina 20,000 unit Rumah Aspirasi Rakyat di atas tanah persendirian. Saya mohon kepada kerajaan khususnya melalui Jabatan Perumahan Negara dan SPNB untuk membina rumah di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan kemudahan dan infrastruktur luar bandar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada kerajaan menimbangkan dua buah projek jalan yang penting. Pertama, melebarkan jalan dari Simpang Empat Kampung Sungai Apong ke Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam, Sungai Lang dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam sebanyak 2.5 kilometer

dengan kos dianggarkan RM3 juta. Kedua, melebarkan jalan utama Sungai Tengar sebanyak 5 kilometer dengan kos dianggarkan RM2.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin menyentuh keselamatan dan ketenteraman awam. Saya mohon Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mempertimbangkan, untuk menyediakan jeti bagi kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabak Bernam yang dianggarkan RM300,000. Keperluan jeti ini amatlah mendesak khususnya bagi tugas-tugas menyelamatkan sebagaimana yang dimaklumkan. Saya sendiri mengalami keadaan yang sukar, mencemaskan apabila menyelamatkan mangsa kerana kesukaran pasukan bomba mendapatkan mangsa kerana air sungai yang cetek disebabkan ketiadaan jeti khas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai bencana alam yang baru-baru ini berlaku di kawasan Parlimen saya. Selama 40 tahun perkara ini tidak pernah berlaku dan amat mengejutkan masyarakat setempat apabila bencana ini terjadi. Untuk dimaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 14 buah keluarga termasuk berpindah dan seramai 52 orang terlibat. Dalam ini yang mendadak naik adalah disebabkan sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik dan tidak mengikut jadual. Terdapat banyak parit dan longkang tersumbat kerana rumput dan sampah yang tidak ditebaskan dan diurus dengan baik.

Hal ini adalah faktor penyebab terjadinya banjir kilat baru-baru ini. Sepatutnya kerajaan negeri, kepimpinan Pakatan Rakyat menyedari perkara ini. Selain itu, terdapat juga balai raya yang rosak dan tidak dibaiki sehingga terbiar dan tidak digunakan oleh masyarakat. Hal ini juga disebabkan kekangan pihak tertentu malah apabila hendak digunakan oleh masyarakat setempat tidak diberikan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi mencadangkan kenaikan gaji Ahli-ahli Parlimen bagi mencerminkan tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen ini, saya mengalu-alukan rombongan dari Kuala Kangsar iaitu di Galeri Dewan [*Tepuk*] Dan mengucapkan terima kasih kepada MP Kuala Kangsar. Akhir kalam, saya mengharapkan segala perancangan dan strategi dalam Bajet 2015 akan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab supaya dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat jelata. Kerajaan yang baik seperti Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah ibarat pohon yang rimbun, bukan sahaja boleh menjadi tempat berteduh tetapi juga buahnya manis untuk manfaat semua rakyat jelata. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok.

3.28 ptg.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan bajet pada kali ini. Saya mulakan bicara dengan memetik beberapa potong ayat

al-Quran dalam Surah Yusuf... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Yang membawa maksud, *“Wahai Yusuf! Orang yang benar, terangkanlah kepada kami pengertian tentang tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan tujuh tangkai biji-bijian yang menghiжай dan tujuh tangkai biji-bijian yang kering. Mudah-mudahan aku akan kembali kepada orang yang mengutuskanku untuk memberi pengetahuan kepada mereka”*.

Tuan Yang di-Pertua, Nabi Yusuf a.s. melihat betapa pentingnya pembangunan pertanian kepada masyarakat Mesir pada waktu itu kerana ia merupakan keperluan kepada rakyat. Atas asas ini, beliau menawarkan diri untuk menguruskannya, beliau menyusun pelan jangka panjang bagi memastikan kecukupan bekalan makanan kepada rakyat walaupun negara menghadapi bencana kemarau yang panjang.

■1530

Oleh itu, dalam menyusun Belanjawan 2015, kerajaan perlu melaksanakan pelan jangka masa panjang yang berkesan demi kelangsungan kecukupan bekalan makanan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2015 tidak sewajarnya hanya memikirkan pelan jangka masa pendek, tetapi mesti disusun jauh ke hadapan dengan sebaiknya. Adalah tidak sewajarnya rakyat hanya ditawarkan dengan *one-off* semata-mata. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani juga pernah menyuarakan kebimbangan apabila hanya sekitar 15% anak muda terlibat dalam pertanian di negara kita. Ia adalah sesuatu yang sangat membimbangkan. Kemungkinan jawapan anak muda, *“Siapa yang mahu terlibat dengan pekerjaan yang kurang hasil pendapatannya?”* Dalam dunia hari ini, menunjukkan kos sara hidup di negara kita semakin tinggi. Bidang pertanian kemungkinan semakin akan dijauhi oleh golongan anak muda.

Belanjawan 2015 juga perlu melihat kepentingan anak muda terlibat dalam bidang pertanian. Kita perlu melihat 30 tahun ke hadapan bagi mengimbangi masalah pendapatan yang dilihat tidak seberapa. Kerajaan perlu fokus untuk melahirkan petani-petani moden yang menjadi aset kepada negara. Kita berbangga dengan pertumbuhan pusat-pusat kemahiran yang pelbagai pada hari ini, tetapi di mana pusat latihan untuk anak muda yang fokusnya untuk melahirkan petani-petani mahir? Walaupun kerajaan mewujudkan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) yang diwujudkan pada 1 Oktober 2002, namun fungsinya harus diluaskan lagi. Berapa ramai di kalangan rakyat Malaysia yang mengetahui tentang kewujudan NATC ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Parlimen merasa kita terpaksa mengikat perut dengan gaji dan elaun pada hari ini, jangan kita lupa bagaimana terjerutnya perut petani yang banyak berjasa kepada negara. Di samping kos sara hidup petani yang melonjak tinggi, mereka juga terpaksa menanggung kos pengeluaran semakin meningkat. Pengurangan subsidi petrol dan diesel juga menambah beban kepada petani apabila jentera-jentera dan mesin-mesin sememangnya menggunakan petrol dan diesel. Sekiranya petani mengerjakan sawah sekitar lima relung di Kedah misalnya, purata pendapatan mereka hanyalah sekitar RM700 sebulan iaitu masih di bawah paras kemiskinan. Sekiranya kerajaan tidak memandang permasalahan ini, orang ramai tidak lagi akan berminat dengan pertanian padi,

negara akan menghadapi masalah pada masa akan datang sekiranya pengeluaran padi negara semakin merosot.

Pengumuman Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani baru-baru ini berkaitan penyelarasan harga padi RM1,200 per tan tidak merubah nasib petani kerana mereka merasa tertipu apabila pemotongan hasil pertanian mereka juga dinaikkan. Justeru, saya mengemukakan terus untuk memperjuangkan agar harga lantai padi ditetapkan dan dinaikkan kepada RM1,350 per tan dan pemotongan mutu padi diletakkan pada siling iaitu 18% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan perlu menyelesaikan tanah pertanian yang semakin berkurangan. Pada bulan Mac 2012, media pernah mengeluarkan kenyataan bahawa dalam tempoh 15 tahun, statistik menunjukkan Semenanjung Malaysia telah kehilangan seluas 100,000 hektar tanah untuk penanaman padi yang telah diserahkan bagi tujuan pembangunan industri dan perumahan. Manakala di Sabah dan Sarawak, kita telah kehilangan seluas 6,000 hektar dalam tempoh yang sama. Jumlah kehilangan tanah pertanian ini terlalu besar jika dibandingkan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2013 dahulu berkaitan jelapang padi baru yang melibatkan Kota Belut, Batang Lupar di Sarawak serta Rompin dan Pekan di Pahang.

Jumlah kehilangan tanah pertanian padi adalah besar. Kerajaan perlu menilai semula keperluan memanfaatkan tanah pertanian terbiar. Kita tidak boleh menyalahkan petani 100% apabila mereka tidak mahu mengusahakan pertanian padi sehingga menyebabkan tanah mereka terbiar. Begitu juga mereka menjual tanah pertanian mereka kepada pemaju-pemaju perumahan dan sebagainya. Antara faktor yang mereka berbuat demikian ialah kerana pengairan yang tidak diselesaikan dengan baik, kos pengeluaran yang tinggi sedangkan pendapatan tidak seberapa.

Selain usaha membuka kawasan-kawasan pertanian baru, kerajaan perlu bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah pengairan di kawasan-kawasan pertanian seperti di negeri Kelantan. Menambah baik prasarana pengairan di kawasan pertanian yang telah wujud sudah pasti lebih kurang kosnya berbanding membuka kawasan baru. Janganlah hanya kerana rakyat Kelantan dipimpin oleh kerajaan PAS, Pakatan Rakyat, pembangunan pertanian diketepikan. Ia bukan hanya merugikan petani tetapi juga ketidakcukupan bekalan makanan seluruh negara akan berterusan. Ambillah tindakan sewajarnya bagi memastikan tanah pertanian terpelihara walaupun kita tidak bersungguh-sungguh menghambat industri-industri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penswastan yang berlaku telah menyebabkan padi beras yang berkaitan dengan keselamatan negara seolah-olah juga diswastakan kepada syarikat yang telah dimonopoli oleh individu. Penswastan Lembaga Padi Beras Negara kepada BERNAS semenjak tahun 1994 telah meletakkan bekalan import dan pengedaran beras kepada monopoli sebuah syarikat. Manakala LPN telah lari daripada dasar ini. Peranan LPN sebelum ini yang turut melibatkan kebajikan petani dilihat semakin hilang.

Semasa melancarkan Lembaga Padi Beras Negara pada 1971, Almarhum Tun Abdul Razak yang juga merupakan Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu menyasarkan agar Malaysia mampu menghasilkan keperluan beras dalam negara sehingga 90%. Apa yang

berlaku pada hari ini, setelah 40 tahun, Malaysia masih lagi belum mencapai dan tetap bergantung kepada beras import dari luar negara dalam jumlah yang masih banyak. Pengeluaran padi terkini secara purata adalah sekitar 4.2 tan per hektar. Sekitar 70% pengeluaran padi di Malaysia dan selebihnya kita masih lagi bergantung kepada beras import.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saban tahun Belanjawan Negara menjanjikan pelbagai insentif dan bantuan kepada petani, masih terdapat rungutan berkaitan penyampaiannya kepada golongan ini. Misalnya terdapat aduan dari pesawah di Kelantan berkaitan birokrasi pemberian subsidi dan insentif daripada kerajaan. Apa yang menyedihkan, masih ada campur tangan politik yang menyebabkan hak pesawah dinafikan sedangkan subsidi dan insentif ini adalah hak pesawah tidak kira bagaimana latar belakang politiknya. Politik sebegini sudah tidak relevan di zaman ini.

Proses pemberian subsidi dan insentif di Kelantan misalnya, berbeza dengan negeri lain. Setiap pesawah yang ingin mendapatkan borang permohonan baja subsidi misalnya, perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di mana pada peringkat ini berlaku diskriminasi apabila petani yang mungkin berbeza latar belakang politik ditolak permohonan mereka. Persoalannya di sini, kenapa kaedah penyaluran subsidi dari Kerajaan Persekutuan masih lagi berbeza dengan negeri-negeri yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang menghadapi masalah kekurangan bekalan daging. Ia dapat dilihat apabila sampai musim perayaan Aidiladha contohnya baru-baru ini, juga menunjukkan bagaimana mereka yang melaksanakan ibadah korban terpaksa mendapatkan lembu dengan harga yang sangat tinggi. Krisis ini berlaku berikutan kekurangan bekalan lembu import dari Australia dan juga dari negara Thailand. Penternak juga menghadapi tekanan apabila peningkatan kos input penternakan. Ramai penternak kambing misalnya yang gulung tikar apabila masalah kenaikan harga makanan ternakan berasaskan isi rong kelapa sawit yang tidak terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Malaysia pusat percetakan kedua al-Quran terbesar dunia...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Mencetak al-Quran ini jauh lebih utama...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya dari Bachok. Ini isu bekalan makanan, khususnya isu beras. Pada tiga hari atau empat hari yang lalu masih menjadi perbincangan isu beras ST15 yang saya pernah bangkit berkali-kali di Parlimen ini menunjukkan bahawa ada mereka yang telah pun diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mendapat kuota beras subsidi ini, tetapi tidak mengkompitkan beras itu sebagai beras ST15. Akan tetapi sebaliknya, berlaku isu pertukaran baju yang membolehkan mereka mengaut keuntungan yang sangat lumayan, sedangkan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan lebih 40,000 tan satu bulan untuk beras ST15 ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat bahawa sepatutnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani- semalam saya ucapkan terima

kasih kepada rakan saya dari Pulau, PAC kata hendak panggil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■1540

Akan tetapi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa Kementerian Pertanian perlu di dalam penggulungan nanti mengemukakan, menyenaraikan senarai nama-nama syarikat-syarikat yang mendapat kuota ST15 ini. Kita hendak tahu syarikat-syarikat ini sejak bila mereka itu dapat. Dari tahun berapa mereka itu dapat untuk kita membuat penilaian bagaimana kerajaan terus memberikan kepada syarikat-syarikat yang memang tidak melaksanakan tanggungjawab untuk negara dan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Saya tidak ada masa sedikit lagi.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Bachok...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan saya bercadang untuk sebut tetapi Yang Berhormat Pokok Sena sebut, saya tak ulang sebutlah. Sila masukkan dalam teks ucapan saya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Boleh bagi sedikit Yang Berhormat Bachok?

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua... Nanti saya pergi masuk tajuk juga. Tak pun sebelah-sebelah ini tanya lepas inilah. Tak payah tanya sini. Tuan Yang di-Pertua, mencetak Quran ini jauh lebih utama daripada usaha menjadi pencetak Al-Quran kedua terbesar dunia.

Saya mempersoalkan kewajaran dan keutamaan kerajaan dalam memperuntukkan sejumlah RM30 juta selama tiga tahun dengan Yayasan Restu bagi mengedar Quran ke seluruh dunia. Bukan persoalan ini tidak baik tetapi ada perkara yang lebih perlu untuk kita diutamakan. Di sekolah rendah, kerajaan masih meneruskan pengajian Al-Quran tanpa penambahbaikan besar sejak tahun 1992.

Sudah sampai masanya modul pembelajaran Al-Quran di sekolah rendah disemak kembali dan dibuat penambahbaikan. Walaupun pada tahun 2005 j-QAF diperkenalkan, namun ia jauh dari tahap memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan peruntukan RM30 juta bagi pusat percetakan kedua terbesar di dunia di Putrajaya, saya mencadangkan peruntukan ini ditukar kepada cadangan membina taman tema Al-Quran yang pertama seumpamanya di dunia. Di Malaysia kita sudah ada Legoland, kita ada taman tema air seperti Sunway dan Tambun. Sudah sampai masanya pihak kerajaan membawa seluruh penduduk dunia datang ke Malaysia mempelajari Al-Quran dalam bentuk taman tema yang lebih memahamkan mereka terhadap isi kandungan Al-Quran.

Saya cadangkan taman tema Al-Quran ini dibahagikan kepada 113 bahagian sebagaimana 113 surah dalam Quran. Ia akan menjadi tempat pelancongan dan pembelajaran Al-Quran terbesar dan satu-satunya dalam dunia. Sebagai contoh apabila pengunjung masuk ke halaman surah Nuh, ia dapat menghayati bagaimana sebuah bahtera

besar yang dilanda banjir tetapi tetap utuh dengan ribuan pasangan binatang dan banjir besar ianya pasti menambah keyakinan pengunjung terhadap kebenaran isu kandungan Al-Quran.

Manakala di halaman surah al-Humazah, para pengunjung digambarkan dengan keadaan azab neraka yang membakar sampai ke hati ditutup rapat dan diikat pada tiang-tiang yang panjang. Saya percaya taman tema Al-Quran Malaysia akan menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia, membawa pulangan keuntungan jutaan dan terpenting menjadi bekalan pahala buat kita sampai di akhirat nanti.

Taman tema Al-Quran ini sangat bersesuaian dengan usaha kerajaan dalam memajukan lagi produk pelancongan Islam. Sebagai simboliknya, saya cadangkan taman tema Al-Quran ini dibangunkan di negeri Kelantan. Saya yakin Yang Berhormat Machang pun setuju. Saya percaya kerajaan negeri bersedia untuk menyediakan tanah bagi dibangunkan taman tema Al-Quran. Selain Kelantan terkenal sebagai negeri Serambi Makkah, Kelantan pada sekitar tahun 1345 Masihi mencatatkan dialog dan tulisan "*Bismillah*" Ibnu Batutta' bersama pemerintah Kelantan pada ketika itu Puteri Urduja.

Kelantan juga daripada sejarah awal mencatatkan keberadaan penasihat Islam Turki dan pendakwah Sayid Hussien Jamadil Kubra, moyang kepada Wali Songo di Kuala Krai dan Gunung Cinta Wangsa. Manakala kajian dari Universiti Nasional Singapura terhadap sumber sejarah Turki mengakui nama Urduja adalah datang daripada perkataan Turki. Kerajaan Negeri Kelantan telah pun mendahului dalam soal memperkukuhkan jati diri Melayu dan Islam melalui perasmian Galeri Kuala Krai pada 3 November nanti yang memaparkan secara jelas sejarah pemerintahan Islam Puteri Urduja di Kuala Krai.

Penemuan syiling bertulisan al-Mutawakkil di Kota Kubang Labu, Kelantan bertarikh 1181 juga memperkukuhkan hujah saya bahawa negeri Kelantan wajar diberi peruntukan besar terutamanya dalam apa-apa peruntukan berkaitan dengan pembangunan agama Islam. Maka sangat bertepatan lah Kelantan dipilih sebagai negeri bagi dibangunkan taman tema Al-Quran Malaysia.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Bachok, boleh Yang Berhormat Kuala Kangsar mencelah?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Machang tak bagi.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya nak tanya Yang Berhormat Bachok, berapakah agaknya kos yang dimaksudkan kalau sekiranya taman tema itu diwujudkan dengan komponen-komponen yang begitu besar? Terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Tentang kos itu, kita kira belakang. Yang penting kesanggupan dan persetujuan daripada kerajaan. Saya yakin sepanjang berada dalam...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya tak setuju kira belakang. Kira, nak kira depan.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: ...Sepanjang berada dalam Dewan ini...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Kalau kira, kena depan ya.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: ...Sentiasa ada bajet tambahan daripada pihak kerajaan nanti. Yang penting, setuju. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Yang Berhormat Bachok, boleh saya ini? Sikit...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Saya nak habiskan satu poin.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Sikit, sikit.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Satu poin. Saya juga ingin tentang pelaksanaan hukum hudud di negeri Kelantan. Saya pohon kepada semua pihak terutamanya kerajaan memberi laluan dan juga memberi segala sokongan untuk kita memastikan pelaksanaan Enakmen Jenayah Syariah 2 ini dapat dilaksanakan.

Walaupun kita mendengar pelbagai pandangan pro dan kontra daripada pelbagai pihak, namun apa yang saya ingin sebutkan sebuah analogi. Kalau dahulu dalam era tahun 70-an, kalau disebut tentang sistem perbankan Islam, barangkali ramai yang akan membantah. Akan tetapi, terbukti pada hari ini setelah dilaksanakan, maka Malaysia menjadi hab perbankan Islam dunia. Tadi telah disebut oleh salah seorang Yang Berhormat yang membahaskan tentang perkara ini.

Saya yakin dan percaya suatu masa nanti setelah dilaksanakan dengan kalau kita boleh kemukakan sebuah analogi, umpama kita memandu sebuah kereta di waktu malam. Lampu kereta kita mampu menyuluh hanya untuk 10 meter sahaja. Kalau kita hendak nampak apa yang ada sejauh 100 meter, maka barangkali kita tak akan nampak. Akan tetapi, kalau kita bergerak daripada awal, pergi ke 10 meter ke hadapan, daripada 10 meter ke hadapan, kita pergi lagi 10 meter ke hadapan dengan segala penambahbaikan, segala kekurangan yang ada pada pelaksanaan ini, *insya-Allah* kita akan sampai kepada destinasi iaitu 100 meter di hadapan.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Sila, sila.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru sekejap tadi Yang Berhormat Bachok menyebut soal menyeru agar Ahli-ahli Dewan dapat menyokong Rang Undang-undang Hudud yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak tanya bila *private bill* ini akan dibawa di Dewan ini? Itu soalan saya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Boleh sikit tambah Yang Berhormat Bachok? Tuan Yang di-Pertua... [Membaca sepotong Hadis] "*Jaga hak Allah, nescaya Allah jaga hak kamu*".

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Bachok, kita *print* al-Quran ini sebagai *printer* Al-Quran di Malaysia ini menjaga hak Allah ataupun kita laksanakan hudud, ataupun haramkan minuman keras di penerbangan MAS itu menjaga hak Allah? Terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih pada Yang Berhormat Machang dan juga Yang Berhormat Lumut. Tentang tarikh itu saya yakin Yang Berhormat Machang tidak sabar-sabar untuk memberi sokongan. *Insya-Allah* bila dah sampai masanya

nanti, kita akan beritahu. Kita akan beritahu. Kemudian apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lumut tadi saya sokong...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Jangkaan masa itu bila? Lepas PRU Ke-14 kah, bila kah, bila? Agak *private bill, private bill...*

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *Insyah-Allah* Yang Berhormat Machang. *Insyah-Allah*. Okey. Apa yang disebut oleh Lumut kita sangat bersetuju bahawa dalam mentadbir sebuah negara ini mestilah kita berlaku adil. Bukan sahaja kita memberi bajet dan juga keperluan kepada rakyat memilih di antara negeri-negeri. Sebagai contoh, negeri Kelantan agak dipinggirkan dalam bajet pada kali ini.

Walaupun saya yakin setiap kali kita bercakap sedemikian akan ada angka-angka yang dikemukakan ini jutanya, ini ratusan jutanya yang diberikan kepada negeri Kelantan, apa yang saya nak sebutkan itu adalah jutaan, ratusan juta yang terbukti berlaku ketirisan secara terhormat, tak masuk ke dalam Kerajaan Negeri Kelantan. Itu yang...

■1550

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua banyak yang mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa 20 minit sudah habis sudah.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, selain Kelantan sebagai negeri serambi Mekah kelak. Tekanan ekonomi kepada golongan muda satu realiti yang tidak dapat kita nafikan bahawa adalah tekanan kos sara hidup merupakan kerisauan untuk generasi muda pada hari ini. Ini disokong dengan fakta dan kajian-kajian daripada UMC Demp, *Medical Centre* dan juga sebelum daripada itu ada 13 lagi. Isu ini berkekalan walaupun saban tahun Perdana Menteri membentangkan bajet baru. Apa yang bertukar hanyalah angka-angka dan tajuk-tajuk kepada bajet. Namun penyelesaian kepada kerisauan golongan anak muda yang belum ada pendapatan yang stabil ia tetap menjadi perkara yang menghantui mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulungkan tetapi penggulungan ini mungkin mengambil masa sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Tidak boleh? Tuan Yang di-Pertua, sedikit perkara yang berkaitan dengan kawasan saya. Pada siri perbahasan sebelum daripada ini, saya sudah banyak kali menyebut tentang pembinaan hospital di Bachok yang sudah pun diluluskan oleh kerajaan. Namun sampai ke hari ini tidak nampak bekas dan tidak nampak cahaya pembinaan hospital tersebut. Tidak nampak tanda-tanda akan dilaksanakan pembinaan tersebut. Saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada pihak kementerian apa puncanya sampai tertangguh selama ini?

Kemudian tentang masalah yang menjadi rungutan kepada nelayan di kawasan saya iaitu tentang muara Sungai Kemasin yang menjadi cetek dan membahayakan kepada bot-bot

yang masuk berlabuh di situ. Pohon kepada pihak yang berkaitan supaya berusaha untuk mendalamkan muara sungai tersebut. Kemudian tentang Jambatan Pengkalan Baru yang saya pernah mengemukakan pertanyaan kepada Dewan maka jawapan diberikan kepada saya. Jambatan Pengkalan Baru yang menjadi penghubung utama di antara Parlimen Bachok dengan Kota Bharu bermula untuk dibina dan diperbaiki pada Oktober 2013 dan akan siap pada Oktober 2014. Sampai ke hari ini Oktober, belum lagi ada tanda-tanda untuk disiapkan.

Saya rasa sekadar itulah yang saya boleh sebut Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom.

3.52 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kerana memberi saya peluang dalam membahaskan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 yang juga kita kenali sebagai Bajet 2015. Saya juga turut mengalu-alukan pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang melihat Bajet 2015 ini ialah satu ekonomi keperluan rakyat yang terangkum semua lapisan masyarakat seperti mana yang dinyatakan dalam bajet kali ini di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini pada tanggal 10 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 ialah bajet terakhir dalam tempoh pelaksanaan RMKe-10. Saya percaya setiap bajet di bawah RMKe-10 ini akan terus menangani isu-isu berkaitan pengukuhan, momentum pertumbuhan, kemampuan tadbir urus fiskal, mengukuhkan modal insan serta memakmurkan rakyat kita. Saya cukup yakin kerajaan sentiasa komited untuk terus bekerjasama dengan sektor awam dan juga sektor swasta serta NGO ke arah membangunkan sebuah negara yang dinamik dan juga progresif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada negara kita kerana telah dipilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada baru-baru ini. Ini ialah bukti dunia mengiktiraf kita sebagai negara yang berwibawa dalam melaksanakan tanggungjawab di peringkat antarabangsa. Berdasarkan kepada kejayaan yang diperolehi oleh negara kita iaitu 187 undi iaitu jauh mengatasi majoriti dua pertiga yang diperlukan untuk menganggotai badan itu. Ia memperlihatkan betapa Malaysia sudah mempunyai satu landasan yang kukuh bagi melaksanakan usaha-usaha ke arah memelihara keamanan dan keselamatan sejagat yang lebih efektif.

Saya bersetuju dalam lima peranan yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana usaha kesederhanaan atau diperkasakan, menggalakkan rundingan sebagai kaedah penyelesaian konflik, menggalakkan operasi pasukan pengaman PBB, membantu proses membangunkan keamanan di negara yang menghadapi konflik dan usaha membincangkan pembaharuan komprehensif PBB dan Majlis Keselamatan badan dunia itu.

Lima mandat ini saya pasti akan membawa Malaysia yang lebih berkeupayaan dan juga mempunyai pengaruh ke arah memastikan dunia masih boleh menaruh harapan kepada PBB menerusi peranan Malaysia itu sendiri. Saya percaya juga menerusi hubungan media masa terutama BERNAMA TV yang hendak diantarabangsakan mulai tahun depan dengan menggunakan penyampaian sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dalam salurannya. Boleh membawa suara dan peranan Malaysia dengan lebih luas lagi.

Menerusi pengaruh media seperti televisyen dapat memberi impak yang besar dan inilah masanya kerajaan menggunakan keupayaan media tempatan seperti BERNAMA TV di peringkat global. Saya syorkan kepada kerajaan menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia jangan sekadar bercakap sahaja kononnya untuk mengantarabangsakan BERNAMA TV. Akan tetapi perlu serius dan melaksanakan dengan segera bagi tempoh jangka pendek ini. Seharusnya media masa tempatan perlu bergerak ke arah global dalam membantu negara menggerakkan agenda yang telah ditetapkan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet tahun hadapan ada menyentuh soal meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi. Prasarana jalur lebar semakin penting dan menjadi keperluan asas pada masa kini. Setiap rakyat mempunyai akses kepada jalur lebar sekurang-kurangnya yang mempunyai *smart phone*. Maka tidak menghairankan keperluan dan keupayaan jalur lebar semakin mendesak bagi pelbagai tujuan. Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, tidak terkecuali dalam hal ini.

Saya syorkan supaya sebahagian pembinaan 1,000 menara pencawang telekomunikasi baru akan dimasukkan di dalam kawasan saya. Jangan pula jadikan kawasan saya itu sebagai *the lost world*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak tahu, apakah pendapatan negara hasil daripada penggunaan jalur lebar berkelajuan tinggi di negara ini sejak tahun 2004 hinggalah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO di Paris yang berusaha keras. Sehingga Banjaran Crocker diiktiraf sebagai tapak rizab biofuel dunia UNESCO. Ini satu lagi pengiktirafan dan Tenom mendapat juga tempias kerana sebahagian topografinya terletak di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua.

Bandar Tenom itu sendiri berada di kaki gunung Banjaran Crocker. Kita semua tahu bahawa Banjaran Crocker merupakan khazanah alam semula jadi yang menjadi kebanggaan negara dan Sabah. Dengan keluasan 584 hektar dan terdiri dari hutan simpan serta kaya dengan kepelbagaian biodiversiti.

Jadi saya syorkan kepada pihak Kerajaan Pusat serta kementerian yang berkaitan yang saya sebutkan tadi menyediakan dana khas dan kemudahan bagi menarik minat pengkaji, penyelidik, saintis, pelancong untuk datang ke pekan Tenom bagi mengenal lebih baik atau meneroka potensi Banjaran Crocker. Ini sekali gus dapat memberi impak kepada ekonomi penduduk setempat. Mungkin kerajaan boleh menyediakan satu video klip mahupun Kementerian Pelancongan itu sendiri menjadikan Banjaran Crocker sebagai satu dokumentari pelancongan dan pendidikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet tahun hadapan Lebuhraya Pan Borneo mendapat perhatian utama oleh Kerajaan Pusat. Sabah sahaja memperlihatkan jajaran Lebuhraya Pan Borneo yang merentasi Negeri di Bawah Bayu sepanjang 727 kilometer dengan kos pembinaan sebanyak RM27 bilion.

■1600

Cuma dalam Dewan yang mulia ini saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, setakat mana jajaran lebuhraya ini merentasi Parlimen kawasan saya dan saya percaya jajaran lebuhraya ini boleh membantu pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan aktiviti pelancongan serta penyelidikan bagi kawasan Tenom dan juga Banjaran Crocker seperti mana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu juga saya ingin kepastian apakah Lebuhraya Pan Borneo ini siap kelak tidak akan mengenakan tol. Jadi rakyat perlu tahu hal ini kerana sudah pasti ia satu berita yang menggembirakan bagi jangka panjang walaupun projek pembinaan lebuhraya ini diswastakan. Cuma saya hendak tahu dan hendak syorkan supaya setiap fasa pembinaan Lebuhraya Pan Borneo ini diberikan kepada pihak swasta dari mana, berapa peratuskah syarikat dari negeri Sabah memperoleh projek lebuhraya ini. Bagaimana pula dengan kos-kos penyelenggaraan Lebuhraya Pan Borneo ini kelak? Adakah ianya di bawah tanggungjawab syarikat swasta di bawah konsesi tersebut ataupun di bawah kerajaan negeri ataupun di bawah Kerajaan Pusat. Saya mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, saya juga berharap menerusi *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) kawasan saya juga memerlukan mini UTC bagi memudahkan urusan masyarakat di pedalaman. Sebab apabila lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua kebanyakan agensi terletak berselerak dan kalau diadakan satu *point insya-Allah* akan memudahkan dan akan dapat memantapkan lagi sistem perkhidmatan kepada rakyat.

Seperkara lagi saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan bagi membina klinik kesihatan di Tenom sebagai penambah prasarana kesihatan kepada penduduk setempat di kawasan saya. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pendedahan laporan media yang mengesahkan ada ikon sukan negara dalam sukan badminton yang gagal ujian *doping* dalam kejohanan antarabangsa yang disertai atlet terbabit pada pertengahan tahun ini. Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengesahkan tetapi kita hendak tahu apakah status sekarang dan apakah langkah Majlis Sukan Negara dalam menangani masalah ini. Ini satu yang serius dan boleh memalukan negara kita Tuan Yang di-Pertua. Contoh lain atlet wanita karate kita yang bertanding di Sukan Asia di Incheon Korea Selatan pun mengalami masalah yang sama selepas pingat emas yang dimenangi telah ditarik balik.

Jadi perkara-perkara yang melibatkan dadah atau steroid dalam sukan ini perlulah diberi perhatian yang serius. Saya juga rasa pelik mengapakah perkara-perkara seperti ini sering berlaku dan berterusan. Kita mempunyai Institut Sukan Negara yang mempunyai doktor-doktor sukan yang boleh memberi rundingan nasihat dalam penggunaan ubat-ubatan. Kita faham ada juga atlet kita mengalami masalah kecederaan dan memerlukan bantuan

ubat-ubatan dan fisioterapi tetapi di manakah pakar perubatan sukan kita ini untuk menasihatkan atlet negara. Ini satu persoalan yang perlu diambil kira Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi isu saya kira isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua mengenai pembangunan penyediaan prasarana dan juga pengeluaran tanah perkampungan di pekan kecil Melalap dan juga di daerah kecil Kemabong yang mana pembangunan pekan ini dan tanah-tanah kampung tradisional adalah terletak di tanah milik syarikat kerajaan juga iaitu Sime Darby Berhad. Kalau saya melihat Tuan Yang di-Pertua, ini adalah isu-isu yang tertunggak dan telah lama dan juga merupakan janji Kerajaan Barisan Nasional semasa pilihan raya yang lalu yang saya kira kita juga ingin membangunkan sebuah pekan di kawasan saya yang dikenali sebagai Pekan Melalak di mana pekan ini tanahnya terletak dalam kawasan Sime Darby dan beberapa kali mesyuarat telah diadakan bersama dengan pihak-pihak tertentu untuk memastikan perancangan kerajaan untuk membangunkan pekan kecil Melalak ini menjadi realiti.

Isu yang masalah besarnya Tuan Yang di-Pertua iaitu tanah ini masih lagi terletak di kawasan Sime Darby. Kita meminta pihak Kerajaan Persekutuan supaya campur tangan dalam hal ini supaya dapat memberi sebahagian besar kepada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang boleh membangunkan kawasan tersebut. Saya percaya pekan Melalap adalah salah sebuah pekan yang berpotensi untuk dimajukan dan apabila pekan ini maju sudah tentu akan dapat meningkatkan ekonomi setempat. Begitu juga dengan kedudukan kampung-kampung tradisional yang terletak di kawasan Sime Darby ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kalau di kawasan daerah kecil Kemabong, Kampung Biyak Sapong, Kampung Bunut, Kampung Sungai Empat, Kampung Petungun, Kampung Laman dan begitu juga di kawasan Melalap terdapat juga kampung-kampung tradisional yang masih lagi terletak dalam kawasan tanah Sime Darby. Kawasan Polongan dan juga Kampung Guna di mana kampung-kampung ini telah lama wujud dan status tanahnya masih dimiliki oleh pihak Sime Darby. Saya minta kepada pihak kerajaan supaya mengeluarkan tanah-tanah tersebut, kawasan-kawasan tersebut dan diberikan kepada kampung-kampung yang terletak di dalam kawasan Sime Darby ini supaya kita melihat bahawa kampung-kampung yang terletak dalam kawasan Sime Darby ini menjadi masalah dan menjadi kerisauan dan menjadi keresahan. Mungkin ada di antara penduduk kampung ini merasa ketakutan untuk tinggal di kawasan di mana saya nyatakan tadi.

Saya juga melihat kepada perkara *corporate social responsibility* ini perlu dilihat supaya pihak Sime Darby juga kalau di tempat saya mereka membangunkan penanaman kelapa sawit saya kira dalam soal *corporate social responsibility* ini juga membantu kepada industri kopi sebenarnya. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua untuk dibangunkan industri kopi itu secara kecil-kecilan di mana saya lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua di kawasan saya kalau soal kopi untuk mendapat bahan mentah itu sudah menjadi kekurangan. Saya kira kalau boleh pihak syarikat GLC ini dapat membantu untuk merencanakan lagi penanaman kopi di kawasan saya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya harap masalah yang saya kemukakan ini akan mendapat perhatian...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Dan saya. Saya tidak bagi laluan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Hendak minta penjelasan sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak apa, saya tidak bagi laluan. Saya pun mahu...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tidak, tadi Yang Berhormat ada sebut tentang...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya tidak bagi laluan. Ini langgar peraturan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya hendak minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang karate...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang ujian *doping* untuk karate, saya hendak tahu betulkah karate.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua. Jadi Ahli Yang Berhormat kena patuhlah arahan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau Yang Berhormat dalam Dewan bagi satu...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya minta kerajaan jawab, bukan Ahli Yang Berhormat yang jawab.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kenyataan yang tidak benar apa salahnya kalau saya hendak perbetulkan sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak apalah. Janganlah marah kalau saya tidak bagi laluan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, saya bukan hendak kondem, saya bukan hendak marah dengan Yang Berhormat...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak marah dengan Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat kena hormat juga saya. Saya tidak membenarkan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi kalau Yang Berhormat bagi satu kenyataan yang tidak benar dalam Dewan adalah menjadi tanggungjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang lain untuk perbetulkan. Apa salahnya?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak apa tetapi hak saya untuk membahaskan saya tidak membenarkan. Ahli Yang Berhormat duduklah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat kata itu adalah karate. Itu sahaja hendak tahu. Saya kata itu bukan karate.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya minta kementerian menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tidak payah saya. Sebab saya punya kawasan pun banyak masalah. Minta maaf, duduk.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, saya hendak tegur Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat satu kenyataan yang tidak benar dalam Dewan ini.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya menghormati Ahli Yang Berhormat yang boleh menegur saya Tuan Yang di-Pertua bukan Yang Berhormat. Ini *floor* saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi Yang Berhormat telah buat satu kenyataan yang tidak benar dalam Dewan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini *floor* saya. Tidak faham.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Memang itu bukan karate.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak, ini *floor* saya. Ini *floor* saya. Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat daripada mana ini ya? Tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Oh! Yang Berhormat Batu Gajah. Ahli Yang Berhormat Batu Gajah, saya hormati Ahli Yang Berhormat Batu Gajah. Jadi saya minta kerajaan menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Batu Gajah. Saya aturlah bagi kerajaan yang menjawab bukan saya yang menjawab.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Masalahnya Yang Berhormat kenyataan itu dibuat oleh Yang Berhormat bukan dibuat oleh Menteri.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Biarlah kerajaan yang menjawab.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu tidak betul. Macam mana Menteri hendak jawab?

■1610

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini kerana angau kerajaan bawah pokok kah ini?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jangan cakap pasal perkara itu semua.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduk. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis dah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat buat satu kenyataan yang betul dalam Dewan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya hendak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah ...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sekarang sudah membuat kenyataan yang tidak betul dalam Dewan, sekarang minta Yang Berhormat Menteri pula menjawab. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau bercakap itu betul tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kenyataan Yang Berhormat tidak betul.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Inilah kesannya kesan kerajaan bawah pokok ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Inilah antaranya. Kesan tinggalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Batu Gajah duduk.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya hendak habis dah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sekejap, sekejap duduk, sekejap. Apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap Yang Berhormat lain kena diam dan duduk. Saya tegur banyak kali, saya panggil Yang Berhormat Batu Gajah banyak kali, saya tegur tetapi Yang Berhormat masih lagi berdegil-degil meneruskan ucapan, mencelah walaupun saya tidak panggil. Akan tetapi saya biarkan begitu kerana hendak bagi kejutan sedikit kepada kawan-kawan yang mungkin mengantuk dan sebagainya.

Jadi, galeri awam pun hendak tengok juga. Nampak ucapannya biasa sahaja, mengantuk sahaja. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun agaknya mengantuk. Jadi, kita biarkan begitu tetapi janganlah berlarutan. Jadi, galeri awam pun senyum bila tengok ada adegan. Silakan Yang Berhormat Tenom tamatkan perbincangan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya hendak *landing* dah tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tiba-tiba tarik gear, naik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, tidak apa.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Masalah besar pula ini. Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung kebajikan pekerja termasuklah penduduk pekan Melalap dan juga penduduk di kawasan Kemabung adalah tanggungjawab yang perlu dijaga dan tanpa perlu menunggu campur tangan daripada kerajaan negeri atau pun kerajaan pusat. Cukuplah penduduk pekan Melalap dan Kemabung di palat sebagai janji termasuk menanam harapan rakyat secara melampau.

Kita tidak mahu masalah ini terus berlarutan dan akan menyebabkan rakyat di kawasan saya hilang kepercayaan kepada kerajaan. Yang penting adalah suasana menang-menang, *win-win situation* Tuan Yang di-Pertua walaupun kerajaan mempunyai kuasa mutlak untuk mengambil tanah sebagai *enquire*, dengan izin, bagi sesuatu pembangunan yang amat diperlukan ada pada kerajaan.

Rakyat Sabah di kawasan saya terutamanya di Melalap dan juga Kemabung terutamanya bagi kampung-kampung yang terlibat sudah lama ternanti-nanti Tuan Yang di-

Pertua supaya masalah birokrasi ini akan dapat diselesaikan dengan segera. Jadi, dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sahabat saya Yang Berhormat Jelutong. Perbincangan yang baik ya. Jangan menyakitkan hati kawan yang lain. Sila.

4.12 ptg.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Dewan Rakyat ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan bajet kali ini saya ingin menjuruskan kepada peruntukan perbelanjaan bagi beberapa kementerian iaitu pertama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kalau masa mengizinkan saya akan juga menjuruskan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan yang berkaitan dengan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengenai isu mutu kejuruteraan dan keselamatan pesawat MAS bersabit penstrukturan semula Syarikat Penerbangan Malaysia.

Menurut Kertas Perintah 41, tahun 2014 yang dibentangkan kepada Dewan Rakyat pada 10 Oktober yang lalu peruntukan bagi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sebanyak RM2.56 bilion. Jika kita menghalusi huraian cadangan perbelanjaan bagi sektor sosial adalah dinyatakan sebanyak RM2.29 bilion disediakan bagi tujuan perumahan bagi membiayai projek-projek perumahan termasuk Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan kuarters kakitangan awam. Namun begitu, kita tidak diberi statistik yang spesifik tentang berapakah peruntukan sebanyak RM2.56 bilion itu akan diguna untuk membiayai Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat 1Malaysia atau pun (PR1MA), maka timbullah soalan dengan huraian sekerat ayat tujuh perkataan itu bagaimanakah peruntukan bajet bagi kementerian ini KKBPKT dapat dipantau, disukat, diaudit dengan cara yang telus dalam tahun taksiran 2015.

Sementara itu di Pulau Pinang di mana sekian lama kesejahteraan semua kaum dalam soal perumahan mampu milik itu telah diabaikan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang lama, kita terdengar pula pelbagai kenyataan yang terumbang ambing yang dikeluarkan oleh agensi-agensi persekutuan yang ada kaitan dengan pemajuan perumahan yang melibatkan wang rakyat. Agensi-agensi persekutuan yang saya maksudkan adalah termasuk antara lain JKP Sendirian Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Perbadanan PR1MA Malaysia atau pun PR1MA dengan singkatannya.

Baru-baru ini Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman telah membangkitkan isu di media masa bahawa kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah gagal dan lewat dalam meluluskan 9,444 unit perumahan mampu milik yang dirancang oleh PERDA dan JKP Sdn. Bhd. Saya tegaskan 9,444 unit perumahan mampu milik. Sehubungan dengan dakwaan tersebut, Datuk Zainal Abidin telah menulis surat bertarikh 18 Ogos 2014 kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan memohon untuk diberikan kelulusan terhadap projek-projek perumahan mampu milik yang dikatakan tersebut.

Mengikut rekod rasmi Tuan Yang di-Pertua Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan Negeri Pulau Pinang telah membalas surat tersebut bertarikh 8 September tahun ini. Di dalam surat balas tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memohon penjelasan lanjut tentang dakwaan Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang bahawa ada 9,444 unit perumahan mampu milik yang dirancang itu yang tidak diluluskan. Soal pokoknya ialah sama ada Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang diminta untuk memberi penjelasan lanjut khususnya sama ada tanah yang di rancang untuk pembangunan perumahan tersebut adalah tanah yang dibeli atau pun tanah yang dimiliki melalui pengambilan balik tanah untuk tujuan awam. Kita juga meminta harga jualan terperinci bagi semua unit-unit perumahan tersebut dibekalkan.

Justeru, pihak Majlis Tindakan Persekutuan Datuk Zainal Abidin telah membalas surat kerajaan negeri tersebut melalui surat bertarikh 30 September tahun ini kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Inti patinya ialah seperti berikut. Menurut Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, antara tanah-tanah yang dimiliki untuk projek-projek Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) tiga projek adalah melalui pembelian dan baki empat projek adalah melalui pengambilan tanah untuk tujuan awam di antara tahun 1992 hingga 1993. Manakala bagi projek-projek JKP Sendirian Berhad, tanah yang dimiliki merupakan satu projek melalui pembelian dan tujuh lagi melalui pengambilan tanah bagi tujuan awam juga daripada tahun 1995 sehingga tahun 2008. Justeru, Datuk Zainal Abidin dalam surat yang sama juga memberikan keterangan mengenai harga terperinci bagi unit-unit perumahan PERDA dan JKP Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pembekalan unit-unit perumahan mampu milik itu dapat disediakan dengan had harga yang ditetapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang dan akan melaksanakan 12 projek perumahan mampu milik di Seberang Perai dan juga di sebelah pulau iaitu sebanyak 22,575 unit peringkat demi peringkat.

Sehubungan itu pada bulan Disember tahun lepas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun menghubungkan harga siling atau pun had harga jualan bagi rumah-rumah mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu pada harga maksimum RM250,000 seunit untuk sebelah Seberang Perai dan had harga sebanyak RM400,000 seunit di sebelah pulau. Namun, jika dibandingkan menurut butir-butir yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, sudah jelas kebanyakan harga jualannya adalah jauh melebihi harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Bagi sebelah Seberang Perai, harga unit bagi projek-projek PERDA dan JKP adalah melebihi RM250,000 iaitu sehingga mencecah RM575,000 seunit. Manakala bagi di sebelah Pulau Pinang, harga unit didapati melebihi RM400,000 had harga iaitu ia telah mencecah sehingga RM1.85 juta seunit.

■1620

Ini bermaksud, projek-projek perumahan mampu milik PERDA dan JKP bukanlah seratus peratusnya berharga mampu milik. Buatlah kira-kira. Jika kita berdasarkan butir-butir yang diberikan oleh Dato' Zainal Abidin bagi pihak Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, maka keuntungan dalam 15 projek yang disebut-sebut itu, projek perumahan mampu

milik yang akan dipaut oleh PERDA dan JKP sahaja adalah akan mencecah sebanyak RM148,989,168. Itulah *profit* ataupun keuntungannya. RM140 juta menerusi 15 projek perumahan konon-kononnya mampu milik.

Jadi soalnya, kenapa kos dan harga perumahan yang dikelolakan oleh PERDA dan JKP itu jauh lebih tinggi daripada had harga kerajaan negeri? Ini satu lagi skim cepat kaya, kalau bagi saya. Adakah sebiji rumah berharga RM1.85 juta itu masih boleh dianggap sebagai rumah mampu milik terutama sekali bagi golongan berpendapatan sederhana apatah lagi bagi kaum bumiputera di Pulau Pinang? Sedangkan, Kerajaan Persekutuan sendiri telah meletakkan had harga perumahan dan mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia juga hanya pada had harga RM400,000 seunit.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua. Bagi projek perumahan mampu milik kerajaan negeri di sebelah Seberang Perai iaitu fasa 1 Bandar Cassia, Batu Kawan yang dimajukan oleh PDC, harga jualannya hanya RM168,000 seunit bagi unit yang merangkumi 900 kaki persegi dan harga RM220,000 bagi unit 1,000 kaki persegi.

Ini menunjukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua, huraian Dato' Zainal Abidin bagi pihak Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, dan mahu tak mahu KKBPKT adalah turut tersangkut, membuktikan bahawa kalau bukan Kerajaan Persekutuan, maka ialah agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang mengendalikan program perumahan rakyat telah pun terpesong daripada matlamat untuk membela nasib rakyat terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan sederhana.

Berhubung dengan projek sektor mampu milik perumahan rakyat 1Malaysia...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta penjelasan.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sekejap, sekejap..

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Selain kenyataan akhbar, maknanya perancangan dan tindakan daripada pihak-pihak bertanggungjawab- saya cuma hendak sebut ada dua, tiga kerat sebelum saya memberi laluan kepada Yang Berhormat Tanjong.

Pada Disember 2012, CEO bagi PR1MA ketika itu, Dato' Mutalib Alias, mengumumkan perumahan PR1MA akan dijalankan di beberapa tapak Kerajaan Persekutuan di Bukit Gelugor, Pulau Pinang serta tujuh buah lokasi yang lain di sebelah Seberang Perai dan juga di sebelah Pulau. Tiada lanjutan cerita sehingga masa ini.

Bulan April 2013, di ambang PRU-13, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan sendiri mengumumkan program perumahan mampu milik sebanyak 9,999 unit di kawasan Ayer Hitam, Pulau Pinang. Juga tiada kesudahan cerita.

Bulan Ogos tahun lepas, Kerajaan Persekutuan mengumumkan rancangan perumahan mampu milik PR1MA sebanyak 20,519 unit akan dibina di Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Saya mahu tanya sama ada Kebenaran Merancang iaitu KM dan Kebenaran Bangunan iaitu KB telah pun dikeluarkan oleh PBT masing-masing? Akan tetapi kalau di Pulau Pinang, saya boleh *confirm* bahawa PR1MA belum memperoleh sebarang KM- Kebenaran Merancang atau KB- Kebenaran Bangunan daripada kedua-dua PBT yang ada.

Pada 8 Februari tahun ini, Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia, Yang Berhormat Rompin, Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis telah memberitahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses mengenal pasti beberapa tapak pembangunan projek PR1MA di Pulau Pinang dan beliau akan memberi maklum balas bagi sekurang-kurangnya tiga tapak pembangunan PR1MA menjelang Jun 2014. Jun telah sampai dan berlalu tetapi sehingga kini masih tiada kesudahan cerita.

Yang Berhormat Tanjong...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya, daripada contoh-contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong tadi, di mana ada projek JKP atau PERDA yang membina rumah melebihi RM1 juta, saya rasa ini telah menyimpang daripada objektif penubuhan JKP atau PERDA sebagai agensi Kerajaan Persekutuan. Jadi sama ada agensi seperti ini, JKP dan PERDA, masih perlu terus diwujudkan atau perlu diswastakan sebagai pemaju swasta?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Biarlah kita menanti-nanti jawapan lengkap daripada Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding skim perumahan mudah milik Kerajaan Persekutuan ini, ia adalah jauh berbeza dengan apa yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang demi kesejahteraan rakyat jelata. Kami telah menyediakan satu tabung berjumlah RM500 juta untuk menyediakan 22,525 unit perumahan mampu milik dengan had harga siling ataupun had harga jualan sebanyak RM250,000 bagi sebelah Seberang Perai dan had harga RM400,000 bagi bahagian Pulau tanpa niat untuk mengaut keuntungan yang berlebih-lebihan di mana kepentingan rakyat digadai.

Jadi, ada lagi satu persoalan mengenai ini, Tuan Yang di-Pertua. Kini adalah dimaklumkan bahawa kebanyakan tanah projek PERDA dan JKP di Pulau Pinang adalah dimiliki melalui pengambilan tanah untuk tujuan awam yang telah berlaku antara tahun 1992 sehingga tahun 1993 dan pada satu tahap yang lain antara tahun 1995 sehingga tahun 2008.

Ini pengambilan tanah yang agak lama. Ada yang melebihi 20 tahun. Sudah pasti nilai tanah sudah melambung. Namun, tujuan asalnya masih kekal iaitu untuk tujuan perumahan awam, bukan untuk mencari keuntungan yang mencakar langit.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab KKBPKT dan juga Kerajaan Persekutuan keseluruhannya untuk memberi jaminan kepada rakyat dan memberikan keutamaan kepada pembangunan perumahan jenis mampu milik dan bukan projek mewah-mewah ataupun yang komersial demi kepentingan rakyat. Sebagai permulaan, saya pinta pihak KKBPKT harus memberi pecahan yang lebih telus dan juga lebih terperinci mengenai bagaimana peruntukan Bajet 2015 sebanyak RM2.56 bilion ini akan diolah untuk menepati janji-janji Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan projek perumahan mampu milik untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjurus kepada isu mengenai MAS. Ketika Mesyuarat Dewan Rakyat pada 14 Oktober tahun ini, saya telah bertanya tentang insiden MH066 yang berlaku pada 24 April 2014 iaitu lebih kurang lapan hari sesudah insiden penerbangan MH370. Saya masih menunggu-nunggu jawapan daripada laporan siasatan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menerusi Kementerian Pengangkutan.

Penerbangan MH066 dari KLIA ke Incheon, Korea Selatan, adalah satu penerbangan yang kerap saya gunakan. Saya juga bercakap sebagai seorang pemilik kad platinum daripada Oneworld MAS. Jadi saya sayang kepada MAS. Pada insiden yang berlaku pada awal pagi 24 April tersebut, adalah didapati bahawa pesawat Airbus A330 jenis 300 itu telah terpaksa beralih ke Hong Kong di tengah-tengah perjalanan ke Incheon kerana masalah enjin.

Alasan yang diberi oleh pihak MAS ialah masalah *due to an inoperative aircraft generator*, dengan izin. Apa maksud itu *due to an inoperative aircraft engine or aircraft generator*? Pesawat Airbus A330-300 mempunyai dua enjin dan walau di bawah keadaan yang paling sesak pun di mana hanya satu enjin sahaja, juga boleh beroperasi di bawah tatacara minimum ikut *Minimum Equipment List* ataupun MEL. Penerbangan MH066 tidak seharusnya tergendala di Hong Kong. Kalau tidak, sudah pasti MH066 telah dibenarkan untuk memulakan penerbangan dari KLIA dengan hanya satu enjin yang hidup sahaja, minimum ikut *Minimum Equipment List* tanpa sebarang kontingensi.

■ 1630

Saya telah diberi satu maklumat industri dan saya minta DCA dan Kementerian Pengangkutan memberi penjelasan dengan bukti yang kukuh bahawa sebenarnya pesawat MH066 tersebut sengaja dilepaskan ataupun dengan perkataan Bahasa Inggeris *they release* untuk diterbangkan pada tahap MEL syarat MR2 *was not attended to*, dengan izin, dan pesawat tersebut dilepaskan untuk menjalankan penerbangan dengan hanya satu enjin ataupun generator kerana MAS tidak mempunyai sebarang generator simpanan ataupun *spare*. Ini amat mengerikan. Ia mengerikan kerana sebelum ini SOP bagi kejuruteraan MAS telah menetapkan bahawa semua soal MR2 mengenai sistem yang kritikal bagi setiap pesawat harus mencapai kelulusan sebelum ianya dapat melangsungkan penerbangan daripada KLIA walaupun di bawah keadaan MEL iaitu *minimum equipment list*.

Sudah pasti Ketua Eksekutif Kejuruteraan MAS yang bernama Azhari Dahlan harus bertanggungjawab tentang hal ini kerana MH066 telah menjejaskan keselamatan semua penumpang, semua anak-anak kapal serta pesawat Airbus A330 itu juga. Saya juga diberitahu bahawa kesihatan, *the overall health* bagi pesawat MAS semakin merosot sejak tahun 2011. Menurut rekod yang saya dapat kutip, MR2 telah meningkat daripada purata 200 item pada tahun 2011 kepada purata 350 pada 2014 semata-mata kerana tiada komponen enjin simpanan.

Saya hendak tanya sama ada insiden *air turn back* MH192 menerusi pesawat dengan *call* sainsnya 9mip ataupun 9 MXJ pada 2 Mei tahun ini daripada KLIA ke Bangalore juga disebabkan keadaan MEL kerana MAS tidak mempunyai *spare*. Saya minta penjelasan daripada Menteri Pengangkutan sama ada insiden seperti MH066 dan MH192 itu dengan pesawat yang terbang bagi jarak *long hall* dan *medium hall*, dengan izin, dengan hanya satu generator ataupun enjin di bawa keadaan MEL. Apakah jaminan terhadap semua penumpang MAS kalau keadaan sedemikian berterusan. Malah adakah cara kejuruteraan MAS di bawah pimpinan Azhari Dahlan ini telah mencabuli syarat-syarat kelulusan daripada badan piawai antarabangsa seperti EASA iaitu *European Aviation Safety Agency* dengan izin, dan FAA atau *Federal Aviation Administration*. Adakah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelutong gulung.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey saya akan gulung, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah insiden-insiden seumpama ini akan mengakibatkan kejuruteraan MAS sebagai satu anak syarikat MAS itu, kehilangan status *quality maintainance* di khalayak antarabangsa yang mengendalikan kerja-kerja MRO iaitu *maintenance repair and overhaul*, dengan izin, bagi syarikat-syarikat penerbangan pihak ketiga? Itu soalan saya ataupun ini semata-mata satu konspirasi untuk meremehkan kejuruteraan MAS sebagai anak syarikat MAS supaya ia jadi gulung tikar menjelang penstrukturan MAS yang sedang dilangsungkan sekarang agar kejuruteraan ataupun MAS Engineering akan dijual kepada konco-konco tertentu dengan harga *higher sale*....

Seorang Ahli: Setuju.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Dengan izin dan saya kini memandang ke arah AirAsia kerana Azhari Dahlan merupakan seorang yang bukan *lead engineer* bagi pesawat 777 sehingga Airbus 380 tetapi beliau telah masih diangkat sebagai CEO kepada MAS Engineering dan saya rasa itu sememangnya seorang yang telah pinjamkan daripada AirAsia dan kini ditanamkan secara kekal di MAS sementara proses penstrukturan sedang berlangsung. Saya pohon semoga semua pertanyaan saya dijawab secara bertanggungjawab oleh menteri-menteri berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Simpang Renggam. Ya sila.

Seorang Ahli: Dia senyum, dia senang hati.

4.34 ptg.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan pengurangan subsidi minyak petrol sebanyak 20 sen mulai 2 Oktober 2014. Selain itu kerajaan juga akan membangunkan satu mekanisme baru pemberian subsidi petroleum yang telah diumumkan dua hari lepas. Ini menunjukkan keazaman kerajaan untuk memantapkan status kewangan dengan mengurangkan defisit fiskal. Saya menyokong langkah kerajaan tersebut dan menaruh harapan tinggi bahawa pada tahun 2013, defisit fiskal adalah sebanyak 3.9% kepada KDNK dan kerajaan akan berjaya mengurangkan defisit fiskal dengan selanjutnya sehingga ke 3.5% kepada KDNK pada tahun 2014.

Biarpun wujudnya banyak pandangan pesimistik terhadap ekonomi Malaysia, negara kita tetap merekodkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada suku kedua tahun 2014 iaitu sebanyak 6.4%. Pertumbuhan ekonomi yang mantap ini dirangsang oleh penggunaan domestik yang kekal sihat dan juga pertumbuhan kadar eksport negara yang tetap kuat. Dengan itu saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri atas kejayaan rancangan transformasi ekonomi yang diilhamkan oleh beliau. Walau bagaimanapun, angka-angka ekonomi tidak semestinya mencerminkan taraf kehidupan masyarakat Malaysia tetapi

permintaan domestik tetap memberangsangkan sememangnya merupakan tanda yang jelas bahawa para pengguna masih berpendapat positif terhadap prospek ekonomi negara kita.

Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan dan keputusan untuk menjalankan program rasionalisasi subsidi sememangnya adalah baik dan memanfaatkan negara dan rakyat. Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan bahawa kenaikan harga minyak petrol akan menambah beban yang lebih berat kepada orang ramai. Ia bukan saja akan memberi kesan ke atas kos pengangkutan kita malahan turut akan sedikit sebanyak mempertingkatkan harga barangan keperluan kita atas kesan perantaraan.

Baru-baru ini Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas SeMalaysia telah menyokong kenaikan yuran bas sekolah sebanyak 40% berikutan dengan kenaikan harga minyak petrol. Kita mesti sedar bahawa rizab minyak negara kita adalah terhad dan dijangka bakal menemui kehabisan dalam 13 hingga 21 tahun lagi oleh syarikat cari gali minyak yang profesional. Kita perlu berhadapan dengan hakikat bahawa negara kita bakal menjadi negara pengimport bersih minyak petrol dalam beberapa dekad yang akan datang lagi. Pada masa tersebut, harga minyak petrol akan melambung tinggi berbanding dengan masa sekarang. Bilangan kereta atas jalan yang dilaporkan adalah sebanyak 22.7 juta sehingga ke akhir tahun 2012.

Sementara subsidi minyak petrol telah bertambah sebanyak RM34.6 bilion sejak daripada tahun 1994. Dengan itu kerajaan perlu mengambil pendekatan untuk mengatasi keadaan tersebut sebelum ia menjadi tidak terkawal dan antara cara yang terbaik ialah mengurangkan subsidi minyak petrol. Adalah tidak wajar untuk kita membandingkan dengan negara lain seperti Brunei kerana negara mereka yang kaya dengan sumber minyak dengan secara semula jadi dan juga populasi negara yang secara relatifnya kurang berbanding dengan negara kita.

Walaupun bagaimanapun, rasionalisasi subsidi adalah tidak mencukupi untuk fiska defisit dan fenomena bilangan kereta yang terus meningkat. Saya berpendapat bahawa sebuah sistem pengangkutan awam yang murah, mudah dan menyeluruh akan lebih berkesan untuk mengurangkan bilangan kereta yang melampau banyak terutamanya di negeri-negeri yang pesat membangun seperti Kuala Lumpur, ada 5.3 juta kenderaan dan Selangor ada 2.46 juta kenderaan, Johor 3.09 juta dan Pulau Pinang 2.32 juta. Dengan itu saya menyokong pelaburan kerajaan pusat ke atas Projek Mas Rapid Transit Lembah Klang, Sungai Buloh-Kajang, Lebuhraya Pantai Barat dan Taiping-Banting dengan panjang sebanyak 276 kilometer, Selayang dan Putrajaya MRT2 dengan panjang sebanyak 56 kilometer dan Bandar Utama serta Shah Alam-Klang, LRT3.

■ 1640

Di samping itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang kedudukan dan perkembangan projek HSR iaitu *High Speed Rail* yang akan dibina untuk menyambung Kuala Lumpur dengan Singapura. Ini adalah rentetan lawatan saya ke Parlimen Jepun baru-baru ini dan saya sering ditanya oleh beberapa orang Ahli Parlimen mengenai projek ini dan mereka memang menunjukkan minat yang agak besar supaya dapat diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat gembira dengan pengenalan perkhidmatan bas antara bandar yang menghubungkan golongan pekerja yang duduk di luar bandar tetapi

pekerja di Kuala Lumpur di bawah bajet 2015. Di samping itu perkhidmatan *electric train service* di antara Ipoh dan Butterworth yang bakal diimplementasikan bermula April 2015 juga menunjukkan bahawa kerajaan berusaha untuk membantu rakyat menanggung kos tambahan akibat daripada kenaikan harga minyak petrol. Insentif-insentif lain yang turut diperkenalkan di bawah Bajet bagi mengurangkan kebergantungan kita terhadap minyak petrol adalah seperti *sustainable mobility fund* sebanyak RM70 juta bagi mengembangkan sektor pembinaan kenderaan elektrik dalam negara sebagai cara penyelesaian yang berjangka panjang serta mencergaskan industri automobil dalam negara kita. Kita harus memberi pujian kepada kerajaan atas rancangan untuk membina MRT yang bakal memanfaatkan orang ramai.

Biarpun banyak usaha telah ditaburkan oleh kerajaan ke atas sektor pengangkutan awam terutamanya dengan pembinaan lebuh raya baru dan juga MRT, saya masih berpendapat bahawa sistem pengangkutan awam masih boleh dinaiktarafkan lagi bagi memaksimumkan kebolegunaan dan kepelbagaian fungsian pengangkutan awam dengan mencontohi negara-negara maju seperti Korea Selatan dan Jepun dengan sistem pengangkutan awam mereka yang sempurna dan murah. Ketetapan waktu kemudahan stesen dan sebagainya boleh dikembangkan dengan selanjutnya selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan subsidi minyak petrol dan kebergantungan orang ramai terhadap minyak petrol. Saya menyeru kerajaan supaya menaik taraf sistem pengangkutan awam yang sedia ada di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang sering kali membangkitkan isu minyak petrol. Akan tetapi pada hakikatnya minyak masak negara kita lebih murah berbanding dengan negara lain. Contohnya seperti Singapura, satu kilogram minyak masak berharga RM9.43 manakala minyak masak dalam negara kita hanya berharga RM2.50 satu kilo. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tetap memberikan subsidi yang sewajarnya kepada barangan keperluan harian bagi memastikan kehidupan rakyat tidak terjejas. Saya memohon pada kerajaan supaya memberikan penjelasan, keterangan dan juga pendidikan kepada rakyat jelata kerana saya percaya kerajaan tidak pernah mahu menganaktirikan rakyat. Sepatutnya kita menjelaskan kepada rakyat apakah lagi barang lain yang murah berbanding dengan negara jiran.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Boleh bagi laluan?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya ada banyak isu. Nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus pada isu pendidikan sekolah Cina. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan atas peruntukan sebanyak RM50 juta pada SJK(C) dan ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak menganaktirikan kaum-kaum lain seperti kaum Cina. Dalam konteks ini pihak-pihak lain tidak wajar berprasangka buruk terhadap kerajaan. Baru-baru ini pendidikan sekolah vernakular Cina menjadi topik hangat dengan sesetengah pihak menuduh bahawa sekolah vernakular menjejaskan perpaduan negara dan merupakan tempat memupuk fahaman anti kerajaan. Kesemua tuduhan tersebut adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana buku teks di SJK(C) langsung tidak ada kandungan yang menghasut supaya murid kaum Cina menghina atau mendiskriminasikan kaum lain.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bawah tiada sebuah sekolah SJK(C) yang akan ditutup, tetapi saya berharap isu sebegini tidak lagi ditimbulkan oleh mana-mana pihak dan saya mesti menegaskan di sini bahawa pendidikan adalah suci. Maka percubaan untuk menutup mana-mana institusi pendidikan dengan alasan tersebut adalah berdosa. Kerajaan perlu mengkaji di mana kelemahannya untuk menambahbaikkan tetapi bukannya menutup mana-mana sekolah malahan tidak ada satu negara yang sanggup menutup institusi pendidikan yang mereka menubuhkan yang mana makna kewujudan institusi tersebut melangkaui makna fizikal. Akan tetapi ia turut melambangkan semangat dan budaya keilmuan sesebuah negara dan masyarakat.

Hak untuk mengguna dan mempelajari bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan adalah terjamin di bawah Artikel 152 dalam Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu kewujudan sekolah-sekolah vernakular termasuk Sekolah Cina dan Tamil sepatutnya dipertahankan dan sekolah vernakular telah banyak memupuk bakat-bakat negara yang menyumbang kepada pembangunan negara. Sekolah-sekolah tersebut sememangnya adalah aset kepada negara yang seharusnya dipertahankan. Mereka sama sekali bukan merupakan penghalang kepada perpaduan negara dan dakwaan oleh sesetengah pihak adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan juga memperuntukkan RM50 juta kepada SJK(C) dan SJK(T) dan telah bersetuju untuk menanggung bilangan elektrik dan air sehingga RM5,000 sebulan.

Kenaikan sebanyak RM3,000 berbanding dengan tahun lepas. Selain daripada itu RM25 juta juga diperuntukkan pada SKM(C) dan kami amat menghargai dan mengalu-alukan peruntukan kerajaan tersebut yang secara jelasnya membuktikan bahawa kerajaan turut menitikberatkan kebajikan dan perkembangan sekolah-sekolah vernakular sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya tidak ada masa. Biar saya habiskan dahulu, masa tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, duduk sebelah minum tehlah selepas ini.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya ingin menegaskan di sini bahawa sukatan pelajaran sekolah-sekolah vernakular adalah positif dan selaras dengan apa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setara misi pendidikan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996. Saya menyeru semua pihak berhenti mempersoalkan status sekolah vernakular tetapi memperakui sumbangan dan usaha semua pihak dalam membangunkan negara serta menghargai perbezaan di antara kita sebagai kelebihan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita merupakan penyumbang yang penting kepada negara kita sebagai seorang ibu dan pekerja. Namun begitu mereka hanya mewakili sebanyak 38% daripada jumlah tenaga kerja serta lebih banyak usaha yang diperlukan untuk meningkatkan bilangan ini. Saya memuji sifat inisiatif kerajaan untuk menggalakkan sikap keusahawanan di kalangan wanita terutama untuk golongan ibu tunggal melalui program kemahiran inkubator ibu tunggal.

Menerap masuk lebih ramai wanita dalam lapisan membuat keputusan adalah satu cara yang bagus dalam mempertingkatkan taraf wanita. Ini akan menjana fenomena sosial di mana wanita yang memegang jawatan yang tinggi tidak lagi dilihat sebagai tidak biasa. Program *1Malaysia Support For Housewife*, dengan izin, juga boleh meningkatkan taraf suri rumah tangga dan memberi mereka status kewangan yang lebih tinggi untuk bersuara mengenai keganasan suami. Kesaksamaan jantina adalah satu proses yang perlahan dan saya percaya Malaysia mampu bergerak ke arah yang membolehkan lebih ramai wanita mengambil bahagian dalam ekonomi kita. Tambahan pula inisiatif kerajaan untuk melonggarkan cuti bersalin dan cuti penjagaan anak sejak 1 Januari tahun hadapan bagi sektor awam ialah satu langkah yang baik untuk memahami kesukaran peranan seorang wanita sebagai ibu dan pekerja. Namun begitu saya berpendapat kemudahan ini bukan sahaja patut dilaksanakan di sektor awam, tetapi juga dilaksanakan atau diwajibkan di sektor swasta.

■1650

Selain wanita, bantuan dan insentif kepada golongan belia juga menjadi fokus utama dalam bajet ini. Kerajaan memahami bahawa hanya pembaharuan ekonomi adalah tidak mencukupi dan berterusan jika ia tidak boleh disokong oleh generasi yang berproduktiviti dan berkualiti tinggi. Dalam hal ini, kerajaan telah menambahbaikkan Program Latihan Khidmat Negara dan Program Rakan Muda juga memperkenalkan beberapa program seperti Kem Uniti dan Program Akademi Kepimpinan Belia untuk memupuk bakat kepimpinan di kalangan belia Malaysia.

Program Keusahawanan untuk menggalak golongan belia menceburi bidang keusahawanan dan menubuhkan perniagaan mereka sendiri telah diperkenalkan dengan Program MAGIC dan *Online Resource Center*. Program *Agropreneur* Muda dari FAMA yang melibatkan seramai 1,200 orang belia dengan sasaran pendapatan melebihi RM5,000 sebulan juga dilaksanakan. Walaupun banyak program telah dilaksanakan dengan niat untuk melatih dan mempertingkatkan kepimpinan di kalangan orang muda, mereka tidak dapat menunjukkan bakat dan potensi mereka sekiranya kita gagal memahami dan mendekati mereka. Oleh itu, saya mencadangkan kerajaan menubuhkan sebuah laman web menyeluruh yang merangkumi satu senarai program yang sedia ada untuk anak muda yang mahir berinternet secara keseluruhan. Tambahan pula inisiatif ini juga akan dikongsi melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* untuk mendekati lebih ramai belia.

Tuan Yang di-Pertua, turut diketengahkan dalam bajet ini juga adalah pengenalan Skim Perumahan Belia. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan yang sentiasa memahami dan mendengar hasrat golongan muda yang menghadapi cabaran untuk memiliki rumah pertama mereka. Pasangan yang telah berkahwin dan berumur dalam lingkungan umur 25 hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM10,000 akan ditawarkan dengan rebat sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh dua tahun pertama bagi mengurangkan beban pinjaman. Selain itu, kerajaan turut menawarkan 50% pengecualian atas duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman.

Walau bagaimanapun, saya memohon kepada kerajaan untuk menjawab beberapa isu mengenai pelaksanaan program ini. Berapa banyak tanah yang telah diperuntukkan

kepada program? Berapa unit rumah yang dijangka dapat disiapkan dalam tahun 2015 di bawah PR1MA yang diperuntukkan sebanyak RM1.3 bilion? Apakah mekanisme kawalan untuk projek PR1MA ini? Adakah harga rumah PR1MA akan meningkat jika pemilik sedia ada memutuskan untuk menjual unit mereka pada pembeli baru? Saya percaya dengan adanya mekanisme pemantauan yang berkesan mampu mengelakkan penyalahgunaan di kalangan pembeli dan seterusnya memberi manfaat kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Dalam bajet ini juga, sebanyak RM17.7 bilion telah diperuntukkan kepada Angkatan Tentera Malaysia. RM9.1 bilion telah disediakan untuk PDRM dan juga RM804 juta diperuntukkan untuk agensi APMM bagi memperkukuhkan penguatkuasaan maritim.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan masa kini menunjukkan bahawa sistem keselamatan negara menerima perhatian yang serius daripada kerajaan selain daripada pendidikan kesihatan dan juga pembangunan. Perkara ini mengingatkan saya kepada kejadian pengeboman yang berlaku di Bukit Bintang baru-baru ini. Bagaimana pihak terbabit memperoleh bahan-bahan letupan dengan mudah dan adakah tahap rangkaian keselamatan dalam negara kita masih cukup kukuh? Saya berharap peruntukan keselamatan di bawah bajet ini dapat menambah baik usaha pencegahan jenayah dan juga pertahanan negara di kawasan persempadanan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Berapa minit lagi?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya sentuh sedikit tentang jalur lebar sebab- Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi mempunyai impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi, saya percaya inisiatif-inisiatif kerajaan tersebut akan memberi faedah kepada rakyat secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, saya turut berpendapat bahawa keperluan pendekatan tertentu untuk mengawal kos pembangunan telekomunikasi.

Saya difahamkan setiap syarikat telekomunikasi sebenarnya disyaratkan untuk membayar dana *Universal Service Provision* (USP) dan saya ingin tahu berapakah peruntukan yang telah digunakan daripada dana ini untuk pembangunan perkhidmatan jalur lebar di kawasan pedalaman? Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Seorang Ahli: Teruskan, teruskan.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak cukuplah masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya perhatikan wakil Parti Keadilan tidak ada lagi hari ini berucap. Sila, Yang Berhormat Kuala Langat.

4.56 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik budiman orangnya memberi ruang kepada Kuala Langat untuk membahaskan Belanjawan 2015. Yang Berhormat Bukit Gantang jangan marah, ya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan dalam pembentangan belanjawan ada menyentuh tentang pindaan Akta Kerja 1955 yang memberikan ruang untuk saya berbicara lanjutan daripada keluhan dan keresahan yang dihadapi oleh rakyat pekerja yang berjumlah hampir 11.3 juta orang dalam negara ini. Isu yang kita harap dan nantikan dari Kementerian Kewangan tidak lain dan tidak bukan ialah satu imbuhan yang membolehkan GST itu ditimbang balas. Sebagai contoh, elaun COLA yang kita harapkan memberikan satu ruang untuk menambah sedikit pendapatan untuk mengimbangi GST yang akan diperkenalkan pada 1 April 2015. Sehingga habis pembentangan tidak disentuh tentang elaun COLA yang begitu diharapkan.

Ketika Timbalan Menteri menjawab, dalam jawapannya itu tidak ada kelangsungan untuk membantu ataupun memberi ruang untuk elaun COLA itu diperkenalkan. Seperti mana sejarah silam berlaku pada tahun 1974, di mana ketika itu Allahyarham Tun Abdul Razak telah pun menegaskan bahawa dengan mengimplementasikan elaun COLA itu secara automatik membantu dan memberikan sedikit ruang hidup dalam sara hidup yang sepatutnya dapat dilindungi ataupun dibantu kepada pekerja-pekerja dalam negara. Di waktu itu dan kita harap Yang Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan boleh memberikan kembali peluang ataupun cadangan yang telah dibuat pada tahun 1974 oleh ayahandanya iaitu Almarhum Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan pembentangan itu hendak dibicarakan, banyak yang kita lihat daripada jelmaan atau pandangan dari Yang Berhormat Pekan yang mengatakan bahawa perlu ada satu anjakan yang memerlukan perubahan dalam segi produktiviti yang mengimbangi pendapatan tinggi pada tahun 2020. Dalam masa yang sama beberapa perkara telah dibangkitkan termasuk Yang Berhormat Jelutong tadi sebagai satu perkara yang saya lihat daripada aspek longgokan tambahan dana yang telah diberikan kepada syarikat MAS yang selama ini diberitahu bahawa kemeruduman ataupun ketidakadaan keuntungan yang dihasilkan oleh MAS itu menjadi isu yang dibangkitkan berterusan sehinggakan Khazanah Nasional Berhad terpaksa mengambil ruang untuk memastikan bahawa MAS itu dapat diselamatkan. Sebelum itu saya juga ingin membicarakan soal pentadbiran MAS yang menjadi satu keluhan kepada...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Oleh kerana saya ada 20 minit Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri orang ganggu saya. Yang Berhormat Putatan duduk. Saya hendak cerita habis ini, banyak isu hendak bangkit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kuala Langat, saya bantu.

Seorang Ahli: Tidak usahlah bantu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi, nombor satu, saya melihat pentadbiran pengurusan MAS itu perlu diubah dari segi bentuk...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Kuala Langat? Saya ada jawapannya Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Memberikan penggajian yang agak luar biasa kepada pengurusan yang saya kira memberikan ketidakseimbangan pendapatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya ada jawapan Yang Berhormat Kuala Langat. Jawapan kepada soalan saya pagi tadi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sebagai contoh...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Satu, sengaja menggagalkan- ini *management*, menggagalkan audit keselamatan oleh pihak EASA, hampir menyebabkan semua pesawat MAS tidak boleh terbang di Eropah dan pembuangan *accountability management* SVP iaitu Encik Azhari bin Mohd Dahlan dan *cut cost* sehingga penerbangan antarabangsa terbang dengan tidak mengambil kira keselamatan pesawat dan penumpang seperti Yang Berhormat Jelutong cakap tadi.

■1700

Itu pun tanggungjawab Azhari Dahlan yang saya tidak tahu dia *qualify* atau tidak *qualify*. Ketiga, Zaharah Zaid yang memegang jawatan *HR Director* yang menerima gaji puluhan ribu menjadi sebagai 'pendongak' ataupun penyuntik *junior basting*. Kerjanya hendak buang orang kerja, ambil pekerja baru yang suku sakatnya. Ini adalah satu penyebab utama kenapa pengurusan penggajian itu secara automatik meningkatkan perbelanjaan dalam pengurusan.

Keempat, Zaharah Zaid gagal menjalankan tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dalam perjanjian secara kolektif dengan pihak Kesatuan 2011 dan 2013. Azhari Dahlan adalah seorang penghasut para pekerja secara senyap untuk menyertai Syarikat MAE, Syarikat Aerospace Engineering. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Azhari Dahlan ini *CEO Engineering* yang diambil daripada AirAsia. Jadi tidak tahu apa *qualify*nya tetapi kerana disebabkan dia yang menyebabkan Mohd Nasir Abdullah dipecat. Kakitangan yang dibawa masuk ke MAS khasnya menggagalkan perniagaan MAS.

Saya kira *management* ini perlu pihak Khazanah ataupun Kementerian Pengangkutan mengambil kira mereka yang bernama Ahmad Johari *Manager Director*, Zaharah Zaid *HR Director*, Zahari Dahlan *CEO Engineering*. Entah apa dibuatnya asyik pendapatan tidak dapat disasarkan. Tidak tahu mereka *qualify* atau tidak *qualify*. Begitu juga dengan- *Commercial Director*, Datuk Najmuddin Abdullah, *Head Strategic Communication*. Ini pun hendak kena *check* juga Azariah Hapadz *Senior Manager*, Azni Abidin. Ini semua harus diberikan siasatan kerana mereka diberi gaji yang agak begitu lumayan tetapi dalam masa yang sama apabila pendapatan tidak dapat diselaraskan dengan perbelanjaan maka pekerja menjadi sasaran.

Jadi, saya memohon supaya pihak pengurusan tertinggi sebab ia GLC, Khazanah supaya mengambil peranan untuk mereka ini diberikan siasatan ataupun dilihat dan dikaji semula kedudukan mereka. Ini supaya mereka ini tidak menjadi 'pelonggok' kepada bebanan pengurusan perbelanjaan yang dikenakan ke atas MAS yang selama ini kita melihat MAS begitu tidak begitu efisien kalau dibandingkan dengan AirAsia disebabkan oleh pengurusan

yang berlambak, pendapatan mereka yang tidak masuk akal dan perlu memberikan jawapan kepada persoalan atas tidak *efficiency* mereka itu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tinggi daripada gaji Ahli Parlimen lagi...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, atas Yang Berhormat Lenggong kalau dia masuk macam itulah, dia kacau sahaja orang. Atas beberapa perkara yang telah saya lihat bahawa hari ini terdapat banyak sangat *union basting* yang menjadi satu igauan buruk kepada pemimpin kesatuan. Kita sudah tidak mengiktiraf...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Okey. Selagi ia tidak melanggar peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua tidak cakap apa-apa kita dengarlah. Yang Berhormat Lenggong dengar. Satu ialah apabila pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad memecat beberapa jawatankuasa dan juga pemimpin kesatuan seramai 41 orang dan *suspended* 27 orang, dengan izin. Salahnya apa? Piket sahaja. Timbalan Menteri Kewangan kata ini personaliti, bukan soal kebajikan pekerja. Tidak tahu jangan cakap. Menteri dan Timbalan Menteri Sumber Manusia faham. Dia kata tidak mengapa, kita selesaikan. Dia tahu penyelesaian. Kalau tidak tahu jangan bercakap, menyemakkan *Hansard* Parlimen.

Saya hendak beritahu dengan Timbalan Menteri Sumber Manusia dan juga Pengerusi KTM, Yang Berhormat Langkawi harus dan wajib selesaikan masalah KTM ini. Ini masalah undang-undang. Kalau kita piket tidak salah di bawah seksyen 40, Akta Perusahaan 1967, macam mana boleh buang? Ini berlaku, ini GLC. Nama pun Kereta Api Tanah Melayu Berhad. Jadi, saya minta Menteri atau Timbalan Menteri atau Menteri Sumber Manusia, Menteri Pengangkutan, Pengerusi KTM supaya selesaikan segera kerisauan dan juga kekeruhan yang berlaku dalam Keretapi Tanah Melayu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, ini *Flight Attendant* (NUFAM), Ismail. Kesalahannya mengkritik CEO, kritik dalam *Facebook* kata tidak efisien, dia dibuang. Itu pun tidak melanggar di bawah peraturan seksyen 14 di bawah Akta Pekerja 1955. Saya mengambil pendekatan supaya Menteri Pengangkutan campur tangan dan jangan benarkan tujuh jawatankuasa tertinggi mereka dipecat oleh pihak pengurusan MAS yang tidak berperikemanusiaan.

Ketiga, NUBE pun masalah Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang pemimpin dia meluahkan perasaan tidak puas hati di Mesyuarat ILO dengan menghantar *banner*. Pihak Malayan Banking pecat dia. Saya cakap dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia kata itu telah pun dibuat keputusan dan sebagainya. Saya kata ini tidak melanggar etika kerja, yang boleh buang kerja ialah jika melanggar kod etika kerja. Di luar itu hendak piket, hendak apa, itu hak dia. Masalah apa? Kita gunakan kuasa yang membabi buta pasal apa? Ini kerana dia tahu dengan berbuat demikian, dia sudah ada satu token sebab dahulu tahun 2007 Tuan Yang di-Pertua, Menteri Sumber Manusia ketika itu Yang Berhormat Alor Gajah telah pun mengubah, hendak meminda undang-undang di bawah seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 yang hanya ada 24 bulan pampasan. Oh! Dahsyat! Jadi maknanya majikan-majikan yang biadab ini, dia buang, dia bayar 24 bulan, tidak ada *reinstate*. Ini yang

celakanya kalau undang-undang tidak menyebelahi pihak pekerja. Saya berharap supaya seksyen 30 itu dikaji semula oleh pihak kementerian.

Keempatnya Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan seorang presiden.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nombor lima sudah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Belum lagi. Ada 20 minit lagi. Kacau, sudah lari mana ini. Presiden Persatuan Pekerja Industri Elektronik Wilayah dan Barat Semenanjung Malaysia Saudara Wan Noorulazhar. Dia ada jumpa dengan Menteri Belia dan Sukan, dia ada jumpa macam-macam, tidak selesai-selesai. Jadi, saya minta kilang ini supaya memikirkan kembali kerana dia tidak melanggar seksyen 14, seksyen 20, *unfair dismissal* tetapi dia dibuang kerana apa? Oleh sebab takut anak muda ini bangkit dan menyatakan hak mereka bawah perjanjian bersama di bawah seksyen 13 Akta Perusahaan 1967. Ini yang ditakutkan.

Jadi, saya minta supaya kementerian bersungguh-sungguh membantu pihak kepimpinan kesatuan di seluruh negara ini supaya mereka diberikan ruang untuk mempertahankan hak mereka. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, *reinstate* di bawah seksyen 20.3 di bawah kuasa Menteri, Akta Perusahaan 1967 ini tidak sampai 8% yang *reinstate*. Lain semua dibayar 24 bulan 'chow', 24 bulan 'chow'. Jadi kasihan mereka ini. Anak isteri hendak ditanggung.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa itu 'chow-chow', apa dia?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Semata-mata untuk mempertahankan Yang Berhormat Lenggong, mempertahankan hak mereka dipecat. Yang Berhormat Titiwangsa jangan duk 'terenyeh' sahaja. Kita kena pastikan bahawa rakyat semua terpelihara Tuan Yang di-Pertua.

Kelimana ialah 18 orang. Bukan hantar apa, dia hantar dokumen untuk mengatakan tolong bantu kami rakyat, pekerja. Tolong pastikan gaji minimum kami dipertahankan. DRB-HICOM pecat mereka, 18 orang, untuk ugut mereka buang pula dari kesatuan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kejam, kejam.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini apa punya? Betul-betul haprak punya syarikat! Boleh buang 18 orang pemimpin. Tidak boleh begitu Yang Berhormat Lenggong, tidak boleh dan berdosa besar kita aniaya orang. Banyak lagi ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Elaun-elaun Ahli Parlimen ada atau tidak?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Selepas itu pula yang keenam, Naib Presiden NUJ Mohd Hatta, beliau ini buat secara bukan kritik tetapi hendak memperbetulkan pengurusan *Utusan Malaysia*. Akan tetapi beliau telah pun dipecat... [Dewan riuh] Dahsyat dipecat Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Setiawangsa, dipecat. Ini *Utusan Malaysia*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tajuk ucapan dipecatlah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ketujuh, seramai 17 orang kepimpinan kesatuan Pekerja West Port ponteng tiga minit pergi buang air kena pecat. Buang air, Yang Berhormat Lenggong oh! Dahsyat.

Beberapa Ahli: Kena pecat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hari ini tajuk ucapan pecat?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lenggong sekejap lagi saya bagi engkau. Duduk dahulu. Tuan Yang di-Pertua, buang air pun kena pecat. Kurang ajar punya *management*. Kelapan, piket.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tajuk ucapan dipecat?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Piket di hadapan Syarikat AnselNP Melaka, sembilan orang pemimpin kesatuan pun dipecat. Oh! Dahsyat! Yang Berhormat Tenggara dahsyat. Tidak betul sistem kita ini. Memang sistem betul-betul hancur. Nombor sembilan Presiden- *Sarawak Employment...*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pun kena pecat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sarawak! Oh! Sarawak Timbalan Menteri. Dia tulis surat, bukan hendak boikot, *family day* dia tidak dapat bawa anak isteri. Selepas itu syarikat pecat dia. Oh! Dahsyat!... [*Dewan riuh*] Macam ini mampus pekerja semua. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya kata tadi bahawa perlu ada Konvensyen 87, ILO itu dipertahankan dan diberikan hak mereka.

■1710

Atas sebab itu mengikut laporan daripada ITUC, Malaysia ini ialah *among the worst*, ini yang kelima terburuk dalam dunia. Malaysia, China, India, AU sama dengan Syria dan Sudan. Antara lima pekerja-pekerja yang *minimum right subjective for the unfair level practice*. Oh dahsyat, dengan izin. Yang Berhormat Lenggong, tengok itu. Nombor lima dalam kategori itu. Saya tak tahulah sama ada ini betul tak betul...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Air nak air, air, air. Nak air?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Akan tetapi ini adalah *report* yang saya terima yang begitu menyedihkan dan memilukan. Yang Berhormat Tenggara, perbetulkan undang-undang. Saya sokong Akta Agensi Migran yang hendak dibawa oleh sebab saya salah seorang daripada Majlis Pindaan. Oh, jangan main-main. Jadi kita telah pun bersetuju Akta Agensi Migran ini kita kuatkan. Walaupun mereka ini pekerja asing tetapi kita perlu kawal selia. Kita bantu Menteri Dalam Negeri. Bagaimana kita nak pastikan tidak ada *trafficking*, dengan izin, tidak ada penindasan, penganiayaan, penjualan cara moden yang berlaku sedangkan kita tahu bahawa pekerja asing ini Tuan Yang di-Pertua, wah Tuan Yang di-Pertua serius sekali.

Kita tahu 5.9 juta, oh dahsyat. Yang Berhormat Lenggong, 2.9 juta didaftar, yang lebih tak berdaftar. Masuk secara haram dan tidak ada kedudukan yang boleh menjamin mereka ini dijaga hak mereka. Maka yang demikian, atas sebab-sebab itu kita telah ada dan akan buat pindaan tentang rang undang-undang di bawah Akta Agensi Migran ini. Saya bersetuju, sangat-sangat bersetuju dengan memastikan bahawa tidak akan berlaku penganiayaan perhambaan cara moden. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Gaji Ahli Parlimenlah pula.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya mengambil peluang ini di atas baru-baru ini saya pergi ke Tanah Merah, pergi ke Pengkalan Kubor.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menteri dia ada yang kena pecat, ada?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menterinya ada yang kena pecat. Oh tak mari hari ini, tak ada. Seorang wanita bernama Nik Azizah binti Nik Mat membuat tuntutan tunggakan dividen kepada Pejabat Felcra pada 12 Ogos 2012 dan apabila jawapan yang diberi ialah Felcra masih menyemak dan membuat perincian sebenar tunggakan pokok di atas terlibat dan selesai pada masa yang terdekat, bayaran akan dibuat pada awal Disember 2012. Awal 2012, Nik Azizah pergi jumpa dengan Pengarah Felcra di Tanah Merah. Dia bukan kena halau sahaja, dia kata pergi balik ke Parlimen, minta dekat Parlimen untuk membayar kata dia. Punyalah kurang ajar pengarah ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ingat kena pecat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi saya minta Pengerusi Felcra, mana Yang Berhormat Kinabatangan? Tak ada ya? Yang Berhormat Kinabatangan bila orang hendak dia, dia tak ada. Ha, jadi kita minta Menteri supaya tengok ini kes ini, jangan biarkan orang sengsara dan merana begitu sahaja. Daripada 2012 Ogos sampai hari ini minta dia diberikan haknya supaya hidup dia itu tidak sengsara dan merana. Ha, dengar ini Yang Berhormat Lenggong. Dan akhirnya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Gaji Ahli Parlimenlah pula.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Akhirnya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Gajilah pula.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, ya. Saya setuju. Saya amat setuju bahawa kita melihat daripada sudut hak itu sendiri. Malah saya ingin mencadangkan pada tahun 2012, yang ada RM30 juta yang diluluskan Dewan yang mulia ini diberikan juga kepada mereka yang bekas-bekas yang tak bertanding, yang tewas pada tahun 2012. Dah diluluskan pun, diluluskan semua termasuk Yang Berhormat Sri Gading dahulu, termasuk Yang Berhormat Kuala Lipis dulu. Kawan-kawan kita dulu. Tuan Yang di-Pertua, minta kepada Menteri supaya RM30 juta itu dikira *backdated* lah. Ha, bila kira *backdated* itu maknanya semua orang merasa. Ha, jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Ini Yang Berhormat Kuala Langat isunya apa ini?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Isunya ialah *backdated*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Backdated* apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Isunya *backdated*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Backdated* itu untuk apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Untuk elaun-elaun Parlimen yang diluluskan yang telah pun tertunggak RM30 juta pada tahun 2012. Ini Yang Berhormat Lenggong setuju Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lenggong dengan saya setuju ini. Jadi saya minta supaya mereka ini diberikan sedikit pertimbangan. Kawan-kawan kita yang lama pun dapat *back pay*. Ini Yang Berhormat Jasin dia tak setuju pun tak apa. Yang Berhormat Jasin itu dia kira akaun dia sendiri sahaja tapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita juga memahami mereka juga memerlukan. Jadi saya minta Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tenggara tolong bisiklah Menteri Kewangan supaya mereka juga pun diberi ruang.

Jadi RM30 juta itu agih-agihlah kepada yang lama dan yang baru supaya keadilan itu dapat ditegakkan. Jadi kita...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu yang lama, yang baru?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Apa dia?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang akan datang ini?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Akan datang tak ada masalah, depa naik dah pada satu hari bulan satu ini. Tuan Yang di-Pertua, menurut bicara bersungguh-sungguh. Apa pun saya kira seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini, *Union Busting* itu perlu diambil berat supaya sudah menjadi satu igauan buruk kepada pemimpin semua kesatuan. Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa iaitu 11.3 juta, Yang Berhormat Tenggara jangan terlepas pandang. 11.3 juta ini bukan seseorang, mereka kumpulan yang besar, pasukan yang besar dan mereka perlu juga diberikan perhatian. COLA menjadi satu tuntutan yang saya kira amat-amat baik seperti mana Presiden MTUC kata, saudara Khalid Ibrahim dia kata, dia minta sangat bahawa COLA itu dapat diperkenalkan.

Tak jadi masalah, sejarah itu ada Tuan Yang di-Pertua. 1974 dah pun dibuat oleh Almarhum Tun Abdul Razak dan ketika itu... [*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) menunjukkan isyarat tangan*] Ya, *break* saya tahu *break*. Bagi saya lagi satu minit. Saya melihat daripada sudut kesanggupan dan kebolehan. Gaji minimum, hari ini Yang Berhormat Kota Raja bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang belum lagi buat gaji minimum. Baru RM900, Majlis Gaji Konsultasi 2012 perlu memastikan bahawa gaji minimum ini mesti dan wajib dilaksanakan.

Yang Berhormat Johor Bahru, betul kan Yang Berhormat Johor Bahru? Jadi kita kena pastikan tidak ada miskin tegar dalam negara ini yang bekerja di bawah penswastaan syarikat-syarikat swasta. Gaji minimum Tuan Yang di-Pertua, tak buat habis lagi. Menteri kata tangguh, tangguh, tangguh, tangguh. Bila tangguh lagi? Ini tahun ini dah habis dah, nak kena *study* lagi. Yang ini tak lepas, yang ini kena sangkut lagi. Jadi saya minta Menteri Sumber Manusia serius dalam memastikan bahawa gaji minimum ini di *apply* dan juga diberikan kepada semua rakyat yang layak di bawah gaji minimum. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya dan perbincangan ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tajuk ucapan dipecat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

5.16 ptg.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan penghargaan kerana memberi peluang kepada saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan Negara 2015. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan impak negatif GST terhadap rakyat pada tahap yang minimum. Ini termasuk memperkenalkan sistem yang mengimbangkan kesan GST seperti menyenaraikan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST. Barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST dan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan kadar sewa GST.

Bila pelaksanaan GST, barang-barang makanan asas seperti beras, ayam, daging, sayur-sayuran dan sebagainya dan termasuklah perkhidmatan kesihatan tidak dikenakan GST. Ini memberi kesan positif kepada pengguna di mana harga barang-barang yang tersenarai di atas adalah berpatutan dan relatif kepada standard kehidupan rakyat. Pelaksanaan GST akan menyaksikan peningkatan kos sara hidup masyarakat pada jangka masa yang pendek akan tetapi pada jangka masa panjang, GST akan memberi manfaat yang komprehensif kepada negara kerana ia melibatkan asas cukai.

Bagi mengekang isu peningkatan kos sara hidup masyarakat, kerajaan haruslah mewujudkan lebih banyak Skim Rumah 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia. Bagi memastikan kesan kenaikan kos sara hidup ditangani dengan lebih komprehensif, usaha gerakan pemantauan tanda harga harus ditingkatkan untuk memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan tidak mematuhi undang-undang dengan mengenakan harga yang lebih tinggi. Inisiatif bagi melindungi hak pengguna juga harus ditingkatkan di mana saluran aduan rasmi perlu diwujudkan untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan menerima maklum balas, kritikan yang membina dan pandangan pelbagai pihak untuk penambahbaikan sistem penyampaian semasa pelaksanaan GST kelak. Masyarakat perlu juga berpandangan jauh kerana GST akan meningkatkan hasil pendapatan negara bagi membolehkan keperluan sosial seperti pembinaan infrastruktur, kesihatan dan pendidikan dapat dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, kerajaan juga harus meneliti dan mengkaji penggunaan *rubber taxes* seperti mengenakan duti hiburan bersama GST yang akan melebarkan pertumbuhan sektor runcit di pusat-pusat membeli belah terutamanya pusat-pusat membeli belah baru.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Belanjawan 2015 dibentangkan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa ubat-ubatan yang telah disenaraikan bagi kebanyakan penyakit yang lazimnya tidak akan dikenakan GST.

■1720

Walau bagaimanapun, pembelian ubat-ubatan tradisional yang berasaskan tumbuh-tumbuhan dan herba tidak pula dikecualikan daripada GST. Ini membimbangkan kerana menurut tabib Cina, ubat-ubatan tradisional berasaskan herba dijangka mengalami kenaikan harga antara 3% hingga 5% selepas GST diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubatan tradisional yang berasaskan herba mengambil peranan yang penting dalam kehidupan harian bagi penyakit yang kurang serius. Selain itu, sistem perubatan komplementari dan alternatif adalah penting bagi masyarakat umum terutamanya bagi mereka yang serasi dengan cara perubatan sedemikian. Sebagai contoh, akupunktur, bekam dan urut tradisional menjadi kebiasaan untuk melegakan pelbagai penyakit bukan kronik.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga selepas ubat-ubatan tradisional dikenakan GST akan menyebabkan rakyat mendapatkan rawatan dan ubat-ubatan dari klinik, hospital dan farmasi untuk penyakit-penyakit yang tidak serius. Ini akan terus menambahkan beban rakyat kerana kos dan harga perubatan tradisional sebelum dikenakan GST adalah lebih

rendah berbanding daripada ubat-ubatan farmasi. Tambahan pula, kedai-kedai perubatan Cina dan produk-produk herba dan tradisional bumiputera juga akan terkesan dan kurang daya saing akibat dikenakan GST.

Memandangkan kerajaan telah mengiktiraf perubatan tradisional dan komplementari melalui Akta Perubatan Tradisional, saya dengan ini memohon supaya ubat-ubatan berasaskan herba dan perkhidmatan perubatan dan rawatan tradisional ini dikecualikan daripada dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan isu kedua iaitu kedudukan Parlimen saya, Tanjong Piai, sebagaimana berada di dalam Wilayah Iskandar khususnya di kawasan Pekan Nanas menerima limpahan pembangunan pesat dengan beroperasinya kilang-kilang yang berasaskan kayu, simen dan logam selain daripada pembuatan komponen. Memandangkan kos pengeluaran yang tinggi dan industri makanan dan industri yang berasaskan *latest* akibat penggunaan bahan api dengan kaedah sedia ada, menyebabkan perkembangan industri sedemikian masih belum beroperasi di sini.

Salah satu prasarana penting adalah sistem bekalan gas asli yang masih belum dibangunkan di kawasan Parlimen Tanjong Piai. Di negeri Johor, beberapa daerah ataupun kawasan yang mempunyai sistem paip bekalan gas asli adalah seperti di Senai, Kulai, Tampoi, Larkin, Kluang dan Pasir Gudang. Hasilnya amat jelas di mana di semua kawasan yang dinyatakan telah terdapat pertumbuhan industri yang begitu pesat.

Kedudukan Pekan Nanas yang berada di Koridor Wilayah Iskandar dan dengan jaraknya yang berhampiran dengan pelabuhan Tanjong Pelepas serta Lapangan Terbang Senai adalah satu nilai tambah yang melengkapi sekiranya sistem paip gas asli dapat dikembangkan hingga ke kawasan ini. Kita sedia maklum bahawa gas asli memberikan banyak kelebihan di mana di antaranya ialah sebagai sumber tenaga yang lebih murah dan lebih bersih dan lebih efisien, lebih selamat berbanding dengan gas lain atau petroleum. Ia juga mampu mengurangkan pencemaran berbanding dengan diesel atau petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat dan fakta di atas, saya memohon pihak kerajaan menimbang dengan serius agar sistem paip gas asli dapat dilaksanakan di Parlimen Tanjong Piai khususnya ke kawasan perindustrian yang telah dizonkan supaya lebih banyak aktiviti pengeluaran yang memerlukan sumber tenaga pembakaran sebagai keperluan asas boleh beroperasi. Sebagai contohnya, industri makanan, perubatan dan industri yang berasaskan getah sudah pasti akan berkembang oleh kerana kawasan Parlimen Tanjong Piai telah sedia ada prasarana lain dan dengan kedudukan yang hampir dengan pelabuhan, lapangan terbang serta jarak yang dekat dengan negara jiran iaitu Singapura.

Begitu juga jangka panjang, bekalan gas asli boleh dibekalkan untuk kegunaan domestik. Ini sesuai dengan matlamat kerajaan mengurangkan pencemaran-pencemaran dan memodenkan pembangunan rumah-rumah kediaman yang siap sedia mempunyai prasarana asas- api, air dan gas.

Nilai tambah lain dengan adanya bekalan sistem paip gas asli akan menggalakkan penggunaan kenderaan yang menggunakan NGV sebagai sumber tenaga yang seterusnya memberi manfaat kepada peningkatan ekonomi yang lebih baik dalam sektor pengangkutan dan juga untuk keperluan pengguna secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, saya berharap projek pemasangan sistem paip gas asli dijadikan agenda penting untuk memacu peningkatan ekonomi kepada negara khususnya di kawasan Parlimen Tanjong Piai.

Tuan Yang di-Pertua, isu tapak pelupusan sampah di Pekan Nanas telah menjadi polemik yang belum ada kesudahan muktamad. Ketika mantan Menteri Besar Johor membuat lawatan ke kawasan Parlimen Tanjong Piai sebelum Pilihan Raya Ke-13 yang lalu, isu tapak pelupusan sampah di Kampung Air Putih, Pekan Nanas adalah antara agenda lawatan yang utama. Apabila tapak pelupusan sampah di Kampung Air Putih diumumkan akan ditutup sepenuhnya oleh mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 14 Januari 2010 kerana telah ada sebuah tapak baru yang diperoleh di Kampung Choh, Ulu Pulai, maka berita tersebut disambut dengan begitu gembira dan sangat dialu-alukan oleh penduduk yang telah sekian lama terpaksa menghidu bau sampah disebabkan tapak sedia ada telah sampai ke penggunaan maksimum.

Saya ingin memaklumkan bahawa pengumuman memindahkan tapak pelupusan sampah ke kawasan baru seperti yang diumumkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor juga adalah sebahagian daripada manifesto tempatan dalam Pilihan Raya Ke-13 oleh Barisan Nasional. Isu tapak pelupusan sampah atau sisa pepejal ini juga telah menjadi tajuk tetap yang dibincangkan pada setiap kali dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Pontian. Setiap bulan, perkembangan tapak pelupusan baru yang akan menggunakan kaedah *sanitary landfill* dibentangkan oleh Yang Dipertua Daerah Pontian. Segala-galanya berjalan secara sistematik dan teratur di mana proses pengambilan balik tanah dan sebahagiannya berjalan lancar walaupun terdapat beberapa kali penangguhan untuk pelaksanaan akibat beberapa kelewatan laporan jabatan, dan tarikh akhir kajian EIA adalah pada September 2014.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014, program lawatan tapak *sanitary landfill* oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Johor telah diadakan dan tanpa diduga, secara tiba-tiba, segala-galanya berubah apabila masyarakat di kawasan sekitar yang tinggal berhampiran dikatakan telah membuat bantahan. Susulan daripada itu, projek bernilai RM20 juta ini ditangguhkan bagi mendengar semula bantahan awam berhubung dengan projek tersebut. Jika selama ini segala-galanya berjalan lancar mengikut jadual di mana segala langkah dan peraturan telah dilaksanakan, adalah sesuatu luar biasa apabila secara tiba-tiba bantahan awam telah berlaku. Apakah selama ini perkara ini tidak disempurnakan? Apakah segala laporan yang dibentangkan dalam mesyuarat tindakan daerah itu hanya laporan yang dimanipulasikan? Imej dan kredibiliti kerajaan dalam melaksanakan tugas besar seperti ini telah tercalar dan menjadi momokan rakyat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah baru yang akan dibuat di tempat baru adalah dengan kaedah yang disebut sebagai *sanitary landfill* yang terbukti berkesan dan selamat serta mesra alam. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memberikan penjelasan dan penerangan kepada rakyat bahawa kaedah baru ini bukanlah sekadar nama sebagaimana yang difahamkan dan digambarkan dalam fikiran mereka.

Dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Pontian pada bulan Ogos 2014, Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian telah memaklumkan, susulan bantahan awam, maka keputusan Mesyuarat Exco Negeri Johor telah bersetuju tapak sedia ada digunakan semula dan projek cadangan *sanitary landfill* di kawasan Ulu Pulai dibatalkan. Alternatif lain adalah mencari tapak baru yang belum pasti di mana lokasinya.

Saya sangat tidak bersetuju dan kecewa dengan perkembangan ini di mana keputusan ini akan menyebabkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan akan hilang. Apatah lagi kawasan persekitaran tapak pelupusan sedia ada ini dekat dengan kawasan perumahan, sekolah termasuk klinik KK3 yang baru sahaja dalam pembinaan.

■1730

Keputusan ini memberikan impak negatif kepada sokongan rakyat dan impak yang lebih besar adalah pemikiran rakyat telah ditanam dengan kepercayaan bahawa keputusan kerajaan terhadap sesuatu isu selalu *flip-flop* dan berubah-ubah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, punca akar kepada masalah ini bukanlah kerana bantahan terhadap lokasi. Ini adalah disebabkan rakyat tidak diberikan maklumat yang betul dan jelas. Oleh kerana itu, tidak sepatutnya projek tersebut dibatalkan dan amat tidak wajar sekali jika terus menggunakan tapak sedia ada. Justeru itu, saya berharap kerajaan memberi komitmen agar tapak baru harus diteruskan demi untuk kebaikan dan manfaat orang ramai.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan isu saya di kawasan Parlimen saya yang mana kawasan Pontian juga merupakan satu kawasan di bawah koridor Iskandar Malaysia yang begitu pesat membangun. Jadi, pembangunan pesat ini mendorong kepada peluang pekerjaan yang menarik ramai penduduk Pontian bergerak setiap hari ke Johor Bahru atas tuntutan pekerjaan. Pada masa yang sama, limpahan pembangunan itu juga masuk ke Daerah Pontian bilamana pertumbuhan industri kecil dan sederhana mula rancak.

Pergerakan penduduk bersama-sama kenderaan komersial dan perdagangan berulang-alik dari Pontian ke Johor Bahru dengan keadaan jalan dua lorong yang tidak mampu mengimbangi jalan di sebelah Johor Bahru dan lebih baik menjadikan masa yang diambil lebih lama dan kesesakan ketara bila masuk ke bahagian Pontian khususnya di Pekan Nanas. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, satu jalan baharu telah dicadangkan dan pada ketika itu kos hanya dianggarkan RM100 juta. Sehingga hari ini, pelan pembangunan negara telah melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan akan datang Rancangan Malaysia Kesebelas, harapan untuk memiliki sebuah jalan baharu yang ditunggu-tunggukan oleh orang Pontian masih tinggal harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya bilakah jalan tersebut akan dibina? Oleh kerana isu kesesakan di Bandar Pekan Nanas yang menjadi *bottom neck* di laluan Johor Bahru ke Pontian terutama pada waktu puncak telah menjadi semakin teruk dari hari ke hari. Kos pembinaan akan menjadi semakin tinggi jika

semakin lambat jalan tersebut dibina dan kebolehpercayaan rakyat kepada kerajaan akan menjadi isu pada setiap kali pilihan raya khususnya kepada yang terlibat menggunakan laluan sedia ada daripada setiap lapisan masyarakat. Setelah hampir 15 tahun cadangan jalan baharu ini dibina, apakah tindakan yang dibuat sepanjang tempoh tersebut? Kali ini saya difahamkan cadangan membina jalan tersebut telah dimasukkan ke dalam RMKe-11. Apakah pula status dalam RMKe-11? Adakah menjadi keutamaan untuk dilaksanakan atau sekadar pelengkap senarai cadangan semata-mata?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya memohon penjelasan yang jelas daripada kementerian, adakah jalan baharu ini akan dibina atau adakah cadangan ini hanya berada di atas kertas tanpa tindakan-tindakan susulan yang berkesan untuk memastikan projek berkenaan dilaksanakan seiring dengan pesatnya pembangunan jalan di bahagian Johor Bahru? Semakin lama tertangguh sudah tentu kos yang dahulunya hanya RM100 juta dalam RMKe-8 akan meningkat menjadi lebih tinggi. Saya difahamkan telah menjadi RM200 juta dalam RMKe-11 dan akan terus meningkat selagi mana ia tertangguh.

Kelewatan membina jalan baharu ini akan memberikan kesan negatif berganda yang mana Daerah Pontian akan berterusan tertinggal akibat kurang pelabur dan penghijrahan keluar akan meningkat dan pada masa yang sama, isu kesesakan jalan sentiasa menjadi sentimen yang dimainkan untuk mencemarkan kredibiliti kerajaan yang memerintah. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kementerian yang berkenaan agar memastikan jalan baharu Pontian ke Johor Bahru ini dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 yang akan kurangkan rungutan rakyat dan juga indikasi di Pontian dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan berharap dalam Bajet 2015 yang ada pada kali ini, saya berharap kehendak ataupun program masalah yang saya timbulkan tadi untuk kehendak rakyat Malaysia ini dapat ditunaikan. Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

5.35 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan ayat Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Sesungguhnya Allah Taala memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada ahli kamu dan apabila kamu menghukum hendaklah kamu hukum dengan hukuman yang adil"*.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah pun mencapai kemerdekaan selama 57 tahun. Setiap kali kita lihat bajet ataupun belanjawan yang dibentangkan oleh pihak kerajaan melalui Menteri Kewangan sudah menampakkan tentang bagaimana susun atur dan perancangan yang dibuat. Kalau kita lihat daripada segi pembentangan bajetnya memang cantik dan elok kerana yang membuat itu ialah pegawai-pegawai kerajaan yang memang mereka ini menepati dengan cita rasa rakyat.

Akan tetapi gagalannya kita lihat ialah daripada segi sudut pelaksanaannya. Oleh sebab itu kita tengok pembangunan perbezaan antara pembangunan antara wilayah masih

ketinggalan sedangkan kita lihat hasil yang Allah Taala berikan di Malaysia ini banyak. Allah Taala berikan kepada Malaysia ini banyak. Negara lain hanyalah ada minyak macam Brunei tetapi dia tidak ada kelapa sawit. Negara Saudi dia ada minyak tetapi dia tidak ada bijih besi, bijih timah, emas, lada hitam, balak, semuanya ada di Malaysia. Inilah nikmat yang Allah Taala berikan kepada negara kita yang tercinta ini.

Akan tetapi malangnya kita lihat rungutan terutama daripada kalangan rakan-rakan Ahli Parlimen di sebelah Sabah dan Sarawak, yang kita lihat kedengaran seolah-olah mereka bercakap di blok pembangkang. Mereka mengkritik, memberikan teguran kenapa projek tidak sampai ke sana, bagaimana masyarakat di sana masih ketinggalan. Kita boleh lihat kalau kita pergi ke sebelah Malaysia Timur sana sedangkan di sana bumi Allah Taala beri luas. Masih ramai rakyat yang tinggal di rumah air yang kita faham keadaannya yang tidak cukup. Maka, kenapa jadi sedemikian rupa? Ini tidak lain dan tidak bukan kerana pengagihan yang tidak berapa betul dan tepat. Inilah Allah Taala memberikan amaran dalam al-Quran dalam Surah al-Hasyru ayat yang keenam, ketujuh... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Janganlah harta kekayaan ini berpusing daripada kalangan orang-orang kaya dalam kalangan kamu sahaja"*.

Maka akhirnya kita lihat yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana. Oleh sebab itu kita mencadangkan supaya pihak kerajaan kena perbetulkan terutama daripada segi sudut *delivery system* dengan izin iaitu dengan pengagihan yang tersasar kepada mereka yang perlu diberi bantuan. Kita mesti bertindak di sana soal buta ideologi, kita mesti buta warna daripada segi sudut ideologi politik dan juga daripada segi buta soal kaum dan sebagainya. Bukan semua orang Cina yang kaya dan bukan semua juga orang Melayu yang susah dan bukan semua orang India yang miskin. Ada India yang kaya dan ada Melayu yang kaya.

■1740

Tolong berikan bantuan kepada mereka kerana ini yang diajar. Ini kerana kita tahu soal berkenaan dengan pengagihan ekonomi ini kalau tidak diberikan dengan tepat, kita bimbang masalah-masalah sosial yang lain akan berlaku berterusan selepas ini. Oleh sebab itu, walaupun hasil kita banyak tetapi kalau pengagihannya tidak betul, ia berpusing di kalangan kita sahaja. Seperti cerita P. Ramlee... *"Satu untuk engkau tiga untuk aku, dua untuk engkau tujuh untuk aku"*. Kalau ini yang berlaku, sampai ikan keli tumbuh sisik pun tidak boleh hendak berjaya hendak mengatasi masalah imbang antara orang kaya dan juga orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu satu perangkaan yang pernah dikeluarkan oleh Ketua Komunikasi Korporat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dia telah menyenaraikan 30,114 rakyat Malaysia yang berada di miskin tegar. Sebanyak 53,025 lagi ialah sebagai di kalangan yang miskin. Sudah tentulah miskin tegar ini kalau dalam kaedah fikah disebut tentang fakir, perlu RM10 dapat RM3. Miskin, perlu RM10 dapat RM7. Ertinya, masih ramai dari kalangan mereka yang berada di tahap miskin tegar termasuk Sabah, Sarawak dan juga di negeri Kelantan di sebelah Semenanjung di sini.

Tuan Yang di-Pertua, apa makna negara kita kaya dengan hasil mahsul yang banyak tetapi kualiti hidup rakyat masih lagi rendah. Walaupun Menteri ada menjelaskan tentang

pendapatan rakyat Malaysia RM5,900 sebulan. Akan tetapi kalau kita lihat realiti di bawah, kita sudah lihat bagaimana ada sesetengah tempat pula seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja, ada pengawal-pengawal keselamatan yang mana mereka ini tidak diberikan dengan gaji minimum. Maka kalau kita lihat juga di kawasan-kawasan pedalaman, kawasan nelayan termasuk di Sabah dan Sarawak serta termasuklah juga di kawasan saya sendiri terutama di kawasan Kuala Sepetang.

Kalau kita boleh lihat dan tinjau di sana, masyarakat yang hanya menumpang teduh, membuat rumah di tanah rizab sungai, membuat rumah tanah rizab tepi laut, ertinya bila-bila masa mereka ini boleh dihalau keluar daripada situ. Apabila kita melihat di kampung itu, sudah kita dapat lihat bagaimana masalah sosial akan muncul di tengah-tengah masyarakat dan terutama saya cukup kesian ataupun sayang kepada anak-anak mereka yang masih kecil. Mereka ini untuk hidup lama lagi. Apakah mereka ini hendak mewarisi kemiskinan yang dialami oleh ibu bapa mereka kerana suasana pembelajaran yang tidak kondusif.

Mereka terpaksa mewarisi kemiskinan daripada ayah dan mak mereka. Rumah miskin, bukan setakat rumah kita lihat. Ada di kalangan mereka kita lihat tidak mampu untuk meletakkan batu depan rumah, sebaliknya ambil kulit-kulit kerang yang mereka ambil upah hasil satu hari dapat RM7 atau RM8 daripada pukul lapan pagi hingga pukul enam petang. Itulah pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh isteri yang berada di rumah. Kulit kerang itulah yang diletakkan di hadapan rumah mereka. Kalau tempat di rumah kita itu sebagai tar, tile ataupun marmar.

Sudah 57 tahun merdeka, itu keadaan rumah yang kita lihat di tempat kita. Saya mengharapkan supaya kerajaan untuk membasmi kemiskinan, jangan beri ikan, kalau boleh berilah kail. BR1M, beri tidak apalah tetapi kita tidak boleh bangga kalau penerima BR1M setahun ke setahun makin ramai orang terima. Ertinya, kita tidak boleh berbangga. Untuk sementara boleh. Sepatutnya setiap setahun kita mesti ada *improvement*, dengan izin, supaya tahun depan makin kurang kerana taraf hidup masyarakat ini semakin baik dan berkualiti. Ini yang patut diberikan. Sepatutnya modal-modal seperti mana yang pernah dibuat dalam Amanah Ikhtiar, untuk modal yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil.

Mereka ini kebanyakan 90% bayar balik. Hal seperti mana yang dibentangkan oleh rakan-rakan kita daripada Serdang yang telah menjelaskan bagaimana korporat-korporat besar, mereka ini hutang dan mereka ini tidak membayar. Sedangkan mereka ini orang yang susah, *insya*-Allah orang miskin ini mereka bayar. Inilah yang patutnya perlu diperbanyakkan di dalam sistem untuk kita hendak berikan kepada masyarakat ini kail, bukannya ikan.

Isu yang kedua berkenaan syarat MUET iaitu *Malaysian University English Test*. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pekan telah memberitahu berkenaan dengan kemasukan universiti tahun yang akan datang, terutama berkenaan dengan kemasukan di Fakulti Sastera, Sains Sosial perlu lulus Band 2. Untuk Fakulti Perubatan, Undang-undang perlu lulus Band 4.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengkaji balik cadangan ini. Kerajaan perlu kaji balik cadangan ini kerana kita bimbang peningkatan syarat minimum peperiksaan Bahasa Inggeris ini, kita bimbang takut esok pelajar-pelajar kita, misal kata di peringkat Matrikulasi dia dapat *four flat* ataupun dapat 9.8, 9.9, tiba-tiba dia tidak boleh masuk universiti dengan sebab

dia tidak lulus Bahasa Inggeris. Ini diakui sendiri oleh Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Datuk Mohamed Sabri Mohd Arsad. Sekiranya pelaksanaan tersebut dibuat, pelajar luar bandar majoritinya masalah dalam penguasaan bahasa Inggeris akan tercicir. Ia memberi kesan kepada pelajar Sabah, Sarawak dan pedalaman di Semenanjung. Ini yang perlu difikirkan oleh pihak kerajaan terutama daripada Kementerian Pendidikan. Kita tidak hendak buat dulu.

Tahun 2016 ini pula bagaimana pelajar-pelajar SPM, kalau tidak lulus Bahasa Inggeris, tidak layak untuk mendapat sijil. Saya bukan menentang soal bahasa. Bahasa ini perlu belajar. Kalau dalam Islam Nabi memperingatkan, Nabi kata... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] "*Belajarlah bahasa orang lain, nescaya akan kamu aman daripada tipu daya.*"

Baik, bahasa Inggeris bahasa pengetahuan yang perlu kita belajar. Apa yang saya tidak hendak ialah kita wajibkan kepada pelajar-pelajar, sedangkan soal prasarana kita tidak buat. Ini ertinya kita zalim kepada pelajar-pelajar kita esok. Mereka lulus dengan baik, tetapi gagal masuk universiti dengan sebab Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita yang mampu boleh buat *special tuition*, dengan izin, panggil guru. Akan tetapi yang kawasan pedalaman, saya mendapat maklumat kalau di Kedah, tidak silap saya seluruh negeri Kedah yang dapat Band 4 ini dua orang sahaja. Itu mungkin boleh diperbetulkan oleh pihak kementerian. Memanglah, yang mengajar bahasa Inggeris ini pun kadang-kadang, dia pun sebab perlu mengajar. Dialek dia pun kadang-kadang bunyi *style* tempatan. Kalau yang Inggeris pula kita lihat yang duduk belah Kedah mengajar bahasa Inggeris, "*The weather is clear.*"... [*Disebut menggunakan dialek Kedah*] Bunyi Inggeris pun Inggeris Kedah, bagaimana kita tiba-tiba hendak wajibkan kepada pelajar-pelajar?

Ini sekali lagi saya tegaskan supaya pihak kerajaan ambil perhatian bab ini kerana saya yakin bahawasanya pelajar-pelajar ini suruh masuk universiti dahulu.

■1750

Di universiti kita ada pusat bahasa. Saya dahulu pun orang yang agak buta bahasa Inggeris. Akan tetapi bila di universiti kita masuk tahun satu, dia buat *placement test*. Dia skrin, dia tengok ini orang yang *basic* kena masuk, ini *intermediate* dan yang ini, *advance*. *Alhamdulillah*, semua kita boleh mengikuti dari 'A' to 'Z'. Tiba-tiba kita wajibkan pelajar-pelajar ini, teruk dia.

Saya kesian terutama di kalangan anak-anak murid kita yang berada di pedalaman. Guru yang tidak cukup. Bahasa ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat ia lain. Saya kalau suruh saya mengajar Bahasa Malaysia, saya tidak boleh mengajar kalau Bahasa Malaysia peringkat tinggi. Bahasa ini lain. Bahasa Arab pun sama walaupun dia mengaji Usuluddin atau Syariah di Universiti Al-Azhar, di Mesir, di Syria, di Baghdad dan sebagainya, suruh mengajar bahasa Arab belum tentu. Bahasa ini ia lain, ia ada kaedah-kaedah yang tersendiri.

Macam mana kita tiba-tiba hendak memaksa? Saya yang paling takut ialah oleh kerana hendak wajibkan pelajar-pelajar ini dapat Band 2 ataupun Band 4 nanti kita akan turunkan graf kelulusan. Kalau ini berlaku, kita tengok seperti mana ada sesetengah pelajar yang kadang-kadang mereka tidak pernah lulus *Add Math* ataupun Matematik Tambahan. Dia

bila *result* keluar, dia pun terkejut, tidak pernah lulus, tiba-tiba lulus. Rupa-rupanya di sana grafnya diturunkan.

Kita tidak mahu macam itu. Kita mahu biarlah pelajar-pelajar kita yang ada kualiti dan mereka ini mesti diberikan dengan baik untuk supaya siap siagakan ke arah untuk mendapatkan apa yang kita katakan sebagai kelayakan untuk masuk ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian isu yang ketiga ialah isu setempat iaitu laporan berkenaan dengan kes mafia di Kuala Sepetang, dalam Parlimen saya. Saya cukup kesal dengan laporan *Utusan Malaysia*, 19 Oktober dan juga 20 Oktober mengenai kononnya Kuala Sepetang dikuasai mafia. Kalau mafia kuasai Kuala Sepetang ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berada di sini malam ini. Saya tidak ada malam ini di sini.

Saya boleh katakan saban minggu saya berada di sana. Mungkin saya bukan setakat dikerat 18, mungkin kerat 28.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Macam bos mafia sahaja.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Hah! Kalau begitu kata Yang Berhormat Parit Buntar macam seolah-olah bos mafia. Kita amat sedih. Laporan yang tidak berintegriti. Apa motif? Saya tidak tahu. Sedangkan saya sebagai Ahli Parlimen, kerap masuk ke kampung tersebut. Bukan setakat kampung, lorong-lorong kecil kita masuk untuk membantu, kadang-kadang memberi bantuan termasuk di kalangan kaum orang-orang Cina.

Apa yang dia kata pula Pulau Sangga Besar sebagai pusat kasino. Kasino apa? orang yang duduk di situ orang tua-tua. Orang tua-tua mata pun sudah tidak nampak. Mata pun tidak nampak, mahu main kasino macam mana? Mata pun tidak nampak, lebih kurang 30 minit dari Kuala Sepetang hendak pergi ke Pulau Sangga Besar, tiba-tiba dia kata pusat kasino. Ish!

Pusat kasino, yang di atas bukit, Genting Highlands dia tidak nampak pula. Ini orang panggil kadang-kadang '*benak*'. Tahu '*benak*'? Apa yang besar tidak nampak tetapi yang kecil dia nampak. Ini macam satu kisah Tuan Yang di-Pertua. Satu kisah seorang itu dia mengaji. Tidak faham-faham. Guru dia terang, tidak faham-faham. Tiba-tiba guru dia kata "*Jom, pergi dekat dengan tembok di sana*". Guru dia pun ambil buat titik hitam dekat tembok putih itu. "*Engkau nampak?*". Dia jawab, "*Nampak*". "*Nampak apa?*" Dia jawab, "*Nampak titik hitam*" "*Patut awak tidak faham. Tembok besar engkau tidak nampak, titik hitam kecil engkau nampak*" Lebih kurang *Utusan Malaysia* inilah.

Kita lihat dan apa motif kita tidak faham. Sedangkan kita tengok Pulau Sangga Besar yang dia katakan kasino itu dan juga Kuala Sepetang dan sekarang ini dikuasai oleh mafia. Penghuni tidak sampai 200 orang. Pulau tersebut juga ada polis. Polis duduk dengan aman, ada klinik dan ada *nurse* di situ yang hidup dengan baik. Boleh bersosial dengan mereka. Kalau kita boleh pergi ke sana, kita lihat. Tiba-tiba *Utusan Malaysia* melaporkan demikian rupa.

Laporan ini sudah tentu menjejaskan industri pelancongan di Kuala Sepetang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat. Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Di Kuala Sepetang, kita tahu kaya dengan khazanah, ekopelancongan boleh buat. Di situ ialah yang paling panjang tanaman

bakau di Kuala Sepetang. Laporan macam ini dibuat sudah tentu akan menggerunkan orang dan akan merosakkan industri pelancongan di situ. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya *Utusan Malaysia* kena hentikan laporan yang tidak berasaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu 22 Oktober, polis negeri menafikan aktiviti jenayah yang berleluasa di kawasan Kuala Sepetang, Bukit Gantang seperti didedahkan oleh *Utusan Malaysia* dalam dua siri laporan khas. Melalui Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk A. Paramasivam yang memangku jawatan Ketua Polis Negeri Perak sejak Khamis yang lalu. Sepatutnya *Utusan Malaysia* mahu buat laporan, mestilah laporan yang betul dan tepat dan biarlah. Kita harapkan supaya minta maaf kepada penduduk di Kuala Sepetang.

Memang penduduk Kuala Sepetang tidak kira Melayu atau Cina yang berada di situ marah terhadap laporan yang diberikan oleh *Utusan Malaysia*. *Utusan Malaysia* kalau boleh berhentikanlah cara tradisi yang menyebut ataupun memberitakan tentang berita-berita yang tidak baik dan terutamanya memberikan kesan kepada industri pelancongan di kawasan Kuala Sepetang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

5.57 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengambil kesempatan ini bersama dengan rakan-rakan yang lain juga untuk membahaskan Belanjawan 2015 ini. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pekan kerana saban tahun menyediakan belanjawan tahunan yang mencakupi semua bidang, semua sektor, semua kaum dan semua wilayah mengikut keutamaan-keutamaan yang mahu dicapai oleh negara untuk tempoh setahun akan datang.

Jadi di dalam belanjawan yang berjumlah RM273 bilion ataupun RM274 bilion ini, iaitu satu peningkatan sebanyak RM9 bilion ataupun RM10 bilion ialah merupakan satu belanjawan yang memperuntukkan pembangunan di semua sektor di mana yang cacatnya, susahnya, di kampungnya, di Sabah dan di Sarawak. Jadi tidak ada yang tertinggal. Tinggal lagi tidaklah semua mendapat sama. Ia mengikutlah keperluan-keperluan yang mahu dicapai oleh kerajaan yang difikirkan wajar dicapai oleh kerajaan ataupun negara untuk masa akan datang.

Namun begitu, secantik mana pun rancangan belanjawan ini dan objektif yang ditentukan oleh kerajaan yang mahu dicapai mengikut sektor, negeri, wilayah, kaum dan sebagainya itu tidak akan memberi makna apa-apa kecuali dia dapat disempurnakan oleh sistem kita dengan jayanya yakni orang yang melaksanakan itu iaitu berkaitan dengan *delivery*- penyampaian kepada semua rancangan yang telah disusun mengikut kementerian-kementerian dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan.

Di sinilah selalunya penentu kepada berjaya ataupun tidaknya sesuatu rancangan dan juga objektif yang digariskan oleh kerajaan melalui belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan baru-baru ini.

■1800

Jadi, oleh kerana itu saya mahu menanyakan kepada kerajaan bagaimana dengan kedudukan birokrasi di dalam soal pelaksanaan projek-projek ataupun pembangunan ataupun agenda-agenda yang disusun oleh kerajaan. Birokrasi, *red tape* yang keterlaluan, ini semua kalau tidak dapat diatasi boleh menjejaskan dan membantutkan pencapaian hala tuju yang mahu disempurnakan oleh kerajaan. Jadi oleh kerana itu saya mahu penjelasan, apakah langkah-langkah yang telah disusun oleh kerajaan bagi meminimumkan birokrasi yang keterlaluan yang mana birokrasi yang keterlaluan menyebabkan projek-projek pembangunan lambat.

Apabila lambat dia menyebabkan peningkatan kos dan ini mengurangkan kita punya daya saing dan *effectiveness* di dalam melaksanakan dasar-dasar untuk kepentingan rakyat secara berterusan. Jadi, oleh kerana itu kalau dapat diperbaiki, diperkemas sistem penyampaian kita supaya rakyat dapat hak mereka dengan segera pada kos yang murah dan sepatutnya. Maka ini boleh secara tidak langsung mengurangkan ketirisan dan mengurangkan berlakunya rasuah dan sebagainya.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mahu penjelasan daripada kerajaan berkaitan usaha-usaha yang memperbaiki sistem penyampaian kita ini. Ini penting kerana penyampaian ini disempurnakan sebahagian besarnya oleh sistem penjawat awam kita. Penjawat awam merupakan satu komponen yang sangat penting dalam sistem *delivery* kita. Jadi daripada kalangan 1,000,400 orang penjawat awam ini terletak tanggungjawab yang sangat besar. Peruntukan sejumlah 24% daripada keseluruhan belanjawan kita adalah untuk emolumen kakitangan kerajaan kita ini. Jadi oleh kerana itu, di bawah belanja mengurus. Maknanya besar peruntukan yang diperuntukkan bagi urusan ataupun untuk emolumen ini iaitu RM65.6 bilion daripada keseluruhan belanjawan kita iaitu mewakili 24% yang ditanggung dan yang diurus oleh kerajaan.

Kita bukan menyebut soal itu. Ini bermakna sistem *delivery* kita tidak sepatutnya lagi bermasalah ataupun tidak efektif. Akan tetapi penyusunan, penyampaian dan juga penugasan kakitangan harus menjadi keutamaan kepada kerajaan bagi memastikan sistem penyampaian dan juga kualiti, produktiviti kakitangan awam dapat dipertingkatkan. Ini kerana bilangan kakitangan awam yang sedia ada sekarang ini pada satu kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) melalui kajian Indeks Keyakinan CEO. Menunjukkan bahawa pada 332 *respondent* ketua-ketua eksekutif, bila ditanyakan tentang bilangan kakitangan awam yang ada di negara kita ini. Apakah cukup atau tidak mencukupi? Seramai 332 orang ditanya 304 atau 90% daripada CEO ini mengatakan bilangan ini sudah memadai dan berpatutan. Hanya sekitar bakinya itu, lebih kurang 28 orang menyatakan ia belum cukup.

Ini menggambarkan bahawa soal bilangan kakitangan awam sudah tidak menjadi isu lagi. Akan tetapi soal penempatan, penugasan, ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan bagi memastikan *delivery* kita dapat disempurnakan dengan baik, kemas dan rakyat mendapat faedah dengan segera dan negara menjadi berkesan. Ini penting kerana di peringkat perancangan lagi harus dibawa pemimpin-pemimpin tempatan dalam penyusunan itu.

Jadi, saya hendak bawa kes yang khusus, bagaimana perancangan yang seharusnya dibawa pemimpin tempatan memberikan inputnya agar sesuatu projek pembangunan itu memberi makna kepada rakyat setempat. Ini ada kaitan dengan *delivery* kita dari segi perancangan dan sebagainya.

Jadi dalam kes khusus ini, di kawasan saya di Parlimen Jelebu ada projek membina jalan baru dari Kampung Chennah ke Kampung Esok fasa satu dan fasa dua. Fasa satu sudah disempurnakan iaitu dengan nilai lebih daripada RM42 juta. Jalan itu hanyalah sepanjang 4.4 kilometer. Jadi satu kilometer bernilai berharga atau kos RM9.5 juta. Ini sudah disempurnakan pada tahun 2010, 2012.

Kemudian itu dilanjutkan lagi jalan, fasa kedua dengan belanja yang besar juga iaitu baru sahaja di masuk atau diaward iaitu berjumlah RM60.4 juta sepanjang 5.7 kilometer. Jadi, RM10 juta satu kilometer. Apa yang saya hendak sampaikan di sini ialah soal keperluan kepada jalan yang lima bintang ini untuk di situ tidak ada. Jadi, saya sudah kemukakan supaya kerajaan, kementerian berkenaan mengkaji semula keperluan ini sebab projek ini tidak dirunding, yang diperlukan di kawasan Jelebu di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini ialah Orang Asli perlukan pertambahan rumah yang lebih banyak bagi keluarga-keluarga baru. Orang kampung memerlukan pembaikan rumah dan sebagainya. Kalau RM60 juta RM100 juta jalan lebih kurang 10 kilometer ini impak dan keperluan itu tidak ada.

Jadi ini suatu perancangan yang kurang teliti dan tidak mempunyai prioriti, ini maksudnya. Oleh kerana itu *delivery* kita, pelaksanaan kita harus merujuk, berbincang kepada akar umbi. Supaya kita boleh memberi input yang mana perlu yang mana tidak. Jalan ini bukan tidak perlu tetapi tidak sampai ke tahap itu kerana keperluannya tidak ada. Jadi sebab itu saya bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, berapa banyak kah peruntukan yang hendak diberi, hendak dibangunkan di kawasan Jelebu dan Negeri Sembilan bagi membina rumah-rumah Orang Asli yang baru kahwinnya, yang sekarang ini duduk sebuah rumah sampai tiga, empat keluarga. Begitu juga rumah-rumah orang kampung yang memerlukan baik pulih dan sebagainya...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sekejap Yang Berhormat Seremban ya. Namun begitu kementerian ini sudah melaksanakan banyak projek. Ini kes khusus yang saya sebut begitu tidak teliti dan ini harus diberi perhatian oleh EPU dalam merancang pembangunan dan projek-projek lain juga. Jadi, sebelum saya terus ke tajuk lain, sila Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya sebab saya ADUN di bawah Parlimen Jelebu sebab itu saya terpanggil untuk memberikan sokongan kepada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Jelebu. Ini sebab dia kata, saya pun terperanjat untuk membuat satu jalan 10 kilometer memakan belanja RM100 juta. Itu sesuatu yang saya rasa amat memeranjatkan. Apakah jalan, spesifikasi itu memakan RM100 juta? Apakah itu menunjukkan bahawa dia tidak *value*

for money sesuatu projek itu- RM100 juta itu kalau dibelanjakan untuk program-program lain dan banyak masalah lain boleh diselesaikan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jelebu, saya baru balik dari Titi tadi sebab malam semalam banjir teruk di ladang Jelebu. Semua kawasan-kawasan ini banjir sebab sistem perparitan yang cukup daif. Kalau RM100 juta itu jangan cakap RM100 juta kalau RM10 juta dibelanjakan untuk menaiktarafkan sistem perparitan saya rasa banyak kawasan tidak akan dilanda banjir kilat. Jadi, saya hendak menyokong hujah Yang Berhormat Jelebu tadi.

■1810

Memang saya rasa RM100 juta itu tidak sepatutnya digunakan untuk menaik taraf satu jalan 10 kilometer dan spesifikasinya itu bukannya *highway* pun. Jadi saya rasa itu sepatutnya dirancangan semula. Terima kasih.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Jadi ini sebagai bukti. Saya menimbulkan ini untuk membuktikan bahawa memperjuangkan rakyat dan mempertahankan kebenaran itu bukan ada pada pembangkang sahaja tetapi kami di BNBB ini juga akan mempertahankan hak rakyat dan akan menyatakan kebenaran walaupun itu kesalahan datang daripada kita sendiri. Ini prinsip yang kita pegang. Jadi kita tidak boleh melihat apabila hendak sebut buruknya kerajaan, lemahnya pentadbiran hanya pembangkang yang akan menyebut. Itu yang saya cuba tunjukkan di sini dan terima kasih kepada...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Jadi Yang Berhormat Jelebu setuju ini kesalahan kerajaanlah, ini kelemahan kerajaan. Jadi Yang Berhormat Jelebu setuju ya?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini bukan kelemahan dalam pelaksanaan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Baru tadi cakap kelemahan.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini kekurangan yang perlu dilihat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kekurangan bukan kelemahan. Kekurangan.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: ...Supaya membuat perancangan lebih teliti.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Cakaplah terus-terang. Belit-belit buat apa?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini teranglah ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana lebih teruk? Lemahkah kurang? [Ketawa]

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Cuma beza terminologi fasal Yang Berhormat Seremban kata kelemahan. Cuma saya memilih kata ini kekurangan. Jadi hendak tafsir apa terpulanglah kepada masing-masing.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak akan RM100 juta pun kurang lagi? RM100 juta – 10 kilometer. Tidak akan kurang lagi?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini sekolah tidak habis. Yang Berhormat Pokok Sena sekolah tidak habis lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Hendak lebih lagi rupanya. MP Jelebu ini dia kata tidak cukup hendak lebih lagi. 10 kilometer – RM200 juta.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang kita kata kekurangan itu bukan duitnya. Yang kita kurang ini ialah perhatian dan penelitian. Itu Yang Berhormat Pokok Sena harus faham. Duitnya RM100 juta itu banyak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seremban tadi kalau diagih kepada sebuah Jelebu semua kampung Orang Asli selesai masalahnya. Itu maksudnya. Jadi kita menyeru kepada perancang-perancang EPU dan kementerian supaya lebih berhati-hati dan lebih teliti pada masa-masa akan datang untuk merancang program-program sedemikian rupa. Bawa pemimpin tempatan memberikan input-input pembangunan yang utama, yang *priority* supaya tidak berlaku masalah yang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Pendidikan. Ini berkaitan dengan *delivery* juga iaitu kekosongan jawatan Pengetua Sekolah Menengah Dato' Undang Syed Ali Al-Jufri. Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada. Beliau pun pernah sampai ke sekolah itu. Sudah hampir setahun ataupun 10 bulan sudah kekosongan itu tidak diisi sampai hari ini. Begitu sukar sekali untuk mengisi kekosongan seorang pengetua dan ini menjejaskan pentadbiran dan juga keberkesanan sekolah itu dalam usaha kita menyebut untuk terus memperkasakan sistem pendidikan kita.

Jadi ini saya menanyakan kepada Kementerian Pendidikan kenapa begitu sukar untuk menggantikan ataupun mengisi kekosongan ini sehingga 10 bulan. Hendak buat siasatan, semakan sehingga semakan hari ini pun tidak selesai sampai ke hari ini. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan dapat menyegerakan dan memberi penjelasan berkaitan dengan isu mengisi kekosongan pengetua di sekolah yang berkenaan.

Begitu juga dengan perkara lama yang saya bangkitkan iaitu pengasingan Pejabat Pendidikan Daerah Jelebu, Jempol. Ini sudah saya bangkitkan juga di sesi yang lepas supaya dapat kementerian memisahkan dua daerah ini dengan dua pejabat pendidikan daerah bagi memberi efektif, keberkesanan dan pengurusan sekolah-sekolah yang lebih kemas dan sempurna.

Tentang MUET yang diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan akan ditingkatkan kelayakan ataupun band nya bagi universiti. Saya mohon supaya kementerian memastikan bahawa sistem pengajaran guru dan sebagainya lengkap dahulu. Kalau sudah bersedia kita teruskan dengan usaha ini kerana kalau di sekolah menengah agama bantuan penuh kerajaan itu jadi pengajaran bahasa Inggeris ini masih perlu dokongan yang kuat kerana penumpuan mereka ialah bahasa Arab. Sebab itu sekolah yang sedemikian rupa saya fikir akan terjejas dengan syarat kelayakan di Band 2 bagi memasuki universiti dalam fakulti-fakulti tertentu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan agihan ekonomi. Ini penting. Agihan ekonomi mengikut wilayah dan mengikut kawasan ini penting kerana ia menentukan supaya pendemokrasian ekonomi dalam negara ini dapat dilaksanakan dengan baik sehinggakan jurang di antara kaya dan miskin itu dapat dirapatkan. Tinggal lagi hendak sama untuk semua tempat, semua kawasan, semua orang itu suatu perkara yang mustahil

tetapi kita tidak boleh benarkan jurang ekonomi di antara wilayah, di antara kaum dan sebagainya terus melebar.

Sebab itu ini penting bagi perancang-perancang ekonomi khususnya di EPU supaya melihat kembali garis panduan ataupun elemen dan faktor bagi memutuskan sesuatu projek itu sebagai satu projek yang *priority*. Kalau mengikut teori ekonomi biasa sudah tentu kawasan yang akan dipilih menjadi *priority* ialah kawasan yang sudah punya prasarana. Sebab itu kawasan yang tidak punya prasarana seperti di Jelevu sudah tentu tidak akan menjadi *priority* untuk membina satu *highway* umpamanya. Jadi sebab itu kita perlu melihat projek-projek pembangunan kerajaan yang tidak memerlukan tahap prasarana yang tinggi seperti pendidikan ataupun universiti itu boleh dibawa ke kawasan-kawasan yang belum maju agar dia menjadi katalis kepada pembangunan setempat. Kalau tidak kawasan ini akan tidak dapat mengikut kemajuan.

Maka sebab itulah kalau kerajaan melihat kepada per kapita negara sebagai asas untuk mengukur kemajuan dan pencapaian negara dari segi ekonomi yang sekarang ini dikatakan kita berada pada per kapita rakyat kita pada kadar RM33,000 setahun dan ini memberi konotasi bahawa setiap rakyat kita berpendapatan RM33,000. Akan tetapi sebenarnya tidak. Ini merupakan purata. Jadi sebab itu kalau jurang ini tidak dapat kita atasi maka ia akan memberi masalah. Sebab itu per kapita ini harus tidak menjadi sesuatu yang obses kepada perancang-perancang ekonomi kerana hendak capai negara maju, hendak capai per kapita ke tahap USD15,000 satu tahun, maka kita menumpukan kepada projek-projek pada kawasan yang mempunyai impak tinggi agar membawa pulangan dan pendapatan tinggi kepada negara dan akhirnya per kapita meningkat tetapi hakikatnya yang meningkat itu di kawasan yang berkenaan sahaja.

Sebab itu kita lihat kalau di Kuala Lumpur per kapita dinyatakan RM79,000. Yang paling rendah di Kelantan RM11,000. Ini jurang tidak harus kita biarkan selama-lamanya begitu. Sebab itu saya mohon kepada Unit Perancang Ekonomi supaya melihat agar *priority* dan penempatan-penempatan projek yang berimpak tinggi mesti diberi kepada kawasan-kawasan yang memerlukannya sebagai *catalyst* kepada pembangunan kawasan itu bagi merapatkan jurang ekonomi dalam negara ini di antara wilayah, di antara kaum dan sebagainya.

Akhir sekali saya mohon agar kerajaan bersama dengan kawan-kawan lain juga supaya harga lantai getah ini diberi keutamaan dalam keadaan harga yang ada sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penyampaian saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

6.19 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 yang dikatakan sebagai ekonomi keperluan rakyat.

■1820

Pada pendapat saya, bajet tahunan bukan hanya satu strategi pembangunan negara. Dengan perancangan yang teliti dan keseluruhan dalam semua bidang dan aspek, ia juga untuk menunjukkan prestasi pengurusan wang rakyat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini, kita bukan hanya perlu bertanggungjawab kepada rakyat kita sahaja. Kita juga perlu bersaing dengan negara-negara lain demi meyakinkan institusi-institusi antarabangsa supaya kedudukan negara kita di dunia akan dapat ditambah baik dan bukan semakin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini kita masih tidak nampak Kerajaan Barisan Nasional mempunyai *political will* untuk mencegah kebocoran dan ketirisan wang rakyat dengan beratus juta tahun demi tahun. Nampaknya, kerajaan hanya mengetahui mengurangkan subsidi bahan api dan mengemukakan cukai baru GST pada tahun depan untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan kedudukan ekonomi negara kita. Bajet 2015 ini hanya bertujuan untuk mengurangkan ketidakpuasan hati dan tentangan daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bangkitkan beberapa perkara dan harap akan dapat penjelasan daripada kementerian-kementerian berkenaan. Hanya tinggal enam bulan sebelum pelaksanaan GST. Saya ingin tanya, adakah kita sudah sedia? Terdapat berapa bahagian atau jabatan yang perlu kita wujudkan? Berapa orang kakitangan perlu ditambah? Berapa kos untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan setakat ini, berapa buah syarikat telah berdaftar? Adakah kesedaran dan kesediaan sektor SME atau PKS boleh kita yakinkan? *Are they ready?* Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cukai jualan dan perkhidmatan dimansuhkan selepas pelaksanaan GST, adakah cukai-cukai lain juga akan dimansuhkan atau dikaji semula? Saya ingin tanya bagaimana dengan duti hiburan bagi taman-taman tema yang pernah dikecualikan oleh mantan Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Yakcop dan dikutip semula mulai 1 Mac tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, taman-taman tema di negara kita hampir semua dilaporkan oleh rakyat tempatan. Yang melawat taman-taman tema ini majoritinya pun orang tempatan. Syarikat-syarikat dan operator taman tema ini perlu membayar *company tax* dengan izin, atas keuntungan mereka dan dengan tambahan 25% duti hiburan atas tiket masuk, bebanan amat berat. Sekarang lagi tambah lagi GST pada tahun depan. Saya bimbang berapa buah taman tema dapat meneruskan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, senang kita katakan, naikkan bayaran masuk. Saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini, salah satu taman tema di Melaka iaitu Mini Malaysia, saya difahamkan dengan kenaikan bayaran pintu masuk kerana duti hiburan, tahun ini *collection* untuk hari raya hanya 50% jika dibandingkan dengan tahun lepas. Saya mohon duti hiburan bagi taman tema ini perlu dikaji semula dan dikecualikan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bahawa sudah terdapat peniaga-peniaga mula caj GST 6% sebelum tarikh pelaksanaan yang rasmi iaitu pada 1 April tahun depan? Apakah tindakan akan diambil terhadap mereka? Saya juga ingin satu penjelasan tentang pembelian barangan yang kena GST dengan menggunakan kad kredit. Adakah ini akan kena lagi GST 6% lagi kerana barangan itu sudah kena GST 6%? Jika gunakan kad

kredit untuk bayaran, perlu lagi 6%. Adakah ini benar? Adakah ini munasabah? Bukankah ini secara tidak langsung menyebabkan barangan yang dibeli ini harga sudah naik?

Saya mengalu-alukan kerajaan memperkenalkan semula dana perkhidmatan eksport berjumlah RM300 juta untuk menggalakkan PKS menjalankan kajian kemungkinan pasaran dan promosi eksport bagi menembusi pasaran baru. Untuk menggalakkan PKS fokus lebih dalam eksport terutama sektor pembuatan mesin-mesin untuk eksport, pada masa kini tidak perlu bayar cukai jualan atas mesin-mesin yang dieksport. Saya ingin tanya adakah GST akan dikenakan ke atas mesin-mesin yang dihaskan untuk dieksport? Jika tidak, ini bukannya akan menjejaskan usaha-usaha dari MITI atau dari MIDA yang SME Corp juga setakat ini bergiat untuk melaksanakan program-program untuk menggalakkan peniaga-peniaga PKS ini untuk mengeksportkan produk-produk mereka?

Tuan Yang di-Pertua, dalam skop barangan yang tidak dikenakan GST adalah termasuk 2,900 jenama ubat. Akan tetapi, saya amat kesal kerana ubat-ubat herba atau tradisional Cina tidak masuk dalam skop ini.

Kita sedia maklum rawatan dan ubat tradisional memang mendapat sambutan dan keyakinan dari ramai rakyat berbilang kaum terutama rakyat yang miskin. Terdapat juga banyak pertubuhan seperti persatuan-persatuan, tokong-tokong dan NGO yang memberikan rawatan dan ubat-ubatan tradisional secara percuma kepada pesakit-pesakit. Pertubuhan-pertubuhan ini hanya dapat menjalankan usaha mereka dengan derma dan sokongan daripada orang awam. Sepatutnya ini perlu dapat bantuan daripada pihak kerajaan. Usaha mereka pun saya boleh katakan sudah membantu pihak kerajaan untuk menjaga kesihatan rakyat jelata.

Saya pohon pihak kementerian dapat mengkaji semula dan masukkan ubat-ubat herba dan tradisional ini dalam skop barang yang tidak dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani isu pemilikan rumah dengan harga yang berpatutan, sebanyak RM1.3 bilion diperuntukkan untuk membina 80,000 unit rumah PR1MA. Saya tidak berapa yakin matlamat ini dapat dicapai.

Dalam jawapan yang saya terima dari Dewan yang mulia ini pada 7 Oktober ini, daripada sasaran 160,000 unit rumah bagi tahun 2013 dan 2014, hanya 70,461 unit perumahan mampu milik telah diluluskan dan di antaranya hanya 9,573 unit rumah mula dalam pembinaan. Saya tidak yakin sasaran PR1MA yang dikatakan sebanyak 37,000 unit rumah akan berada dalam fasa pembinaan menjelang akhir tahun ini.

Saya difahamkan kerjasama peringkat negeri dan jabatan-jabatan termasuk agensinya dan juga pejabat tanah dan galian tidak begitu baik dengan konotasi dengan PR1MA dan perlu meningkatkan. Perlu dengan kadar yang saya anggap *fast track*. Kalau tidak, sasaran tidak mungkin tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa PR1MA juga berminat mengambil alih kerja pemulihan projek-projek yang terbengkalai. Ini kena berhati-hati kerana ia akan melibatkan pembeli-pembeli yang asal dan kepentingan mereka perlu juga kita pelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya tentang tanggungjawab institusi-institusi kewangan yang memberi pinjaman dalam projek terbengkalai. Apabila pemaju asal digulung

dan Jabatan Insolvency Malaysia telah dilantik sebagai pelikuidasi dan kemudian dijual kepada pemaju baru, pembeli asal langsung tidak diberitahu sungguhpun mereka telah bayar balik hampir 95% pinjamannya.

■1830

Bank merupakan pemegang yang serahan hak atau *assigning*. Bukankah ia bertanggungjawab bank ini untuk masukkan kepentingan bagi pihak peminjam dengan Jabatan Insolvency. Saya percaya ini mesti dimaklumkan kerana bank mesti ada masuk 'caveat'. Jika ini kesilapan pihak bank yang akan mengakibatkan kerugian sepenuh peminjam apakah tindakan yang dapat diambil oleh Bank Negara atau kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan memang perlu untuk setiap negeri. Akan tetapi adakah ia selaras dengan *master plan* atau pelan perancangan pembangunan keseluruhan negeri tersebut? Adakah projek ini *viable*? Adakah projek ini perlu bagaimana kita dapat mengeratkan lagi satu projek gajah putih atau satu projek terbengkalai? Terutamanya dengan projek-projek mega. Sebagai contohnya di Melaka projek Taman Laut Pulau Kembar atau lebih dikenali sebagai Pulau Melaka. Satu projek yang terbengkalai melebihi sepuluh tahun dan beribu pembeli menjadi mangsa. Sungguhpun CMI (Chief Minister Incorporated) dengan izin Melaka merampas dan membolehkan projek ini tetapi sampai hari ini projek ini masih tidak mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba mula satu lagi projek mega Melaka Gateway yang dianggap kos pembangunannya melebihi RM40 bilion. Adakah EPU sudah buat kajian atas projek ini? Bagaimanakah dengan kesan-kesan alam sekitar, kesan-kesan sosial? Projek ini melibatkan kerja taman laut seluas 600 ekar.

Sejak kerja-kerja penambahan pasir di hadapan perkampungan Portugis ia telah mengakibatkan nelayan-nelayan tempat tidak dapat menjalankan tangkapan mereka di hadapan pantai kampung mereka yang selama ini mereka mencari rezeki. Tangkapan dan punca pendapatan mereka juga semakin berkurangan disebabkan oleh projek ini. Pemaju projek ini masih enggan berdialog dengan nelayan-nelayan terlibat untuk mencari satu penyelesaian. Pihak manakah yang sepatutnya memantau perjalanan kerja-kerja penambahan pasir? Saya mohon kementerian berkenaan mengumumkan semua syarat dalam kedua-dua projek ini. Saya amat bimbang projek ini akan menghampakan rakyat Melaka dan pelabur-pelabur seperti Projek Pulau Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berbilang kaum. Kaya dengan sejarah dan kebudayaan yang unik. Sehingga kita bangga mengatakan *Malaysia Truly Asia*. Saya mohon Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menjalankan satu kajian yang menyeluruh ke atas semua muzium dan tapak pelancongan di seluruh negara. Adakah mereka betul-betul mematuhi syarat-syarat dan keperluan kementerian? Contohnya di Melaka, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan. Kandungan dan pameran di dalam pun tidak cukup lengkap menunjukkan bahawa ketiga bangsa utama Melayu, Cina dan India bersama-sama memperjuangkan kemerdekaan negara kita. Dalam foto-foto yang dipamerkan hanya terdapat dua keping oleh pemimpin bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, ini seperti dua pelakon utama, sudah jadi pelakon sambilan atau *co-actor*. Kita perlu menunjukkan keikhlasan dan kesediaan untuk mempamerkan sejarah yang sebenarnya dan bukan pilih kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di setiap negara mesti terdapat sekolah-sekolah yang unggul atau yang menunjukkan kedudukan tahap pendidikan yang tinggi di negara itu. Di antaranya memang sekolah-sekolah tertua yang telah terbukti dengan latar belakang pendidikan individu-individu yang jaya dalam bidang-bidang yang mereka menyertai dan sekolah-sekolah ini telah menjadi ikon dalam bidang pendidikan mereka. Di Melaka, Sekolah Menengah Tinggi Melaka merupakan sekolah tertua yang ditubuhkan pada awal tahun 1826. Kita tidak boleh menafikan kejayaan dan prestasi sekolah ini. Ia telah menawarkan nama-nama pemimpin-pemimpin yang terkenal di Melaka seperti Tun Tan Cheng Lock, atau bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Rustam dan juga *cream of the society* Melaka Tuan Yang di-Pertua kita boleh tanya di Melaka peguam, doktor, arkitek yang teramai dari Melaka datangnya dari sekolah ini.

Saya ingin menegaskan bahawa sebuah sekolah tertua dan terkenal bukan hanya bangunan sahaja, ia perlu bersama sekolah memberikan imej kedudukannya jika dipindah ke satu tapak atau bangunan yang lain yang akan hilang identitinya sungguhpun percubaan perpindahan Sekolah Menengah Tinggi Melaka gagal. Saya ingin pohon pihak kementerianewartakan bukan hanya bangunan tetapi termasuk sekolahnya kekal di tapak sedia ada dan ini akan sekali gus akan menghentikan percubaan-percubaan perpindahan sekolah ini pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya ada dua perkara sebelum saya mengakhiri. Satu tentang Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail Project yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada September 2010. Saya ingin tahu kedudukan projek ini masih dalam perancangan atau sudah mula proses pengambilan tanah dan bilakah pembinaan akan mula dilaksanakan dan anggaran tarikh projek ini boleh mula beroperasi? Bagaimana projek ini menentukan terminal perhentian? Saya difahamkan ada lima terminal. Mengapa Melaka tidak diambil kira untuk salah satu stesen atau perhentian atau terminal perhentian?

Kedua tentang Hospital Besar baru di Melaka, bilakah dapat menyediakan? Pembinaan Hospital Besar Melaka tiada dalam bajet ini iaitu tentang pembinaan hospital besar yang baru di negeri Melaka. Bagaimana dengan permohonan saya sering kali di Dewan ini bilakah *Cardio Department* dan *Neuro Department* akan ada di Hospital Besar Melaka?

Saya setuju dengan Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai mesin perjudian terutama mesin kuda semakin bertambah dan semakin menjadi masalah besar di negeri-negeri termasuk negeri Melaka. Sampai hari ini kita tidak nampak...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Yang Berhormat Kota Melaka?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan sebab masa sudah habis.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka terima kasih saya dengar tadi perbincangan tentang Hospital Melaka. Saya ingin tanya Yang Berhormat adakah setuju untuk kita dapatkan perincian. Berapakah *occupancy rate* bagi pesakit-pesakit dengan izin di Hospital Melaka? Saya dimaklumkan maklumat ini mungkin tidak sah, sudah mencecah 90% pesakit-pesakit yang sudah dimasukkan ke hospital yang mana ketika berlakunya kejadian denggi kebelakangan ini menyebabkan akhirnya timbulnya masalah besar untuk mendapat rawatan. Setuju atau tidak kalau kita cadangkan kepada kerajaan agar Klinik-klinik 1Malaysia ini dikurangkan dengan bajet yang ada itu ditambah di hospital yang besar untuk negeri Melaka. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya setuju dengan sepenuhnya dan berharap bahawa satu hospital besar dapat kita bina di Melaka. Saya difahamkan mungkin tapak telah dicadangkan iaitu di Durian Tunggal. Saya harap kita mendapat jawapan dari Menteri.

■1840

Sebelum saya mengakhiri perbincangan saya, saya ingin menyatakan satu pendirian yang penting di Dewan ini. Sebab baru dibangkit tentang hukum hudud.

Saya ingin menyatakan pendirian DAP terhadap isu hukum hudud ini. Saya ingin menegaskan bahawa DAP memang dahulu, sekarang, masa akan datang, kita tidak anti Islam. Akan tetapi pendirian kita atas hudud, pendirian kita tidak terima dan tidak boleh sokong bahawa hudud ini dilaksanakan di negara kita kerana kita anggap negara kita satu negara majmuk yang berbilang kaum dan berbilang agama dan hukum hudud tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara kita lebih-lebih lagi negara kita sudah ada *set of common law* dan kedua-dua set undang-undang jenayah susah dan tidak praktikal dilaksanakan di negara kita. Ini pendirian DAP dan saya ingin maklumkan ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

6.41 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbincang Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 10 Oktober lalu. Jelas semua Bajet 2015 adalah ekonomi keperluan rakyat dan RM273.4 bilion telah diperuntukkan bagi memenuhi keperluan rakyat. Dengan ringkas Bajet 2015 adalah peluang rakyat yang akan menentukan lebih banyak peluang pekerjaan, rumah mampu milik dengan langkah-langkah untuk mengurangkan kebimbangan ke atas kenaikan kos harga harian dan juga akan menentukan keseimbangan atau *balance* bajet menjelang tahun 2020. Dalam masa yang singkat ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu yang ada hubung kait dengan ekonomi dan rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua isu rasionalisasi subsidi minyak telah pun dijelaskan oleh Perdana Menteri bahawa subsidi minyak telah meningkat daripada RM1.6 bilion dalam tahun 2002 kepada RM2 bilion pada tahun ini. Angka ini akan meningkat setiap tahun oleh sebab

beberapa faktor termasuk kenaikan jumlah kenderaan, penyeludupan lain dan ia tidak sihat dan tidak dapat dikekalkan dalam masa yang panjang. Oleh sebab tujuan utama subsidi ini adalah untuk menolong golongan rakyat yang miskin dan yang berpendapatan rendah dan sederhana seperti nelayan dan petani supaya tidak dibebankan dengan harga minyak yang tinggi.

Akan tetapi hakikatnya kebanyakan subsidi ini jatuh kepada orang yang kaya raya dan lebih teruk lagi tercicir disebabkan aktiviti haram dan penyeludupan. Dalam hal ini saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan untuk mengurangkan atau menghapuskan subsidi minyak. Ini supaya kerajaan tidak lagi dibebankan dengan pelbagai kos untuk membendung aktiviti haram dan penyeludupan ini. Akan tetapi dalam masa yang sama kerajaan patut juga mengadakan satu sistem pemberian khas kepada rakyat miskin atau *target group* supaya mereka masih menikmati subsidi ini dengan cara yang lebih tepat dan telus. Saya melihat dalam surat khabar pagi ini di mana kerajaan telah mendedahkan kaedah dan golongan rakyat yang akan mendapat subsidi ini tetapi walaupun begitu masih banyak soalan dari segi pelaksanaan kaedah tersebut yang perlu dihalusi.

Tuan Yang di-Pertua, BR1M adalah satu daripada manifesto Kerajaan Barisan Nasional, maka kita amat berterima kasih kepada kerajaan kerana sudi menunaikan janji ini dengan menaikkan kadar BR1M berperingkat-peringkat. Ia akan lebih bermakna untuk tahun depan apabila GST mula dilaksanakan kerana mungkin ada peniaga-peniaga yang akan sengaja menaikkan harga barang dengan tidak berasas. Maka dengan kadar RM950 untuk golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM3,000 sebulan, maka ia dapat meringankan kos sara hidup mereka yang dalam golongan ini.

Akan tetapi adakah kerajaan membuat kajian atau *survey* ke atas impak BR1M ini dan adakah kerajaan betul-betul dapat menentukan rakyat yang benar-benar berpendapatan kurang daripada RM3,000? Oleh kerana kebun berskala besar, peniaga-peniaga kecil, kontraktor kecil yang memang berpendapatan lebih daripada RM3,000 tetapi oleh kerana mereka tidak membayar cukai, maka mereka juga sama-sama dapat BR1M. Kes ini jelas berlaku di kawasan saya di Kanowit di mana kita kenal *almost everybody*. Kita kenal sama ada mereka ini peniaga, pekebun kecil yang memang kaya-raya dan berada tetapi turut menerima baucar BR1M. Maka pihak yang bertanggungjawab saya fikir perlu mengkaji perkara ini dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, Manifesto BN juga pada PRU Ke-13 adalah untuk membina satu juta unit rumah mampu milik di bawah PR1MA dalam jangka masa lima tahun dan pada tahun 2015, 143,000 unit rumah kos rendah akan dibina. Kebanyakan ini adalah di bandar dan pinggir bandar. Selain daripada PR1MA, SPN juga membina rumah mampu milik di bandar dan pinggir bandar. SCDC atau pihak kerajaan negeri juga membina rumah mampu milik, rumah harga tinggi di mana yang di mana rakyat miskin tidak mampu membeli rumah.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian KKLW yang bertanggungjawab untuk membina rumah dengan kos RM50,000 ke bawah dan menaik taraf rumah sedia ada dengan kos RM12,000 seunit di kampung-kampung rumah panjang di seluruh negara. Saya bersetuju dengan pelbagai program ini tapi subsidi ini untuk perumahan bagi rakyat miskin dan kumpulan yang

berpendapatan rendah tapi saya melihat peruntukan untuk PPRT bagi rakyat miskin luar bandar amat kecil berbanding dengan peruntukan untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik di bandar dan pinggir bandar. Walhal penduduk luar bandar lebih banyak lagi memerlukan bantuan ini. Dengan itu saya pohon kerajaan mengkaji semula secara lebih mendalam perkara ini supaya keperluan untuk PPRT dapat ditambahkan lagi untuk rakyat miskin luar bandar.

Isu kedua dalam program PPRT ini adalah yang bermasalah kepada kaum Dayak di Sarawak dan Orang Hulu yang masih tinggal di rumah panjang kerana syarat untuk bina baru rumah PPRT adalah khas untuk rumah berasingan atau *stand alone house* dengan spesifikasinya tersendiri dan tidak boleh disambung kepada blok-blok rumah panjang yang sedia ada. Dalam hal ini saya mohon kementerian berkenaan untuk melihat keadaan dan kebudayaan orang Dayak yang masih mengamalkan rumah panjang. Kalau syarat ini dapat diubahsuai mengikut kebudayaan kaum tertentu maka banyak lagi rakyat miskin di rumah-rumah panjang di Sarawak dapat bantuan perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua dari segi pendidikan, saya ingin membangkitkan isu peruntukan daripada Kementerian Pelajaran khusus untuk pelbagai aktiviti sekolah luar bandar di Sarawak terutamanya peruntukan untuk mengadakan pelbagai sukan antara rumah, sukan antara zon, sukan PIBG, program lawatan bagi murid Tingkatan 6 dan guru di bawah bandar besar di Kuching, Bintulu dan Miri. Isu ini juga telah disentuh apabila kita mengadakan soal jawab pagi tadi dan peruntukan untuk perkara ini adalah tidak mencukupi yang diberi oleh Kementerian Pendidikan.

Jadi kita mengetahui bahawa setiap tahun sekolah-sekolah ini memohon peruntukan melalui Yang Berhormat untuk aktiviti dan keperluan yang disebut di atas dan kita amat simpati kepada mereka. Saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk mengadakan peruntukan setiap tahun bagi tujuan ini. Dalam hal ini juga saya ingin kepastian kepada kementerian sama ada aktiviti-aktiviti sukan, aktiviti luar sekolah dan program lawatan yang saya sebutkan tadi adalah diwajibkan oleh kementerian untuk dilaksanakan oleh semua sekolah. Kalau ia mengapa tidak diberi peruntukan setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek yang infrastruktur di luar bandar di Sarawak, kita difahamkan bahawa *RM934 million* diperuntukkan untuk jalan luar bandar dan juga untuk menaik taraf bekas jalan-jalan balak. Jalan luar bandar adalah memang satu daripada projek infrastruktur yang amat perlu dipertingkatkan di Sarawak dan Sabah. Bagi, saya boleh bagi contoh kawasan saya Parlimen Kanowit, Timbalan Menteri KKLW telah pun membuat lawatan sendiri ke kawasan Parlimen Kanowit dan dengan itu saya mohon kerajaan menumpukan pembinaan jalan-jalan luar bandar ke kawasan yang langsung tidak ada jalan, belum ada *connectivity* seperti ke rumah-rumah panjang di hulu kawasan hulu sungai dan sebagainya.

Bagi Parlimen Kanowit saya ingin menumpukan kepada beberapa jalan yang amat penting yang perlu dilaksanakan iaitu satu jalan Ngungun ke Jagau sepanjang 22 kilometer, Jalan Mengalun ke SK Sepangkat Kanowit sepanjang 3 kilometer, jalan ke SK Lumacan sepanjang 2 kilometer, persimpangan jalan ke SMK Nanga Dap – 6 kilometer, jalan dari

Nanga Dap ke Sungai Rumah – 10 kilometer dan menaik taraf jalan balak seperti Jalan Woh – 6 kilometer, Jalan Jagau – 30 kilometer.

■1850

Ini memang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memang sudah pergi ke kawasan ini. Jadi saya sampaikan di sini supaya ia diambil tindakan oleh kementerian tersebut.

Selain dari jalan balak, kesemua jalan yang disebut tadi adalah jalan baru, belum pernah dibina dan ada di antara jalan-jalan di atas seperti Jalan Rungkut ke Gergau sudah dibuat *survey*, pampasan sudah dibayar, tetapi malangnya peruntukan belum ada. Kita juga amat bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk hendak menaik taraf jalan balak. Akan tetapi masalah ialah apabila jalan balak itu masih diguna pakai oleh pembalok. Sebagai contoh, dalam beberapa tahun yang lalu, satu jalan di kawasan saya di Parlimen Kanowit diberi peruntukan untuk menaik taraf 26 kilometer jalan balak tetapi ia tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pihak pembalok tidak bersetuju dengan *spec* yang diberi oleh JKR, maka peruntukan itu tidak dapat digunakan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan terutamanya Kementerian Luar Bandar dan Wilayah kerana di bawah projek NKRA, bekalan air dan elektrik di Kanowit sudah banyak dilaksanakan dalam masa tiga tahun yang lalu terutama di kawasan yang sudah ada jalan raya. Walaupun begitu, masih banyak lagi diperlukan terutamanya bekalan elektrik ke rumah-rumah panjang di pedalaman yang belum ada jalan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri KKLW, walaupun projek berkenaan loji air yang agaknya besar dan sudah siap di Daerah Kanowit tetapi bekalan air masih tidak mencukupi di kawasan yang sepatutnya dibekalkan oleh loji tersebut.

Jadi saya harap kementerian dapat melihat masalah ini dan dapat mengadakan satu penyelesaian supaya masalah ini tidak berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, program pelarasan harga barang. Keperluan di Sarawak dan Sabah seperti minyak petrol dan diesel, LPG gas, beras, gula dan lain-lain sudah banyak dibahaskan tahun lalu dan pada tahun ini juga. Masalah yang sama masih berlaku di mana peruntukan atau subsidi untuk perkara itu tidak dapat sampai ke *target group* terutama subsidi kos pengangkutan yang begitu tinggi dan hanya kontraktor yang dilantik yang dapat keuntungan besar tetapi pengguna atau *consumer* di kawasan pedalaman masih dikenakan harga barang yang mahal.

Bagi saya kalau mengambil kira wang berjuta-juta ringgit diberi kepada kontraktor itu, diberi terus kepada pengguna atau *target group*, saya fikir ia lebih bermakna dan lebih berkesan untuk rakyat miskin yang di mana subsidi itu disasarkan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Jagau, rumah-rumah yang masih belum ada jalan, kos subsidi pengangkutan, harga barang keperluan menjangkau RM1.5 juta setahun. Angka ini berasaskan 40 *trip* sebulan dan satu *trip* dibayar RM2,200. Maka, satu bulan adalah RM88,000. Kalau dikali dengan 12 bulan, ia menjangkau RM1.5 juta.

Kalau diambil kira juga subsidi pengangkutan untuk minyak diesel, petrol, dan LPG gas, untuk minyak diesel, satu tong dibayar kos pengangkutan dalam RM400 lebih satu tong kos subsidi pengangkutan. Petrol dan LPG, kalau semua ini diambil kira, kos mungkin

menjangkau RM2 juta atau RM3 juta setahun. Kalau ini dibahagi kepada semua 300 buah pintu ataupun isi rumah di sana, maka mereka akan dapat dekat RM7,000 setahun atau lebih kurang RM600 sebulan. Ini lebih besar daripada pemberian BR1M. Apa yang saya ingin sampaikan di sini ialah adakah ia lebih berkesan kalau wang subsidi itu diberi terus kepada sasaran atau kepada kawasan-kawasan pedalaman yang menjadi sasaran dalam program ini?

Kes ini perlu dilihat dengan teliti oleh kerajaan supaya wang subsidi itu tidak jatuh kepada mereka yang tidak ada kaitan dengan pemberian subsidi itu. Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan pemberian elaun bagi semua nelayan darat sepenuh masa sebanyak RM200 sebulan. Akan tetapi saya ingin penjelasan berkenaan dengan definisi nelayan darat itu.

Adakah nelayan darat ini ataupun adakah nelayan darat di hulu sungai di Sarawak seperti di Sungai Rejang, Sungai Baram, dan di sungai-sungai lain yang besar di mana nelayan darat ini juga setiap hari menangkap ikan dan menjual ikan di pekan-pekan kecil seperti Kapit, Kanowit, Baruh, dan sebagainya? Jadi kalau nelayan ini tergolong dalam nelayan darat, siapakah yang menentukan senarai nama mereka dan berapakah jumlah mereka yang sudah ditentukan oleh kementerian dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin kepada pekebun kecil, getah dan sawit, dan lain-lain komoditi dan memberi bantuan bagi melindungi mereka daripada mengalami kerugian sewaktu harga pasaran dunia lebih rendah daripada harga minimum yang ditetapkan. Soalan saya, adakah pekebun kecil getah dan sawit di Sarawak seperti pekebun kecil dari rumah-rumah panjang termasuk dalam golongan pekebun kecil ini? Kalau ya, siapakah yang akan menentukan senarai nama pekebun-pekebun ini dan apakah mekanisme kawal selia yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengawal salah guna dan penyelewengan bantuan ini nanti?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah dari segi kesihatan. Saya mewakili rakyat dari Daerah Kanowit berterima kasih kepada kerajaan di atas sebuah klinik kesihatan yang nampaknya sudah siap dibina di kawasan Rascom Tada. Soalan saya ialah bilakah klinik ini akan mula beroperasi? Ini kerana sudah dekat satu tahun ia nampak sudah siap tetapi belum beroperasi lagi.

Apakah sebenar rancangan kerajaan dalam hal ini kerana klinik ini sudah lama menjadi isu di kawasan tersebut? Dalam isu yang sama, saya difahamkan bahawa Hospital Besar Kanowit perlu ditambahkan lagi mesin hemodialisis kerana yang sedia ada tidak mencukupi bagi pesakit yang mendapat rawatan di hospital tersebut.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada berjumpa dengan seorang pakar perubatan tradisional dari Sarawak. Tadi isu perubatan tradisional juga ada disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan beliau telah memohon kepada saya selepas menghadiri satu mesyuarat di Kuala Lumpur untuk membangkitkan isu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK). Ini kerana ia tidak memberi perlindungan dan pengiktirafan kepada perubatan masyarakat orang asal Sarawak, Sabah dan Orang Asli.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Perubatan Warisan Orang Asal Sarawak ditubuhkan dan dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai satu badan

kepada pengamal pelbagai suku etnik orang asal di Sarawak termasuk 52 suku kaum seperti Iban, Bidayuh, Ulu Melanau, dan sebagainya. Akan tetapi dengan adanya Akta PKT ini, maka tidak seorang pun pengamal perubatan orang asal ini boleh mengamalkan dan melestarikan legasi keutuhan tradisi.

Keadaan ini amat bercanggah dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melestarikan legasi pengetahuan tradisi orang asal atau Orang Asli, Orang Dayak di Sarawak dan Kadazan Dusun di Sabah. Maka saya bagi pihak pengamal ubat tradisi kaum Dayak, Orang Asli di pelosok ini mengucapkan kepada Kementerian Kesihatan supaya Perubatan Warisan Orang Asal Sarawak dan Sabah ini dapat meletakkan sebagai satu modaliti sebaris dengan perubatan tradisional Melayu, Cina, dan India di Semenanjung Malaysia di bawah Rang Undang-undang PTK Malaysia. Dengan kata-kata itu, sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

6.58 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih diberi peluang untuk bersama-sama membincang Bajet 2015. Izinkan saya membaca sepotong ayat pendek Surah Al-Rahman, Ayat 60. *[Membaca potongan ayat al-Quran berkaitan]* yang bermaksud, *“Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik melainkan balasan yang baik juga”*.

Merujuk ayat di atas, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri kena berlapang dada kerana rakyat yang tidak menyokong Barisan Nasional pun pergi mengambil BR1M atau bantuan lain kerana mereka juga adalah rakyat Malaysia. Apa yang penting, Allah akan membalas budi baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang budiman. Sama juga di Selangor, kita memberi bantuan atau kemudahan umpamanya air percuma, Skim Warga Emas, Tabung Warisan Anak Selangor dan Bantuan Masuk ke Universiti kepada semua yang berhak tanpa mengira latar belakang politik.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang saya ingin bincang, pertama, Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meningkatkan pelajar dalam STEM.

■1900

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan, nisbah pelajar sains dan sastera pada tahun 1981 adalah 30%:61%, tahun 1982 hingga 1992 menurun iaitu 19% sains dan 62% ke 70% sastera. Tahun 2010 – 30%:50% dan selebihnya mengambil bidang vokasional dan teknikal. Kerajaan Malaysia mensasarkan 60% orang pelajar mengambil jurusan STEM Jadi ini menjadi cabaran kepada kita terutama Kementerian Pendidikan. Sekarang saya difahamkan nisbah pelajar jurusan STEM berbanding bukan STEM adalah 42%:58% yang meningkat berbanding dengan tahun 2000 yang hanya 25%:75%.

Berdasarkan pengalaman kami tahun 1967, ketika itu dipaksa pelajar-pelajar aliran sastera yang mendapat pencapaian terbaik dalam Sains, Matematik dan Geografi peringkat SPM bertukar ke aliran sains semasa Tingkatan 6 rendah. Nampaknya ramai yang berjaya sampai ke peringkat universiti dalam pelbagai bidang atau memasuki Maktab Perguruan Sains atau Maktab Perguruan Teknik yang menjadi pendidik dalam usaha memperbanyakkan lagi pelajar supaya mereka berminat dalam STEM. Walaupun pelbagai usaha dibuat untuk meningkatkan pelajar STEM tetapi dorongan daripada ibu bapa dan insentif dalam kerjaya penting bagi menarik minat pelajar-pelajar menjurus dalam STAM.

Sebagai contoh ada di kalangan jurutera Lembaga Lebuhraya (LLM) menceritakan bahawa dia tidak benarkan anaknya mengambil STEM kerana mengenangkan dia sendiri yang bekerja siang dan malam tetapi bosnya dari aliran sastera hanya kerja waktu pejabat sahaja. Walau bagaimanapun, kita perlu teruskan usaha bagi meningkatkan minat pelajar kita dalam STEM. Pentaksiran ujian *Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa - (TIMMS)* 2011 pula menjelaskan bahawa pencapaian Matematik pelajar Malaysia adalah pada tangga ke-26 berbanding 42 buah negara yang mengambil bahagian. Hampir 38% orang pelajar berusia 14 tahun di negara ini gagal mencapai skor minimum untuk subjek Matematik dan Sains.

Berbagai-bagai usaha yang dibuat perlu diteruskan bagi menarik minat pelajar dan peluang kerjaya dalam STEM. Antaranya Pameran Sains dan Kejuruteraan di Pusat Sains Negara seperti yang pernah dianjurkan pada 25 hingga 27 April 2014 yang mana antaranya mempamerkan demonstrasi dan eksperimen sains secara *hands on*, aktiviti uji minda dan matematik, Program Mentoran Sekolah bagi Projek Sains dan Reka Cipta Kejuruteraan di bawah inisiatif Universiti Tunku Abdul Rahman, Projek Pameran STAM Sekolah, Pameran Sains Industri Teknologi dan Kejuruteraan, perkongsian berkaitan STAM oleh penceramah jemputan, poster pameran, video berkaitan dengan STAM.

Kedua, Pameran dan *Conference* Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM) anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan pelbagai agensi. Pameran baru-baru ini antara 15 hingga 19 Oktober 2014 merupakan kali kelima yang mempamerkan pelbagai produk dan membincangkan daripada tenaga boleh baharu, kereta hibrid elektrik, pengurusan sisa dan rawatan sisa dan banyak produk *environmental friendly*, dengan izin yang boleh mendedahkan dan menarik minat STEM kepada pelajar di samping memberi peluang pelaburan kepada usahawan-usahawan tempatan.

Ketiga, ceramah STEM bagi meningkatkan keupayaan pelajar untuk mengenal pasti, mengaplikasikan serta mengintegrasikan konsep atau komponen sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Keempat, lawatan ke industri-industri yang menggunakan teknologi moden seperti industri cat yang menggunakan bahan biologi, polimer, komposit, automotif dan lain-lain dan lawatan ke institusi penyelidikan sains seperti MARDI, PORIM, SIRIM, Nuklear Malaysia dan lain-lain dan perjumpaan dengan saintis-saintis bagi membuka minda mereka bahawa keadaan sains dan teknologi *insya-Allah* boleh menyelesaikan banyak masalah kehidupan seharian.

Kelima, penempatan di industri semasa cuti panjang persekolahan bagi mencari pengalaman kerja di industri.

Keenam, televisyen juga perlu memainkan peranan dalam menayangkan filem-filem dokumentasi sains dan teknologi.

Yang penting pendidikan STEM perlu diberi pendedahan awal di peringkat pra sekolah lagi sebagaimana kanak-kanak Korea diberi pendedahan awal kepada teknologi nuklear sehingga apabila mereka dewasa, mereka sudah mempunyai pengetahuan asas mengenai teknologi nuklear. Persoalan saya, sejauh manakah kita dapat memberi pendedahan ini kepada pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar di luar bandar. Selangor memperkenalkan *tapping* sains dan teknikal bagi memberi peluang di samping menghafal al-Quran, mereka juga memahami bahawa al-Quran juga sebagai sumber ilmu sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah kereta elektrik (EV). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2015 akan meneruskan pengeluaran kereta elektrik dengan memberi penekanan dalam mengeluarkan lima puluh buah bas elektrik. Apakah syarikat yang akan mengendali pembinaan dan pengeluaran bas elektrik berkenaan atau hanya membeli sahaja dari luar negara? Dalam rencana *greener* di TV3 menunjukkan Korea sudah mempunyai bas elektrik tetapi kelemahannya ia perlu dicaj minimum selama 30 minit setiap perjalanan sejauh 80 kilometer. Kenyataan pemandu, *'Menyusahkan mereka'*. Oleh itu saya berharap bas elektrik atau kereta elektrik yang akan dikeluarkan nanti di samping dapat memelihara masa depan alam sekitar dan mengurangkan pelepasan CO_2 adalah mesra pelanggan dan petugas.

Dalam pembentangan bajet beberapa tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Proton akan mengeluarkan kereta elektrik. Saya difahamkan dua model kereta elektrik (EV) akan dikeluarkan iaitu Saga EV dan *Exora Range Extender* (REEV) dan membina 100 ke 150 buah stesen pengecas. Pada 14 September 2011, tiga buah kereta Proton Saga EV dan Exora REEV diserahkan kepada Perdana Menteri dan empat unit diserahkan setiap satu kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan bagi menguji pandu. Persoalannya, mengapa terlalu lama diambil untuk dikeluarkan secara komersial atau *mass production*. Apakah masalah yang dihadapi? Adakah Proton juga berhasrat mengeluarkan kereta hibrid sebagaimana Toyota, Honda, Nissan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, *carbon footprint*. Gas rumah hijau atau *Green House Gas* (GHG) dibebaskan daripada aktiviti pengangkutan, kerja tanah, penghasilan dan penggunaan makanan, bahan api, pengeluaran atau pembinaan, perindustrian barangan dan perkhidmatan. Saya tertarik dengan FRIM yang telah membuat kiraan *carbon footprint* dalam usaha menjimatkan tenaga. Anggaran jumlah *carbon footprint* FRIM 2011 sebanyak 5,332 metrik tan CO_2 *a covalent*. Berdasarkan per kapita iaitu 6.1 metrik tan CO_2 *a covalent*. Ini termasuk dari GHG, aktiviti R&D, penggunaan elektrik, pengangkutan untuk R&D. Pembebasan CO_2 dari R&D dan aktiviti pentadbiran FRIM boleh diatasi dengan penyerapan

oleh tumbuhan di FRIM iaitu tumbuhan setiap hektar hutan boleh menyerap 638 metrik tan CeO₂.

FRIM yang diliputi dengan 420 hektar hutan boleh menyerap *total carbon* 0.26 juta tan CeO₂ a *covalent* dengan lain perkataan pembebasan CeO₂ di FRIM hasil dari R&D adalah 50 kali lebih kecil dari kemampuan penyerapan oleh tumbuhan. FRIM merupakan satu institusi di Malaysia yang mengisytiharkan *carbon footprint*.

■1910

Baru-baru ini TNB membuat kiraan *carbon footprint* yang dihasilnya. Bagaimanakah jumlah *carbon footprint* dalam negara kita kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan di Copenhagen akan mengurangkan secara sukarela sebanyak 40% *Growth Domestic Product (GDP) carbon footprint*, dengan izin menjelang tahun 2020 berbanding paras pada tahun 2005.

Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Parit Buntar dalam soalan lisan kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, adakah ada koordinasi antara kementerian-kementerian yang terlibat yang menghasilkan GSG bagi merealisasi pengisytiharan yang dibuat oleh Perdana Menteri di atas. Saya ingin mencadangkan satu suruhanjaya diwujudkan dengan diketuai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menangani masalah pengurangan keamatan karbon. Saya juga sangat berharap penjelasan kementerian jika ada usaha-usaha lain bagi mengurangkan keamatan karbon.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kawasan saya pertama pembesaran jalan. Saya sekali lagi berharap bantuan dan kerjasama Kementerian Kerja Raya memperuntukkan sebahagian daripada Bajet 2015 ini untuk membesarkan jalan dari Batu 9 ke Batu 18, Dusun Tua dan dari Jambatan Timbang JPJ Semenyih ke Beranang, Semenyih yang mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk hampir setiap waktu bagi memudahkan pegawai-pegawai kerajaan dan swasta sampai ke tempat kerja mereka mengikut jadual yang ditetapkan yang selama ini tidak menentu.

Kedua, keperluan sekolah. Penduduk Bandar Mahkota Cheras yang berjumlah lebih 65,000 orang tidak langsung mempunyai sekolah. Sedangkan pemaju memperuntukkan enam buah tapak sekolah rendah dan menengah. Saya sangat berharap pertimbangan dari Kementerian Pendidikan agar dapat membina sekurang-kurangnya satu sekolah rendah dan satu sekolah menengah. Begitu juga bagi penduduk sekitar Prima Saujana Kajang yang berjumlah dalam 62,000 memerlukan satu sekolah menengah bagi kesinambungan kepada pelajaran Sekolah Rendah Kantan Permai yang sekarang ini bersekolah di Sekolah Menengah Saujana Impian. Sekali lagi saya berharap pertimbangan pihak Kementerian Pendidikan mempertimbangkan keperluan kemudahan pendidikan.

Akhir, banjir kilat. Kita tahu pembangunan Bandar Kajang berjalan dengan pesat. Pembangunan yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan terutama kemudahan longkang dan kolam takungan yang sesuai dengan projek menyebabkan berlaku banjir kilat seperti yang berlaku di Kajang baru-baru ini. Ia menyebabkan kesusahan kepada penduduk yang telah lama mendiami satu-satu taman. Saya sangat berharap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menguatkuasakan peraturan yang ditetapkan oleh PBT dan mengenakan

hukuman yang ketat kepada pemaju yang lalai mengikut peraturan yang ditetapkan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lawas.

7.13 mlm.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet Kerajaan bagi tahun 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat, 10 Oktober 2014. Bajet tersebut adalah komprehensif melibatkan hampir kesemua lapisan masyarakat baik di bandar mahupun di kawasan luar bandar khasnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah disifatkan bajet untuk rakyat dan amat dialu-alukan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, strategi dan langkah yang diambil kerajaan menerusi Bajet 2015 seperti memberi fokus kepada ekonomi keperluan rakyat adalah bersesuaian dan tepat pada masanya khusus dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu akibat *rising cost* dengan izin. Di samping itu, ekspektasi rakyat khasnya di luar bandar yang masih ketinggalan dari pelbagai aspek pembangunan baik pendidikan, ekonomi dan kemudahan asas yang diperlukan amatlah tinggi.

Contoh di negeri Sarawak, masih lebih 30% rakyat di kawasan luar bandar belum menikmati bekalan elektrik dan air bersih. Ini tidak termasuk keperluan lain yang mendesak seperti pembinaan jalan kampung, jambatan atau jeti, dewan orang ramai, kemudahan sukan dan lain-lain lagi. Negeri Sarawak memerlukan peruntukan yang besar untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang dan diluluskan kerajaan. Contoh SCORE di Samalaju di Bintulu yang berimpak tinggi dan memberi kesan kepada seluruh negeri.

Selain itu, kerajaan perlu bertanggungjawab terhadap projek-projek yang dijanjikan. Contoh di kawasan Parlimen saya di Lawas. Projek yang dijanjikan ialah sebuah MRSM RGC di dua kawasan iaitu Sundar dan Ba'Kelalan Long Semadoh. Kemudian sebuah sekolah vokasional untuk daerah Lawas dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini mendorong khasnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang baru, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Haji Satem untuk mencadangkan dan merayu kepada Kerajaan Pusat bagi meningkatkan royalti minyak kepada negeri Sarawak daripada 5% sekarang ke 20% untuk masa akan datang bagi memastikan kemajuan mampan dan seimbang dapat dicapai.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, apa pun cara dan kaedah untuk meningkatkan sumber hasil yang penting Sarawak yang besar dan luas hampir sama dengan keluasan tanah Semenanjung dengan penduduknya yang tinggal berselerak di seluruh pelosok negeri dan sebagai penyumbang ketiga kepada pertumbuhan ekonomi negara harus mendapat peruntukan yang lebih banyak menerusi Bajet 2015 dan seterusnya dalam RMKe-11 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet RMKe-8 yang lalu negeri Sarawak telah diperuntukkan lebih daripada RM17 bilion manakala pada RMKe-9 sebanyak RM13.437 bilion

diperuntukkan. Ini menunjukkan penurunan sebanyak lebih kurang RM14 bilion dari tahun-tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menuju ke Wawasan 2020 pembangunan di Sarawak perlu berjalan rancak dan lancar agar dapat mencapai sasaran dan keseimbangan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk mengembalikan peruntukan yang lebih besar kepada negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang diperkenalkan dalam Bajet 2015 begitu penting dan saya berharap agar ia dapat diterjemahkan untuk memberi manfaat yang maksimum kepada keseluruhan rakyat. Di bawah *National Blue Ocean Strategy* dengan izin, banyak projek yang telah dan akan dijalankan. Saya minta agar projek-projek ini diperluaskan liputannya ke kawasan pedalaman khususnya di Sarawak. Saya mencadangkan agar UTC dan RTC diwujudkan di setiap bahagian dan kawasan Parlimen di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan modal insan Bumiputera penting dan harus mengambil kira penglibatan dan penyertaan anak-anak muda dari kawasan pedalaman. Ke arah ini, prestasi pendidikan pelajar luar bandar perlu diperkukuh dan ditingkatkan.

■1920

Apa yang berlaku sekarang, prestasi pendidikan pelajar luar bandar masih di tahap rendah. Ini sering dikaitkan dengan prasarana pendidikan yang kurang baik dan tidak lengkap serta keadaan yang tidak kondusif menyebabkan prestasi menurun. Di samping itu, rumah guru tidak mencukupi sehingga guru-guru berkenaan terpaksa berulang alik ke sekolah dari tempat tinggal mereka di pusat bandar yang agak jauh dari sekolah.

Sehubungan itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, berapa buah sekolah di Daerah Lawas yang akan dibangunkan semula dalam masa yang terdekat dan bilakah bangunan baru sekolah SK Long Sukang yang tergendala pelaksanaannya dapat disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk membina semula Lebuhraya Pan Borneo agar setanding dengan lebuhraya lain dengan peruntukan RM27 bilion amat dialu-alukan. Sehubungan itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, sama ada jajaran baru khususnya di Sarawak, dari bahagian Miri ke Limbang dan Lawas dengan tidak melalui Brunei akan dipertimbangkan?

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Daerah Lawas khususnya pesakit yang memerlukan rawatan di Miri dan Kota Kinabalu, Sabah, menghadapi masalah berhubung sekatan di *checkpoint* CIQ di sempadan Sarawak-Brunei dan sempadan Sarawak-Sabah yang hanya beroperasi dari jam 6 pagi hingga 10 malam. Ini bererti, semua kenderaan dan lalu lintas dihalang daripada keluar masuk seolah-olah penduduk Lawas diletakkan dalam penjara pada setiap malam.

Oleh yang demikian, saya mohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mempertimbangkan agar kedua-dua CIQ tersebut dibuka sepanjang masa atau 24 jam dengan dikawal oleh pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah untuk merasionalisasikan subsidi kerana dapat mengurangkan bebanan kewangan dan defisit negara. Sementara itu, GST yang mengenakan kadar yang rendah, hanya 6% berbanding kadar cukai jualan dan

perkhidmatan sebanyak 10% dan memberi pelepasan cukai terhadap banyak jenis barangan keperluan harian perlu dilaksanakan mengikut jadual bagi mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

7.23 mlm.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seluruh rakyat Malaysia masih lagi belum melupakan bahawa apa yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional semasa kempen PRU ke-13. Salah satu agenda yang penting yang disebutkan di manifesto Barisan Nasional bahawa agenda pertama Barisan Nasional akan menguruskan isu kos sara hidup rakyat. Akan tetapi, apa yang saya perhatikan selepas Barisan Nasional memenangi PRUKe-13 dengan undi popular cuma 48%, masalah kos sara hidup rakyat tetap tidak dapat diselesaikan dan yang paling teruk sekali, kita semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini termasuk rakyat jelata telah pun menyaksikan siri kenaikan harga barangan yang telah pun diumumkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, harga minyak RON95 telah pun dinaikkan sebanyak dua kali selepas PRU Ke-13. Kali pertama, naik 20 sen pada September 2013 dan kali yang kedua naik 20 sen lagi pada Oktober 2014. Jadi, hanya harga minyak RON95 sahaja telah dinaikkan sebanyak 40 sen selepas 5 Mei 2013 iaitu PRU ke-13.

Sesuatu yang saya rasa penyokong Barisan Nasional tidak boleh terima iaitu selepas Barisan Nasional menang di PRK Pengkalan Kubor di Kelantan pada 25 September 2014, tetapi tak sampai seminggu Barisan Nasional menang di PRK Pengkalan Kubor, BN telah pun umumkan kenaikan harga minyak RON95 pada 31 September. Kalau Kerajaan Barisan Nasional benar-benar berani berhadapan dengan rakyat, sebenarnya saya rasa pihak Barisan Nasional boleh membuat pengumuman kenaikan harga minyak RON95 itu ketika masa kempen pilihan raya kecil. Saya rasa kita semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum apa yang akan berlaku, siapa yang pengundi-pengundi akan menyokong ketika masa pilihan raya kecil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Barisan Nasional yang duduk di sebelah sana kemungkinan besar mereka terpaksa membuat penjelasan kepada rakyat jelata bahawa sebenarnya belanjawan kali ini memang prihatin kepada rakyat di mana setiap rakyat yang isi keluarganya berpendapatan kurang daripada RM3,000 akan mendapat penambahan nilai bantuan BR1M daripada RM650 sehingga RM950. Sebenarnya, manifesto Barisan Nasional masa PRU Ke-13 telah pun menjanjikan BR1M akan diberi sehingga RM1200. Jadi RM950 ini sebenarnya merupakan sebahagian yang telah pun dijanjikan oleh pihak Barisan Nasional.

Jadi dalam perkara ini juga saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa memang kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menangani kos sara hidup rakyat tetapi pada masa yang sama, sebelum PRU, janji nak mengurangkan kos sara hidup

rakyat tetapi lepas menang PRU, tak sampai dua tahun, harga minyak telah pun dinaikkan sebanyak 40 sen dan sekarang pula kita ada satu istilah yang baru, rasionalisasikan subsidi. Jadi dalam perkara ini, saya rasa sebenarnya rakyat jelata haruslah dimaklumkan sebelum kerajaan membuat apa-apa keputusan.

Sama juga dengan pelaksanaan GST. Saya ingin nak tegaskan di sini, saya cukup yakin kawan-kawan yang ada di sebelah sana bahawa mereka tetap mengetahui bahawa pelaksanaan GST ini pada tahun depan akan meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat. Jadi, itulah sebab mengapa kerajaan meningkatkan bantuan BR1M daripada RM650 sehingga RM950. Pada masa yang sama, sebenarnya bagi saya dan juga kawan-kawan di Pakatan Rakyat di sini, kita memang menyokong segala usaha kerajaan untuk membantu rakyat khususnya bagi mereka yang miskin ataupun berpendapatan rendah. Cuma, agak pelik bagi tahun ini, kita memperlihatkan BR1M pada tahun hadapan akan diberi secara *installment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun, Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Rasah, sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bangkitkan berhubung dengan BR1M ini, Yang Berhormat Rasah. Kita dijanjikan, rakyat dijanjikan dengan RM650 pada tahun ini dan *insya-Allah*, tahun depan RM950. RM50 dikatakan untuk insurans takaful tetapi berlaku satu kes di Parlimen saya, apabila penerima BR1M meninggal dunia iaitu Puan Yu Soo Hiong lahir pada 2 April 1934, apabila waris mereka menuntut caruman insurans tersebut ataupun wang insurans tersebut, maka dikatakan tidak layak oleh kerana tiada tanggungan sedangkan kita tahu apabila seseorang meninggal, siapa yang nak uruskan jenazah itu? Sebab itu kita perlukan duit insurans itu untuk menguruskan jenazah tersebut. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Rasah? Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Lumut ke dalam perbincangan saya dan saya harap pihak kerajaan dapat menjawab. Jadi, kita lihat pemberian BR1M ini memang niatnya baik iaitu untuk membantu rakyat tetapi kita juga harus lihat apa yang sedang berlaku. Saya rasa kebanyakan daripada Ahli-ahli Parlimen, kita memang menerima banyak aduan daripada penduduk khususnya pakcik, makcik.

■1930

Ketika mereka pergi *shopping* di pasar raya kebanyakan daripada mereka telah pun menjadi sasaran kepada sindiket gores dan menang. Jadi saya rasa dalam perkara ini di samping kerajaan memberi bantuan kepada rakyat, kita pada masa yang sama juga haruslah mempertahankan dan juga melindungi rakyat kita daripada dianiayai oleh sindiket gores dan menang ini. saya memberi satu contoh, di Negeri Sembilan, ketika bulan Ogos saya adakan satu pertemuan dengan Timbalan Ketua Polis Negeri, angka yang diberikan oleh Timbalan

Ketua Polis Negeri kepada saya ialah di Seremban sahaja pada tahun ini dari Januari sehingga bulan Ogos, jumlah nilai wang yang ditipu oleh sindiket...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Rasah sikit.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: ..Oleh sindiket gores dan menang adalah sejumlah RM4 juta. Pada masa yang sama...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *One minute*, sikit saja Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sila, sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Terima kasih Yang Berhormat Rasah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak faham apa pendapat Yang Berhormat Rasah tentang – apa sangkut paut BR1M dengan gores dan menang? Gores dan menang ini- itu keputusan sendiri...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Okey, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu tidak sangkut paut dengan...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Serai, saya faham itu memang...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jangan sangkutkan, yang itu bukan...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Serai, itu saya faham. Jadi kita selaku wakil rakyat, kalau ada penduduk datang jumpa, kita mesti menawarkan *solution* kepada mereka. Jadi kita tidak boleh kata itu salah mangsa. Akan tetapi saya rasa pihak kerajaan sedikit sebanyak perlu mengambil tindakan terhadap sindiket-sindiket ini. Oleh sebab saya lihat ada banyak kes yang saya telah pun lihat duit ditipu sebanyak RM100,000 tetapi denda ataupun hukum terhadap sindiket tersebut cuma RM100 saja.

Jadi saya rasa adalah amat penting bagi kita semua untuk memastikan setiap rakyat kita dilindungi sebab kalau katakan mereka yang miskin dapat BR1M. Mereka pergi *shopping*, lepas *shopping*, keluar dia jumpa sindiket ini saya tidak tahu apa akan berlaku.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Rasah...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Jadi adalah lebih baik kita mengambil tindakan untuk membanteras sindiket ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tentang gores dan menang itu saya setuju. Akan tetapi apa sangkut paut BR1M dengan gores dan menang? Itu yang soalan saya tadi. Itu pendapat yang saya minta daripada Yang Berhormat Rasah. Itu tidak sangkut paut.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lagi satulah Yang Berhormat Rasah, bolehkah – memang perlu ada *awareness* mengenai kepayahan ataupun masalah yang ditimpa mengenai gores dan menang itu betul. Akan tetapi pada pandangan saya Yang Berhormat Rasah tidak boleh menyalahkan segalanya kepada pihak kerajaan sebabnya ini adalah individu itu sendiri. Bagi penerangan itu boleh, bagi *awareness* itu boleh tetapi tidak boleh untuk Yang Berhormat Rasah menyatakan kerajaan salah, kerajaan ini. Sebab ia tidak boleh dibebankan terus kepada kerajaan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Parit Sulong, saya rasa tidak ada kata dalam isu gores dan menang ini kerajaan yang salah. Saya cuma rasa dalam perkara ini

kita selaku wakil rakyat ataupun pihak kerajaan, kita haruslah melindungi rakyat kita. Ini kerana ramai daripada mereka saya jumpa. Ini sebab pejabat saya cuma dua tiga bulan saja lebih kurang ada 30 aduan dan kebanyakan daripada mereka adalah kawan-kawan daripada Melayu dan yang penting sekali mereka yang ditipu ini kebanyakan mereka yang sudah lebih daripada 50 tahun, ramai pakcik makcik, rasa kesian kepada mereka. Mereka pergi ke balai polis, balai polis tidak boleh tolong. Mereka pergi cari banyak agensi kerajaan, semua tidak boleh tolong.

Jadi dalam perkara ini, saya rasa adalah amat penting selain daripada kita beri bantuan kepada mereka yang miskin. Salah satu yang kita perlu laksanakan iaitu kita hendak pastikan semua sindiket yang menipu duit rakyat ini dapat dibanteras. Itu adalah tujuan utama saya untuk mengutarakan masalah ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Rasah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya hendak tanya sikit boleh kah tidak?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sila, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ramai hendak tanya, lain bahas. Tidak ada tanya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sikit saja.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Okey, okey.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menarik, itu sebab hendak tanya. Tadi kata banyak tipu umur 50 tahun, yang dia kata ramai Melayu itu tadi saya ingat pelik sikitlah kalau 50 tahun main gores-gores ini, ini penyakit. Maknanya sudah ada *addicted*, ada masalah. Jadi takkan orang umur 50 tahun main gores ini kena tipu. Jadi saya tengok kena tanyalah betulkah ramai dekat kawasan Rasah itu?.

Keduanya saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Rasah cakap lepas pilihan raya tiba-tiba naik harga, kerajaan seolah-olah tidak tepati. Saya hendak tanya ada menyusahkan rakyat? Saya ingat perkara yang sama juga di Selangor naik cukai, elaun exco naik 300%. Di Pulau Pinang naik harga air. Ini semua saya hendak tanya, tidakkah menyusahkan rakyat dan kalau berlaku ini mungkin ada sebab-sebab kenapa ia dilakukan. Bolehkah tidak Yang Berhormat Rasah jawab sedikit? Terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya, terima kasih, saya rasa perkara yang sama juga yang ditanya oleh Yang Berhormat mana tadi? *Sorry* ya tidak nampak. Jadi dalam perkara BR1M ini saya cuma ingin hendak *highlight* kepada Dewan yang mulia ini bahawa selain daripada kita membantu mereka yang miskin dan kita juga harus memastikan mereka yang miskin ataupun kurang kemampuan ini dapat dilindungi agar sindiket-sindiket yang menipu duit ini tidak akan menyerang mereka. saya rasa itu adalah amat penting kepada kita semua. Saya tidak mengatakan kerajaan serba salah dalam isu gores dan memang cuma saya hendak ingin menarik perhatian bahawa sindiket gores dan menang memang semakin berleluasa. Mereka memang semakin bermaharajalela.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin membangkitkan iaitu mengenai pengiktirafan sijil UEC. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukanlah kali pertama saya membangkitkan isu pengiktirafan sijil UEC di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya sendiri telah pun mengadakan perjumpaan dengan Dong Jiao Zong dan pada perjumpaan tersebut sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengeluarkan satu kenyataan akhbar bahawa pengiktirafan sijil UEC ini akan dipertimbangkan dan akan adakan perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi pada masa itu.

Akan tetapi sampai hari ini saya lihat jawapan yang saya peroleh daripada Menteri Pendidikan bahawa sijil UEC masih tidak boleh diiktiraf sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan pada masa yang sama saya merujuk kepada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bahawa masa kempen PRU Ke-13. Dia memberi jaminan bahawa kalau sijil UEC tidak diiktiraf selepas PRU Ke-13, beliau tidak akan bertanding lagi. Ya memang beliau telah pun kalah pada PRU Ke-13 dan pada masa yang sama beliau telah pun menerima pelantikan sebagai Senator dan telah pun kembali ke Dewan ini.

Baru-baru ini kita telah pun memperlihatkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM3 juta kepada 14 buah sekolah persendirian tinggi di Sarawak. Bagi saya, saya memang mengalu-alukan usaha pihak Kerajaan Negeri Sarawak dalam perkara ini. Saya rasa sebagai Kerajaan Pusat atau pun kerajaan negeri juga haruslah mengikut langkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Sarawak di mana kita pastikan setiap sekolah kita tidak kira apa-apa aliran dan kita perlu pastikan setiap sekolah ini mendapat peruntukan mencukupi agar sekolah-sekolah ini dapat menghasilkan pelajar-pelajar kita yang bakal menjadi pemimpin masa harapan negara kita.

Isu pendidikan ada satu lagi perkara yang berada di kawasan saya, saya cuma ingin membangkitkan di Dewan ini bahawa saya telah pun menerima pertanyaan ataupun aduan daripada seorang ibu bapa dari sekolah jenis kebangsaan Cina, beliau menolong anaknya memohon kepada Sekolah Menengah KGV, Seremban tetapi permohonannya tidak berjaya dan pada masa yang sama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah pun memberi maklum balas bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan tidak membuka permohonan sekolah kawalan dan kelas kawalan kepada SJK(C) dan juga SJK(T). Jadi dalam perkara ini saya ingin memohon penjelasan daripada Kementerian Pendidikan.

■1940

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah *flat* juga merupakan salah satu masalah yang sering dihadapi oleh wakil rakyat. Bagi ADUN di bawah Parlimen Rasah, sebenarnya telah pun membangkitkan isu-isu *flat* di dalam Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan bahawa pengurusan *flat* ini sepatutnya diuruskan oleh jawatankuasa mereka. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini khususnya kepada kementerian yang berkaitan, jikalau jawatankuasa *flat* tersebut tidak berfungsi lagi dan pada masa yang sama, jawatankuasa *flat* tersebut tidak mempunyai peruntukan untuk memperbaiki infrastruktur dan adanya bangunan-bangunan *flat* di mana strukturnya tidak begitu selamat lagi. Saya cuma ingin bertanya kepada pihak

kerajaan, ada atau tidak, apa-apa peruntukan khas untuk membantu penduduk-penduduk yang tinggal di dalam bangunan *flat* ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga memperlihatkan baru-baru ini harga getah dan harga kelapa sawit cukup rendah. Kita memang amat berharap pihak kerajaan boleh melakukan sesuatu untuk memastikan penoreh-penoreh getah dan juga pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit dan juga pekerja-pekerja di ladang kelapa sawit ini dapat—pengusaha kelapa sawit ini dia dapat dilindungi oleh pihak kerajaan dan memastikan mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi agar kehidupan mereka dapat dijamin. Salah satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah boleh gulung.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Okey, yang akhir sekali salah satu masalah alam sekitar di kawasan Seremban iaitu masalah yang sama iaitu pusat kualiti alam yang mengendalikan sisa pepejal berjadual. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya rakyat yang tinggal di Seremban dan juga di Sendayan amat bimbang terhadap kadar pencemaran disebabkan oleh kilang tersebut. Saya harap pihak kerajaan boleh mengambil kira perasaan keselamatan dan juga kesihatan penduduk-penduduk di Seremban agar kilang ini dapat dihentikan operasinya seperti yang telah dijanjikan iaitu pada bulan Februari 2015.

Akhir sekali saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua, jadi sebenarnya anak saya yang baharu dilahirkan pada dua minggu yang lepas masih berada di dalam ICU. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada seluruh kakitangan di Hospital Tuanku Jaafar khususnya hospital wanita dan kanak-kanak bagi mereka yang telah bertungkus-lumus untuk menyelamatkan anak saya. *[Tepuk]* Anak saya sebenarnya masih berada di dalam ICU sebab itu tadi saya minta slot untuk berucap lebih awal. Hari ini sudah masuk minggu kedua anak saya masih berada di hospital. Jadi dengan kata-kata ini, sekian terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kangar.

7.44 mlm.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2015. Berteraskan tema Bajet 2015 'Ekonomi Keperluan Rakyat' yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober yang lalu, saya amat tertarik untuk memfokus perbahasan saya kepada isu-isu yang menjadi tumpuan rakyat. Sudah menjadi lumrah manusia yang tidak sempurna ini, keperluan sering kali dihimpit oleh kehendak kerana itulah kita sering kali mendengar rintihan ketidakpuasan hati, rungutan dan keluh-kesah yang hanya menyalahkan sebelah pihak sahaja tanpa merenung sejenak apakah sebenarnya keperluan kita.

Tuan Yang di-Pertua, fokus saya tertumpu kepada beberapa perkara pokok yang pada dasarnya tertumpu pada isu-isu yang menyejahterakan rakyat. Golongan petani,

nelayan, peniaga kecil dan belia di Perlis khasnya ialah golongan-golongan yang memacu ekonomi negeri Perlis. Justeru itu, kelibat mereka tidak harus dipandang mudah meskipun kita ingin menumpukan kepada projek-projek dan program-program yang berimpak tinggi ke arah negara maju 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bicara tentang isu perumahan di Perlis bukanlah sesuatu yang luar biasa, bahkan saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang tidak pernah berhenti memikirkan pelbagai insentif perumahan kepada rakyatnya. Kerajaan yang prihatin ini telah mengubah pelbagai skim perumahan untuk segenap lapisan masyarakat. Kita ada PR1MA, Projek Perumahan Rakyat (PPR), program MyHome, Rumah Mesra Rakyat, Skim Rumah Pertamaku dan juga terkini Rumah Transit kepada golongan yang baru mendirikan rumah tangga yang menetap di ibu negara. Di Perlis sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan 10,000 unit rumah PR1MA dalam tempoh lima tahun. Warga Kangar amat berbesar hati dengan perkhabaran ini. Namun begitu, persoalan saya ialah setakat ini bilakah projek perumahan di Padang Siding, Padang Besar dan Kubang Gajah dijangka siap dan berapa ramaikah warga Perlis mampu menikmati rumah yang bakal disediakan?

Selain daripada itu, saya juga berbesar hati dan berharap agar pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan pembinaan program perumahan rakyat ataupun PPR yang bertingkat untuk dibina di bandar Kangar. Semua sedia maklum Perlis tidaklah besar mana dan tidaklah mempunyai tanah yang banyak untuk didirikan perumahan terutamanya di Kangar. Namun begitu, penduduk di bandar Kangar bertambah dari tahun ke tahun. Bukan sahaja penduduk asal bahkan golongan penuntut-penuntut dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) juga perlu berkongsi blok kediaman PPR dengan penduduk yang lain.

Hal ini sedikit sebanyak merunsingkan golongan sederhana dan bawahan khasnya para belia yang baharu mendirikan rumah tangga, yang baharu bekerja yang hanya mampu menyewa atau membeli rumah pada kadar yang rendah seperti yang ditawarkan melalui PPR. Saya amat berharap dengan adanya pembinaan unit PPR bertingkat yang baharu dan khusus buat rakyat atau penduduk negeri Perlis mampu menyelesaikan isu perumahan di Bandar Kangar. Bukanlah kita menidakkan kebajikan golongan penuntut ini, namun saya amat menekankan agar PPR yang dibina tidak lari daripada sasaran dan tujuan asal untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pinjaman perumahan juga sering kali menjadi isu. Rata-rata golongan petani, nelayan dan peniaga kecil di negeri ini mengalami kesukaran untuk membuat pinjaman perumahan. Justeru, saya amat berharap agar satu kaedah atau skim pinjaman perumahan yang khusus untuk golongan ini yang rata-rata berkongsi satu masalah yang sama iaitu masalah dokumentasi. Dengan adanya kelonggaran kepada golongan ini, diharap permasalahan ini tidak lagi membelenggu golongan berkenaan untuk memiliki rumah sendiri melalui projek perumahan kos rendah khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Bajet 2015 juga, sejumlah RM6 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jumlah ini semestinya mampu memberi manfaat kepada golongan sasaran dan sekali gus mampu merencanakan

lagi aktiviti pertanian negara dan seterusnya mampu memperkukuh rantaian bekalan makanan negara menerusi strategi ketujuh iaitu menyejahterakan rakyat.

■1950

Pelbagai insentif telah digariskan bagi membantu kira-kira 12% golongan petani berdasarkan laporan guna tenaga mengikut industri di Malaysia setakat suku kedua tahun 2014. Di sini, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat hari ini berapakah jumlah subsidi padi yang telah diberikan kepada golongan petani di negeri Perlis khususnya? Apakah bentuk bantuan lain yang turut diberikan terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini dan juga masalah makhluk perosak yang semakin meningkat? Menerusi peruntukan Bajet 2015 juga, insentif kepada golongan nelayan juga tidak dilupakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bantuan dan kenaikan elaun para nelayan saranan bagi mempergiatkan aktiviti *ecoculture* menerusi ternakan ikan dalam sangkar sedikit sebanyak akan menjadi alternatif kepada golongan nelayan yang turut terdedah kepada risiko tidak ketentuan cuaca. Semoga peruntukan sebanyak RM60 juta ini mampu memanfaatkan golongan nelayan di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah berpeluang untuk melawat kawasan industri di Kuala Perlis yang bak projek gajah putih yang merosakkan pemandangan indah di sekitar Bandar Kuala Perlis. Amat mendukacitakan sekali kawasan perindustrian berbentuk strategik, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Ada bangunan tiada penghuninya, ada kemudahan tiada penerima manfaat. Jadi, saya amat berharap agar pihak-pihak yang terbabit seperti kerajaan negeri, MITI dan pihak-pihak yang lain untuk mengambil tindakan bagi menarik pelabur atau membangunkan kawasan industri yang telah tersedia segala kemudahannya. Begitu juga dengan lot-lot PKS yang ada di kawasan industri Kuala Perlis yang mana kawasan tersebut hanya satu kilometer dari jeti ke Langkawi dan hanya beberapa ratus meter sahaja berhampiran dengan lebuh raya dari Changlun ke Kuala Perlis. Jadi segala kemudahan telah tersedia, mohon supaya kegiatan industri dan juga perniagaan dibangunkan di kawasan industri tersebut.

Oleh yang demikian, apabila mendengar pengumuman bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan peruntukan UTC di negeri Perlis, jadi saya merasakan kawasan perindustrian inilah yang amat sesuai dibangunkan. Dengan kemudahan yang sedia ada supaya dijadikan tarikan ke Kuala Perlis yang mana telah menjadi tumpuan kira-kira tiga juta pelancong untuk ke Pulau Langkawi.

Selain daripada itu, dengan hidupnya kawasan industri tersebut, para peniaga yang berada di sekitar lebuh raya di sekitar Kuala Perlis yang menjalankan perniagaan di sekitar lebuh raya yang mana bahaya boleh datang tiba-tiba, bila-bila masa, jadi adalah elok sekiranya peniaga-peniaga tersebut dipindahkan ke kawasan UTC yang mana dicadangkan di kawasan industri Kuala Perlis. Di samping itu juga, ia akan mampu menarik minat pelancong yang selama ini menjadikan negeri Perlis sebagai transit untuk ke Pulau Langkawi semata-mata. Saya percaya jika pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat dimasukkan sebagai satu komponen di dalam UTC maka negeri ini akan menerima lebih ramai pelancong dan sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Pemeliharaan kawasan

industri, penempatan, usahawan dan peniaga sekali gus akan membawa kepada kemasukan para pelabur dan kita semua akan mendapat manfaat daripadanya, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara ataupun NCER yang turut melibatkan negeri Perlis. Apakah kesinambungan daripada NCER ini? Berdasarkan pemerhatian ianya masih belum membawa apa-apa kesan positif kepada warga polis melalui NCER ini. Persoalan saya, apakah perancangan pihak yang berkenaan untuk membangunkan projek-projek di bawah NCER yang melibatkan negeri Perlis. Pembangunan tersebut perlulah menyeluruh dan sepatutnya memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu yang tidak pernah suram di negara kita iaitu isu minyak yang rata-rata membuat semua orang pening kepala. Akan tetapi bagi saya isu ini bukanlah isu yang boleh diselesaikan sehari dua ataupun dengan meletakkan kesalahan di bahu satu pihak semata-mata. Jadi, wajarlah kita jika dapat menyarankan kaedah alternatif yang lain seperti menggalakkan penggunaan NGV, mungkin salah satu daripadanya. Difahamkan penggunaan NGV adalah sangat menjimatkan. Persoalan saya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah bilangan seksyen NGV dan seterusnya memberi insentif subsidi untuk rakyat yang ingin beralih dari penggunaan petrol ke NGV. Mungkin inilah masanya dana-sana penyelidikan mampu digunakan untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjalankan pendidikan.

Jadi, keupayaan kita menjalankan pendidikan mungkin boleh digunakan untuk menyejahterakan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sekian daripada saya, Kangar mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

7.57 mlm.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim, alhamdulillahirabbil alamin, wassolatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwalmursalin, wa'ala alihi wasahbihi ajmain.*

Tuan Yang di-Pertua, orang yang budiman;

Terima kasih peluang yang diberikan;

Bajet 2015 perlu dibahaskan;

Menambah pandangan untuk kebaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan dengan sepotong ayat yang menjadi asas perkataan yang sangat disukai dan suka diulangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu perkataan 'wasatiyyah'. Allah SWT berfirman dalam ayat 143 surah *al-Baqarah*. [Membaca sepotong ayat *al-Quran*] "Dan demikianlah sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus, kami menjadikan kamu wahai umat Muhammad sebagai satu umat yang pertengahan iaitu umat pilihan dan umat yang sentiasa berlaku adil. Supaya kamu layak menjadi saksi, yakni orang yang memberi keterangan kepada manusia tentang yang benar dan salah dan

Rasullah juga boleh menjadi saksi, yang ini orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

Saya ingin fokuskan perbahasan ini hanya kepada dua isu utama, yang pertama berkaitan dengan pengagihan kekayaan negara secara adil. Ramai rakan-rakan Yang Berhormat yang telah memperkatakan perkara ini, bukan sahaja yang datang dari Kelantan tidak terkecuali Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Malaysia Timur kerana kita tahu berlaku pembangunan yang tidak sekata di antara negeri-negeri ini. Bajet 2015 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang bertemakan '*Ekonomi Keperluan Rakyat*' dalam strategik pertama iaitu memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Tindakan yang keempat, memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif. Cuma apa yang saya amati dalam pembentangan bajet yang telah dibuat pada 10 Oktober yang lepas, nampaknya sekali lagi negeri Kelantan seolah-olah dipinggirkan.

■2000

Walaupun sudah menjadi tanggungjawab bersama untuk membangunkan negara ini yang diasaskan dengan gabungan negeri-negeri yang ada, tidak wujud Malaysia tanpa negeri-negeri yang sudah memberikan "*walak*" untuk bersama dalam persekutuan ini. Saya merasakan Yang Amat Berhormat Pekan juga tidak berbangga jika ada negeri di Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin dan ketinggalan. Oleh itu, Putrajaya sudah tentu merasa sedih jika Kelantan masih ketinggalan dan sepatutnya ada agenda yang digariskan untuk mengeluarkan negeri itu dan negeri-negeri yang senasib dengannya untuk melepasi garis kemiskinan ini.

Ironinya, negeri-negeri yang disifatkan ketinggalan ini adalah antara negeri yang mempunyai hasil bumi yang agak banyak dan kaya seperti petroleum dan gas. Namun, seolah-olah ia hanya menjadi pembekal kekayaan negara walhal rakyatnya sendiri tidak dapat menikmati kemanisan hasilnya. Umpama lilin yang menyinarkan cahaya walaupun terpaksa membakar dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagaimana hasil yang diperah daripada semua, begitulah sepatutnya kemudahan yang diagih perlu merata. Jika dikait dengan perjuangan kaum dan bumiputera misalnya, sebagaimana yang disebut dalam ucapan bajet strategi yang keempat, memperkasa agenda bumiputera – Kelantan sepatutnya menjadi tumpuan perjuangan UMNO dan BN secara khususnya untuk dibantu. Ini kerana 95% rakyatnya ialah Melayu bumiputera. Namun oleh sebab perjuangan itu hanyalah boleh jadi kata-kata manis di bibir sahaja, begitulah nasib rakyat Kelantan yang telah menyatakan pilihan mereka dengan menolak BN sejak 24 tahun yang dahulu, lalu jadilah mereka bangsa buli terbesar.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam kes tuntutan royalti 5% hasil minyak dan gas yang ada di perairan Kelantan, setiap kali diajukan masalah ini pelbagai alasan yang pihak Kerajaan Persekutuan berikan. Walaupun semua tahu perjanjian yang di materai antara kerajaan negeri dan Petronas amat jelas. Ayat yang digunakan juga agak ringkas dan nyata. Saksi pun masih lagi hidup. Ingatlah sebenarnya setiap perjanjian adalah untuk diikuti bukan untuk dimungkir. Misalnya dalam buku Anggaran Bajet 2015, dalam muka surat 115 dinyatakan bahawa daripada pendapatan negara daripada operasi petroleum, royalti petroleum yang akan diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM758 juta.

Akan tetapi kenapa ia hanya masuk ke dalam kantung Kerajaan Persekutuan, tidak dibahagikan dua dengan Kerajaan Negeri Kelantan walaupun operasi itu berlaku di perairan Kelantan? Walaupun boleh jadi alasannya dikatakan bahawa itu adalah kawasan JDA tetapi bukankah JDA hanya wujud kerana adanya Kelantan? Jika tidak ada negeri Kelantan, tidak juga wujud kawasan JDA di perairan itu.

Kerajaan Negeri Kelantan tidak layak, misalnya alasan-alasan yang diberikan, Kerajaan Negeri Kelantan tidak layak menerimanya kerana kawasan pelantar terletak di luar perairan negeri yang hanya berjarak tiga batu nautika. Soalnya, bolehkah kerajaan jelaskan secara jujur, negeri-negeri yang telah menerima royalti, misalnya Terengganu, Sabah dan Sarawak. Berapakah jumlah telaga-telaga minyak mereka yang terletak di dalam jarak tiga batu nautika? Atau alasan ini hanya terpakai untuk negeri Kelantan sahaja? Tiga batu nautika ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh pihak kerajaan adalah termaktub dalam Akta Ordinan Darurat 1969.

Sefahaman saya, bukankah itu ialah sempadan pertahanan dan penguatkuasaan undang-undang keselamatan? Bukannya sempadan ekonomi. Dan yang lebih pelik adakah ia masih lagi terpakai sekarang ini setelah akta itu dimansuhkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2011? Atau memang kerajaan sangat suka menggunakan akta-akta lapuk seumpama ini untuk menjustifikasikan tindakan yang menguntungkan mereka semata-mata. Yang lebih melucukan Tuan Yang di-Pertua, pada masa Kerajaan Pusat menafikan hak royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan, diumumkan pula bahawa Kerajaan Persekutuan akan meneruskan pembahagian wang ihsan.

Misalnya, perkara ini telah diperbaharui dalam kempen Pilihan Raya Kecil N.01 Pengkalan Kubor yang lepas. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri yang mengatakan perkara ini. Kerajaan Persekutuan sekali lagi mengatakan bahawa mulai tahun 2015, wang ihsan itu akan diberikan tetapi tidak melalui akaun kerajaan negeri, namun ianya dibayar kepada Majlis Agama Islam Kelantan dan juga melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP).

Sebenarnya apa yang dikatakan oleh wang ihsan ini bukan perkara baru. Ia telah pun diagihkan sejak tahun 2010 lagi. Saya tidak pasti adakah ia termasuk dalam akaun atau wang yang diaudit ataupun tidak. Ini kerana kita pun tidak tahu ke mana ia dibelanjakan dan apakah yang telah dilakukan dengan wang yang telah diberikan ini. Beberapa persoalan yang mesti dijelaskan berkaitan wang ihsan ini antaranya ialah atas dasar apakah wang itu diagihkan? Adakah ia hasil daripada aktiviti gas dan petrol di perairan Kelantan atau ia ialah wang lain yang tidak ada kaitan dengan operasi ini.

Dalam Bajet 2015, bolehkah kerajaan nyatakan dengan janji yang dinyatakan di Pengkalan Kubor, tahun 2015 nanti akan diberikan kepada MAIP dan JPP. Dalam Bajet 2015 ini, di bawah Kepala manakah ia diperuntukkan dan berapa pula jumlah yang akan diberikan kepada dua agensi ini? Bagi saya jika benar rakyat Kelantan hendak ditolong, kerajaan boleh memikirkan beberapa tindakan.

Jika benar sekalipun royalti itu tidak mahu diberikan kerana saya rasa bukan soal layak atau tidak Kerajaan Kelantan menerimanya tetapi mahu atau tidak Kerajaan Pusat tunaikan janjinya. Antaranya kerajaan boleh mewujudkan peluang pekerjaan pada ribuan

rakyat Kelantan dan luar Kelantan dengan melakukan pendaratan gas dan petrol ini di tanah dan bumi Kelantan. Bukan sahaja dalam bidang *oil and gas*, dengan izin, tetapi pelbagai peluang lain juga akan muncul dengan adanya bandar baru yang pasti akan wujud ketika itu.

Akan tetapi kenapa perkara ini tidak berlaku? Kenapa kerajaan memilih untuk melencongkannya ke Gurun, Kedah? Melencong pula ikut jalan yang agak jauh, terpaksa memasuki negara jiran Thailand melalui Songkhla. Adakah ini tindakan yang bijak? Menjimatkan sebagaimana yang selalu kerajaan tekankan? Kenapa tidak dipilih saja Tok Bali, Bachok ataupun Tumpat dengan jarak hanya 140 kilometer berbanding 227 kilometer jika ke Songkhla ataupun 330 kilometer jika ke Kerteh, Terengganu?

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz, Menteri Besar pada tahun 2011 ketika itu telah mengutus sepucuk surat kepada Perdana Menteri mencadangkan pendaratan gas ini dari blok PM301 pada 29 November 2011 tetapi sehingga ke hari ini masih belum menerima jawapan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Amat malang.

Tuan Yang di-Pertua, yang lainnya ialah penggunaan NGV. Kalau betul kerajaan ingin mengurangkan beban rakyat, kenapa tidak diperluaskan penggunaan NGV ke seluruh negara? Yang saya ingat kosnya juga lebih murah dan menjimatkan, khususnya di negeri-negeri yang menjadi pengeluar gas. Akan tetapi sebaliknya berlaku. Segala kemudahan dilonggokkan ke tempat yang sudah sedia banyak. Hanya satu stesen NGV di Kelantan dan begitulah juga di Terengganu. Yang ada banyak stesen ini adalah di Kuala Lumpur dan saya tidak pasti berapa banyak yang ada di Sabah dan Sarawak.

Orang lain yang boleh menikmati kemudahan yang diambil dari tempat yang lain. Sama juga dengan kemudahan asas yang lain. Ketika rakyat dipaksa menerima alasan rasionalisasi subsidi, semua rakyat di semua negeri kena. Akan tetapi semasa pengagihan kemudahan pengangkutan awam misalnya, hanya tempat-tempat terpilih yang dapat.

■2010

Kami hendak dapat lebuhraya di Kelantan pun bukan main liat. Tidak termasuk lagi pelabuhan dan *airport* yang lebih sesuai yang sepatutnya dibina. Saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan Persekutuan juga memikirkan untuk melepaskan hasrat perkhidmatan kereta api laju ke Pantai Timur termasuk ke negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah yang berkaitan dengan Islam fobia. Sebagaimana yang kita tahu kita banyak didedahkan dengan isu antarabangsa yang sedikit sebanyak mempengaruhi isu-isu tempatan khususnya berkaitan dengan agama Islam. Di sana timbulnya pelbagai golongan misalnya ISIS, ISIL, pada masa yang sama juga ada penganas Yahudi dan golongan-golongan yang melakukan kezaliman yang sangat dahsyat yang tidak kurang ganasnya. Akan tetapi biasanya nasib malang itu hanya terkena kepada agama Islam sahaja. Tidak ramai yang misalnya berani untuk memperkatakan bahawa Amerika itu juga adalah sebuah negara penganas.

Apa yang saya ingin tekankan ialah imej Islam yang telah disalah gambarkan. Dilihat ganas, tidak mesra dan lain-lain gambaran negatif hanya dengan perbuatan segelintir pihak yang tidak mewakili Islam pun. Sedangkan semua kita tahu bahawa Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Tidak kami*

utuskan kamu wahai Muhammad melainkan untuk melebar luaskan rahmat kasih sayang kasihan belas ke seluruh alam”.

Juga penyebar kasih sayang untuk semua makhluk. Bukan sahaja manusia, tumbuhan, binatang termasuklah anjing. Semuanya adalah di bawah rahmat agama Allah SWT. Tidak ada paksaan untuk penganut agama lain untuk menerima Islam sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam ayat 256 Surah Al-Baqarah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Tidak ada paksaan di dalam agama kerana yang betul itu sememangnya telah jelas dan dapat dibezakan daripada keburukan*”. Begitulah juga telah ditegaskan dalam ayat 21...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Kubang Kerian minta laluan.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Sekejap habiskan ayat. Ayat 21 dan 22 Surah Ghasyiah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Maka berikanlah peringatan sesungguhnya kerja kamu adalah untuk memberikan peringatan. Kamu sekali-kali tidak boleh memaksa orang lain untuk menerima apa kamu sampaikan*”.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Atas konsep *Laa Ikraha Fiddin* tadi, maka kalau nanti cadangan Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah 2. Sudah pasti ia tidak akan memaksa kaum ataupun penganut agama lain untuk dilibatkan dengan hukuman tersebut. Mereka diberi pilihan sebagaimana juga dalam konsep perbankan Islam dalam negara kita. Walaupun dulu kalau sebut perbankan Islam mungkin ramai membantah.

Akan tetapi sekarang ini kita melihat dan kita tidak sangka ada Hong Leong Islamic Bank yang barangkali sudah melihat keperluan terhadap perbankan Islam dalam konteks masyarakat majmuk kita di Malaysia ini. Saya hendak sebutkan bahawa kalau nanti dilaksanakan ia tidak akan melibatkan golongan lain dan tidak akan memaksa mereka untuk terlibat dengan hukuman tersebut dan mereka diberi pilihan. Adakah benar sebagaimana fahaman saya, Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok dan masukkan ia sebahagian daripada ucapan saya. Saya berpandangan bahawa ramai orang yang boleh jadi monolog ataupun tidak bersetuju dengan hukuman itu sebagaimana yang disebut dalam pepatah Arab, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] “*Biasanya manusia itu menjadi musuh pada sesuatu yang dia tidak faham, yang dia tidak tahu*”. Dengan penerangan yang lebih baik, dengan perbincangan, dengan forum dan seumpamanya saya merasakan perkara ini dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya ingin teruskan berkaitan dengan tidak ada paksaan di dalam agama Islam. Apa yang ada adalah pemberitahuan tentang kebaikan yang ada dalam Islam yang saya rasa tidak akan mengancam sesiapa pun rakyat Malaysia. Semua berhak untuk mendengar dan memilih yang terbaik tanpa dipaksa. Saya berharap pihak JAKIM dan pihak yang berwajib dalam perkembangan Islam di Malaysia dapat melakukan sesuatu yang lebih baik untuk menjaga keharmonian dan dalam penyampaian yang berkaitan dengan agama ini.

Cuma dalam usaha membasmi salah faham ini kadang-kadang ada tindakan pihak kerajaan yang amat merugikan Islam dan perkembangannya. Apa yang saya maksudkan ialah misalnya dalam kita menangani masalah pengganas tuduhan-tuduhan pengganas, pelampau yang diberikan kadang-kadang sangat semberono, terlalu umum dan banyak yang tersalah, banyak yang tersasar lalu kesannya pula sangat menyedihkan.

Saya mengharapkan pihak kerajaan tidak mengulangi kesilapan besar yang dibuat pada tahun 2002 yang lepas. Pada 25 Oktober 2002 merupakan satu malapetaka yang melanda pendidikan agama di Malaysia ini. Akibat dituduh sarang pengganas secara borong, banyak sekolah agama yang menjadi mangsa. Bantuan per kapita yang sebelumnya diterima sebagai peruntukan untuk membantu operasi pendidikan yang terbukti banyak membantu negara telah dinafikan sehinggalah sekarang. Bukannya banyak pun Tuan Yang di-Pertua, hanya 30 sen sehari untuk seorang pelajar. Itu pun masih lagi belum diberikan sampai sekarang ini. Dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bukan sahaja menilai dan melihat kepentingan pendidikan bermula dari pra sekolah, Permata dan seumpamanya, saya mengharapkan perkara ini dapat dikaji semula dan bantuan asas itu dikembalikan kerana ia juga adalah sebahagian sistem pendidikan yang membantu negara membekalkan modal insan yang sangat berguna kepada negara kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin memberikan sokongan dengan apa yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam perkara yang berkaitan dengan percetakan al-Quran al-Karim yang berpusat di Putrajaya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat Kubang Kerian boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya ingat masa pun sudah cukup sudah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sudah cukup? Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit panjang. Kena berlaku adil pada orang lain.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, jadi tidak boleh ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey, terima kasih. Saya tertarik dengan isu yang berkaitan untuk pembinaan modal insan. Kita dapati satu kajian dibuat dalam negara kita hanya 20% sahaja pelajar-pelajar sekolah yang betul-betul patuh kepada peraturan contohnya waktu solat cukup sembahyang lima kali sehari. Jadi kita tengok banyak kelompangan di sini, ketidakpatuhan kepada syariat agama. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang sistem pendidikan negara kita untuk masa depan yang lebih baik untuk rakyat negara kita?

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih. Masukkan pertanyaan itu ke dalam ucapan saya kerana masanya tidak mengizinkan. Saya cuma ingin mencadangkan dua perkara Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha percetakan ini kita tahu bahawa al-Quran itu ada fungsi yang sangat besar dan jelas khususnya pada umat

Islam. Ia perlu dibaca, ia perlu difahami dan ia perlu diikuti. Jadi untuk melaksanakan perkara ini saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan bukan sahaja mencetak nas Al-Quran itu tetapi kalau boleh mencetak tafsir dan juga terjemahan al-Quran dalam pelbagai bahasa kepada semua penduduk di Malaysia. Juga boleh diberikan secara percuma dan dibekalkan ke tempat-tempat yang sepatutnya.

Dengan alasan dan juga minat yang begitu mendalam tentang al-Quran ini saya juga ingin mencadangkan apakah salahnya jika pihak Parlimen juga boleh memasukkan setiap nas al-Quran yang dibacakan oleh setiap Ahli Yang Berhormat ke dalam *Hansard* secara nas dalam bahasa Arabnya kerana ia lebih bermanfaat untuk dirujuk selepas daripada itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Sibuti.

8.19 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera salam 1Malaya [Disampuk] 1Malaysia. Hendak cepat ini, hendak cepat.

■2020

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan bajet ekonomi keperluan rakyat untuk Bajet 2015 ini telah membawa harapan kita terutama sekali kawasan luar bandar. Seperti di kawasan saya, sebuah Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC Parlimen Sibuti telah pun hampir seratus peratus siap dan dijangka akan bermula beroperasi tidak lama lagi. Ucapan ini juga rakyat Sibuti kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan semua pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas pelaksanaan projek RTC yang pertama di negeri Sarawak. Adalah menjadi harapan besar rakyat Sibuti agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang akan turun merasmikan projek RTC yang terhasil daripada cetusan idea beliau untuk melihat sebuah pusat yang menyediakan perkhidmatan bersepadu kepada masyarakat di luar bandar.

Saya amat berpuas hati dengan pelaksanaan RTC Sarawak ini dan dalam masa yang sama, saya berharap agar lebih banyak kaunter kerajaan dibuka di RTC kelak. Saya berterima kasih kepada Agrobank yang akan membuka perkhidmatan bank pertama di Pekan Bekenu. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan, LKIM, Jabatan Buruh serta KEMAS yang merupakan agensi terawal akan memulakan operasi di RTC Sibuti.

Saya juga amat mengalu-alukan lebih banyak lagi agensi turut terlibat di RTC ini terutama agensi dari Kementerian Belia dan Sukan supaya RTC ini dapat menjadi pusat aktiviti belia luar bandar. Selain itu, pihak JPJ, MARA, TEKUN, FAMA dan agensi-agensi lain yang dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat di kaunter-kaunter yang disediakan. *Alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana telah berani dalam meluluskan cadangan untuk

menaikkan royalti minyak daripada 5% kepada 20% yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Kita juga mengharapkan bahawa 20% ini bukanlah dalam bentuk kewangan sahaja tetapi ia juga daripada tenaga rakyat, tenaga daripada doktor-doktor di hospital, guru-guru di sekolah, jalan-jalan raya dan lain-lain yang akan dilaksanakan di negeri Sarawak. Terima kasih kita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah bersetuju dan akan mempertimbangkan permohonan 20% ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai sekolah. Kita mengalu-alukan pengumuman sebanyak RM56 bilion peruntukan bagi keperluan pendidikan negara dalam Bajet 2015. Akan tetapi, apa yang diharapkan oleh saya dan majoriti rakyat di luar bandar terutama di Sarawak dan Sabah adalah peruntukan bajet yang terbesar ini dapat sampai dan dinikmati oleh pelajar-pelajar kita dan guru-guru di sekolah di luar bandar.

Saya ingin membangkitkan perkara berkaitan bangunan sekolah-sekolah yang masih dalam kedaifan. Banyak terdapat di pedalaman negeri Sarawak seperti yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan kita. Jurang perbezaan kemudahan sekolah luar bandar dan bandar terlalu besar bezanya. Dengan Bajet 2015, diharapkan dapat pihak kerajaan mampu untuk merapatkan jurang tersebut.

Saya juga berharap agar sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Sibuti seperti SK Kelapa Sawit (2), SK Sepupuk, SK Rumah Mentali, SK Satap dan banyak lagi diberikan peruntukan sewajarnya untuk menaik taraf keadaan sekolah atau dibina baru. Cadangan ini sudah berulang kali saya sebut di dalam Dewan ini.

Saya juga mempunyai cadangan supaya diwujudkan peruntukan untuk menganjurkan *Town Hall Talk* antara Pegawai Pendidikan Daerah dan wakil ibu bapa setiap sekolah untuk berbincang mengenai keperluan dan pembangunan sekolah sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara dan rakyat ialah perkara yang amat penting dan menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan. Isu keselamatan merupakan isu yang sangat dekat pada minda rakyat pada masa kini tidak kira di bandar ataupun di kawasan luar bandar. Dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan RM393 juta bagi meningkatkan kecekapan operasi serta pembelian tujuh buah kapal peronda baru bagi tujuan meningkatkan keselamatan maritim.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan, selain daripada kita meningkatkan pertahanan di kawasan ESSCOM, Lahad Datu, Sabah, saya merayu kepada kerajaan juga agar menambah kapal-kapal peronda di perairan Selat Melaka serta perairan Laut China Selatan yang luas di perairan Sarawak memandangkan terdapat insiden pencerobohan kapal-kapal perang dari luar negara. Keadaan ini menunjukkan Sarawak dan Sabah amat terdedah dengan ancaman dari perairan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesempatan berbahas ini, saya juga ingin membawa isu daripada rakyat Sarawak di mana di kawasan Miri, semakin banyak berlaku kemasukan haram masyarakat warga Sulu ke Bandar raya Miri melalui perairan Laut China Selatan. Perkara ini telah menimbulkan kerisauan kerana kemasukan warga Sulu ini telah mewujudkan penempatan setinggan di tepi-tepi sungai dan tepi pantai.

Melalui sumber maklumat yang diperolehi, warga Sulu ini juga berani melakukan kegiatan penangkapan ikan melalui cara pengeboman dan menimbulkan rasa tidak puas hati nelayan tempatan. Warga Sulu yang berjaya meloloskan diri masuk ke Bandar raya Miri dipercayai masuk melalui perairan pantai dan adalah wajar jumlah rondaan ditambah bagi tujuan ini kerana kami takut dan tidak mahu tragedi Lahad Datu berlaku di perairan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan bagi pembinaan balai dan pejabat polis baru di bawah peruntukan RM9.1 bilion kepada pihak PDRM, saya berharap agar pembinaan balai polis baru di kawasan Parlimen Sibuti, Lambir, seperti bina semula pejabat polis di Pekan Bekenu yang dijangka akan menjadi pejabat polis daerah apabila Sibuti nanti menjadi daerah penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh kemajuan luar bandar di mana peruntukan RM4.5 bilion untuk Sabah dan Sarawak. Isu berkenaan pembangunan luar bandar amat dekat di hati para wakil rakyat terutama sekali yang datang dari Sarawak dan Sabah. Dalam perbahasan rakan-rakan Parlimen dari Sabah juga telah membangkitkan perkara yang sama.

■2030

Sekali lagi saya melihat Kerajaan Pusat sangat memberi komitmen dan prihatin untuk pembangunan luar bandar. Kita juga perlu sedar bahawa jurang antara luar bandar Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah masih jauh berbeza di mana sudah banyak jalan-jalan kampung berturap di kampung Semenanjung Malaysia. Manakala jalan-jalan di kampung dan di rumah panjang masih lagi berbatu kelikir.

Jika kita melihat respons-respons rakyat di *Facebook* atau *Twitter* banyak gambar-gambar kedaifan luar bandar Sabah dan Sarawak dimuat naik dan menjadi bahan ejekan kepada pihak kerajaan. Walaupun demikian kita sedar bahawa keluasan Sabah, Sarawak amat besar tetapi kerajaan sentiasa memberi bantuan dan sokongan. Kadang-kadang saya juga rasa terkilan oleh kerana kedaifan kawasan di Sarawak telah menjadi ejekan warga Semenanjung di laman *Facebook* sehingga wujud sentimen berbaur perkauman dan penindasan. Perkara seperti ini mampu menggugat perpaduan negara dan saya juga merasa bahawa atas sebab itulah walaupun kumpulan pemisah dan apa yang saya mahu ialah pihak kerajaan memperbetulkan keadaan ini dengan sebaiknya seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa peruntukan RM45 bilion mungkin belum mencukupi tetapi dengan jumlah yang ada saya memohon kepada pihak kerajaan agar mempercepatkan pembinaan loji-loji bekalan air bersih serta projek-projek bekalan elektrik luar bandar dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM23.3 bilion telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan bagi kesihatan rakyat. Saya melihat peningkatan bajet berbanding dari tahun lepas banyak juga peruntukan ini diberi kepada penambahan sistem pengurusan kesihatan seperti menambah bilangan doktor-doktor di Klinik 1Malaysia.

Saya berharap agar bagi Klinik 1Malaysia di Parlimen Sibuti dapat menempatkan seorang doktor di sana. Saya juga berharap tempat hemodialisis bagi kawasan Sibuti yang telah dijanjikan. Untuk menempatkan di klinik yang sekarang tidak dapat dinaik taraf bolehlah

menyewa bangunan-bangunan kedai yang sudah siap untuk menempatkan dialisis di kawasan Sibuti.

Selain itu juga saya merasakan agar pihak kerajaan haruslah lebih kerap mengadakan kempen kesihatan dengan memperkenalkan cara pemakanan sihat kepada rakyat. Promosi melalui media sosial yang dilihat sangat efektif haruslah digunakan. Selain itu, peruntukan besar kepada Kementerian Kesihatan juga boleh digunakan untuk mengambil pelatih-pelatih senaman dan pengamal diet untuk ditugaskan menerangkan dan berkempen untuk menjalani cara hidup sihat di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih berharap pihak kerajaan masih serius memerangi dadah dan meletakkan dadah sebagai musuh utama negara. Teknologi perubatan dadah semakin berkembang maju. Jenis-jenis dadah juga bertambah dalam negara dan dikatakan dadah-dadah sintetik ini dapat diproses dalam negara. Maka, adalah wajar kita sedikit peruntukan bagi Bajet 2015 ini diguna dalam menjalankan kempen-kempen antidadah.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman mengenai pembinaan 1,000 pencawang telekomunikasi adalah sangat baik. Bagi kawasan Parlimen Sibuti saya amat berharap sekurang-kurangnya sepuluh pencawang telekomunikasi di tempatkan di sekitar kawasan Parlimen Sibuti seperti yang telah dijanjikan. Saya juga ingin mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan yang berkenaan bahawa perkara ini adalah serius kerana masih terdapat kita tidak mendapat *line-line* telefon dan sebagainya di kawasan tidak mempunyai perkhidmatan telekomunikasi pada zaman teknologi pada masa kini.

Saya juga berharap perkhidmatan ini juga akan mempunyai perkhidmatan jalur lebar. Saya juga berharap selain daripada meningkatkan perkhidmatan jalur lebar ini di kawasan bandar, kerajaan juga perlu melihat keperluan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan rakyat. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah mencadangkan serius kepada keperluan pada belia untuk memiliki rumah. Saya amat faham kesusahan untuk memiliki rumah pada masa kini dengan sikap pemaju rumah yang meletakkan harga yang semakin tinggi. Rumah mampu milik seolah-olah mustahil untuk dijumpai. Dengan adanya skim pemilikan rumah untuk belia ini saya berharap agar skim ini tidak hanya dinikmati oleh belia di kota metropolitan Kuala Lumpur atau pun bandar-bandar besar tetapi limpahan kebaikan skim pemilikan rumah ini turut dirasai oleh para belia di ibu kota seperti Kuching, Miri, Bintulu dan kawasan-kawasan yang berdekatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya boleh gulung.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya langkah-langkahkan ya *insya-Allah*. Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Saya juga ingin hendak menyatakan di sini bahawa kita di kawasan luar bandar berterima kasih kepada Menteri Perladangan kerana telah memberi satu insentif RM500 kepada pekebun-pekebun kecil getah, *one-off* sahaja. Kita mengharapkan pekebun-pekebun kecil getah seperti yang dikatakan oleh beberapa kawan kita daripada Sik dan Gerik, pekebun kecil ini terutama sekali penoreh memang benar harga getah telah merudum jauh. Boleh tidak diberi bantuan kepada mereka daripada

memberi RM500 *one-off* ini boleh tidak dicadangkan kita mohon kepada Menteri Kewangan mencadangkan supaya mereka juga dibantu kalau tidak boleh diberi RM200 sebulan waktu harga getah menurun ini diberilah RM100 sebulan sehingga harga getah dan ladang-ladang kecil nanti meningkat naik hasil mereka.

Kedua, kita juga berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana masih mengekalkan bantuan anak-anak sekolah RM100 seorang dan diharapkan pada tahun hadapan ia diterima lebih awal sebelum sekolah bermula. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya mendoakan agar Kerajaan Barisan Nasional ini tetap teguh, utuh dan saya menyokong.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bakri sokong BN.

8.29 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Salam sejahtera, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang budiman kerana memberikan Bakri peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dan Undang-undang Perbekalan 2015.

■2040

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai jawapan kementerian berhubung tapak pelupusan sampah Bukit Bakri. Sebelum ini pihak Kerajaan Persekutuan telah mengatakan bahawa tapak pelupusan sampah Bukit Bakri ini akan ditutup malah satu papan iklan gergasi yang tertera tapak pelupusan sampah ini akan ditutup menjelang Disember 2014 dinaikkan.

Namun begitu, dalam jawapan bertarikh 7 Oktober 2014, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa tapak pelupusan ini sebenarnya dinaiktarafkan agar dapat diguna pakai untuk lima tahun akan datang. Mengapa perkara ini boleh terjadi? Mengapakah pihak kerajaan menipu penduduk Bukit Bakri semasa kempen pilihan raya dahulu? Tidak mungkin Kerajaan Persekutuan tidak memahami makna perkataan 'menaik taraf' dengan 'penutupan'.

Maka, ini adalah satu lagi bentuk pengkhianatan aku janji oleh Barisan Nasional kepada rakyat dan kali ini rakyat Bukit Bakri menjadi mangsanya. Malahan laporan DEIA tapak pelupusan sanitari di Pagoh juga telah disiapkan dan diluluskan serta kawasan yang bersesuaian juga telah dikenal pasti. Akan tetapi mengapa pihak kerajaan mengambil langkah ke belakang dan menaikkan tempoh masa pengguna tapak pelupusan sampah Bukit Bakri kepada lima tahun lagi.

Muar mempunyai banyak kawasan perindustrian, namun tidak mempunyai kilang-kilang industri yang mencukupi malahan juga kaedah pengurusan kawasan industri ini juga tidak mempunyai kaedah dan sistem yang betul. Apakah usaha kerajaan untuk memperbetulkan semula keadaan ini?

Saya sering kali berbahas mengenai APMM. Ini kerana agensi ini adalah satu agensi yang juga penting bagi menjaga keselamatan maritim negara. Penggal lepas Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah pun memberikan jawapan bahawa PDRM dan KDN sedang mengusahakan untuk mengembalikan tugas dan peranan polis marin yang telah diambil oleh

APMM September 2014. Ketua Pengarah Jabatan Perikanan juga telah mencadangkan agar kuasa dikembalikan kepada Jabatan Perikanan kerana kekurangan bekalan ini. Kenyataan beliau seperti yang disiarkan di media ini telah mencerminkan kegagalan APMM. Walaupun saban tahun APMM ini diberikan sejumlah peruntukan yang besar dalam setiap bajet tahun dari sejak penubuhannya.

Pada 26 Jun 2014, Pengerusi SPRM telah mendedahkan negara kehilangan RM1 bilion hanya kerana penyeludupan diesel walaupun tanpa menafikan kes-kes penyeludupan diesel ini juga berlaku melalui jalan darat, namun ia juga berlaku dengan berleluasa melalui laluan laut. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah aset APMM yang telah berusia 10 tahun yang masih digunakan dalam operasi seharian? Berapakah jumlah aset sedia ada mengikut pecahan jenis aset dan usia? Berapakah jumlah tenaga APMM mengikut pecahan tenaga kerja pengurusan dan tenaga kerja operasi dan penguatkuasaan?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan media menyatakan bahawa beliau hanyalah membacakan jawapan yang disediakan oleh pegawai kementerian dan Kabinet tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan Pejabat Peguam Negara. Saya memahami dalam sistem Parlimen *Westminster* ini akan terdapat pertindihan kuasa seperti ini. Maka saya mencadangkan agar satu Jawatankuasa Khas Parlimen dapat ditubuhkan bagi membolehkan Peguam Negara sendiri menjawab setiap persoalan yang berbangkit berhubung dengan Pejabat Peguam Negara.

Kita mempunyai ramai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana ada yang hanya memegang portfolio yang kecil sahaja. Mengapa tidak seorang Menteri bersara bagi membuka laluan kepada Peguam Negara untuk diberikan status Menteri dan boleh hadir berbahas di Dewan yang mulia ini.

Isu seterusnya berhubung dengan kehadiran Perdana Menteri ke sesi Mesyuarat Dewan Rakyat. Kehadiran seorang pemimpin tertinggi di negara merupakan satu tanggungjawab kepada rakyat bahkan juga menunjukkan keupayaan dalam pengurusan kerajaan. Menurut Penyata Rasmi Dewan Rakyat, adalah didapati Perdana Menteri hanya memperuntukkan masa tidak sampai dua jam secara purata untuk menghadiri Mesyuarat Dewan Rakyat dengan pengecualian kepada ucapan tetap yang disebarkan dari tahun 2009 sehingga kini.

Perdana Menteri hanya menjawab dua soalan lisan secara purata dalam setiap sesi Dewan Rakyat dari tahun 2009 hingga kini atau dengan lain kata, beliau hanya menghabiskan masa tidak sampai satu jam dalam setiap sesi Dewan Rakyat. Tiada satu kali pun Perdana Menteri pernah melibatkan diri dalam perbahasan dengan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat.

Selain itu, lembaga-lembaga jawatankuasa khas dan jabatan-jabatan yang dikuasai oleh pejabat Perdana Menteri telah berkembang selepas tahun 2009. Namun begitu, jangka masa untuk Ahli-ahli Dewan menyoal mengenai isu yang berkaitan dengan Pejabat Perdana Menteri kekal sama.

Sehubungan itu, saya mencadangkan satu sesi soal jawab Perdana Menteri perlu diimplementasikan. Ia adalah amat mustahak dan mendesak. Memandangkan isu semasa

yang berlaku selepas soalan lisan dan bertulis diserahkan kepada Setiausaha Dewan, mungkin telah ketinggalan zaman apabila sesuatu perkembangan isu atau perkara berlaku dengan amat pantas. Maka Ahli-ahli Dewan boleh...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh mencelah sedikit tak?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Minta maaf, sekejap sahaja.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Bakri, pendek sahaja Bakri..

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Maka Ahli Dewan boleh menggunakan...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Bakri, pendek sahaja, pendek sahaja.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tak sekejap, bukan saya habiskan ucapan saya. Sekejap tak apa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bakri, kasilah Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Jika Ahli-ahli Dewan boleh menggunakan sesi khas ini, dan berbahas dengan Perdana Menteri agar satu maklumat yang terkini dapat diberikan dengan...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Satu minit sahaja saya janji, satu minit sahaja.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dimaklumkan kepada rakyat. Okey, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sebab saya nanti sudah lari, tak sama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya. Bolehkah masukkan sekali berapa kali Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri Besar Selangor masuk dalam Dewan, masukkan sekali ya. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak mencelah sedikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia tarak jumpa titik. Titik sudah hilang. *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kena bila bercakap tentang Perdana Menteri, saya rasa itu kewajipan Perdana Menteri hadir sesi perbincangan ini, perbahasan ini untuk dengar kritikan-kritikan terhadap belanjawan. Ini tak ada kena mengena dengan Ketua Menteri Pulau Pinang mahupun Ketua Menteri Selangor. Mereka datang dan bahas. Berbeza dengan...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya tanya Bakri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya, saya menjelaskan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi, bukan, jadi you menjelaskan. Saya tak tanya isu ini, saya minta Yang Berhormat Bakri masukkan dalam ucapan dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bakri, saya jelaskan kepada Yang Berhormat Bakri..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar, tunggu jadi menterilah Yang Berhormat Kapar.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Duduklah Yang Berhormat Kapar, tak payah Yang Berhormat Kapar duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ketua Menteri Pulau Pinang dengan Ketua Menteri Selangor..

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak, saya minta dimasukkan, dia tahu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Perdana Menteri tak hadir, ini adalah belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kenapa Yang Berhormat Kapar *defensive*? Tak kenapa Yang Berhormat Kapar *defensive*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini adalah Belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Tak faham-faham lagi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak, kenapa Yang Berhormat Kapar *defensive*?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No*, apa *defensive*? Ada bezanya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya minta ditanya..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada bezanya jangan putar belit.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak, saya tak ada putar belit. *You* yang kaki putar belit.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang itu putar belit. Yang itu putar belit.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kapar, dari dulu *you* yang kaki putar belit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kapar berdiri dari tadi, tak boleh jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mungkin sekarang pembentangan belanjawan. Ini pembentangan belanjawan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *You* kaki putar belit, saya tahu. Saya tanya soalan sedikit sahaja. Kapar, duduk Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar mimpi dia ingat dia jadi menteri, itu dia jawab.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Siapa yang duduk *free* sahaja.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, tak apa. Saya jawab soalan Ahli Parlimen Kota Tinggi sebagai anak jati Johor.

■2050

Sebenarnya Perdana Menteri memang kena jawab soalan di Dewan. Jika Menteri Besar Selangor dan Pulau Pinang, dia memang jawab di Persidangan ADUN di Selangor dan Pulau Pinang. Ini pekerjaan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya sebagai kita punya, saya mesti tahu peraturan ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]: Okeylah, asam pedas. Okey Yang Berhormat Bakri makan asam pedas lah Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, selain itu juga saya telah pun menghantarkan satu usul yang mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk memotong gaji Perdana Menteri sebanyak RM10.00 ekoran daripada kegagalan Perdana Menteri untuk hadir ke Dewan Rakyat termasuklah untuk sesi penggulangan perbahasan bajet selama ini. Adalah sangat tidak patut sebagai seorang Perdana Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bakri bukan tahu, dia baca saja, bukan tahu apa tulis.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Dia menjadi begitu jarang untuk hadir ke Parlimen. Saya ingin menarik perhatian Dewan...

Dato' Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Berhubung dengan aset hartanah yang dimiliki negara di Singapura.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling, barua ini sampai dia mula fitnah sudah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sehingga kini berapakah jumlah aset hartanah yang dimiliki di negara jiran itu? Apakah status terkini projek-projek usaha sama antara 1MDB dan Temasik dan kononnya sebagai mengganti semula kehilangan tanah KTM di Tanjung Pagar. Berapakah jumlah keuntungan yang telah dijana daripada projek-projek usaha sama tersebut? Saya telah membangkit soalan *strategies*...

Dato' Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa itu *strategies*?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Hartanah yang dimiliki oleh warga asing di Kuala Lumpur...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia baca saja. [*Ketawa*]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Dan seluruh Malaysia selama tiga tahun berturut-turut. Namun Perdana Menteri tidak pernah menjawab dan sering kali memberikan kepada kementerian yang tidak berkaitan. Terkini, dalam soalan lisan Yang Berhormat Seremban...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seremban, *you* tidak ada edit dulu kah itu jawapan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:Bertarikh 14 Oktober 2014...

Seorang Ahli: *Point of order.*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Dan Perdana Menteri melalui JPPH menyatakan bahawa tiada rekod pemilikan hartanah oleh warga asing di Malaysia disimpan atau direkodkan. Malah JPPH juga menyatakan tiada pihak atau agensi yang mempunyai maklumat atau rekod tersebut dengan tepat termasuk PBT mahupun kerajaan negeri. Mengapa tiada rekod disimpan berhubung perkara ini? Pemilikan hartanah warga asing ini bukan sahaja hanya mengancam kebolehpayaan rakyat tempatan memiliki hartanah malahan juga ia melibatkan aspek keselamatan negara.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]: Kena bagi Yang Berhormat Kaparlah. Bagi teks, susah Yang Berhormat Bakri hendak baca.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Isu bekalan air terawat Daerah Muar dan Ledang yang berlaku pada bulan Mac 2014 menunjukkan beberapa kelemahan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Sebagai agensi penyelaras SPAN tidak memainkan peranan yang sepatutnya untuk menjaga kepentingan rakyat semasa krisis ini berlaku. Kerajaan perlu menyiasat siapakah pihak yang sebenarnya bertanggungjawab memanipulasikan maklumat-maklumat ini daripada pengetahuan rakyat keseluruhannya. SPAN juga perlu menjelaskan adakah SPAN mempunyai kuasa untuk menyelaraskan dengan pihak SAJ dalam soal pampasan berbentuk rebat.

Ini adalah kerana kegagalan SPAN dan SAJ yang telah membekalkan bekalan air tercemar tanpa sebarang amaran dikeluarkan kepada rakyat dan kegagalan kedua-dua agensi ini untuk menyekat bekalan air tercemar ini daripada sampai kepada rakyat. Saya berharap Ahli Parlimen Pagoh, Ahli Parlimen Muar dan Ahli Parlimen Ledang bersetuju dengan cadangan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ledang, apa ini?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Dibuat di bawah ini kepada penduduk kawasan kita yang telah terjejas tempoh hari. Jika tidak, ini menunjukkan bahawa anda mengabaikan keperluan asas rakyat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Seremban buat teks ini, ini Yang Berhormat Seremban punya teks.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Untuk menikmati bekalan air terawat yang benar-benar bersih.

Timbalan Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tidak faham. Sangat tidak faham.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Jabatan Alam Sekitar juga perlu memberikan jawapan lengkap bacaan ujian air terawat setiap hari dalam tempoh bermula 1 sehingga 30 Mac 2014.

Dato' Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Malah hasil daripada surat jawapan balas oleh Jabatan Kesihatan Daerah Muar juga menunjukkan paras bacaan kolera mula terjejas teruk pada 10 dan 11 Mac 2014. Mengapakah pihak JAS...

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Bakri hendak tanya, patut tanya tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sempadan Daerah Muar-Ledang mana satu? Sempadan daerah yang dekat Muar?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya habiskan ayat ini dulu.

Seorang Ahli: You jawab Yang Berhormat Ledang.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Menunggu sehingga 14 Mac 2014 untuk mula membuat kajian yang lebih kerap.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Jika Timbalan Menteri hendak tanya, boleh, sila.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tidak, saya pun hendak buat *correction*. Ledang daerah lain, bukannya Daerah Muar. Tidak ada kena mengena dengan Muar.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Akan tetapi saya hendak tanya Timbalan Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia baca teks saja, mana dia tahu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sebab kawasan Timbalan Menteri pun minum air dari Muar sini dan negeri mereka pun sama. Ada separuh pun minum air dari Muar.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, Ledang daripada air Tangkak, air Gunung Ledang.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Akan tetapi saya dapat maklumat dari SAJ, dia beritahu macam ini.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seremban, apa ini Yang Berhormat Seremban.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya bukan salah...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]: Maklumat Yang Berhormat Kapar salah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Seremban punya teks itu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya teruskan ucapan saya sebab biar Yang Berhormat Menteri jawab soalan ini.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian berhubung dengan piawaian sodium bagi bekalan air terawat yang diguna pakai oleh negara kita. Dalam jawapan kementerian hanya menyatakan mengenai piawaian bekalan air negara dan WHO bagi kandungan kolera tetapi tidak menyatakan mengenai piawaian sodium.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Berhubung isu kualiti udara, mengapa data yang diambil oleh stesen pemantauan perlu dihantar ke Putrajaya terlebih dahulu sebelum dikeluarkan kepada maklumat umum. Ia akan mengambil masa dan melambatkan proses pengeluaran maklumat. Seharusnya dalam keadaan kecemasan, maklumat perlu dihantar terus dari stesen pemantau kepada orang ramai. Adakah kerajaan akan memberikan topeng penutup hidung jenis N95 apabila krisis jerebu melanda?

Setiap kali krisis ini melanda, topeng jenis ini akan sama ada habis dijual atau harganya akan meningkat berkali ganda. Mengapakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menukarkan bacaan indeks kualiti udara daripada BM2.5 kepada BM10 kerana juga dicadangkan untuk menambah lebih banyak stesen pemantau kualiti udara di seluruh negara terutama di negeri-negeri yang mempunyai kekerapan berlakunya masalah jerebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bakri, gulung.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Boleh, saya gulung.

Seorang Ahli: Gulung kertas itu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dua minggu yang lepas, berlaku masalah pekerja asing di sebuah kilang di Gerisek, kawasan Pagoh.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Gesek? Gesek mana pula?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Pekerja-pekerja asing seramai 265 orang berdepan masalah tiada bekalan makanan dan tidak boleh untuk bertukar majikan lain apabila majikan sedia ada telah diisytihar bankrap dan tidak mampu untuk membayar gaji. Bagaimanakah usaha untuk menyelesaikan kemelut ini. Masalah pekerja-pekerja warga asing ini juga perlu diselesaikan dengan segera. Kegagalan kita untuk menguruskan hal ini dengan baik juga mungkin akan memberikan kesan kepada nama baik negara kita di mata dunia. Adakah kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukup, cukup Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Adakah kita mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada jumpa ayat sekian, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sekejap lagi, pendek saja. Adakah kita mahu digelar sebagai negara yang tidak mementingkan kebajikan pekerja asing...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bakri, Tuan Yang di-Pertua pun lawankah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Setelah kita membenarkan dan menerima kemanusiaan mereka. Saya mengambil maklum bahawa terdapat caj levi yang dikenakan ke atas setiap pekerja asing ini. Ke manakah hasil levi ini digunakan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh cepat sikit.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Mengapa hasil levi ini dikumpul ini tidak digunakan sebaik mungkin dalam hal ehwal pekerja-pekerja asing ini.

■2100

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ini saya hendak sebutkan lagi satu isu yang penting ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri, cukup ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Biar Tuan Yang di-Pertua beri 2 minit, isu yang penting tentang kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri, Tuan Yang di-Pertua tidak ada berilah. Sila duduk.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Beri peluang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk, duduk.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: 2 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk. Sila duduk.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Machang, sila.

8.01 mlm.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di kesempatan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Bajet 2015 pada 10 hari bulan yang lepas yang bukan sahaja dianggap ia suatu belanjawan yang seimbang tetapi ia menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan yang turut sama menyentuh tentang negeri Kelantan dalam perbahasan kali ini. Maka, saya juga mengambil kesempatan untuk bercakap tentang beberapa perkara berkenaan dengan negeri Kelantan.

Setiap kali ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan, maka gambaran yang diberikan oleh mereka seolah-olah Kerajaan Persekutuan meminggirkan negeri Kelantan dan rakyat Kelantan khususnya. Saya ingin menarik perhatian di sini, berdasarkan kepada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang sudah pun berlalu. Hampir RM7 bilion telah pun diperuntukkan untuk negeri Kelantan. Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, RM3 bilion lebih telah diperuntukkan kepada negeri Kelantan.

Juga di dalam peruntukan yang diwajibkan mengikut Perlembagaan, antara tahun 2010 sehingga tahun 2014, RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk Kerajaan Negeri Kelantan. Sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Pahang, Kedah, Terengganu atau Negeri Sembilan ataupun negeri Melaka, maka negeri Kelantan mencatat jumlah penyaluran peruntukan yang diwajibkan mengikut Perlembagaan daripada Kerajaan Persekutuan jauh lebih tinggi daripada beberapa negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Ini termasuklah yang berkaitan dengan pemberian mengikut bilangan penduduk, pemberian penyelenggaraan jalan negeri, pemberian kekurangan belanja mengurus, bayaran perkhidmatan setiap projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan sebanyak 10%, pemberian pertambahan hasil dan banyak lagi sekiranya kita hendak sebutkan di sini.

Tahun ini, 2014 Tuan Yang di-Pertua, hampir RM400 juta. Ini tidak termasuk projek-projek pembangunan yang dilaksanakan terus oleh Kerajaan Persekutuan telah disalurkan di dalam peruntukan wajib mengikut perlembagaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Maka, jumlah ini bukan kecil dan janganlah kita mengelirukan Dewan dan juga rakyat di luar sana dengan mengatakan Kerajaan Persekutuan telah menganaktirikan rakyat dan juga masyarakat di negeri Kelantan.

Di dalam ucapan Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada, sudah lewat. Yang Berhormat Kota Bharu ada menyebut bahawasanya pada bulan April yang lepas, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan, meletakkan batu asas bagi projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai Fasa 1B yang bernilai kurang lebih RM200 juta. Beliau menyatakan bahawasanya peletakan batu asas tersebut kerana dijalankan atau dilaksanakan pada bulan April, tidak akan menjadi April Fool. Saya hendak sebut di sini, setiap apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan hampir kesemuanya dilaksanakan.

Walaupun selama tempoh 24 tahun negeri Kelantan diperintah oleh pembangkang tetapi boleh dikatakan hampir keseluruhan pembangunan di negeri Kelantan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Soal kalau kita di Kelantan tidak cukup, itu bab lain. Akan tetapi jangan sesekali kita melarikan fakta dan mengelirukan Dewan dan juga masyarakat di luar sana dengan mengatakan bahawasanya seolah-olah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan tidak melakukan apa-apa untuk rakyat negeri Kelantan.

Kalau saya hendak sebutkan di sini, apa yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan? Apa jadi dengan jambatan kedua Palekbang ke Kampung Cina? Apa jadi? Batu asas sudah hilang saya rasa, tenggelam, lalang naik semua. Tidak buat sampai hari ini. Itu tidak tahulah *fool* apa. Tidak tahu, sama ada ini ialah janji pilihan raya. Setiap kali pilihan raya, maka akan ada banyak perkara yang dijanjikan. Apa yang jadi dengan Stadium Bukit Merbau? Apa jadi dengan Lebuhraya Rakyat? Tidak buat. Batu asas dalam kawasan saya sahaja di Machang, di Kampung Bukit Bakar, di Kampung Berangan Mek Nab. Dua kali batu asas diletak tetapi akhirnya yang memulakan projek lebuhraya ini adalah Kerajaan Persekutuan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini Kelantan atau Shah Alam?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Ambo lahir Kelate.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Memang saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat Machang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat Machang, hendak benarkan?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Beri. Saya pun seronok juga orang tanya ini. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Machang dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Machang ini, peruntukan untuk hendak bina jalan raya ini, lebuhraya ini sebenarnya masuk dalam *state list* atau masuk dalam *Federal list*?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih. Kalau jalan negeri, Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan bantuan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah saya hendak jawapan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh begini Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia beri lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tidak apa, saya beri. Takut balik mengigau.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, tidak mengigau. Ini kalau sekiranya kita sudah setuju bahawa soal lebuhraya ini memang tanggungjawab *Federal*. Ia masuk dalam *Federal list*. Maka, usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan pembinaan lebuhraya itu adalah satu usaha atas sebab Kerajaan Pusat mengabaikan tanggungjawabnya, sedangkan benda ini telah dijanjikan oleh Kerajaan Pusat sudah lama sudah. Masuk dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tidak silap tetapi tidak dibuat-buat. Maka, apabila Kerajaan Negeri Kelantan letak batu asas, itu sebagai satu penghinaan kepada Kerajaan Pusat yang telah mengabaikan tanggungjawabnya.

■2110

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Cukuplah itu, orang dah bagi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, saya tanyalah.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey, saya faham, sudahlah, cukuplah. Waktu *floor* dia, dia tidak mahu cakap benda ini. Yang Berhormat Ketereh pula. Sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Machang, adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya soal *Federal list* dan *state list* tidak pun terkait dengan soal lebuhraya. Lebuhraya *state* hendak buat pun boleh, *Federal* hendak buat pun boleh. Banyak negeri di Malaysia ini yang *state* nya membina lebuhraya. Yang disebut *Federal list* atau *state list* itu, Jabatan Kerja Raya duduk dalam *list* bersama. Lebuhraya tidak ada *mention*, siapa hendak buat lebuhraya adalah bebas. Adakah Yang Berhormat Machang menyedari perkara itu?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih. Cukuplah dulu Yang Berhormat Shah Alam, duduk dulu, duduk dulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, nanti saya bagi Yang Berhormat Lenggong. Bagi saya jawab Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat Machang saya ingatkan dua puluh minit sahaja ya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Cukupkan 9.30 teruslah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju pertama dengan Yang Berhormat Ketereh tadi, memang itu pun yang saya hendak jawab. Soal lebuah raya ini, kalau dah kerajaan negeri buat batu asas, letak batu asas, di kawasan saya, saya ulangi dua kali, sekali lagi. Di kawasan saya dua kali batu asas, itu kerajaan negeri hendak buat, terpulanglah kalau hendak buat, buatlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sudahlah dulu Yang Berhormat Shah Alam, bagilah saya, masa dahlah sedikit. Tidak boleh, lepas ini saya bagi balik. Yang soal bantuan kepada kerajaan negeri, ini memang kita tahu. Saya sebut tadi, mungkin Yang Berhormat Shah Alam terlena sekejap, mengikut perlembagaan yang diwajibkan tetapi janganlah kita bercakap di luar sana seolah-olah Kerajaan Persekutuan mengabaikan tanggungjawab kerana kita sedarlah Barisan Nasional lah kerajaan yang bertanggungjawab. Maka setiap yang dijanji, apa sahaja yang patut disalurkan kepada kerajaan negeri sama ada Kelantan, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, maka kita bagi termasuklah kekurangan belanja mengurus. Kita tahu ini memang kita kena bagi, wajib kena bagi kerana cukai kita kutip, hasil kita kutip, itu Yang Berhormat Shah Alam hendak cakap pun, sudahlah, saya jawab dah ni.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Minta laluan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Habislah macam ini saya, sekejap Yang Berhormat Tanah Merah. Jadi persoalannya, saya tidak masuk bab lain lagi ini. Apa jadi dengan janji-janji yang dibuat? Soal ini tanggungjawab persekutuan, kita tahu. Bukan soal perlu ini, ini janji yang dibuat setiap kali pilihan raya. Contohnya, Jambatan Kedua Palekbang ke Kampung Cina, akhirnya kita tahu Kerajaan Negeri Kelantan tidak cukup duit. Tidak ada duit, tidak boleh buat. Kita tidak janji kita buat Jambatan Sultan Yahya Kedua, sekarang sudah siap dibina, boleh guna dah pun, yang boleh digunakan dua laluan, tidaklah berasak-asak apabila balik daripada kerja. Biasanya kena selesai solat Maghrib dulu kalau bekerja di Kota Bharu kerana tidak sempat. Kesesakan jalan raya.

Apa jadi dengan Koridor Depu, contohnya. Koridor Depu, ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kah? Kita hendak tanya. Tidak adapun dalam perlembagaan, dalam apa-apa kena buat koridor waktu mantan Perdana Menteri, mantan Kepala Batas hari itu buat macam-macam koridor, maka Koridor Depu pula buat. Saya tidak nampak pun tang mana di pokok Depu ini, berapa ratus batang pokok depu dah tanam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Gelak. Yang Berhormat Shah Alam tidak bolehkah, kita baru lepas berimam tadi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Nanti dulu Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Lenggong ada...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Hanya fasal lebuah raya ini, fasal lebuah raya ini tidak habis lagi.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya hendak sebut, tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Orang buat pelabuhan di laut, kita okeylah hendak ada pembaharuan, Kerajaan Negeri Kelantan buat pelabuhan darat. Di Kuala Krai itu, pelabuhan darat sampai hari ini pun tidak ada. Kita tidak kisah kalau Kerajaan Negeri Kelantan, sekejap Yang Berhormat Tanah Merah. Kerajaan Negeri Kelantan tidak mampu, ini tidak ada masalah. *Nahi* musykil, tidak ada masalah tetapi saya hendak menyeru kepada Kerajaan Kelantan, rakan-rakan terutamanya dalam PAS *solid* di Kelantan itu. Kalau sudah rasa tidak boleh buat duduk belah sana, marilah bersama-sama dengan kita, kita hendak berkawan ini. Biar kita tolong laksanakan apa yang dijanjikan. Sekurang-kurangnya janji pada rakyat boleh selesai, kerajaan pula akan lagi jadi lebih baik, lebih elok. Saya tidak sentuh lagi soal hudud ini, yang hendak bawa ini saya hendak tanya bila, apa. Saya bagi Yang Berhormat Lenggong dulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Machang, saya cuma hendak tanya Yang Berhormat. Yang saya hairan ini Kerajaan Negeri Kelantan ini, dah dia tahu dia tidak mampu, dah dia tahu itu bukan kuasa dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, pandang ke depan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang dok janji pada rakyat ni, fasal apa? Itu sahaja hendak tanya. Sudah dia tahu tidak mampu, dia tahu bukan kuasa dia tetapi dok janji juga, bukan satu tetapi banyak janji. Ini kerajaan jenis apa Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, dah macam borak itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Shah Alam, nanti saya bagi selepas ini. Yang Berhormat Tanah Merah dulu, ikut giliran. Sekejap Yang Berhormat Tanah Merah, sekejap.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong, apa Yang Berhormat Lenggong katakan. Jadi sebab itulah sebenarnya kita ini kena berpijak di bumi yang nyata. Tidak boleh kita buat kerajaan jadi kerajaan fantasi, tidak boleh. Jadi kalau hendak jadi kerajaan realiti, kalau dah duduk di sebelah sana pun saya rasa tidur sebantol, mimpi lain-lain, sekurang-kurangnya separuh mimpi yang hampir sama ini, marilah belah kiri ini, belah Barisan Nasional ini. Kita pun dah hulur jambatan, kita dah hulur permaidani, cepat-cepatlah datang sini. Sekurang-kurangnya sebelum kita mati ini, sebelum kita meninggal dunia, janji kita pada rakyat dapat kita laksanakan sebab dia akhirat nanti dia tidak tanya tau, ini wakil rakyat Barisan Nasional, kamu berhenti dulu aku hendak tanya. Ini kamu wakil rakyat PAS, masuk syurga dulu, ini tidak ada dalam Quran, tidak ada dalam hadis.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Machang, sedikit sahaja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kena bagi Yang Berhormat Tanah Merah, kawan saya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Machang, sedikit, sedikit sahaja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Tanah Merah dulu, kalau boleh sambung masa sedap ini.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Setujukah Yang Berhormat Machang, kita warga Kelantan ini harus berterima kasih dan bersyukur dengan Kerajaan Pusat kerana dari segi pendapatan Kelantan yang menyalurkan dari segi kutipan cukai, segala-gala kutipan yang disalurkan kepada pusat berbanding dengan apa yang disalurkan pusat kepada negeri jauh berbeza. Contohnya dari segi *contribution* dengan izin, macam Melaka, Melaka kecil, dia dah bagi pendapatan kepada pusat begitu besar tetapi sumbangan Kerajaan Pusat ke Kelantan jauh lebih besar dari Melaka walaupun Kelantan tidak memberikan sumbangan yang besar kepada pusat.

Kedua Yang Berhormat Machang, setujukah yang baru ini di Dewan Undangan Negeri, setujukah peningkatan Kerajaan Kelantan dalam menangani apa sahaja isu kadangkadangkang pelik. Contohnya dikatakan kenapa denggi begitu tinggi di negeri Kelantan ini, denggi tinggi sebab kerajaan tolak hudud, kes tolak hudud jadi sebab itu denggi banyak di Kelantan. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sambung sikit boleh tak Yang Berhormat Machang? Sedikit sahaja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya kena jawab dulu, nanti saya bagi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Machang, pendek sahaja hendak sambung tadi.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Daripada mana ini?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sini, Kota Tinggi, pendek sahaja. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Machang, saya kurang arif. Apakah hukumnya kita berjanji, kita buat macam-macam, masuk dalam manifesto tetapi dalam hati kita, kita tahu kita tidak boleh *deliver*, tidak boleh hendak laksanakan. Apa hukumnya Yang Berhormat Machang?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang pendek dulu, hukumnya munafik, ringkas sahaja. Munafik ini tunggulah akhirat nanti, kita orang Islam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu. Saya bagi, jangan bimbang. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya masa, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Machang, boleh gulung.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Habis.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia dah janji dah, tadi kata kalau tidak tunai janji munafik.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, saya jawab Yang Berhormat Tanah Merah dulu, duduk dulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dah janji nak bagi, lepas Yang Berhormat Kota Tinggi, hendak bagi pada Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu, duduk dulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan mungkir janji, tadi baru cakap kalau mungkir janji, munafik. Bagi tak? *[Ketawa]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, saya jawab Yang Berhormat Tanah Merah dulu ya. Memang hasil Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya RM100 juta lebih, sekitar RM110 juta ke RM120 juta. Belanjawan yang dibentangkan di Dewan Negeri lebih kurang RM500 juta. Kalau hendak kira itu pun belanjawan defisit yang pertama. Saya kena sentuh kawasan saya sedikit, tidak boleh dah, dah suruh gulung tetapi saya akan bagi Yang Berhormat Shah Alam selepas ini kalau sempat, kalau sempat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Beginilah Yang Berhormat Machang, satu benda sahaja hendak sebut. Semua yang dibuat dalam bajet itu mengambil kira soal royalti yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan, betul tak? Itulah yang telah dinyatakan di dalam manifesto dan di dalam bajet sekiranya ada royalti yang dibayar, yang sepatutnya dibayar...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Cukup, cukup, cukup. Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: ...Maka semua itu boleh, maknanya bila Kerajaan Pusat tidak bayar royalti, kezaliman yang dilakukan kepada rakyat negeri Kelantan itu, rakyat semua tahu. *Highway* tidak dapat, jambatan tidak dapat, semua tidak dapat oleh kerana royalti dinafikan. Terima kasih Yang Berhormat Machang.

■2120

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya Yang Berhormat Shah Alam tidak dibenarkan dan tidak dijemput untuk bercakap pun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Maka, saya tidak perlu jawab.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Machang ini merupakan kawasan luar bandar, dikategorikan dalam kawasan luar bandar. Rata-rata rakyat di Machang ini penoreh getah, pekebun dan juga penanam padi. Maka di kawasan Machang ini lebih kurang 1,000 hektar tanah untuk tanaman sawah padi dan boleh dianggap sebagai kawasan luar jelapang yang terbesar dalam negara tidak mempunyai bekalan air yang mencukupi bagi membolehkan penanam-penanam padi menanam padi dua kali setahun.

Walaupun berhampiran dengan Ketereh dan Kota Bharu yang ada KADA tetapi kawasan Machang tidak termasuk dalam KADA. Maka saya hendak minta pihak kerajaan untuk melakukan suatu kajian khusus untuk mendapatkan sumber air bagi disalurkan ke kawasan-kawasan yang dimaksudkan.

Satu lagi yang saya hendak sentuh berkenaan dengan kepentingan umum ialah soal PUSPAKOM. PUSPAKOM ini Tuan Yang di-Pertua, adalah sebuah syarikat yang telah dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan. PUSPAKOM ini bolehlah dianggap sebagai suatu syarikat yang memonopoli kegiatan-kegiatan ini. Kita tidak persoalkan, asalkan servis atau perkhidmatan yang diberikan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang memerlukan kepada pemeriksaan semula ini dilakukan ataupun dilaksanakan dengan baik.

Akan tetapi, persoalannya ialah stesen-stesen pemeriksaan ini tidak diperluaskan. Contohnya, kalau di negeri Kelantan, tempat pemeriksaan PUSPAKOM hanyalah di Kota Baharu. Bagaimana dengan pemilik-pemilik kenderaan yang memerlukan perkhidmatan ini yang berada di Gua Musang, yang berada di Jeli, yang berada di Kuala Krai, yang berada di Machang? Mereka ini perlu menghabiskan masa, kadang-kadang sehari pun tidak cukup untuk ke pusat pemeriksaan bagi membolehkan mereka hendak *renew* atau memperbaharui cukai jalan dan sebagainya.

Maka saya menyarankan kerajaan agar mempertimbangkan kalau boleh PUSPAKOM ini difrancaiskan ataupun pusat-pusat pemeriksaan ini diperbanyakkan di kawasan-kawasan luar bandar. Janganlah memikirkan keuntungan semata-mata tetapi CSR juga perlu dilihat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya merakamkan sekali lagi penghargaan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dalam belanjawan ini mengambil kira semua kepentingan terutamanya masyarakat-masyarakat yang miskin di luar bandar kerana saya mewakili masyarakat-masyarakat yang miskin yang berada di luar bandar.

Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

9.23 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *'Auzubillahi mina syaitani rajim, Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca doa dan selawat] [Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Maksudnya, "Orang yang diberi kuasa oleh Allah SWT di muka bumi ini yang beriman kepada Allah, mereka mendirikan solat, mereka mengeluarkan zakat dan mereka menyuruh melakukan perkara-perkara yang baik dan mereka mencegah daripada melakukan perkara yang mungkar. Dan bagi Allahlah akibat segala urusan itu."

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, dan saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya izin walaupun ada lebih kurang lima minit tetapi *insya-Allah*, selepas lima minit mungkin sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh sambung.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh sambung 15 minit lagi.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh 15 minit lagi, *insya-Allah*. Kalau 15 minit, *insya-Allah*, mencukupi, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang masih lagi dalam membincangkan belanjawan negara bagi tahun 2015 yang dikatakan bajet ekonomi keperluan rakyat. Sebagaimana yang kita tahu, perbelanjaan kita pada tahun 2015 agak banyak juga iaitu sebanyak RM271 bilion yang mana belanja mengurusnya ialah RM223 bilion dan perbelanjaan pembangunannya adalah yang selebih itu. Daripada perbelanjaan ini, hasil yang kita akan dapat hanyalah RM235 bilion. Bermakna, RM36.7 bilion lagi adalah daripada pinjaman yang mana untuk menampung keperluan negara itu kita terpaksa meminjam. Oleh sebab itulah dikatakan bajet kita ini ialah masih lagi bajet defisit. Pembetulan kepada saudara saya, Yang Berhormat Machang tadi yang mengatakan ia ialah perbelanjaan seimbang yang *insya-Allah*, kita akan capai dalam tahun 2020 atau sebelum itu lagi.

Perbelanjaan yang besar ini, berbilion-bilion ini adalah suatu yang perlu dalam sistem demokrasi kerajaan. Maka, pihak kerajaan mesti merancang perbelanjaan ini, mendapatkan hasil yang secukupnya untuk dibelanjakan. Dengan kata lainnya, mengetahui dari mana hasil-hasil ini akan datang, kemudian menggunakan hasil ini untuk perbelanjaan untuk mentadbir negara demi mencapai kesejahteraan rakyat dan penerusan kemakmuran negara, *insya-Allah*, di masa akan datang.

Alhamdulillah, pencapaian yang ingin dicapai itu sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri, adalah suatu yang agak indah dan cantik. Saya berdoa kepada Allah sebagaimana didoakan juga oleh Perdana Menteri bahawa Allah SWT akan memberikan kita suatu kejayaan untuk mentadbir negara kita ini dengan jayanya, *insya-Allah*, walaupun peruntukan ini tidak mencukupi. Kita tahu keperluan kita ini selalunya mengatasi apa yang kita ada. Kita terpaksa meminjam tetapi kita tidak boleh sentiasa meminjam kerana kalau kita sentiasa meminjam, maka suatu hari kita akan bankrap. Itulah hakikatnya.

Sebagaimana negara juga apabila sentiasa meminjam dan lebih daripada 16 tahun atau 17 tahun sudah meminjam dan terus meminjam, maka ia akan sampai kepada satu masa yang negara kita akan bankrap. Apabila bankrap ini, kita mungkin *enjoy*, kita mungkin boleh melakukan apa sahaja yang kita hendak buat, perancangan yang macam-macam kita boleh buat apa sahaja, kita boleh *enjoy* betul dengan kekayaan ini, tetapi kekayaan yang kita rasakan ini adalah daripada pinjaman dan bukan duit kita.

Maka siapakah yang akan membayarnya? Tidak lain dan tidak bukan ialah anak-anak kita atau kita sendiri kalau kita panjang umur. Akan tetapi, dengan cara hidup kita pada hari ini, saya rasa kita mungkin tidak akan hidup lama kerana kita akan *stress*, kita akan sakit jantung dan kita akan mati cepat. Maka anak cucu kitalah yang akan menanggung masalah hutang yang begitu banyak yang terpaksa ditanggung oleh negara kita.

Walau bagaimanapun, kita tahu dan kita sedar bahawa Allah SWT memberikan kekayaan yang banyak kepada kita, memberikan satu negara yang berada cukup strategik di dunia ini dengan kekayaan-kekayaan yang melimpah. Kalau kita ambil kekayaan minyak sahaja, maka kita tahu kekayaan minyak ini lebih daripada RM80 bilion hasilnya kepada negara setiap tahun iaitu satu pertiga daripada bajet kita.

Kebergantungan kita kepada minyak ini sesetengahnya mengatakan bagus dan sesetengahnya lagi mengatakan bahaya sebab kita tahu minyak ini tidak akan kekal. Di suatu hari nanti, minyak ini akan berkurangan dan akan habis. Maka kita terpaksa bergantung kepada keupayaan yang lain. Keupayaan itu ialah tidak lain dan tidak bukan, sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri juga, ialah keupayaan manusia, modal insan yang ada di negara kita.

Maka, penumpuan yang saya rasakan yang patut diberikan tumpuan betul-betul ialah kepada pembinaan insan. Oleh sebab itulah peruntukan kita ini agak banyak diberikan kepada pendidikan itu. Sepatutnya lebih banyak lagi yang patut diberikan penumpuan ini kepada pembinaan manusia sehingga manusia ini menjadi manusia yang boleh membayar hutang-hutang kita, *insya-Allah*, dan manusia yang boleh mengembangkan ekonomi kita mengikut keupayaan intelektual dan kebijaksanaan teknologi dan sains yang ada pada mereka. Maka, *insya-Allah*, dengan itu kita boleh mengangkat ekonomi kita dengan *services* yang kita beri, dengan ilmu yang kita ada untuk kita pertingkatkan semua aspek ekonomi kita, *insya-Allah*, berasaskan kepada *knowledge*, kepada ilmu.

■2130

Dan saya ucapkan *insya-Allah*, saya berdoa *insya-Allah* kita akan dapat 60,000 Ph.D dalam masa 2020 nanti, *insya-Allah* atau lebih lagi bagus. Kita perbanyakkan lagi mengeluarkan anak-anak yang berpelajaran, berilmu di dalam pendidikan kita. Akan tetapi kita mesti sedar juga bahawa kita membina insan ini bukan hanya untuk mendapat Ph.D atau untuk mendapa B.A. atau kemahiran atau sijil untuk mendapat kerja semata-mata. Kita tahu ramai pelajar yang keluar dari universiti lebih daripada 56,000 tak dapat kerja lagi tetapi itu tidak apa kerana mereka mempunyai ilmu, mereka boleh memperkembangkan diri mereka, mereka belajar lagi, pertingkatkan ilmu dan mendapat kerja.

Perkara yang lebih penting daripada itu ialah kualiti yang mana kita inginkan mereka yang terdidik ini atau yang kita didik ini bersekolah di sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan seterusnya mempunyai sifat insan yang mulia, berakhlak, berintegriti, bertanggungjawab dan kita harap *insya-Allah* daripada tangan mereka ini lahir pemimpin-pemimpin yang boleh memimpin kita, *insya-Allah* di masa akan datang. Manusia-manusia yang punya wawasan yang jauh yang perlu dididik, ditarbiah dengan baik dan sekolah-sekolah kita sepatutnya dapat membawa anak-anak kita ini, mendidik anak-anak kita ini ke arah itu. Akan tetapi sampai ke hari ini kita lihat ramai daripada anak-anak kita kecundang di tengah jalan. Ramai yang tidak menyempurnakan pendidikan mereka. Ramai yang keluar tanpa kerja, tanpa ada wawasan.

Yang hanya ada pada mereka adalah untuk berhibur, bersukan dan menghabiskan masa mereka dengan perkara-perkara yang sia-sia tanpa tujuan, tanpa matlamat dalam kehidupan. Contoh ini terlalu banyak. Soleh sebab itulah kita lihat di sekeliling kita ramai anak kita yang hilang panduan ini, mereka menjadi masalah kepada masyarakat. Mereka membawa gejala sosial kepada masyarakat. Mereka menyusahkan ibu bapa dan mereka menyusahkan kerajaan kerana terpaksa membela banyak pusat serenti. Terpaksa menanggung kesusahan-kesusahan yang banyak. Maka akhirnya pendidikan ini mesti kita

beri tumpuan yang lebih dan *insya-Allah* kita berharap pihak kerajaan akan melakukan kerja ini dengan baik.

Dalam hal pendidikan ini, saya nak ambil satu sahaja perkara yang mana mungkin kita abaikan sedikit. Kita lihat pemberian kepada sekolah bantuan kerajaan ialah RM50 juta. Sekolah Cina lebih kurang RM25 juta, diberikan kepada pondok-pondok RM50 juta. Maka adakah ini mencukupi? Persoalan saya, adakah ia mencukupi? Sekolah-sekolah bantuan agama, kepada sekolah-sekolah pondok, adakah mencukupi? Jadi persoalan saya, berapa banyak senarai sekolah-sekolah ini yang ada mendapat bantuan daripada kerajaan? Berapa ramai pelajar mereka dan berapa ramai guru-guru mereka? Pondok, berapa banyak pondok yang mendapat bantuan ini dan saya kalau boleh ingin mendapatkan *figure* yang lebih tepat di Kelantan, berapa ramai kerana Kelantan ini adalah Serambi Mekah dan banyak mengeluarkan ulama-ulama dan guru-guru agama untuk disebarkan ke seluruh Malaysia membawa fahaman Islam yang tulen, yang ahlussunnah wal jamaah yang tidak ekstrem ke seluruh Malaysia, bahkan ke seluruh dunia.

Ada orang Kelantan ini yang menjadi imam di sana, menjadi ustaz di sini dan sebagainya. Mereka ini lahir daripada sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah pondok. Berapa banyak yang kita beri kepada sekolah ini untuk melahirkan manusia, untuk mengimbangi manusia supaya ada satu golongan manusia yang akan memperingatkan orang-orang lain yang kita ramai-ramai ini yang bukan ulama ini, yang bukan alim dalam agama ini. Memperingatkan kita supaya kita bertakwa kepada Allah dengan ilmu mereka, dengan amalan mereka. Berapa banyak yang kita berikan kepada sekolah-sekolah ini, kepada guru-guru atau kepada pusat-pusat pengajian agama ini? Tak kiralah sama ada pusat-pusat ini di bawah bantuan kerajaan negeri atau bantuan Kerajaan Pusat atau lebih-lebih lagi sekolah-sekolah swasta.

Pihak kerajaan patut lebih terbuka, lebih berlapang dada untuk membantu semua kerana mereka ini semua ialah rakyat kita. Mereka ini semua akan memainkan peranan dalam masa depan kita. Mungkin peranan ini baik atau mungkin peranan ini buruk. Kalau kita abaikan mereka. Mereka menjadi ekstrem, mereka merasakan mereka ini dianaktirikan, mereka dikesampingkan maka akan lahir manusia-manusia yang membenci kerajaan kita, membenci negeri kita dan seterusnya tidak berkemungkinan bahawa mereka ini akan mungkin menjadi ISIS dan sebagainya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Machang bangun.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Ada lima belas minit sahaja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sikit sahaja, tak sampai seminit pun.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh. Jadi, apa pandangan dan setuju tak Yang Berhormat Pasir Puteh kalau kita minta pihak kerajaan melihat bahawasanya sekolah-sekolah pondok ini sebenarnya melahirkan, boleh melahirkan dan mampu melahirkan modal insan kelas pertama

di bidang keagamaan. Maka, saya setuju sewajarnya walaupun tak banyak, kerajaan menyalurkan sedikit sebanyak bantuan kepada pondok-pondok ini untuk mereka membiayai kerana mereka ini kekurangan kewangan dana bagi melahirkan modal insan daripada segi keagamaan untuk masa depan agama, bangsa dan juga negara. Setuju atau tidak?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. *Insyallah*, setuju. Baik, saya ingin masuk kepada masalah royalti kerana saya rasakan kalau saya tidak bercakap tentang royalti minyak ini, saya rasa tidak mencukupi saya bercakap, saya berada di Dewan ini kerana ini ialah tuntutan rakyat Kelantan. Tuntutan daripada pihak BN juga supaya royalti ini diberikan kepada rakyat Kelantan. Saya mendengar bahawa hujah kenapa tidak diberikan ialah kerana minyak ini dikeluarkan di luar daripada persisiran pantai, tiga *nautical mile* daripada persisiran pantai Kelantan.

Jauh, 100 kilometer di luar sana tetapi masih lagi ia berhadapan dengan persisiran pantai Kelantan, tidak di persisiran pantai Terengganu atau di lain-lain tempat. Saya melihat kepada hujah ini ada betulnya juga kerana ia ialah Akta Darurat dan apabila Akta Darurat itu dimansuhkan atau dibatalkan, darurat itu dibatalkan maka ada satu akta yang baru dibuat dua, tiga tahun lepas iaitu Akta 750 bermakna kita sudah membuat, Dewan ini sudah membuat satu perundangan bahawa hak kerajaan negeri mana-mana negeri di Malaysia ini ialah hanya tiga *nautical mile* dan ini adalah keputusan kita.

Hanya persoalan yang ditimbulkan kemudian apabila saya pergi ke Sabah oleh sahabat-sahabat di Sabah ialah keputusan itu mesti mendapat kelulusan kerajaan negeri barulah boleh diterima oleh negeri itu kerana ia membentuk suatu persempadanan baru kepada wilayah negeri itu. Jadi saya balik fikir, betul juga. Kelantan tidak pernah mengizinkan di mana-mana sidang Dewan Undangan Negeri bahawa wilayah Kelantan hanyalah setakat tiga *nautical mile*. Jadi pertembungan ini sedang berlaku, jadi saya rasa tidak ada masalah. Walau bagaimanapun kita terima sahajalah kerana ini keputusan Parlimen. Saya, kita ini lemah. Kita orang Kelantan ini lemah, kita menerima hakikat kita lemah. Kita terima sahajalah tetapi kita pelik kenapa Terengganu boleh? Dah lama sudah boleh, berbilion-bilion sudah boleh. Kenapa Terengganu pula boleh dan dikatakan royalti. Jadi ini suatu yang pelik.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Pasir Puteh, minta laluan boleh?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sebentar, sebentar. Nak cakap sikit lagi. Kemudian saya pelik lagi, saya tengok di Sabah, Sabah pun boleh. Saya tengok di Sarawak, Sarawak pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, isu royalti ini tak perlu berpanjang-panjang...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tak panjang, pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ... Kerana masih lagi dalam pertimbangan mahkamah ya.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Ya betul, sebab itu pendek sahaja. Walau bagaimanapun saya nak membawa faktor ini supaya kita dapat ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bolehlah beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Baik, baik. Terima kasih. Minyak, tentang minyak juga tetapi tidak tentang royalti, tak apa. Kita masuk tentang minyak.

■2140

Apa yang kita dapat daripada minyak ini. Yang dikatakan minyak ini satu lagi ialah tentang subsidi minyak. Kita tahu subsidi minyak ini bergantung kepada harga minyak di pasaran. Sekarang kita dengar bahawa harga minyak sudah turun kepada USD80 lebih sikit, USD84 begitu, USD *per barrel* yang sebelum ini USD115 atau USD110 *per barrel*. Ini bermakna apabila harga turun, maka subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan akan berkurangan. Dijangkakan pada tahun depan ialah pada RM23 bilion perbelanjaan yang akan digunakan oleh kerajaan untuk membiayai subsidi minyak.

Jadi, apabila harga turun maka kita jangka ia akan berkurangan. Harga pasaran menurun, maka subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan akan menurun. Mungkin sampai RM10 atau RM15 bilion sahaja yang perlu dikeluarkan oleh kerajaan kita. Jadi, persoalan saya RM10 bilion lagi entah buat apa? Sudah pasti ia akan menjadi suatu lebih kepada bajet kita yang kita rancang untuk tahun depan. Apakah yang kita hendak buat dengan RM10 bilion ini? Ini satu persoalan. Baik kita laksanakan program-program yang kita rancang.

Akan tetapi kita tahu tiap-tiap tahun, kita akan ada dua lagi *Supplementary Budget* yang mana RM5 bilion atau RM10 bilion atau lebih akan diperuntukkan pula untuk tambahan dan hujahnya ialah selalunya kerana kita dapat mengurangkan perbelanjaannya kita atau kita boleh mengangkat *income* kita daripada cukai-cukai, maka kita ada lebihan yang mana kita perlu, kita boleh belanjakan.

Inilah bahaya kita, di pihak kerajaan kah atau di pihak jabatan kah, kalau kita ada bajet ini kita mesti sempurna, *completakan*, kita habiskan bajet kita itu. Ini mesti diubah, mentaliti ini perlu diubah. Kalau bajet kita setakat itu, jangan kita lebihkan daripada bajet itu kecuali darurat berlaku. Harga minyak naik kecuali cukai kita tidak dapat dikumpulkan sebagaimana yang kita cadangkan maka kita ada defisit betul-betul. Tidak mengapa, angkatkan bawa *Supplementary Budget*. Akan tetapi kerana ada hasil yang lebih, kerana ada cukai pertambahan yang lebih, maka kita pun masih lagi hendak sempurnakan juga bajet kita. Apatah lagi hendak melebihi lagi sebagai biasalah. Berapa tahun sudah kita melebihi *Supplementary Budget* kita itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Jadi ini suatu yang bahaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh boleh gulung.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh gulung.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh gulung dah? Sikit saja sikit. Esoklah lima minit esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah, saya dah bagi masa lebih 20 minit sudah.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: 20 minit dah? Tidak sampai lagi. Tidak mengapalah kalau macam itu. Saya baru capai separuh saja. Minta maaflah kalau terlanjur, *insya-Allah* saya akan cuba tambahkan lagi dalam perbincangan-perbincangan yang lain, *insya-Allah*. Yang baik itu daripada Allah juga, yang lemah itu, yang kurang itu daripada kelemahan diri saya sendiri, minta maaf. *Aqulu kauli haza astaghfirullahuwalikum walisail muslimin assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 29 Oktober 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.44 malam]